

# LAPORAN PERSIDANGAN

## MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA

### DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG YANG KETIGA BELAS

**Tarikh : 16 NOVEMBER 2015 (ISNIN)**

**Masa : 9.30 Pagi**

**Tempat : Dewan Undangan Negeri  
Lebuh Light, George Town  
Pulau Pinang.**

#### HADIR

Bil.	Nama	Jawatan/Ahli Kawasan
1	Y.A.B. Lim Guan Eng	Ketua Menteri / Air Putih
2	YB. Dato' Law Choo Kiang	Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri
3	YB. Dato' Haji Mohd Rashid Bin Hasnon	Timbalan Ketua Menteri I/ Pantai Jerejak
4	YB. Prof. Dr. P. Ramasamy A/L Palanisamy	Timbalan Ketua Menteri II/Perai
5	YB. Chow Kon Yeow	Padang Kota
6	YB. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim	Batu Maung
7	YB. Chong Eng	Padang Lalang
8	YB. Lim Hock Seng	Bagan Jermal
9	YB. Law Heng Kiang	Batu Lancang
10	YB. Phee Boon Poh	Sungai Puyu
11	YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh	Datok Keramat
12	YB. Dr. Afif Bin Bahardin	Seberang Jaya
13	YB. Dato' Haji Maktar Bin Haji Shapee	Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri/Sungai Bakap
14	YB. Wong Hon Wai	Air Itam
15	YB. Ong Kok Fooi	Berapit
16	YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin	Penanti
17	YB. Dato' Haji Mohd. Salleh Bin Man	Permatang Pasir
18	YB. Tanasekharan A/L Autherapady	Bagan Dalam

Bil.	Nama	Jawatan/Ahli Kawasan
19	YB. Yeoh Soon Hin	Paya Terubong
20	YB. Teh Yee Cheu	Tanjong Bunga
21	YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji	Seri Delima
22	YB. Ong Chin Wen	Bukit Tengah
23	YB. Lau Keng Ee	Pengkalan Kota
24	YB. Cheah Kah Peng	Kebun Bunga
25	YB. Lim Siew Khim	Sungai Pinang
26	YB. Teh Lai Heng	Komtar
27	YB. Yap Soo Huey	Pulau Tikus
28	YB. Soon Lip Chee	Jawi
29	YB. Lee Khai Loon	Machang Bubok
30	YB. Dr. T. Jayabalan A/L A. Thambyappa	Batu Uban
31	YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid	Telok Ayer Tawar
32	YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad	Pulau Betong
33	YB. Dato' Haji Roslan Bin Saidin	Pinang Tunggal
34	YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria	Sungai Aceh
35	YB. Datuk Haji Mohd Zain Bin Ahmad	Penaga
36	YB. Omar Bin Haji Abd Hamid	Permatang Berangan
37	YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor	Sungai Dua
38	YB. Nordin Bin Ahmad	Bayan Lepas
39	YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah	Telok Bahang
40	YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman	Bertam

**AHLI-AHLI YANG HADIR MENGIKUT BAHAGIAN I BAB 3 PERKARA 6A  
PERLEMBAGAAN NEGERI PULAU PINANG.**

Bil.	Nama	Jawatan
1	YB. Dato' Seri Haji Farizan Bin Darus	Setiausaha Kerajaan Negeri
2	YB. Dato' Hajah Aliza Binti Sulaiman	Penasihat Undang-Undang Negeri
3	YB. Dato' Haji Mokhtar Bin Mohd Jait	Pegawai Kewangan Negeri

**TURUT HADIR**

Cik Maheswari A/P Malayandy - Setiausaha Dewan Undangan Negeri  
 Encik Mohd Rashidi Bin Azmi - Timbalan Setiausaha Dewan Undangan Negeri

**Dewan bersidang semula pada jam 9.30 pagi.**

**Setiausaha:**

Ahli-ahli Yang Berhormat, Yang Berhormat Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri. Bacaan doa.

**Timbalan Setiausaha:**

“Doa.”

**Setiausaha:**

Soalan lisan.

**Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman):**

YB. Dato' Speaker, soalan sembilan (9) soalan saya.

9. Pertanian di atas dan lereng-lereng bukit di Pulau Pinang:

- (a) Nyatakan bilangan tanah yang dikenal pasti telah diterokai untuk pertanian. Adakah ianya dilakukan secara sah atau haram, sila senaraikan penerokaan yang sah dan haram.
- (b) Adakah penerokaan tanah ini tertakluk kepada syarat ketinggian dari aras laut?
- (c) Nyatakan pihak yang bertanggungjawab mengeluarkan permit untuk tujuan ini.

**Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):**

Terima kasih YB. Bertam. Soalan sembilan.

Kawasan yang telah diberi kebenaran oleh Jawatankuasa Tanah Negeri bagi pertanian di lereng bukit adalah seperti berikut:

Kepada syarikat Flash Mounties Sdn. Bhd. di Lot 740 Mukim 18, Seberang Perai Tengah. Kes ditetapkan untuk sebutan di Mahkamah Majistret Municipal Bukit Mertajam pada 12 November 2015.

Kes kedua Sichuan Bin Stock Sdn. Bhd. Lot. 742 Mukim 18 Seberang Perai Tengah, fail kes masih berada di Pejabat Timbalan Pendakwaraya bagi mendapatkan izin pendakwaan.

Haiza Industry Sdn. Bhd., kes ditetapkan untuk sebutan di Mahkamah Majistret Municipal Bukit Mertajam pada 12 November 2015 bagi pihak pendakwaan untuk memfailkan ikatan dokumen pendakwaan.

Bagi kes-kes di Timur Laut banyak tertumpu di tanah persendirian di sekitar Bukit Bendera iaitu di Mukim 13, 14 dan 16. Namun, kes sama ada telah berlaku pencerobohan dan tindakan penguatkuasaan hanya dapat dilaksanakan setelah Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia dan Majlis Bandaraya Pulau Pinang selesai membuat pengukuran dan pengesahan sempadan.

Penerokaan di lereng bukit untuk makluman YB. Bertam dan juga Ahli-Ahli Dewan, adalah tertakluk kepada syarat ketinggian aras laut iaitu tidak melepas ketinggian 76 meter, kecerunan tanah kurang dari 25 darjah dan juga garis panduan sedia ada. Di dalam Rancangan Struktur Negeri Pulau Pinang 2020 juga telah menyentuh garis panduan yang perlu dipatuhi seperti berikut.

Kawasan berisiko bencana ditakrifkan sebagai kawasan yang mempunyai risiko nyata terhadap bencana alam atau bermasalah seperti mudah mengalami kemerosotan tanah yang serius apabila digangu oleh aktiviti pembangunan antaranya tanah tinggi melebihi 76 meter atau 250 kaki dan kecerunan melebihi 25 darjah.

Kedua mengekalkan kawasan yang berada di aras 76 meter atau 250 kaki dan ke atas sebagai kawasan berbukit atau kawasan alam semula jadi termasuk tanah-tanah yang diwartakan di dalam Akta Pemeliharaan Tanah 1990 iaitu Warta Tanah Bukit.

Ketiga sebarang pembangunan pembandaran yang meliputi pembangunan perumahan, perhotelan, *resort*, perdagangan dan perindustrian serta aktiviti pertanian tidak dibenarkan bagi kawasan tanah tinggi yang diwartakan di bawah Akta Pemeliharaan Tanah 1990, sebarang tanah yang berada pada aras lebih 76 meter dan kecerunan melebihi 25 darjah.

Pengeluaran kebenaran atau permit untuk sebarang aktiviti di lereng bukit adalah diurus oleh Pejabat Pengarah Tanah dan Galian dan Pejabat Daerah Dan Tanah setelah mendapat kelulusan Kerajaan Negeri.

#### **Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman):**

Soalan tambahan. Saya nak bertanya pada Kerajaan Negeri sama ada pada pihak EXCO yang berkenaan, sama ada pejabat EXCO sendiri pernah atau tidak menerima aduan mengenai hakisan dan sebagainya yang berpunca daripada penerokaan tanah-tanah pertanian ini. Terima kasih.

#### **Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):**

Terima kasih YB. Bertam. Kita ada menerima aduan dan siasatan telah dijalankan. Ada beberapa lokaliti termasuk, kalau tak salah saya di Penanti dan juga di beberapa kawasan lain dan benda ni masih lagi dalam pemantauan pihak Pejabat Daerah dan juga telah dilakukan siasatan kes-kes ini.

#### **Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Sila Telok Bahang.

**Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):**

Soalan 10. Yang Berhormat Dato' Speaker, saya tarik balik soalan itu sebab sudah ada jawapan daripada soalan itu.....(gangguan).

**Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):**

*I have to answer this question Dato' Speaker. We cannot run away from it ... (gangguan). Very short. Ini adalah satu soalan yang penting iaitu berkenaan.... (gangguan). I think this is serious matter. Is a very serious matter. Ada satu Suruhanjaya Siasatan yang telah ditubuhkan dan telah mendengar keterangan banyak saksi dan mendapati penemuan-penemuan finding-finding yang ada di sini.*

Jadi kita perlu lihat kepada isu ini dengan serius YB. Dato' Speaker. Dan saya ingat soalan ini penting iaitu adakah hasil laporan Suruhanjaya Siasatan mengenai kegagalan struktur-struktur *civil* Menara UMNO di Pulau Pinang telah siap dan bilakah akan dimaklumkan kepada orang awam.

Untuk makluman YB. Dato' Speaker, Suruhanjaya Siasatan mengenai struktur-struktur *civil* Menara UMNO di Pulau Pinang telah ditubuhkan pada 5 Julai 2013 dan siasatan ini telah dilaksanakan bermula pada 11 Oktober 2013. Laporan tersebut telah siap sepenuhnya dalam versi Bahasa Inggeris pada 20 April 2015. Kerja-kerja penterjemahan ke Bahasa Malaysia kemudiaannya telah dilakukan dan telah disiapkan pada 18 Oktober 2015. Laporan Suruhanjaya dalam versi Bahasa Inggeris dan Bahasa Melayu telah di hantar untuk diperkenankan oleh Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang dan telah diperkenankan pada 30 Oktober 2015. Laporan tersebut telah diumumkan kepada awam pada 2 November 2015 dan boleh diperolehi oleh orang awam mulai 3 November 2015. *This is the* laporan YB. Dato' Speaker untuk makluman semua Ahli-ahli di Dewan yang mulia ini. Sekian.

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Soalan tambahan. Terima kasih YB. Datok Keramat di atas penjelasan yang diberikan. Kita maklum bahawa terdapat juga kematian dan juga banyak kerosakan yang dialami akibat daripada kejadian ini. Saya ingin bertanya pendapat YB. Datok Keramat sama ada kita boleh meminta parti berkenaan, UMNO untuk menggunakan sumbangan RM2.6 bilion yang diterima oleh Presidennya untuk membayar sebahagian daripada pampasan kepada keluarga-keluarga yang terlibat.

**Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):**

Terima kasih Seri Delima untuk satu soalan yang cukup tepat kerana YB. Dato' Speaker, di dalam penemuan-penemuan yang dibuat oleh Suruhanjaya Siasatan ini terhadap kedua-dua isu iaitu Menara UMNO dan kejadian tanjakan di Jambatan Kedua memang kita dapat daripada aspek penemuan yang dibuat, ada penemuan yang mendapati pihak UMNO *liable*, bertanggungjawab kerana ada isu kecuaian dan ini kita dapat lihat daripada apa yang didapati di mana antara lain untuk Menara UMNO Suruhanjaya tersebut telah memaklumkan bahawa Lembaga Jurutera Malaysia perlu ambil tindakan tatatertib terhadap ahli-ahli mereka seperimana yang disebut saya tak perlu sebut dalam Dewan ini, tetapi laporan

tersebut dikatakan tindakan tatatertib perlu diambil terhadap mereka untuk kecuaian dan oleh yang demikian memang tepat apa seri Delima kata kerana kecuaian itu telah menyebabkan kematian dan juga kecederaan dan kerosakan berlaku dan oleh yang demikian UMNO perlu membayarnya. Saya percaya tindakan perundangan akan diambil tapi memandangkan keluarga-keluarga mereka yang terlibat ini sudah pun mengharungi satu keadaan yang begitu menyedihkan, saya harap mungkin cadangan Seri Delima itu boleh diambil kira. Jangan tunggu tindakan perundangan, ambil sebahagian daripada duit RM2.6 bilion tersebut daripada akaun Perdana Menteri, beri terus kepada mangsa-mangsa. Sekian.

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

Ulasan YB. Dato' Speaker. Di antara dapatan kajian adalah pihak Institut Jurutera Malaysia sepatutnya mengambil tindakan kepada ahli mereka. Pereka-pereka bentuk, *the designers, not UMNO, the designers*. Ambil *action* kepada mereka lalai atau pun cuai dalam mereka bentuk dan membina struktur yang berisiko tinggi. Itu yang sepatutnya diambil, bukan kepada UMNO. Yang kedua, saya juga mencadangkan kepada pihak Kerajaan Negeri *instead of* kita bergantung kepada apa yang disarankan Seri Delima mungkin kita ambil daripada *financial* yang banyak DAP dapat di Pulau Pinang ini untuk diberikan kepada mereka juga. Terima kasih.

**Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor):**

YB. Dato' Speaker, terima kasih. Jadi kegagalan struktur *civil* Menara UMNO telah berlaku dan semua pihak menyalahkan UMNO. Mana-mana pihak pun UMNO yang salah. Padahal saya rasa, macam-macam fitnahlah menyebabkan kematian dan sebagainya. Kita kena cari puncanya dan saya rasa sudah ada laporan daripada pihak penyiasat dan UMNO bukanlah kontraktor, UMNO bukan jabatan teknikal di sini...(gangguan). Sebagai soalannya, apakah langkah-langkah yang sepatutnya diambil di masa-masa yang akan datang oleh Jabatan Agensi untuk bangunan tinggi yang lain. Kita takut bangunan tinggi yang lain. Sekarang, orang salah UMNO, tapi mungkin bangunan-bangunan tinggi yang lain di Pulau Pinang, banyak bangunan tinggi, apa langkah-langkah yang diambil oleh pihak teknikal MPSP dan sebagainya dalam mengatasi masalah takut berlaku di masa-masa yang akan datang. Terima kasih.

**Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):**

Terima kasih saya ucapan kepada Pulau Betong dan juga Sungai Dua. Saya ingat yang pertama berkenaan apa yang dikatakan oleh Pulau Betong berkenaan syor yang dibuat daripada Suruhanjaya Siasatan kepada Lembaga Jurutera Malaysia supaya tindakan tatatertib diambil. Saya setuju supaya ia diambil terhadap Jurutera Rekabentuk tapi soal dia ialah Jurutera Rekabentuk ini siapa yang lantik. Siapa yang lantik Jurutera Rekabentuk ini. Jadi saya kata pihak UMNO memang bertanggungjawab secara *vicarious* dalam undang-undang. *This is the legal position in my view ...*(dengan izin) Dato' Speaker. Oleh yang demikian, saya kata mereka bertanggungjawab. Itu pendirian saya YB. Dato' Speaker.

Nombor dua (2), berkenaan Sungai Dua. Sata setuju memang ada banyak bangunan lain di Negeri Pulau Pinang dan antara syor-syornya oleh Suruhanjaya Siasatan ini kita akan ambil kira juga di mana ada beberapa syor terhadap Majlis

Bandaraya Pulau Pinang di mana memerlukan mereka menjalankan pemeriksaan struktur secara berkala, semua struktur-struktur secara berkala supaya dapat memastikan bangunan itu selamat. Memang ini di dalam laporan daripada Suruhanjaya Siasatan, Sungai Dua. Sekian.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Tanjong Bunga. Soalan.

**Ahli Kawasan Tanjung Bunga (YB. Teh Yee Cheu):**

Soalan saya soalan 11.

11. Huraikan kepentingan peranan Jawatankuasa Keselamatan Negeri dengan carta organisasinya. Apakah strategi, polisi dan fokusnya membanteras *global threats of various forms of terrorism and cyber crime* dan pengelakan impak negatif jenayah tradisional demi keseimbangan perkembangan ekonomi dan keyakinan dan ketakutan dalam masyarakat berbilang kaum, agama dan budaya.

**Timbalan Ketua Menteri I:**

Terima kasih di atas soalan daripada Tanjung Bunga. Peranan Majlis Perundingan Keselamatan dan Ketenteraman Awam Negeri Pulau Pinang adalah seperti berikut:

Pertama, menggubal dan melaksanakan strategi yang berkaitan dengan keselamatan dan ketenteraman awam di Pulau Pinang. Malah cogan kata yang diguna pakai oleh Jawatankuasa ini adalah Semua Untuk Keselamatan dan Keselamatan Adalah Untuk Semua.

Yang kedua, peranan Jawatankuasa ini ialah memberi maklumat, meningkatkan kesedaran dan komitmen termasuk melalui media cetak dan elektronik sebagai medium hebahan kepada semua pihak.

Yang ketiga, berperanan memberi khidmat nasihat keselamatan yang berkesan kepada jabatan dan juga agensi-agensi negeri.

Dan yang keempatnya, meneliti dan menganalisi *trend-trend* jenayah, *trend-trend* penyakit, bencana yang berlaku di Negeri Pulau Pinang.

Majlis Perundingan Keselamatan dan Ketenteraman Awam Negeri Pulau Pinang dipengerusikan oleh Y.A.B. Ketua Menteri. Carta organisasi Majlis Perundingan dan Ketenteraman Awam diedarkan kepada Yang Berhormat bersama jawapan ini. Jadi di dalam carta organisasi itu, termasuk kedua-dua Timbalan Ketua Menteri, YB. Setiausaha Kerajaan, Pengurus MCPF iaitu *Malaysian Crime Prevention Foundation*, Ketua Polis Negeri dan ke semua Pegawai-pegawai Daerah daripada Majlis Perbadanan dan juga Majlis Bandaraya dan pengarah-pengarah dari Jabatan Alam Sekitar, Pengarah Kesihatan, Kastam, Pengarah Bomba dan mereka yang berkaitan secara langsung mengenai tanggungjawab keselamatan dalam Negeri.

Mesyuarat Majlis Perundingan Keselamatan dan Ketenteraman Awam Negeri diadakan sebulan sekali, *once every month* dan Polis DiRaja Malaysia (PDRM) akan membuat pembentangan berkenaan dengan jenayah yang berlaku di Negeri Pulau Pinang dan tindakan yang telah dan juga yang akan di ambil oleh PDRM. Jadi strategi dan polisi juga ditetapkan mengikut jenis kes-kes yang berlaku. Ancaman global dan juga ancaman siber masih terkawal di Negeri Pulau Pinang, walau bagaimanpun Polis DiRaja Malaysia sentiasa bersiap sedia dengan apa sahaja ancaman tidak kira daripada dalam ataupun daripada luar negeri.

**Ahli Kawasan Tanjung Bunga (YB. Teh Yee Cheu):**

Soalan tambahan. Yang di-Pertua, saya ingin membangkit satu (1), bukan isu baru tapi ancaman pengganas dalam pembangunan bandar manpan dengan meningkatkan keselamatan awam. Maksud saya selain daripada mengurangkan kadar jenayah yang biasa, ancaman pengganas-pengganas *terrorism* di rantau asia juga meningkat terutamanya pelancaran pemasaran Asian yang berpotensi akan pertingkat aktiviti-aktiviti ekonomi sosial, budaya, pelancongan dengan lebih bebas ruangan-ruangnya. Maksud saya pengimportan warga asing atau termasuk yang haram mungkin akan meningkatkan aktiviti ancaman pengganas dan juga memandangkan Negeri Pulau Pinang mempunyai banyak pelaburan asing terutamanya Amerika Syarikat, UK, yang boleh menjadi sasaran pengganas. Adakah Kerajaan Negeri siap sedia menangani isu ancaman pengganas ini? Kita terdapat beberapa penangguhan aktiviti mungkin Al-Qaeda dari negara jiran. Jadi apakah tindakan akan diadakan memandangkan keselamatan adalah dasar Pulau Pinang juga.

**Timbalan Ketua Menteri I:**

Terima kasih di atas soalan tadi. Tentang keselamatan yang melibatkan perdagangan dan juga bisnes dia memfokuskan kepada kita mendapatkan data-data tersusun daripada dua (2) jabatan iaitu Kastam dan juga Imigresen. Jadi di dalam Majlis Perundingan bulanan yang dibuat kita akan mendengar laporan daripada mereka. Unit data statistik biasanya kita minta mereka untuk bersedia menjawab di dalam majlis perundingan tersebut. Kita tidak nafikan dengan apa yang berlaku pada bulan pada hari Jumaat yang lepas dan Malaysia merupakan *Chairman Asean Economic Community* sememang kita sentiasa bersiap siaga dan prihatin tentang apa indikator-indikator jika sekiranya ada perkara yang berlaku. So we should we are proactive dalam semua mengangani isu ini. Jangan bila sudah berlaku barulah kita merancang untuk menyelesaiannya.

**Ahli Kawasan Tanjung Bunga (YB. Teh Yee Cheu):**

Soalan tambahan. Terima Kasih YB. Speaker. Satu (1) soalan tambahan bahawa kebelakangan ini ada satu khabar dari Facebook mana *poison package perfume* di hantar kepada orang ramai dan ada kes di maklumkan mungkin *here say*. Saya harap Kerajaan Negeri boleh buktikan siasat di mana ada kematian selepas hisap *perfume* itu, di sedut itu di hospital kita dan memandangkan ini satu aktiviti *terrorist* juga dan satu (1) apa itu ancaman pengganas berlaku di Paris. Apakah peranan Y.A.B. Ketua Menteri sebagai Komando dalam jawatankuasa ini.

**Timbalan Ketua Menteri I:**

Dimaklumkan oleh Yang Berhormat tadi, kita akan dapatkan pendetailan daripada data-data dan jika perkara tersebut perlu untuk dimaklumkan dalam mesyuarat jawatankuasa, maka kita akan ambil tindakan sewajarnya. Terima kasih.

**Ahli Kawasan Air Itam (YB. Wong Hon Wai):**

Soalan tambahan.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Air Itam.

**Ahli Kawasan Air Itam (YB. Wong Hon Wai):**

YB. Dato' Speaker. Soalan saya baca surat khabar hari ini. *Malay news this is war of*, ini peristiwa di Paris amat menyedihkan ini merupakan serangan pengganas di *Europe* yang paling teruk paling apa mendukacitakan dan dasyat selepas Perang Dunia Kedua dan kita bersimpati dengan *solidarity* dengan rakyat-rakyat di Paris di *France*. Persoalan saya memandangkan *global trap* ini seperti soalan dari Tanjung Bunga ini dan apakah kerja-kerja ataupun program Kerajaan Negeri untuk menambahkan *resilient* di kawasan di kalangan akar umbi kerana pihak Polis sahaja tidak dapat menghadapi semua semua ancaman jenayah. *How to you increase your resilient on the ground*. Saya nampak apabila Pasukan Peronda Sukarela dipaksa untuk dibubarkan dan saya nampak walau yang apa SP Setia boleh upah Polis Bantuan. Genting boleh upah boleh bukuhan Pasukan Polis Bantuan, lagi apa lagi ada syarikat-syarikat besar boleh buat ini. Apakah inisiatif Kerajaan Negeri atas walaupun rintangan-rintangan ini semua *what is your initiative on the menambahkan resilient dengan organisasi akar umbi dan sebagainya*.

**Timbalan Ketua Menteri I:**

Terima kasih soalan daripada YB. Air Itam. Saya ada dua (2) respon kepada ini. Yang pertama, kalau dilihat daripada *global trap* ini selain daripada Kerajaan Negeri yang perlu utama adalah Kerajaan Pusat di bawah Kementerian Dalam Negeri selalunya lebih berorganisasi untuk memastikan bahawa *track* ini dapat dikenal pasti dengan lebih awal. Di dalam Negeri pula, sememangnya kita tidak nafikan segala punca yang besar tu sebenarnya bermula daripada yang sekecil-kecilnya. Jadi sebab itu Kerajaan Negeri sebelum ini pun telah proaktif dengan satu Pasukan Peronda Sukarela (PPS). Cuma malangnya, dia telah tidak dapat diteruskan, tapi kita telah mengambil inisiatif dalam tempoh setahun walaupun kita nampak berdiam diri sebenarnya kita merancang juga *our pro-activeness* dengan kita hendak menuju suatu bentuk Jawatankuasa Keselamatan yang mengambil daripada akar umbi ini daripada komuniti dan juga kampung. Sebab itu kita mengambil kira bahawa antara organisasi yang terbaik untuk kita lakukan ini adalah melalui Jawatankuasa Keselamatan dan juga Kemajuan Komuniti (JKKK).

Jadi baru-baru ini sebenarnya kita telah mengenal pasti dan telah berbincang lama dalam EXCO mengenai *legality* nya dan yang terbaik telah kita putuskan untuk kita *park* ia di bawah salah satu jawatankuasa dia dalam JKKK itu dia ada enam (6) biro-biro. Salah satunya adalah Biro Keselamatan dan Kesejahteraan Awam. Jadi sebab itu kita telah melancarkan di panggil Badan Peronda Sukarela (BPS). Jadi dia *park* di bawah JKKK dan kita akan pastikan ia dibawah ADUN-ADUN dan diurussetiakan oleh pejabat-pejabat daerah yang mana mereka akan dapat membantu daripada sekcil mana kita lihat daripada pelbagai kaum dibawah sana memastikan bahawa ada maklumat maka kita akan bawa dan membantu PDRM khususnya untuk memastikan keselamatan terkawal di daripada peringkat akar umbi. Terima kasih.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Soalan seterusnya, sila Penaga.

**Ahli Kawasan Penaga (YB. Datuk Haji Mohd Zain Bin Ahmad):**

Dato' Yang di-Pertua, soalan saya soalan nombor 12. Terima kasih.

12. Sila nyatakan jumlah peruntukan keseluruhannya yang disediakan oleh Kerajaan Negeri untuk membantu sekolah agama, sekolah aliran Cina, Tamil dan Mubaligh pada tahun 2015 dan berapakah jumlah yang diperuntukan untuk setiap jenis sekolah tersebut? Mengenai sekolah agama sila berikan senarai nama-nama sekolah agama yang menerima peruntukan tersebut?

**Timbalan Ketua Menteri II:**

Terima kasih kepada Ahli Kawasan Penaga. Jawapan saya adalah ini.

Jumlah peruntukan keseluruhan tahunan yang disediakan oleh Kerajaan Negeri untuk sekolah Agama, sekolah aliran Cina, sekolah Tamil dan Sekolah Mubaligh bagi tahun 2015 adalah sebanyak RM12 juta. Jumlah yang diperuntukkan untuk sekolah aliran Cina dan Mubaligh adalah sebanyak RM8.5 juta dan RM1.75 juta masing-masing untuk Sekolah Agama Rakyat dan Sekolah Tamil.

Dalam tahun semasa 2015, setakat ini Kerajaan Negeri telah mengagihkan RM1.69 juta kepada 174 buah Sekolah Agama Rakyat di kelima-lima daerah. Agihan tersebut berbeza antara sekolah kerana mengikut keperluan sekolah berkenaan. Senarai agihan lengkap adalah seperti lampiran yang akan diedarkan kepada Yang Berhormat. Sementara itu, baki peruntukan sebanyak RM60,000.00 akan diagihkan setelah Jabatan Hal Ehwal Agama Islam menerima program pembelajaran yang dirancang dalam tahun semasa daripada sekolah agama yang masih belum menyerahkannya lagi. Terima kasih.

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Soalan tambahan.

**Ahli Kawasan Penaga (YB. Datuk Haji Mohd Zain Bin Ahmad):**

Soalan tambahan. Dato' Yang di-Pertua, soalan saya berkaitan dengan apa yang dibaca melalui surat khabar. Satu (1) kaitan dengan rasa tidak puas hati sebahagian sekolah agama. Yang kedua, pada pagi ini saya terbaca dalam surat khabar *The Star*, di mana sekolah Cina juga tidak mendapat perhatian daripada Kerajaan Negeri. Soalan saya. Adakah Kerajaan Negeri memilih kasih dalam memberi peruntukan dalam sekolah-sekolah dalam Negeri Pulau Pinang? Adakah peruntukan pendidikan diberi berdasarkan siapa pemimpin di sekolah tersebut ataupun unsur-unsur politik diambil kira dalam pembahagian peruntukan ke sekolah-sekolah?

**Timbalan Ketua Menteri II:**

Terima kasih kepada Ahli Kawasan Penaga. Saya tidak menghairankan soalan tentang daripada sebelah sana. Sama ada kerja ini mempolitikkan peruntukan kepada sekolah-sekolah Cina, Mubaligh, sekolah Agama dan sekolah Tamil. Tetapi memandangkan bahawa tidak peruntukan seperti ini zaman Barisan Nasional jadi saya rasa Ahli Kawasan Penaga tidaklah mempersoalkan kita tentang isu ini. Apa politik? Walaupun kita memberi sumbangan lapan (8) tahun tapi kita tidak juga benarkan ke sekolah Cina, sekolah Tamil sebab ini dikalangan Kerajaan Pusat. Saya sendiri tak dijemput program rasmi di sekolah Tamil, saya tidak dijemput walaupun kita tidak diberi tahun demi tahun, walau peruntukan ini tidaklah begitu besar memang ada juga sekolah Tamil minta lebih, sekolah Agama minta lebih sekolah Cina minta lebih. Tapi semua minta lebih kerana kita minta satu keadilan kalau sekolah Cina mereka rasa gembira saya rasa dan sekolah Tamil rasa gembira dan sekolah Agama rasa gembira, jadi ini tidak ada masalah.

Saya rasa ini memang yang kita terima kita akan lihat keadaan ekonomi kita Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan kita akan teruskan menyumbangkan selama Kerajaan Pakatan Harapan ada di Pulau Pinang kita akan terus menyumbangkan sekolah-sekolah yang telah dianaktirikan oleh Kerajaan Barisan Nasional. Saya rasa untuk menjawab soalan tidak ada unsur politik langsung sebab walaupun kita tidak diterima secara terbuka di kalangan sekolah-sekolah yang saya sebut tadi, tetapi kita bantu juga tidak kisah sebab kita mementingkan anak-anak kita di sekolah di situ.

**Ahli Kawasan Sungai Acheh (YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria):**

Terima kasih YB. Perai. Tadi ada disebut tentang peruntukan untuk sekolah agama, lebih kurang RM1.6 juta diperuntukkan. Soalan saya. Adakah peruntukan sekolah Agama ini termasuk sekolah pondok, TADIKA Islam, sekolah Tahfiz? Dan berapakah peruntukan yang telah diluluskan kepada sekolah pondok, TADIKA Islam dan sekolah Tahfiz?

**Timbalan Ketua Menteri II:**

Terima kasih kepada Ahli Kawasan Sungai Acheh saya rasa butiran terperinci akan disampaikan nanti. Saya tidak akan bincang mana yang dapat sama ada sekolah pondok atau sekolah yang lain tapi perincian ini akan disampaikan kepada Ahli Kawasan Penaga yang tanya soalan ini dan Ahli Kawasan Sungai Acheh, kalau *you* perlukan maklumat yang lebih lanjut saya rasa mungkin tanya EXCO yang

sebelah kanan saya, mungkin dia boleh jawab secara terperinci kita bagi pada sekolah Agama....(gangguan). Ya, Ahli Kawasan Batu Maung kanan mana ada Ahli Kawasan Padang Kota ini kanan jadi kita tahu lah Ahli Kawasan Sungai Acheh, tidak ada keseriusan dalam soalan ini itulah persoalan saya. Bukan kita tidak mahu soalan tetapi apabila *you* buat soalan mesti buat secara relatif ini bermakna berbanding zaman dahulu dan zaman sekarang.

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Soalan tambahan. Atas isu yang sama. Terima kasih Yang Berhormat Perai yang memberi penjelasan dan saya juga tertarik dengan semua penjelasan yang diberikan. Walaupun permintaan lebih dan lebih hanya berjuta-juta dibelanjakan, saya ingin tanya. Berapakah yang boleh Kerajaan Negeri buat jikalau mendapat sumbangan RM2.6 bilion? Memandangkan soalan daripada di seberang sana semua adalah tidak cukup itu dan tidak cukup ini. Saya ingin tanya dengan duit RM2.6 bilion berapa banyakkah yang kita boleh buat bagi semua sekolah Tamil, sekolah Melayu dan sebagainya.

**Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):**

Peraturan, peraturan.

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Ini soalan Dato' Speaker.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Peraturan, saya dengar peraturan dulu.

**Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):**

Peraturan 46 (6) tiap-tiap ahli hendaklah mengehadkan buah fikirannya kepada perkara yang ditimbangkan sahaja dan perbahasan itu mestilah ada kena mengena, ya dengan kena tidak ada sebab duit apa yang bukan dalam yang dibajetkan tak ada kena mengena dalam urusan Dewan ini, sahaja nak diputar belitkan. Membuang masa Dewan. Saya masih bercakap.

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Saya boleh beri penjelasan.

**Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):**

Membuang masa Dewan.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Nanti, saya bagi.

**Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):**

Saya masih bercakap....(gangguan).

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

RM2.6 bilion tidak relevan.

**Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):**

Saya masih bercakap.

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Duit yang di Songlap.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Ahli Kawasan Seri Delima saya dengar dulu.

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

RM2.6 bilion.

**Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):**

Dato' Speaker.

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Saya ingin tanya berapa banyak kita boleh buat RM2.6 billion.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Seri Delima tak beri laluan, sila duduk. Nanti...(gangguan).

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Mana boleh duduk.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Yang lain boleh duduk dulu. Belum habis nanti.

**Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):**

Hormatlah peraturan Dewan, hormatlah Yang Berhormat Dato' Speaker.

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Saya bagi penjelasan Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar

**Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):**

Saya tidak minta penjelasan pun.

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Saya beri penjelasan relevannya Telok Ayer Tawar tak dapat ingat.... (gangguan).

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Seri Delima nanti dulu.

**Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):**

Yang Berhormat Dato' Speaker tengok bagaimana Ahli Kawasan Seri Delima tidak menghormati peraturan.

**Timbalan Ketua Menteri II:**

Relevan tidak relevan ini mesti merujuk kepada saya selain daripada Yang Berhormat Dato' Speaker....(gangguan).

**Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):**

Yang Berhormat Dato' Speaker buat penjelasan.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Bersabit RM2.6 bilion saya pun boleh memberi jalan pada Ahli Kawasan Seri Delima untuk ditanyakan selagi tiada satu (1) jumlah, andaian daripada Ahli Kawasan Seri Delima. Tetapi cuma saya nak ingatkan di sini Pulau Pinang tak ada RM2.6 bilion dalam bajet kita pun tidak ada sila fokuslah, saya try untuk jawab.

**Timbalan Ketua Menteri II:**

Saya sebenarnya, saya akur kepada Yang Berhormat Dato' Speaker, saya hormat Yang Berhormat Dato' Speaker tapi isu RM2.6 bilion ini adalah untuk perkara umum yang telah dibangkitkan di Parlimen, yang telah dibangkitkan di luar Parlimen dan dibangkitkan di Pulau Pinang. Saya rasa Ahli Kawasan Seri Delima tanya soalan itu saya rasa memang agak relevan juga, kita bayangkan kalau RM2.6 bilion ada, bayangkan bagaimana kita boleh menyelesaikan masalah sosial, masalah perumahan, masalah sekolah, masalah miskin, ini saya tidak tuduh siapa-siapa..... (gangguan).

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Peringatan kepada semualah, selagi ada Yang Berhormat sedang berucap yang lain tolong diam.

**Timbalan Ketua Menteri II:**

Sorry minta maaf Yang Berhormat Dato' Speaker kita faham saya tak menuduh siapa-siapa, cuma saya fokuskan jumlah wang RM2.6 bilion dan kita bayangkan kita mimpi apa kita akan buat dengan apa isu perumahan, isu kemiskinan kemudian sekolah-sekolah, saya rasa memang boleh selesai banyak masalah.

**Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):**

Minta izin, penjelasan Ahli Kawasan Perai. Sikit sahaja.

**Timbalan Ketua Menteri II:**

Saya habiskan dulu, ini ada satu....(gangguan).

**Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):**

Kalau kita nak impikan RM2.6 billion...(gangguan). Jangan buang masa.

**Timbalan Ketua Menteri II:**

Saya akan habiskan.

**Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):**

Jangan buang masa.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Yang lain duduk. Duduk, duduk. Kalau buat bising saya nak buat tindakan.

**Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):**

Tindakan apa Yang Berhormat.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Tindakan seperti dalam Parlimen.

**Timbalan Ketua Menteri II:**

Saya hormati Ketua Pembangkang, cuma biarkan saya habiskan kenyataan saya satu (1) atau dua (2). Itu persoalan umum kepada rakyat. Orang biasa pun tanya apa yang orang tertanya apa jadi kepada RM2.6 bilion tak salah. Saya tidak tuduh siapa-siapa, siasatan masih dijalankan melalui PAC dan sebagainya kalau siasatan akan dijalankan ataupun siasatan boleh dihabiskan, tapi saya rasa soalan, ini bukan dari segi Ahli Kawasan Seri Delima itu soalan adalah dari rakyat Malaysia jadi saya rasa RM2.6 bilion, kalau saya tak sentuh juga masalah 1MDB ini cukup besar, cukup serius dan saya rasa Dewan inilah Dewan yang sesuai untuk dibincangkan....(gangguan).

Dengan itu, saya rasa dengan panjang lebar respon kepada Yang Berhormat Seri Delima dengan ini saya rasa kalau kita ada kalau Kerajaan Negeri ada RM1 bilion sudah cukup, saya rasa Yang Berhormat Air Putih kita boleh selesai banyak masalah di Pulau Pinang. Jadi kita pun Pulau Pinang sekat dalam pelbagai segi dalam bajet pun saya rasa Pulau Pinang dianaktirikan, kalau saya rasa itu masalah terbesar dan saya rasa Pulau Pinang akan menghadapi segala masalah dan yang telah ditimpa negara ini. Terima kasih.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Ahli Kawasan Bagan Dalam seterusnya soalan.

**Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Tanasekharan A/L Autherapady):**

Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan saya ialah soalan nombor 13.

13. Adakah Kerajaan bercadang untuk menukar kawasan bukit untuk pembangunan oleh sebab kekurangan tanah di Pulau Pinang.

**Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):**

Terima kasih Ahli Kawasan Bagan dalam untuk soalan yang berbunyi adakah Kerajaan bercadang untuk menukar kawasan bukit untuk pembangunan oleh sebab kekurangan tanah di Pulau Pinang? Yang Berhormat Dato' Speaker kawasan bukit merupakan kawasan yang mempunyai kepentingan ke atas sistem ekologi dan sumber jaya yang perlu dikekalkan dan dipelihara dan diurus sebaiknya demi kelangsungan jangka masa panjang dan demi kepentingan dalam sektor pelancongan, pendidikan dan penyelidikan. Kerajaan Negeri menyedari akan isu kekurangan tanah di bahagian Pulau untuk aktiviti pembangunan serta harga yang sangat tinggi berbanding dengan di Seberang Perai. Senario pembangunan di bahagian Pulau memerlukan banyak tanah di masa hadapan bagi menampung pembangunan-pembangunan baru khususnya untuk penyediaan perumahan, infrastruktur dan kemudahan masyarakat.

Kerajaan Negeri setakat ini tidak menjadikan kawasan bukit untuk pembangunan walaupun ia merupakan kawasan alternatif yang boleh diambil bagi memastikan bekalan tanah yang mencukupi pada masa hadapan. Kerajaan Negeri hanya meluluskan pemajuan kawasan bukit sekiranya segala syarat yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Teknikal diketahui serta tidak memberi kesan yang negatif ke atas alam sekitar dan sosial. Selain itu segala pemajuan kawasan bukit juga perlu melaksanakan kajian terperinci dengan mengambil kira aspek kecerunan, topografi dan jenis kecerunan faktor geologi tanah dan lain-lain halangan di tapak. Dalam masa yang sama Yang Berhormat Dato' Speaker, usaha-usaha pengekalan kawasan-kawasan bukit juga perlu dipertingkatkan bagi memastikan sasaran kawasan hijau minimum 30% daripada keluasan negeri tercapai selaras dengan visi dan hasrat Kerajaan Negeri menjadikan Negeri Pulau Pinang sebagai satu negeri bersih, hijau, selamat dan sihat. Sekian.

**Ahli Kawasan Kawasan Tanjung Bunga (YB. Teh Yee Cheu):**

Soalan tambahan, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Berkenaan dengan pembangunan di bukit saya fikir ada satu (1) soalan saya nak tanya sekali lagi, iaitu pengondolan bukit di atas Bukit Gambir Plot 11396 dan 11395 ini adalah dua (2) lot yang telah dizonkan semula dan saya dapat satu (1) jawapan dari soalan saya pada penggal yang lalu, di mana mengikut Pelan Dasar Perancangan dan Kawalan Pemajuan MBPP 1996, Plot 11395 dizonkan sebagai perumahan tumpatan rendah, manakala Plot 11396 dizonkan sebagai tanah bukit. Tetapi terdapat kekeliruan terhadap kadar bayaran cukai tanah yang dikenakan bagi Lot 11396 iaitu berdasarkan kadar perumahan sepatutnya adalah kadar pertanian. Mengikut Pelan Dasar Perancangan dan Kawalan Pemajuan MBPP 1996 dan dizonkan sebagai tanah bukit. Walau bagaimanapun jawapannya, pemilik tanah menegaskan kadar cukai yang bayar telah ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Negeri tahun 2007 dan berhak untuk dibangunkan sebagai tujuan perumahan. Saya nak tanya adakah ini satu kesalahan yang boleh diremedikan supaya Bukit Tinggi yang digondolkan itu sudah dikenali oleh orang ramai sebagai satu pengondolan haram yang merosakkan alam sekitar.

**Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):**

Terima Ahli Kawasan Tanjung Bunga dan sebenarnya soalan ini memang sepertimana Tanjung Bunga maklum tadi telah dibangkitkan dan dijawabkan pada sesi yang lalu dan secara ringkas ingin saya nyatakan, pertanyaan sama ada ianya boleh diremedikan. Memang saya ingin umumkan bahwasanya tindakan penguatkuasaan telah pun diambil saya percaya Majlis sedang memantau langkah-langkah yang sedang diambil tuan tanah untuk meremedikan tanah tersebut.

**Ahli Kawasan Kawasan Tanjung Bunga (YB. Teh Yee Cheu):**

Maksud saya kadar cukai yang dibayar oleh perumahan telah salah ditaksirkan dikembalikan sebagai cukai tanah bukit. Dan supaya tuan tanah tidak lagi cuba mengondolkan tanah yang dizonkan tanah bukit.

**Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):**

Memang sepertimana yang katakan tadi Ahli Kawasan Tanjung Bunga tindakan penguatkuasaan memang telah diambil terhadap tuan tanah ini dan sememangnya beliau tahu bahwasanya apa yang telah dibuat tidak boleh dibuat, so itu adalah jawapan saya kepada Ahli Kawasan Tanjung Bunga.

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

Terima kasih saya hendak menjawab penjelasan Yang Berhormat Datok Keramat dalam jawapan yang saya terima juga mengatakan banyak bukit-bukit telah digondolkan. Yang Berhormat kata tadi tindakan penguatkuasaan akan diambil, setelah beberapa kali diingatkan di Dewan ini tentang masalah penggondolan bukit ini.

Adakah pihak Kerajaan Negeri membuat pemantauan berskala setiap inci bukit yang ada di Pulau Pinang ini sama ada di *land* darat ataupun udara dengan helikopter sebab ini perlu dibuat tidak guna kita mengambil tindakan setelah berlaku pemantauan dibuat, tetapi pemantauan itu lebih penting kerana ia akan menjadikan banyak masalah adakah itu diambil oleh Kerajaan Negeri?

**Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):**

Saya setuju dengan Yang Berhormat Pulau Betong yang ideal sekali. *The ideal position ... (dengan izin) would be to prevent rather than to take an enforcement ....* (dengan izin) Dato' Speaker. Dan memang saya ingat pihak pejabat tanah telah dimaklum supaya meningkatkan kadar pemantauan di kawasan-kawasan bukit di keseluruhan Negeri Pulau Pinang terutamanya pulau kerana ada banyak bukit memang kita hadapi kesukaran kerana secara fizikal tak boleh buat tadi Pulau betong kata setiap inci kita boleh cuba tingkatkan kadar pemantauan saya setuju dengan Pulau Betong.

**Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):**

Soalan tambahan Yang Berhormat....(gangguan).

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Cukup, sila Yang Berhormat Machang Bubuk.

**Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon):**

Terima kasih Dato' Yang di-Pertua, soalan saya soalan 14.

14. Senaraikan tempat/kampung di Pulau Pinang yang menghadapi masalah pengusiran penduduk oleh tuan punya tanah dengan bilangan rumah yang terlibat.

Bolehkah Kerajaan menetapkan syarat kepada tuan punya tanah untuk menyelesaikan penetapan penduduk kampung sebelum perlingkungan semula (rezoning) dapat dipertimbangkan?

Apakah usaha Kerajaan untuk melindungi/membantu penduduk-penduduk yang berdepan dengan pengusiran?

**Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):**

Terima kasih Yang Berhormat Machang Bubuk, soalan yang berbunyi:

“Senaraikan tempat di Pulau Pinang yang mempunyai masalah pengusiran penduduk oleh tuan tanah dan sama ada Kerajaan boleh tetapkan syarat pada tuan tanah untuk selesaikan penempatan pendudukan kampung sebelum perlingkungan semula ataupun *rezoning* dipertimbangkan dan apakah usaha Kerajaan Negeri untuk melindungi dan membantu penduduk-penduduk yang berdepan dengan pengusiran?”

Ini merupakan satu (1) soalan yang penting dan untuk makluman YB. Dato' Speaker Kerajaan Negeri tidak mempunyai perangkaan dan tempat bilangan rumah yang terbabit di dalam pengusiran oleh pemilik tanah persendirian kerana perkara ini melibatkan pemilikan hak-hak milik persendirian dan penduduk yang menduduki tanah tersebut. Terdapat keadaan di mana tuan tanah akan memfailkan terus dimahkamah supaya penduduk mengosongkan tanah miliknya dan Kerajaan Negeri hanya mengetahui setelah isu-isu tersebar di media. Kerajaan Negeri boleh menetapkan syarat untuk menyelesaikan penduduk setinggan sebelum perlingkungan semula iaitu *rezoning* dapat mempertimbangkan dan perkara ini telah pun dilaksanakan dalam keputusan keputusan yang dibuat Jawatankuasa Perancang Negeri.

Kerajaan Negeri juga telah menetapkan syarat supaya isu setinggan hendaklah diselesaikan terlebih dahulu oleh pemaju sebelum permohonan perlingkungan semula atau *rezoning* itu dibuat dan kebenaran merancang diluluskan bagi tujuan untuk melindungi dan membantu penduduk-penduduk yang berdepan dengan masalah-masalah pengusiran dan bagi kes di mana tuan tanah menggunakan undang-undang yang memihak pada mereka dengan terus memfailkan di mahkamah supaya penduduk mengosongkan tanah miliknya tanpa sebarang perundingan dengan penduduk tanah terlibat. Kerajaan Negeri YB. Dato' Speaker telah sedaya upaya menjadi fasilitator ataupun perantara ataupun orang tengah untuk membuat perundingan di antara tuan tanah dan penduduk tanah terbabit bagi memastikan penduduk tidak teraniaya dan tuan tanah mendapat hak mereka dengan adil secara *win-win situation* bagi kedua-dua pihak.

Sekiranya menerima permohonan membangunkan sesuatu tanah di suatu tanah yang melibatkan isu pengusiran atau pengusiran setinggan ini Kerajaan Negeri akan menangguh pertimbangan kebenaran merancang sebarang projek pembangunan di atas tanah yang terlibat selagi pampasan adil tidak diberikan kepada penduduk. Setakat ini projek-projek yang ditangguhkan di Jawatankuasa Perancang Negeri yang melibatkan isu setinggan adalah seperti yang saya lampirkan di lampiran A, sekian.

**Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon):**

Soalan tambahan...(gangguan).

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Yang Berhormat Penanti dulu.

**Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):**

Saya mempunyai soalan iaitu apakah status penduduk 78 keluarga di Mukim 9, Tanah Liat di projek perumahan PDC untuk rumah kos rendah, sederhana dan mampu milik sebanyak 9 ekar yang disebut dalam Bajet 2013 rasanya, Y.A.B. Ketua Menteri ada menyebut yang Kerajaan Negeri akan membina rumah mampu milik di situ, tetapi saya rasa dalam Bajet 2014 atau dalam Bajet 2015 perkara ini tidak dinyatakan dan jawapan bertulis yang saya terima ialah projek perumahan PDC di Penanti, tidak ada hanya ada di Batu Kawan. Jadi soalannya apa yang saya dapat maklumat daripada PDC ialah projek ini diberhentikan disebabkan masalah pengusiran ataupun pembayaran pampasan kepada 78 keluarga. Apa yang saya

dapat tahu Kerajaan Negeri sebelum ini mempunyai polisi untuk membayar RM42,000 pampasan untuk projek Kerajaan Negeri, jadi kalau sudah ada polisi dan keluarga ini dapat diberikan pampasan RM42,000 satu (1) rumah disebabkan oleh polisi ini, maknanya, sepatutnya tidak ada masalah untuk membangunkan projek PDC perumahan kos rendah, sederhana dan mampu milik di tanah Liat.

**Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):**

Terima kasih Yang Berhormat Penanti, seperti mana saya nyatakan dalam jawapan saya tadi. Polisi Kerajaan Negeri terutamanya Kerajaan Negeri, kalau Kerajaan Negeri merupakan pemajulah seperti mana dalam kes tanah liat yang disebut ini memang kita akan pentingkan status penduduk / *wouldn't say even* setinggan *because* mereka sudah duduki tanah tersebut dan kita cuba sedaya upaya untuk *either* berikan mereka pampasan ataupun menempatkan semula mereka. Saya setuju dengan Yang Berhormat Penanti, memang Kerajaan Negeri ada satu dasar Yang Berhormat Dato' Speaker, kita ada satu dasar penempatan semula penduduk Kerajaan Negeri di dalam projek-projek Kerajaan Negeri iaitu seperti mana dinyatakan oleh Penanti kita akan cuba memberi pampasan sekurang-kurang RM42,000.00 yang merupakan harga satu unit kos rendah kepada setiap penduduk dan mungkin di dalam kes ini saya percaya dalam Negeri Pulau Pinang di peringkat ini YB. Dato' Speaker dalam pengetahuan saya dalam 12 projek perumahan mampu, milik ia tidak terlibat, merangkumi juga kos rendah dan sederhana rendah tetapi ia tidak terlibat ataupun merangkumi Tanah Liat. Jadi mungkin PDC telah menangguhkan hasrat atau cadangannya untuk membangun Tanah Liat ini sementara menunggu mencapai satu (1) penyelesaian penduduk-penduduk di situ. Tapi *rest a sure* nanti bahawa kepentingan penduduk-penduduk memang akan diambil kira dalam Kerajaan Negeri Pulau Pinang di dalam apa-apa pembangunan terutamanya pembangunan dibawa sendiri Kerajaan Negeri.

**Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon):**

Soalan tambahan saya, terima kasih kepada Ahli Kawasan Datok Keramat. Saya mengalu-alukan usaha daripada Kerajaan Negeri yang membantu penduduk-penduduk tidak mempunyai hak milik tanah itu. Cuma saya tertarik pada satu usaha yang pernah dikemukakan oleh Kerajaan Negeri juga di mana berkenaan dengan urus niaga tanah-tanah seperti tanah yang dimiliki oleh syarikat 1MDB Kerajaan Negeri pernah satu ketika menyatakan akan membekukan urus niaga tanah 1MDB yang kemungkinan mempunyai unsur-unsur salah laku, so maksud saya tanah-tanah, sekiranya tanah 1MDB jika kita boleh bekukan, maka adakah kita Kerajaan Negeri boleh mempertimbangkan supaya membekukan juga tanah-tanah yang mempunyai masalah setinggan ini, supaya tuan tanah sebelum mengadakan pengusiran atau memohon perintah mahkamah untuk *vacant possession*, kita boleh membekukan urus niaga tanah tersebut sehingga mereka menyelesaikan masalah setinggan ini. Ini soalan tambahan saya, sekian terima kasih.

**Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):**

Terima kasih untuk soalan tambahan Yang Berhormat Machang Bubuk, sememangnya dalam kes 1MDB iaitu tanah di Air Itam. Kerajaan Negeri memang akan pastikan sekiranya ada apa-apa pembangunan di situ kepentingan penduduk-penduduk yang begitu ramai di atas tanah itu akan dipelihara, seperti mana Yang Berhormat Machang Bubuk sebut tadi dan seperti mana saya sentuh dalam jawapan

saya, sekiranya sesuatu pembangunan itu hendak dimajukan dilaksanakan oleh mana-mana pemaju swasta, apabila ia dimasukkan untuk perlengkungan semula di peringkat Jawatankuasa Perancang Negeri, kalau ada isu setinggan kita tidak akan masuk pun dalam pertimbangan isu teknikal, sebelum sesuatu projek masukke SPC, Jawatankuasa Perancang Negeri ia akan melalui satu jawatankuasa teknikal yang dipengerusikan oleh saya dan kita akan lihat kepada semua aspek teknikal dan tapi sebelum kita boleh sampai aspek teknikal, kalau kita dapati ada setinggan di atas tanah tersebut, maka ia perlu diselesaikan terlebih dahulu.

Selepas diselesaikan, itu polisi Kerajaan Negeri bukan selesai 90%, selesai 95%, polisi kita sekarang selesai 100% sehingga polisi itu ditukar kita akan terus dengan polisi itu iaitu *all the* penduduk ... (dengan izin) YB. Dato' Speaker *they have to be relocated, or they have to be compensated.* Itu pendirian kita jadi memang kepada soalan Machang Bubuk semua tanah-tanah lain bukan saja 1MDB semua tanah-tanah di Pulau Pinang kalau ada penduduk-penduduk di situ yang perlu ditempatkan semula, maka isu itu perlu kita tangani, tapi kita boleh tangani isu itu YB. Dato' Speaker, saya ingin nyatakan untuk kes-kes di mana pemaju masuk satu (1) permohonan untuk pembangunan kepada Jawatankuasa Perancang Negeri. Kalau sesuatu pemaju itu tidak membuat sedemikian, seperti mana saya nyatakan tadi, maka kita tiada hak untuk membekukan tanah tersebut begitu sahaja dan saya dapati bahawa mungkin ada pemaju-pemaju di Pulau Pinang yang menggunakan modus operandi ini .... (dengan izin) iaitu jangan buat apa-apa pembangunan di atas tanah kerana mereka tahu kalau hendak buat Kerajaan Negeri akan sekat mereka kalau ada setinggan dan pergi ke mahkamah untuk dapat milikan kosong, *file application vacant possession.* Saya dapati satu (1), dua (2) pemaju yang sudah pun buat sebegini. Tetapi apabila kita dapati perkara ini berlaku maka Kerajaan Negeri melalui wakil rakyat akan pergi turun padang dan cuba jadi perantara, cuba selesaikan isu ini tapi dari segi undang-undang Kerajaan Negeri tiada hak untuk halang dari pergi ke mahkamah untuk dapat satu perintah milikan kosong, Yang Berhormat Machang Bubuk.

#### **Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Seterusnya, persilakan Yang Berhormat Permatang Berangan.

#### **Ahli Kawasan Permatang Berangan (YB. Omar Bin Haji Abd Hamid):**

YB. Dato' Speaker, soalan saya soalan no. 15.

15. Implikasi dari kegawatan ekonomi global, berapa kilang yang terkesan dari kegawatan tersebut dan berapa yang telah menutup operasi atau yang mengecilkan penggunaan sumber manusia. Apakah langkah proaktif Kerajaan Negeri bila terdapat pemberhentian bilangan pekerja yang ramai.

#### **Timbalan Ketua Menteri I:**

Terima kasih kepada ahli kawasan Permatang Berangan. Soalan ini adalah mengenai dengan beberapa kilang atau syarikat yang memberhentikan pekerja-pekerja mereka. Kerajaan Negeri merujuk kepada rekod dan juga laporan daripada Jabatan Tenaga Kerja melalui kilang-kilang yang terkesan dengan isu kegawatan ekonomi global hingga memaksa mereka menutup ataupun mengecilkan operasi mereka. Kerajaan Negeri juga merujuk kepada data yang ada pada tahun 2015 ini

sebenarnya jumlah adalah lebih rendah jika dibandingkan daripada tahun 2014 ataupun 2013, di mana pemberhentian setakat ini dalam rekod mereka adalah 442 setakat ini 2015 dan 1,504 pada tahun 2014 dan 2,357 pada tahun 2013. Jadi ia dalam jumlah yang rendah, apabila kita terdapat syarikat ini walaupun dilaporkan dalam media seolah-olah begitu besar sebenarnya hanya sebahagian kecil daripada mungkin *production line* dia sahaja yang tutup dan yang mengambil alih itu adalah syarikat yang lebih besar, yang lebih menjamin lagi pekerjaan kepada mereka. Kerajaan Negeri tetap prihatin dan mengambil beberapa langkah proaktif bagi membantu rakyat sekiranya berlaku pemberhentian kerja yang ramai secara mendadak.

Antara langkah-langkah ini, kita ada tiga (3) langkah:

Yang pertama mewujudkan perkhidmatan *penang career assistant* dan *training centre* atau pun CAT yang sentiasa memberi peluang kepada penganggur untuk memberi peluang secara sementara bagi menampung perbelanjaan kecemasan mereka. Pusat ini akan mengenal pasti kemahiran dan bakat bagi setiap penganggur supaya dapat disesuaikan dengan syarikat-syarikat lain kita buat *matching* mana-mana syarikat yang memerlukan pekerja bagi tenaga kerja mereka. Pekerja yang diberhentikan boleh mendaftar di pejabat CAT iaitu di KOMTAR.

Yang kedua, kita wujudkan *smart centre* merupakan satu lagi badan yang ditubuhkan dibawah seliaan Invest Penang yang memberi perkhidmatan kepada majikan. Tadi yang pertama kepada pekerja, yang kedua kita lihat dari aspek majikan pula, yang mencari peluang pekerjaan, yang mencari peluang pasaran dan rakan perniagaan yang berpotensi dengan berbagai program, seminar, kursus dan khidmat nasihat diatur dan memberi peluang kepada pelabur yang baru dan pekerja terlibat boleh turut serta dalam program ini bagi mendapatkan maklumat dan jalinan perhubungan dengan kerjaya yang baru.

Pendekatan ketiga ialah apabila *employee* ataupun pekerja ini ia mungkin hendak cari kerja di tempat lain tapi sebenarnya itu bukan hanya satu-satu jalan tapi dia boleh berdikari untuk menjadi usahawan. Jadi langkah ketiga ialah Kerajaan Negeri mewujudkan dana teroka ataupun PTSR di bawah program usahawan menawarkan perkhidmatan pinjaman mudah kepada peniaga kecil untuk meningkatkan taraf hidup mereka. Hari ini jumlah setakat ini contohnya ada 2,000 lebih peserta PTSR dan bila kita lihat data itu pun, mereka sebenarnya sebahagian besar daripada pekerja-pekerja kilang yang telah diberhentikan itu dengan modul bayaran balik yang tidak membebankan ia mampu memberi peluang kepada pekerja terlibat untuk memulakan perniagaan secara kecil-kecilan dalam usaha untuk memulihkan semula ekonomi keluarga. Latihan perniagaan dan kursus motivasi juga disusun bagi memberi persediaan mental dan fizikal kepada ahli baru agar sentiasa bersedia dengan cabaran sekiranya mereka menjadikan perniagaan sebagai kerjaya yang baru. Terima kasih.

#### **Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Terima kasih Yang Berhormat atas penjelasan yang diberikan. Sedarkan Yang Berhormat, sebelum soalan saya bahawa penutupan kilang-kilang ini bukan sahaja terpulang kepada faktor-faktor di Pulau Pinang tetapi juga di atas kekurangan keyakinan yang berlaku di atas perkembangan-perkembangan terkini, seperti pemecatan Peguam Negara, penangkapan Pegawai-pegawai SPRM dan

banyak perkara lagi yang menggugat keyakinan pelabur-pelabur asing di atas sistem perundangan Negara Malaysia seluruhnya yang tidak boleh dikawal oleh Negeri Pulau Pinang dan juga skandal RM2.6 bilion?

Berbanding dengan Kerajaan Persekutuan, soalan saya kita lihat kita telah pun menyediakan satu pusat untuk membantu pekerja-pekerja syarikat-syarikat besar seperti Malaysian Airlines yang telah pun disingkir ataupun dipaksa meletakkan jawatan disebabkan masalah-masalah yang dihadapi oleh Malaysia Airlines. Soalan saya adakah pusat ini, Pusat CAT yang membantu pekerja-pekerja Malaysia Airlines masih lagi beroperasi? Berapakah pekerja-pekerja MAS yang telah kita bantu sehingga sekarang untuk mendapat pekerjaan asing, pekerjaan di tempat-tempat lain ataupun memulakan bantuan dana untuk memulakan perniagaan sendiri? Adakah Pusat ini akan terus beroperasi untuk membantu pekerja-pekerja syarikat-syarikat lain yang terpaksa meletakkan jawatan ataupun disingkirkan akibat tindakan syarikat-syarikat itu menutup dan pergi ke negara lain? Terima kasih.

**Timbalan Ketua Menteri I:**

Terima kasih YB. Seri Delima. Perkara yang dibangkitkan mengenai kegawatan ekonomi sememangnya tidak boleh lari daripada faktor apa yang telah dinyatakan tadi, iaitu di peringkat negara itu sendiri tentang masalah global ekonomi. Di peringkat Negeri Pulau Pinang ini daripada kes yang agak besar beberapa bulan yang lepas tentang kes iaitu pemecatan kerja daripada Malaysia Airlines lebih daripada 20 pekerja telah pun datang dan bagi pihak Kerajaan Negeri telah pun aturkan untuk mereka mendapat pekerjaan di syarikat ataupun di tempat-tempat yang lain. Dalam masa yang sama juga pihak kami telah membuat satu (1) *career fair* sebenarnya telah memanggil, kita dapat lebih daripada 12 syarikat kedua iaitu multinasional dan bukan multinasional. Kita buat di Exora Perai dan kita telah memberikan peluang untuk mendapat pekerjaan setelah mereka diberhentikan daripada beberapa buah kilang. Terima kasih.

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji A/L Autherapady):**

Soalan tambahan. Adakah Kerajaan Negeri setuju dengan tindakan pengusaha-pengusaha lebuh raya seperti PLUS yang sekarang memberhentikan pekerja-pekerjanya dan menggunakan *automated machine* seperti *touch n go* yang secara tidak langsung akan mengurangkan pekerja-pekerja di sebuah syarikat. Adakah Kerajaan Negeri boleh melakukan apa-apa untuk memaksa PLUS ataupun pengusaha-pengusaha lebuh raya seperti Jambatan Pulau Pinang untuk terus menggunakan pekerja-pekerja untuk mengutip kerana terdapat rungutan daripada pekerja-pekerja di situ bahawa semua mereka menghadapi masalah dan kemungkinan masa depan yang agak tidak begitu baik kerana akan diberhentikan kerja akibat penggunaan *automated machine* ataupun *touch n go* di semua tempat pengutipan tol. Terima kasih.

**Timbalan Ketua Menteri I:**

Terima kasih, soalan tambahan itu. *The first instant* tol tersebut sepatutnya jika telah habis kutipan tersebut konsensi tersebut sepatutnya tidak perlu diperbaharui dan para pekerja tersebut pun sebenarnya sepatutnya diatur oleh majikan bahawa akan tiba satu masa bahawa mereka harus diaturkan untuk tidak

bekerja di tol-tol tersebut kerana kalau kita lihat kepada *trend* hari ini sebenarnya mesin ataupun *automatic machine* boleh menggantikan pekerja. Jadi itu terpulang kepada majikan khususnya PLUS harus bijaksana untuk mengaturkan bagaimana memastikan bahawa mereka mempunyai pekerjaan di tempat yang lain. Terima kasih.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Sila Permatang Pasir.

**Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Dato' Haji Mohd. Salleh Bin Man):**

Terima kasih Yang di-Pertua. Soalan saya soalan nombor 16.

16. JKKK merupakan agensi Kerajaan yang berada di kalangan akar umbi masyarakat bawahan.
- (a) Sejauhmanakah program penambahbaikan JKJKK berjaya dilaksanakan dari segi pengurusan dan pentadbiran.
  - (b) Pengiktirafan secara tahunan kepada JKJKK seolah-olah gagal memberi galakan supaya meningkatkan khidmat kepada masyarakat dengan lebih baik lagi mohon pencerahan?
  - (c) Daripada hampir 300 kawasan JKJKK, ternyata masih ada yang tidak berupaya mengadakan mesyuarat bulanan, apatah lagi program khidmat kepada masyarakat. Apakah tindakan pada mereka ini?

**Timbalan Ketua Menteri I:**

Terima kasih Ahli Kawasan Permatang Pasir. Mengenai JKJKK. Apakah penambahbaikan JKJKK dilaksanakan dari segi pengurusan dan pentadbiran? Program penambahbaikan JKJKK dari segi pengurusan dan pentadbiran telah berjaya dilaksanakan dengan penganjuran kursus, bengkel dan lawatan. Antara program penambahbaikan dilaksanakan adalah seperti berikut:

Pertama menganjurkan Kursus Pemantapan Urus Tadbir JKJKK dan Penyediaan Profail Komuniti. Ini sememangnya dalam buku garis panduan dan urusetia adalah pejabat-pejabat daerah kelima-lima daerah jadi pada setiap tahun kita akan pastikan ada penganjuran kursus pemantapan urus tadbir khususnya dari segi pentadbiran kewangan dan juga urus tadbir oleh pengurus dan setiausaha.

Kedua, melibatkan JKJKK dalam penganjuran program-program anjuran Kerajaan Negeri di peringkat daerah seperti karnival-karnival yang tertentu contohnya Santai Rakyat ataupun karnival keusahawanan serta gotong-royong yang akan diadakan di peringkat JKJKK.

Ketiga, lawatan sambil belajar ke tempat-tempat ataupun negeri lain belajar daripada *structures story* daripada JKJKK di negeri-negeri lain. Dari segi pengurusan JKJKK lain dalam pemantauan kawasan dan penyelesaian masalah serta penyediaan laporan dan minit mesyuarat bulanan mereka.

Kedua, pengiktirafan secara tahunan kepada JKKK seperti Anugerah JKKK terbaik yang diperkenalkan Kerajaan Negeri mampu melonjakkan sebuah JKKK untuk meningkatkan khidmat kepada masyarakat kerana aspek penilaian dilakukan daripada pelbagai aspek termasuk perkhidmatan kepada masyarakat. Pada tahun ini penilaian dan pengiktirafan kepada JKKK terbaik kita buat di peringkat daerah. Jadi di waktu ini di peringkat daerah sedang sibuk menilai prestasi-prestasi mereka. Pengiktirafan ini secara tahunan kepada JKKK telah memberikan galakan kepada JKKK meningkatkan pentadbiran apatah lagi Kerajaan Negeri juga telah mengiktiraf sumbangan-sumbangan yang telah mereka berikan kepada Kerajaan dalam membantu masyarakat setempat. Ini dapat di lihat daripada urusan-urusan contohnya bencana alam. JKKK merupakan di antara penyelesaian terawal dimaklumkan dan turut membantu mangsa-mangsa. JKKK sering menjadi sumber rujukan dalam pemantauan kawasan terutamanya semasa kejadian bencana. Kerjasama antara JKKK dan pejabat daerah telah banyak membantu dalam penyampaian perkhidmatan kepada masyarakat yang lebih efektif. Insha Allah, pada tahun depan kita akan buat peringkat negeri bermakna daripada mana yang menang di peringkat daerah 2016 kita akan buat di peringkat negeri pula.

Ketiga, pentadbiran ini sentiasa memantau perjalanan aktiviti JKKK. Mungkin ada yang tidak menepati objektif sasaran yang tidak mengadakan mesyuarat jadi kita telah pun mengambil pendekatan bahawa jika mereka gagal membuat mesyuarat kerana mereka ditetapkan buat mesyuarat sebulan sekali, jika gagal tiga (3) kali berturut-turut tindakan akan diambil oleh Pejabat Daerah dan Tanah dan tarikhnya ialah untuk menghantar surat peringatan kepada JKKK yang terlibat dan memaklumkan kepada pejabat saya sendiri.

Seterusnya yang kedua, membekukan bayaran elaun pengurus dan setiausaha JKKK yang gagal mengemukakan minit mesyuarat selama tiga bulan berturut-turut jadi ini telah berlaku pada tahun ini. Terima kasih.

**Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):**

Soalan tambahan.

**Ahli Kawasan Penaga (YB. Datuk Haji Mohd Zain Bin Ahmad):**

Saya dulu.

**Ahli Kawasan Sungai Acheh (YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria):**

Terima kasih Dato' Speaker.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Penaga dulu.

**Ahli Kawasan Penaga (YB. Datuk Haji Mohd Zain Bin Ahmad):**

Terima kasih YB. Dato' Speaker, saya tertarik dengan soalan yang ditanya dan jawapan yang diberi oleh Pantai Jerejak. Saya ada dua (2) soalan.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Satu (1) sahaja.

**Ahli Kawasan Penaga (YB. Datuk Haji Mohd Zain Bin Ahmad):**

Satu. Okey. Soalan ketiga tadi yang ditanya oleh YB. Permatang Pasir berkaitan dengan daripada hampir 300 kawasan JKKK ternyata masih ada yang tidak berupaya mengadakan mesyuarat bulanan apatah lagi program khidmat kepada masyarakat dan jawapan yang diberi oleh Pantai Jerejak memang diakui bahawa terdapat juga JKKK yang tidak berfungsi. Soalan saya jika demikian. Bagaimanakah Kerajaan Negeri ingin melaksanakan BPS dengan berkesan? Kita tahu bahawa BPS adalah di bawah JKKK. Jika JKKK pun tidak boleh berfungsi, bagaimanakah BPS hendak menjalankan tugas mereka dengan baik. Itu soalan saya. Terima kasih.

**Timbalan Ketua Menteri I:**

Terima kasih atas soalan tambahan daripada Ahli Kawasan Penaga. Bila soalan ini di tanya JKKK, bukan JKKK yang tidak berfungsi, bukan keseluruhan tidak berfungsi malah prestasi yang ada keseluruhan dengan pada tahun ini ya, sebenarnya bukan 300 ia keseluruhan ada 293 daripada data setiap suku tahun kita akan buat mesyuarat jawatankuasa pemilihan melihat prestasi mereka. Peratus yang tidak berfungsi sebenarnya adalah kecil kalau dalam satu KADUN ada sepuluh JKKK mungkin satu (1) daripadanya yang tidak berfungsi dan sebab itu kita monitor mereka. Jadi dalam tempoh tiga (3) bulan tidak ada laporan mesyuarat yang tertera kepada pejabat daerah kita ambil tindakan satu JKKK daripada 10 JKKK di bawah satu KADUN tersebut. Jadi tidak timbul isu ia tidak berfungsi secara keseluruhan masyarakat. Berkenaan BPS ini adalah telah saya nyatakan dalam soalan yang lebih awal tadi, iaitu satu(1) KADUN kita minta untuk mereka membuat lima (5) hingga ke sepuluh (10) pasukan JKKK jadi jika ada sepuluh (10) JKKK kita boleh ambil lima JKKK yang aktif untuk mengadakan BPS tersebut di mana satu pasukan ada 15 orang, kemudian, selebihnya kita boleh maksimum kepada sepuluh (10) pasukan BPS tersebut. Jadi, daripada pemantauan kami sememangnya tidak ada masalah kerana bekas PPS yang dulu sentiasa berkobar sebenarnya, sedang nak menunggu untuk penerusan yang lebih sistematik dalam Badan Peronda Sukarela di peringkat JKKK.

**Ahli Kawasan Sungai Acheh (YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria):**

Soalan tambahan.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Sungai Acheh dulu.

**Ahli Kawasan Sungai Acheh (YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria):**

YB. Dato' Speaker, saya amat setuju dengan pandangan rakan saya. Saya juga hairan yang buat soalan ini daripada Penanti, Permatang Pasir. Permatang Pasir, sedangkan Permatang Pasir bersama-sama dalam Kerajaan Pakatan dulu

tapi Harapan saya tak tahglah dia masuk tak masuk. Dia pertikai soal JKK, menunjukkan JKK tidak berperanan. Pada diri Permatang Pasir pun tidak ada keyakinan pada Kerajaan Pakatan...(gangguan), undang-undang kalau kacau orang tengah bercakap, sila rujuk. Soalan saya Dato' Speaker, saya ulang balik. Banyak dewan-dewan JKK yang terbiar tidak bersih, rosak, ini pun JKK tidak boleh jaga, ini nak ambil mandat baru pulak nak jaga keselamatan awam....(gangguan).

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Peraturan, peraturan YB. Dato' Speaker, saya gunakan peraturan.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Peraturan apa.

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Peraturan menyakitkan hati.

**Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria):**

Ini *floor* saya....(gangguan).

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Nanti saya dengar peraturan dulu.

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Ini bukan soalan, ini menuduh. Peraturan 46(xiii) menggunakan perkataan-perkataan yang menyakitkan hati. Itu fakta. Saya nyatakan fakta. YB. Dato' Speaker saya bangkitkan peraturan, tidak baik menuduh Ahli-ahli JKK, mereka tidak ada di Dewan. Jasa keringat mereka, saya minta kenyataan itu di tarik balik.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Seri Delima, saya dengar tapi Sungai Aceh sila. Soalan.

**Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria):**

Terima kasih.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Soalan.

**Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria):**

Soalan saya, yang dewan tak boleh jaga, kenapa nak wujud yang lain pulak? Satu (1). Yang kedua Dato' Speaker, saya difahamkan, betulkah sekarang ini sedang buat pemutihan Ahli JKK, perkara ini sensitif dan oleh kerana ada

perubahan cuaca, katanya Ahli JKK yang dari kalangan PAS nak di *terminate*, nak ganti dengan Ahli JKK dengan parti baru. Parti apa?...(gangguan). Terlupa? Wahai Permatang Pasir, sedarlah wahai Permatang Pasir....(gangguan).

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

YB. Dato' Speaker, ini dah keterlaluan YB. Dato' Speaker ini bukan soalan. Apa wahai wahai? Tanya soalan la. Ini melanggar peraturan. Ini batu api ni. Sungai Aceh selalu batu api.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Soalanlah, soalan.

**Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria):**

Betulkah? kalau itu betul, sedihlah kepada Permatang Pasir. Maka Permatang Pasir kerusi masih kosong di sebelah saya. Silalah berada dengan saya....(ketawa). Terima kasih.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Pantai Jerejak, jawab sajalah.

**Timbalan Ketua Menteri I:**

Terima kasih di atas Ahli Kawasan Sungai Aceh, yang dibangkitkan ialah mengenai dengan dewan, pengurusan dewan. Cuma sebahagian kecil sahaja daripada pengurusan oleh JKK tersebut dan diberkait tentang dewan di kawasan mereka sama ada dewan itu diuruskan sama ada di pihak PBT atau *state government*, jadi sebab itulah kita nak pastikan bahawa peranan JKK dalam prestasi mereka, mereka dapat bersama dengan pejabat ataupun Kerajaan Negeri untuk menguruskan. Jadi kalau JKK yang tidak berupaya, maka kita akan mengenal pasti bahawa mereka harus diganti, kalau mereka gagal melaksanakan tugas mereka, sama-sama untuk memastikan dewan dapat diguna pakai dengan baik.

Tentang soalan yang pemutihan tadi, sebenarnya Kerajaan Negeri akan terus bersama-sama dengan peringkat JKK akar umbi untuk kita membawa satu (1) pemajuan kepada Kerajaan Negeri. Jadi, dengan apa yang berlaku pada hari ini, sememangnya kita nak memastikan bahawa di kalangan Pengerusi, Setiausaha, dan juga Ahli Jawatankuasa JKK yang terus perlu bersama untuk membangunkan Kerajaan yang ada pada hari ini. Jadi, telah kita putuskan bahawa kita bersama dengan Kerajaan Pakatan Harapan yang mana kalau mereka yang tidak dapat bersama dengan Kerajaan untuk maju ke depan, maka kita telah mengambil pendekatan untuk mereka ganti pada mereka yang boleh bersama-sama dalam JKK untuk terus membangunkan Kerajaan Negeri ini. Terima kasih.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Bayan Lepas. Sungai Aceh dah angkat dua (2) soalan. Bayan Lepas.

**Ahli Kawasan Bayan Lepas (YB. Nordin Bin Ahmad):**

Soalan saya soalan yang ke-17.

17. Sila senaraikan jumlah aduan yang diterima oleh Majlis Agama Islam berhubung masalah laungan azan di masjid dan surau? Senaraikan mengikut tahun dan daerah.

**Ahli Kawasan Batu Maung (YB. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):**

*Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Saya nak mohon Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, saya nak mohon menjawab empat (4) soalan sekali kerana keempat-empat soalan ini adalah perkara yang sama, malahan soalannya pun lebih kurang sama. Saya juga tengok Bayan Lepas tanya soalan yang lebih kurang sama dua (2) kali, tiga (3) kali. Soalannya ialah soalan Bayan Lepas, soalan nombor yang saya jawab sekarang 17, *next one* soalan 42, Bayan Lepas juga. Soalan seterusnya ialah soalan 44, soalan Sungai Aceh dan soalan yang akhir soalan Bayan Lepas juga 65. Saya mohon kebenaran Yang di-Pertua kerana semuanya berkisar permasalahan larangan pembesar suara di masjid dan surau. Yang Berhormat, boleh saya teruskan? Terima kasih.

Menjawab soalan-soalan tadi iaitu soalan nombor 17, 42, 44 dan 65. Senarai jumlah aduan yang diterima oleh Majlis Agama Islam Pulau Pinang berhubung dengan masalah laungan azan sahaja di masjid dan surau dalam tempoh empat (4) tahun (2012 - 2015) adalah seperti berikut:

Barat Daya 2012 (1),  
Seberang Perai Utara 2012 (1),  
Seberang Perai Tengah 2013 (1).

Aduan yang lain yang diterima adalah mengenai aktiviti-aktiviti lain daripada azan seperti ceramah, bacaan Al-Quran dan seumpamanya adalah:

Timur Laut 2012 (1), 2014 (1),  
Barat Daya 2013 (1),  
Seberang Perai Tengah 2013 (3).

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, untuk tambahan daripada jawapan itu tadi ialah pihak Jawatankuasa Fatwa seperitmana yang saya telah keluarkan kenyataan akhbar. Pihak Jawatankuasa Fatwa beberapa tahun yang lepas telah mengeluarkan satu (1) nasihat fatwa yang menasihati setiap masjid dan surau tidak menggunakan pembesar suara dalam bacaan-bacaan taqzim sebelum azan subuh dan pada tahun ini 2015, pihak Jawatankuasa Fatwa yang bersidang telah memutuskan untuk tidak membenarkan selain daripada azan dan iqamah menggunakan pembesar suara. Setelah keputusan ini dibuat oleh Jawatankuasa Fatwa seperti lazimnya, pihak Jabatan Mufti telah menghantar surat kepada Jabatan Agama Islam Negeri Pulau Pinang memaklumkan keputusan ini dan meminta respon daripada Jabatan Hal Ehwal Agama Islam dan juga saya telah dimaklumkan. Belum lagi ada apa-apa perancangan ataupun belum lagi ada apa-apa pemberitahuan yang dikeluarkan balik kepada pihak Jabatan Mufti dan juga belum lagi kita memutuskan untuk meneruskan fatwa ini ke peringkat seterusnya. Terima kasih.

**Ahli Kawasan Bayan Lepas (YB. Nordin Bin Ahmad):**

Soalan tambahan. Apakah pihak dalam dilihat jumlah aduan ini yang terlalu kecil. Apakah sekarang ini pihak Jawatankuasa Fatwa bercadang untuk meneruskan penguatkuasaan ataupun bercadang untuk mewartakan peraturan ini?

**Ahli Kawasan Batu Maung (YB. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):**

Menyentuh soalan tambahan daripada Bayan Lepas, saya juga agak kecewa kerana soalan yang dibangkitkan oleh Bayan Lepas menyatakan laungan azan nampaknya sudah menjadi pencemaran bunyi kepada masyarakat. Tidak timbul langsung sehingga orang-orang bukan Islam juga memuji laungan azan itu menjadi satu *time* untuk mereka tau *time* itu pukul berapa, pukul berapa. Yang telah dilaporkan ialah masalah-masalah selain daripada azan. Saya apabila saya tengok soalan ini saya rasa kecewalah datang daripada Bayan Lepas. Walau bagaimanapun, apa yang sedang kita buat sekarang, kita sedang mengadakan perbincangan di kalangan kariah-kariah masjid, macam baru-baru ini kita telah memulakan proses muzakarah dengan masjid sebagai Pusat Pembangunan Ummah dan Syiar Islam. Bukan takat pembangunan ummah, tapi syiar Islam. Syiar Islam ini adalah kita nak membentuk masjid sebagai satu (1) institusi yang bukan sahaja untuk ibadah, bukan saja untuk pembangunan orang-orang Islam tapi juga menjadi *friendly* kepada orang bukan Islam supaya ini akan menarik perhatian orang-orang bukan Islam tentang keindahan Islam.

Dato' Yang di-Pertua, hasrat Jabatan Mufti, kita tidak boleh mempersoalkan Jabatan Mufti dan juga Jawatankuasa Fatwa. Jika Jabatan Mufti dan Jawatankuasa Fatwa melihat apa-apa perkara yang tidak berjalan atas landasan yang betul, pihak Jabatan Mufti dan Jawatankuasa Fatwa mesti mengeluarkan nasihat dan juga fatwa, pandangan untuk melaksanakannya, kita terpaksa melihat secara terperinci, banyak soalan yang timbul. Adakah program-program rasmi Kerajaan, adakah pada hari jumaat apa khatib, apa khutbah, boleh buka kepada *loudspeaker* ataupun pembesar suara di luar. Perkara-perkara ini belum lagi sampai ke tahap itu. So setiap perkara yang telah diputuskan, terpaksa dilihat dalam secara benda yang besar dan bagaimanakah perkara ini dapat menyelesaikan masalah-masalah ummah. Apa pendekatan kita adalah untuk kita melihat Islam sebagai satu rahmah ataupun keindahan kepada masyarakat, bukan sahaja kepada orang Islam tetapi malahan kepada manusia sejagat. Terima kasih.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Seterusnya silakan Pinang Tunggal. Pinang Tunggal tidak ada, soalannya di tolak. Ahli-ahli Yang Berhormat, 1 jam 30 minit untuk soalan lisan telah tamat.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

Terima kasih Dato' Yang di-Pertua. Selaras dengan Peraturan 6A(1) Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang. Saya mohon supaya masa persidangan hari ini 16 November 2015 (Iasnin) dilanjutkan sehingga jam 11.00 malam.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Ahli-ahli Yang Berhormat, ada sokongan?

**Timbalan Ketua Menteri I:**

Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Ahli-ahli Yang Berhormat, Y.A.B. Ketua Menteri telah mengemukakan usul di bawah Peraturan 6A(1) untuk melanjutkan tempoh masa persidangan hari ini 16 November 2015 (lsnin) sehingga jam 11.00 malam. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju katakan "Ya." Yang tidak bersetuju katakan "Tidak."

**Ahli-ahli Kerajaan:**

"Ya."

**Ahli-ahli Pembangkang:**

"Tidak."

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Lebih suara yang bersetuju, usul dipersetujui.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri, jawapan kepada soalan-soalan lisan telah dijawab akan diletakkan di atas meja Ahli-ahli yang bertanya pada tengah hari ini ketika Dewan Undangan Negeri berhenti rehat dan akan dimasukkan di dalam pernyataan rasmi.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Ahli-ahli Yang Berhormat, sesi perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan Tahun 2016 dan Usul Anggaran Pembangunan tahun 2016. Ahli-ahli Yang Berhormat, sesiapa yang ingin mengambil bahagian dulu? Silakan Yang Berhormat Telok Ayer Tawar.

**Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):**

Terima kasih YB. Dato' Speaker. *Bismillahirahmanirahim, assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Selamat pagi dan salam sehati sejiwa. Saya mengucapkan banyak terima kasih kepada Yang Berhormat Yang di-Pertua yang telah memberi peluang kepada saya untuk berbahas tentang Rang Undang-undang Perbekalan Tahun 2016 dan Usul Anggaran Pembangunan tahun 2016. Saya ingin memulakan dengan beberapa rangkap pantun.

Menangkap udang di tepi bendang  
Naik basikal ke Nyior Sebatang  
Dewan Undangan diwajib bersidang  
Untuk membincang bajet yang dibentang.

Indah sungguh Pulau Mutiara  
Sudah tersohor sejak berzaman  
Kita semua diberi amanah yang mulia  
Untuk memelihara negeri yang aman.

Gunung Ledang Gunung Daik  
Banjaran Titiwangsa dan Bukit Midah  
Negeri diperintah BN dengan baik  
Pakatan masuk istana siap megah.

Laksamana Hang Tuah turun meminang  
Diiring rebana dengan kompong  
Laksana juadah tersedia dihidang  
Untuk dijamah sampai kenyang.

Pergi merantau ke Pekan Pagoh  
Tanam padi tumbuh lalang  
Awas ya jangan terlalu gopoh  
Nanti pula tercekik tulang.

Yang Berhormat Dato' Speaker, tidak ada sebenarnya yang perlu diakui kalah sekarang, PAKATAN kan sudah memerintah selama 7 tahun. Pisau dan mentimun ada di tangan, tepuk dada tanya selera. Semua yang dijanji itu kenalah ditunaikan. Kenyataan bahawa BN sudah mati yang dikeluarkan dalam *Facebook* Ketua Menteri yang ditulis pada 13 November 2015 adalah amat keterlaluan. Pedih betul untuk diterima, bahkan puncak keangkuhan. Ingatlah kepada yang percaya kepada Tuhan. Kuasa yang diberi itu hanyalah sementara. Satu amanah dan ujian setakat mana pemimpin itu boleh berlaku adil dan saksama....(dengan izin), *be magnanimous in victory for humanity is the virtue, winner cannot take all, losers do not loose everything*. Walaupun BN tumpas tetapi Barisan Nasional, UMNO masih wujud di dalam Dewan ini. Saya hendak minta semua wakil Ahli BN bangun. Yang Berhormat Yang di-Pertua, patah sayap bertongkat paruh, namun menunduk tidak sekali. Ikrar kami di sini selagi ada hayat dikandung badan, kami akan mempertahankan Barisan Nasional di bumi Pulau Pinang ini. Dengan izin Allah, Barisan Nasional dan UMNO tidak akan mati di Pulau Pinang. Terima kasih.

#### **Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Sila duduk.

#### **Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):**

Tidak ada katak yang lompat-lompat di dalam Dewan ini....(gangguan).

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

Penjelasan Yang Berhormat Telok Ayer Tawar.

**Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):**

Nanti, belum habis. Tidak ada katak yang melompat-lompat untuk kepentingan diri. Saya rasa Permatang Pasir setuju dengan saya. Tidak lompat ya? Itu perbedaan perbahasan sahaja. Sila.

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker dan Telok Ayer Tawar. Saya minta tadi kesempatan untuk bertanya, tidak sempat tadi. Saya ingin mengulangi sekali lagi bahwasanya soalan yang dikemukakan oleh Permatang Pasir 16 (b) dan (c) adalah menunjukkan bahwasanya beliau sendiri tidak mendapat sokongan di peringkat bawahan. Sebab itu dia risau kenapa bagi duit pun masih tidak boleh *perform* lagi. Dan semalam, 15 November PAS Permatang Pauh telah pun membuat surat menolak Permatang Pasir. Kerana apa? Kerana Permatang Pasir telah pun keluar dari Parti Pakatan Harapan. Yang Berhormat Air Putih pernah berkata telah pun memutuskan hubungan dengan Pakatan Rakyat hari ini Pakatan Harapan. Ini bermakna Yang Berhormat Permatang Pasir hari ini, saya hendak tahu kedudukannya. Adakah dia Pakatan Harapan iaitu PAN ataupun dia masih PAS. Yang pertama. Yang kedua, kalau dia masih dengan PAS, bermakna dia tidak malu kerana dia telah pun dikeluarkan sendiri oleh Ketua Menteri bawah Pakatan Harapan telah terputus...(gangguan).

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Peraturan, peraturan. YB. Dato' Speaker, saya minta Yang Berhormat tarik balik kenyataan tidak malu.

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

Okay, saya tarik balik kenyataan tidak malu.

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Dan minta maaf.

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

Saya minta maaf kalau itu mengusik hati tetapi Permatang Pasir *relax* sahaja.

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Menyakitkan hati saya.

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

Okay duduk, terima kasih. Kasihan kalau itu sakit hati, saya kata kepada orang lain, orang lain yang sakit hati. Tidak apa, Permatang Pasir. Saya tahu, ini penting. Kalau Yang Berhormat Permatang Pasir masih kekal dengan PAS, saya rasa dia telah pun ditolak oleh Pakatan Harapan, yakni sehubungan dengan Pakatan Rakyat. Kalau dia telah bersama dengan PAN sepiritmanya yang disebut dalam persidangan media....(gangguan).

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

Saya rasa kita kena tumpukan kepada bajet kerana ini Permatang Pasir tiada kaitan dengan bajet. Biar kita tumpukan bajet. Saya minta *ruling* kerana kalau ini pusing-pusing...(gangguan).

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

Saya tak pusing-pusing.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

Dia boleh pusing sampai malam ini pun tidak habis. Tadi kita lanjutkan pada pukul 11.00 malam kerana kita telah bagi setiap hari 1 jam setengah tetapi ini saya rasa tidak cukup. Tetapi kalau anda hendak berpolitik untuk pusing-pusing saya ingat, setakat itu sudah cukup. Kalau hendak pusing, sampai bila? Kita hendak sebut tentang bajet.

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

Saya hendak minta penyelesaian, YB. Dato' Speaker, sama ada Yang Berhormat Permatang Pasir ini, masih bersama dengan PAS atau PAN kerana semalam pihak....(gangguan).

**Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee):**

YB. Dato' Speaker, peraturan, peraturan. Peraturan 46, seseorang Ahli ini mesti jangan menuduh seseorang Ahli yang lain mempunyai niat yang tidak baik.

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

Saya tidak menuduh.

**Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee):**

Niat memang jahat.

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

Saya tidak menuduh.

**Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee):**

Baik atau tidak baik.

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Yang Berhormat Dato' Speaker tidak boleh dibenarkan, beliau terus menyerang.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Saya bagi perintah. Dari ucapan Ketua Pembangkang pun belum sentuh ada apa-apa yang tentang bajet dan soalan daripada Pulau Betong pun saya rasa tidak perlu kita urus dalam Dewan ini kerana hak ini terpulang kepada...(gangguan).

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Nasi goreng, nasi goreng basi.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Seri Delima, duduk. Pulau Betong saya sudah bagi.

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

Tarik balik, tarik balik. Menyakitkan hati.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Seri Delima tarik balik.

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Gentleman, saya tarik balik.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Sudah, sudah. Pulau Betong, saya pun sudah bagi peluang untuk tanya soalan yang bersabit Telok Ayer Tawar. Saya bagi nasihat kerana kali ini kita guna peraturan yang baru iaitu kita membanyakkan soalan-soalan lisan. So sekali lagi saya peringatkan kepada Yang Berhormat-Yang Berhormat mungkin soalan yang telah pun ditanya dalam soalan lisan itu akan dijawab ataupun telah dijawab itu tololnlah bila waktu perbahasan itu boleh memendekkan supaya tidak bertindih atau berulang soalan-soalan yang telah pun dijawab nanti. Peringatan. Sila Telok Ayer Tawar.

**Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):**

Baik, Tuan Yang di-Pertua, saya minta diambil kira *injury time*.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Ini kena tanya Pulau Betong.

**Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):**

Yang Berhormat Dato' Speaker, pisau dihunus untuk menikam musuh. Sebenarnya yang menghantui itu hanyalah bayang-bayang sendiri. Kita hidup di dalam negara ini dalam lingkungan dan pemantauan undang-undang. Dalam Dewan ini, kita juga berbahas di dalam lingkungan peraturan-peraturan. Jadi YB. Dato' Speaker dalam sejarah Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang belum pernah lagi pertuturan kata-kata nista yang dikeluarkan oleh Ahli dalam Dewan ini menimbulkan kemarahan sehingga menyebabkan rusuhan. Dan juga tidak perlu diberi kata nista kepada mana-mana Ahli Dewan sehingga merendahkan martabat mana-mana Ahli Dewan. Dan saya percaya kita di sini Ahli-ahli Dewan yang mulia dan Yang Berhormat dapat memelihara kedaulatan Dewan Undangan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, dengan suasana ekonomi yang begitu mencabar sekarang, rangka pembentangan bajet defisit sebagai dasar fiskal memanglah amat diperlukan bagi merancang pertumbuhan ekonomi dan keadaan ekonomi global yang menghadapi ketidakstabilan bukan sahaja menyebabkan permintaan dan harga minyak menjunam tetapi juga kesan kepada mata wang kepada beberapa negara termasuk Malaysia di mana kebergantungan kepada ekonomi kepada eksport yang menurun memberi kesan negatif kepada pendapatan negara. Terus memberi kesan domino kepada semua sektor. Negara China yang begitu pesat membangun pun terpaksa mengambil langkah menurunkan nilai mata wang dan mensasarkan pertumbuhan ekonomi yang lebih rendah.

Pulau Pinang tidak terkecuali. Kedudukan Pulau Pinang sebagai Lembah Silikon agak goyah di mana dilaporkan sebahagian daripada sembilan (9) kilang di FTZ telah diambil alih atau digabungkan dengan syarikat-syarikat lain, mungkin lebih besar. Ada beberapa syarikat yang mengurangkan tenaga kerja. Lebih kurang 1,149 pekerja telah hilang pekerjaan mereka. Ini adalah apa yang dinamakan sebagai *economic cycle the wheels of fortune...*(dengan izin). Kita mengikuti perkembangan dan pembaharuan yang sedang giat berlaku di Pulau Pinang di mana struktur ekonomi yang sekian lama diungguli oleh sektor pembuatan sebanyak 41% sekarang telah diambil diterajui pula dengan oleh sektor perkhidmatan 48.3%. Pulau Pinang menyumbangkan sebanyak 7% kepada KDNK Negara berbanding dengan negara-negara, negeri-negeri lebih maju seperti Selangor, 23.7% dan Wilayah Persekutuan yang kurang daripada kita iaitu 5.5%, Sabah 5.8% contohnya. Perak pun 5.3%. Sektor yang mencatatkan tumbuh-tumbuhan yang paling memberansangkan pada tahun 2013, adalah perkhidmatan Kerajaan yang menyumbangkan 12% daripada KDNK dan mencatat pertumbuhan sebanyak 13.2%. Manakala sumbangan oleh pemborongan, *retail* dan *trade WRT*, penggipapan dan restoran adalah sebanyak 28.2% dan mencatat pertumbuhan sebanyak 7%. Bagi *share utility*, pengangkutan dan komunikasi pula 21.3%, dan pertumbuhan sebanyak 5%. Tetapi apa yang membimbangkan, ialah sektor pembinaan yang dilihat telah menguncup sebanyak 0.5% pada tahun 2013.

Yang Amat Berhormat Ketua Menteri menyatakan bahawa diharapkan, pembinaan projek-projek infrastruktur berskala besar yang sedang dirancang dan akan dilaksanakan akan melonjak pertumbuhan sektor pembinaan. Tidak boleh dinafikan bahawa selama ini, peruntukan pembangunan oleh Kerajaan Pusat telah banyak memberi kesan yang besar ke atas ekonomi Negeri Pulau Pinang. Contohnya di bawah Rancangan Malaysia Ke10, sebanyak RM4.293 bilion telah disalurkan setakat September 2015 yang mana antara beberapa projek besar yang telah dan sedang dilaksanakan ialah pembesaran Empangan Mengkuang RM1.2 bilion. Menaik taraf Jalan Batu Maung ke Simpang Jalan Sultan Ahmad Shah RM165 juta. Menaik taraf Jalan Persekutuan dari Teluk Kumbar ke Lapangan Terbang Antarabangsa Bayan Lepas RM390 juta. Membina *flyover* merentasi Persimpangan Bulatan Batu Maung RM165.94 juta. Ini antara projek-projek mega dan lain-lain projek.

Kalau Bajet Pembangunan Negeri Pulau Pinang 2015 berjumlah RM225.5 juta, peruntukan Kerajaan Pusat untuk Tahun 2014 sahaja ialah RM1.041 bilion. Jadi inilah ya tidak boleh dipandang enteng dan ringan dan menyatakan bahawa Pulau Pinang dianaktirikan, diabaikan oleh Kerajaan Pusat. Sebenarnya memang selamanya mendapat perhatian dan peruntukan disalurkan untuk memastikan pembangunan di Pulau Pinang akan terus meningkat.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Pulau Pinang bangga mengumumkan bahawa ianya telah berjaya menarik pelaburan sebanyak RM4.33 bilion pada tahun 2015 melalui 7 buah projek. Usaha ini adalah berkat bantuan banyak pihak. Terutama sekali pihak MIDA, di mana Kerajaan Negeri telah dapat mengikuti dan turut serta setiap tahun dalam misi perdagangan dan pelaburan ke Amerika Syarikat, Singapura, Jepun, Korea, Germany, Hong Kong dan lain-lain negara. Persekutaran dan iklim pelaburan yang positif dan usaha keras, Kerajaan Pusat dan Negeri telah menjadikan Malaysia sebagai negara keenam paling *Business Friendly*.

#### **Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

Mesra Pelabur.

#### **Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):**

Di dunia dan diyakini oleh pelabur, hasilnya boleh dilihat bahawa MIDA melalui telah meluluskan RM4.3 bilion pelaburan ke Pulau Pinang. Negeri yang ketiga selepas Johor RM27 bilion dan Melaka RM6.2 bilion dari Januari hingga Jun 2015 sahaja. Dari jumlah itu sebanyak 41% adalah perluburan domestik manakala adalah 45% FDI. Kita harus berterima kasih kepada Kerajaan Pusat yang telah melancarkan dana strategik pelaburan tempatan pada Januari 2014 berjumlah sebanyak RM8 bilion untuk menggalak dan mempercepatkan anjakan syarikat-syarikat milik rakyat Malaysia dan industri berteknologi tinggi dengan pemberian geran nisbah 1:1 yang diungguli oleh Negeri Pulau Pinang. Yang mendapat dana strategik terbesar seluruh negara sehingga Ogos 2015 ini, sebanyak RM250.8 juta untuk 58 buah projek. Ini dana yang terbesar dari jumlah dana RM8 bilion tadi. Dari jumlah 58 projek yang berjaya itu, 5 projek itu sahaja adalah syarikat Bumiputera. Dengan jumlah geran sebanyak RM15.8 juta yang merupakan 6.29% sahaja. Oleh itu anggapan serta persepsi bahawa Kerajaan Barisan Nasional mengamalkan dasar yang tidak adil adalah tidak tepat sama sekali.

Perlaksanaan dana strategik pelaburan tempatan ini, membuktikan ketelusan Kerajaan Barisan Nasional untuk merangsang dan menggalakkan pertumbuhan keusahawanan sektor industri berteknologi tinggi seperti mana yang sedang dirancang oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang, selaras dengan dan memperolehi jumlah peruntukan geran yang paling besar untuk Pulau Pinang sebanyak RM250.8 juta. Dana ini telah diberi kepada syarikat-syarikat yang layak di Pulau Pinang sekali gus juga menghapuskan tohmahan bahawa Pulau Pinang dianaktirikan. Dan tidak juga bahawa ada kouta 30% untuk Bumiputera dan sebagainya. Tidak ada kouta dari segi ini kerana ini adalah rangsangan untuk pertumbuhan ekonomi berprestasi tinggi untuk menggalakkan syarikat-syarikat teknologi tinggi. MIDA menyenaraikan faktor utama yang menarikkan pelaburan ke Pulau Pinang. Dua (2) faktor utama iaitu lokasi dan kewujudan infrastruktur bertaraf dunia. Kemudahan-kemudahan jalur lebar seperti mana yang diterangkan dalam bajet yang dibentangkan.

Koridor Utara memainkan peranan besar untuk menjadi *Capitalist* yang meletakkan pusat di sini dan membantu banyak di dalam menggalak dan membantu syarikat-syarikat MNC untuk masuk di Pulau Pinang. Walau bagaimanapun, ada beberapa cabaran untuk Negeri Pulau Pinang antaranya yang disenaraikan adalah masalah utiliti, kekurangan tenaga mahir, kita masih lagi memerlukan tenaga mahir, harga tanah industri dan sewa industri yang tinggi. Yang ini memang kita akui, kilang yang mahal dan terus harga ini meningkat, kesesakan trafik yang sedang dihadapi sekarang. Kos pengeluaran yang sedang meningkat, ini antara faktor-faktor yang menyebabkan pelabur-pelabur masih memikirkan bagaimana untuk memastikan bahawa mereka dapat datang, bertapak di Pulau Pinang dengan selesa.

#### **Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

Penjelasan Yang Berhormat Telok Ayer Tawar, setelah mendengar fakta-fakta yang diberikan oleh Yang Berhormat Telok Ayer Tawar, saya hairan dan mungkin apakah pandangan selaku Ketua Pembangkang kenapa pihak Kerajaan Negeri masih tidak mahu menerima hakikat bahwasanya Kerajaan Pusat telah membantu kita dalam semua aspek dan kenapa mereka masih lagi menguar-uarkan bahwasanya kita dianaktirikan, padahal banyak sekali diberikan Kerajaan Pusat kepada Pulau Pinang. Agak-agak Yang Amat Berhormat kenapa ini berlaku lagi.

#### **Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid ):**

Saya rasa soalan itu elok ditujukan pada Air Putih untuk dijawab. Mungkin saya tak, mungkin banyak senarai yang panjang yang dimohon itu belum dapat dipenuhi, jadi Ketua Menteri dan Kerajaan Negeri merasa tak puas hatilah.

Yang Berhormat Yang di-Pertua, teguran Ketua Audit Negara. Laporan Ketua Audit Negara berkenaan pengurusan sumber eco pelancongan hutan, ada tiga (3) teguran sahaja. Saya rasa lokasi kawasan Hutan Simpan Teluk Bahang, Bukit Mertajam, Taman Negara Bukit Panchur. Kalaulah susah nak diuruskan elok dimasukkan dalam senarai kawasan pelancongan berhantu “ghost sacks” dan sebagai lokasi-lokasi cerita seram. Dulu saya ada tengok cerita satu lokasi seram di Pulau Pinang yang dimuatkan dalam *discovery* yang mana terdapat gua-gua, bangunan-bangunan peninggalan perang dunia kedua dan sebagainya. Dan artifak-artifak lama yang dipromosikan didalam kawasan seram yang boleh dikunjungi oleh pelancong.

Saya rasa akan dapat lebih ramai pengunjung ke pusat-pusat ini hutan lipur ini, bila dipromosikan sebagai kawasan berhantu dan seram daripada dan dibiarkan sahaja tanpa pengurusan yang baik. Begitu juga dengan teguran tentang perolehan bekalan perkhidmatan dibuat oleh MBPP. Saya hairan dan tak faham kenapa kontraktor yang telah lewat menyiapkan dua (2) projek MBPP berjumlah RM248,200 dalam tempoh 71 hingga 88 hari dipilih semula untuk menjalankan projek baru berjumlah RM147,700. Tak hairanlah projek baru juga lewat. Jadi terdapat pula perjanjian yang tak ditandatangani perjanjian kontrak, perjanjian yang diserah kepada kontraktor tak dikembalikan dan sebagainya. Prestasi projek kurang memuaskan, ini tegurannya, kerja tidak dilaksanakan mengikut spesifikasi dan ini adalah satu pertunjuk atau manifestasi kepada urus tadir yang lemah dan membawa kepada banyak soalan-soalan negatif.

Baru-baru ini, kita dikejutkan dengan pembinaan permainan kanak-kanak yang berbentuk khinzir di sebuah taman permainan di Padang Kota. Heboh dalam media sosial, adakah ini disebabkan kelemahan pemantauan, spesifikasi atau adakah ia disengajakan oleh pihak-pihak tertentu untuk menghina orang-orang Islam. Ini soalan ya, saya tak tuduh. Mujurlah setelah diheboh-hebohkan dalam media sosial, MBPP cepat-cepat tukar permainan tersebut kepada yang berbentuk burung.

PIHH, Yang Amat Berhormat Ketua Menteri memetik hujah Profesor Mariana Mazzucato, bahawa Kerajaan boleh menerajui pelaburan disektor berisiko yang tidak diceburi oleh sektor swasta pada masa yang sama Pulau Pinang mempunyai mantera *The Business Of Government ...*(dengan izin), *the zinc is not to get into business*. Jadi sebenarnya apa yang Mariana Mazzucato kata itu adalah pengecualian kepada mantera Ketua Menteri tadi. Tapi, adakah sebenarnya Kerajaan Negeri mengamalkan mantera tersebut.

Penubuhan PIHH Development Sdn. Bhd., walaupun adalah satu inisiatif yang dibuat pada 11 Ogos 2008, cukup murni dan baik untuk mempromosi dan menggalakkan pertumbuhan industri halal yang mempunyai potensi besar dan kita mendoakan kejayaan kepada rancangan yang projek ini. Sayangnya selepas tujuh (7) tahun, Ketua Audit Negara mendapati pada keseluruhannya tadbir urus, korporat PIHH adalah ditahap yang tidak memuaskan. Pelaksanaan projek Gelatin Halal dengan penubuhan (GH) Gelatin Hamas Sdn. Bhd. adalah kontra kepada mantera Kerajaan Negeri yang mana Kerajaan Negeri melibatkan diri dalam perniagaan.

Teringat saya kepada Teguran Ketua Audit Negara pada Bajet 2013 dahulu, tentang kelemahan pengurusan PDC Telco di mana di pengerusikan oleh Ketua Menteri sendiri, pengurusan perbelanjaan tak diurus mengikut prosedur kewangan, pengambilan kakitangan pun sama dan tata cara pengurusan syarikat tidak dijalankan dengan baik. Mujurlah PDC Telco diwujudkan sebagai sebuah monopoli kerana telah menggondol semua kerja-kerja pembinaan menara telekomunikasi di seluruh Negeri Pulau Pinang. Jadi tidak ada masalah, tidak ada sebab PDC Telco boleh rugi.

#### **Ahli Kawasan Air Itam (YB. Wong Hon Wai):**

Penjelasan. Penjelasan. Saya ada terdengar tadi Telok Ayer Tawar nyatakan Pengerusi PDC Setia Urus sapa.

**Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):**

Silap bukan Ketua Menteri ya. Sapa...(gangguan). Ahli Parlimen Jelutong. Saja nak tengok Ahli Dewan tidur ke tidak ya...(ketawa). Dalam hal PIHH Gelatin Famas Sdn. Bhd. ini, ianya satu inisiatif yang amat baik dalam menerajui industri halal terutamanya dalam pengeluaran kapsul halal yang amat diperlukan. Tetapi sejarah berulang lagi dengan Ketua Audit Negara mendapati antaranya tidak ada pengasingan peranan antara Pengerusi dan CEO atau Ketua Pegawai Operasi. Pengasingan peranan antara Pengerusi dan Pengurus Besar nampaknya Pengerusi menjadi *one man show*.

**Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):**

Penjelasan. Adakah perkara itu mungkin disebabkan di Pulau Pinang tidak ada orang yang berkelayakan atau kita sudah *brain drain* sehingga tidak ada rakyat Malaysia yang boleh mengisi jawatan tersebut.

**Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):**

Sekali lagi saya rasa Batu Maunglah kena jawab soalan itu. Tambah masalah apabila pendapatan tidak boleh menampung perbelanjaan dan syarikat terpaksa bergantung kepada geran daripada Kerajaan Negeri dan PDC. Inisiatif ini berbentuk *rental capital* dan sepatutnya ada jalan keluar setelah beberapa masa beberapa tahun ada *exit*. Jalan keluar. Tetapi tidak boleh dilaksanakan jalan keluar ini oleh kerana dan dilepaskan pegangan saham PIHH dalam PHPU. Oleh kerana masalah-masalah yang berlaku dan urus tadbir yang tidak cekap. Teringat juga saya tentang Ketua Audit Negara dahulu tentang Perbadanan Bukit Bendera yang dipengerusikan kali ini oleh Ketua Menteri, Perbadanan Bukit Bendera. Permasalahan yang sama juga timbul di mana terdapat urus tadbir yang lemah dan menimbulkan banyak masalah dan persoalan kepada kita.

**Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhammad Yusoff Bin Mohd Noor):**

Saya tertarik dengan apa yang dibangkitkan berkaitan dengan urus tadbir dan pengurusan. Cuma saya nak sentuh di sini dan minta penjelasan berkaitan dengan PBA Holding. Ini penjelasan yang amat ringkas. Mungkin dari pihak Air Putih nanti. Berkaitan dengan PBA Holding yang mempunyai Ahli Lembaga Pengarah seramai 16 orang dengan *volume* nya yang tak sebanyak dan *single purpose* ... (dengan izin) dan tidak sebanyak *business* di mana kazanah contohnya. Kazanah ini syarikatnya yang banyak dia cuma ada lapan (8) atau sembilan (9) orang Ahli Lembaga. Penjelasan ini dari segi apa keperluan sehingga sebanyak itu mungkin kosnya tinggi, pihak TNB sendiri pun tak ramai, saya ingat dalam sembilan (9) orang Ahli Lembaga, yang buat keputusan *business* yang banyak, saya takut benda ini akan berkaitan dengan pentadbiran, mengurus tadbir, kosnya tinggi dan mungkin akan, nampak macam tidak cekaplah. Nampak macam Kerajaan Negeri tidak cekap. Nak uruskan satu *single purpose company* saja pun sampai 16 Lembaga Pengarah. Ramai. *Business* bilion-bilion pun setakat lapan (8) ke sembilan (9) orang sahaja. Mungkin nak tambah bagi ramai dapat jadi Lembaga kot. Elaun banyak.

### **Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):**

Boleh saya teruskan. Ahli Sungai Dua tanya saya, saya pun kena tanya Kerajaan Negeri jugalah untuk jawab. Yang Berhormat Yang di-Pertua, dari soalan bertulis saya yang dijawab oleh Yang Berhormat Tuan Jagdeep Datok Keramat. Yang menjawab bagi pihak Ketua Menteri. Jumlah permohonan rumah berdaftar perumahan terkini di Kerajaan Negeri Pulau Pinang ialah untuk rumah kos rendah 25,878 orang, kos sederhana rendah 24,756 orang dan rumah mampu milik 7,929 orang. Jumlah rumah-rumah yang akan dibina oleh Kerajaan Negeri ialah rumah kos rendah ialah 787 unit, kos sederhana rendah 7,874 unit dan mampu milik 13,851 unit. Sekali pandang jumlah-jumlah ini jadi songsang kerana jumlah permohonan untuk rumah kos rendah melebihi berkali-kali ganda daripada jumlah yang akan dibina oleh Kerajaan Negeri. Dan rumah permohonan mampu milik yang akan ditawarkan dibina oleh Kerajaan Negeri melebihi sekali ganda daripada permohonan.

Sebenarnya dari sektor swasta, Kerajaan Pusat ini kita tadi melihat permohonan yang begitu tinggi untuk rumah-rumah terutamanya rumah kos rendah dan sederhana. Melalui agensi-agensi Persekutuan bersedia membantu menyelesaikan masalah perumahan untuk rakyat di Pulau Pinang. Contohnya agensi-agensi JKP, PERDA, UDA merancang lebih kurang 30,000 rumah yang merancang saya kata ya. Belum boleh dapat bina untuk membina rumah-rumah kepada rakyat. Bukan semua tanah ni perlu melalui pengambilan dengan menggunakan wang Kerajaan Pusat. Ada yang dibeli di pasaran biasa. Walau apapun hasrat itu untuk membantu rakyat Pulau Pinang.

Selain daripada 30,000 yang dirancang untuk dilaksanakan ini terdapat pula 22,000 yang akan dibina oleh PR1MA. Kenapa soalannya di sini kenapa tidak boleh bekerjasama, bantu membantu kalau ada yang tidak memuaskan boleh dirunding dengan baik di meja perundingan bukan di media sosial ataupun di media massa kerana saya rasa perumahan ini adalah isu yang rumit yang memerlukan kerjasama, kerjasama Kerajaan Negeri dan juga Kerajaan Pusat melalui agensi-agensi. Syarat-syarat yang ketat yang dikenakan ini rungutan yang diutarakan oleh pemohon-pemohon rakyat di Pulau Pinang. Antaranya anak kelahiran Pulau Pinang, bekerja bermastautin sekurang-kurangnya lima (5) tahun pada tarikh permohonan dibuat, berumur 21 tahun ke atas, pendapatan suami dan isteri tidak lebih RM2,500 untuk rumah kos rendah, RM3,500 untuk rumah kos sederhana rendah dan tidak lebih dari RM15,000 rumah mampu milik, RM150,000 ke atas di bawah, sorry di bawah RM150,000 RM8,000 sebulan untuk rumah mampu milik RM200,000, RM10,000 sebulan untuk rumah mampu milik RM300,000, RM12,000 untuk rumah mampu milik RM400,000. Ini jawapan diberi.

Dari jumlah permohonan ini jumlah-jumlah yang banyak ini DTL adalah yang paling tinggi diikuti oleh Daerah Barat Daya, SPU,SPT dan paling kurang di SPS. Terdapat rungutan daripada rakyat Pulau Pinang untuk mendaftar sendiri, syarat itu ketat dan perlu dipenuhi. Ada yang terpaksa berulang-ulang kali untuk datang ke Pejabat Perumahan untuk memenuhi syarat-syarat ini dan mereka menyatakan kepada saya terpaksa oleh kerana tidak boleh menunggu dah lama sangat terpaksa beli rumah di Kulim, Parit Buntar, Padang Serai dan Sungai Petani. Jadi rakyat Pulau Pinang terpaksa pergi membeli pekan-pekan jiran ya kerana lama masa menunggu dan masalah untuk memperolehi...(gangguan).

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Saya minta penjelasan. Minta penjelasan. Yang Berhormat mengatakan bahawa pegawai-pegawai Kerajaan perumahan ini tidak begitu berkesan atau tidak efisien itu merupakan tuduhan yang...(gangguan) itu kenyataan Yang Berhormat tadi mereka terpaksa menunggu yang lama. Tidak memberi persepsi yang baik. Saya minta penjelasan Yang Berhormat.

**Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):**

Saya nak jelaskan di sini, saya tidak menyatakan pegawai-pegawai tidak efisien. Itu kata-kata Seri Delima. Itu bukan kata saya. Saya kata rungutan daripada rakyat...(gangguan). Apa nak cakap banyak lagi hal itu. Suka nak putar belitkan benda.

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Jangan marah. Jangan terlalul emosi...(gangguan).

**Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):**

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, diharapkan dasar perumahan Kerajaan Negeri dapat dimuktamadkan. Setelah enam (6) tahun memerintah Kerajaan Negeri Pulau Pinang akhirnya mengumumkan dasar perumahan mampu milik pada 26 Ogos 2014...(gangguan).

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Yang Berhormat Dato' Speaker. Peraturan. Peraturan YB. Speaker. Saya peraturan yang sama 46(xiii) menggunakan perkataan-perkataan menyakitkan hati. *No, no is* peraturan Dato' Speaker.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Apa perkataan yang menyakitkan hati.

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Peraturan bahawa rakyat Pulau Pinang terpaksa membeli rumah di Pulau Pinang adalah kenyataan yang paling serius.

**Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):**

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya tak kata paksa pun, bila saya kata paksa, rujuk balik pada hansard...(gangguan).

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Itu kenyataan Dato' Speaker.

**Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):**

Saya tak kata paksa. Saya kata terpaksa oleh sebab ... (gangguan), saya tidak kata Kerajaan Negeri memaksa.

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Perkara ini diulangi banyak kali... (gangguan).

**Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):**

Kenapa nak putar belit perkataan... (gangguan).

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Selalu dimainkan. Saya tidak berpuas hati dengan kenyataan Yang Berhormat.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Seri Delima duduk. Duduk. Telok Ayer Tawar teruskan.

**Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):**

Saya cukup hormat pada YB. Dato' Speaker. Di mana dah ini. Okey. Saya bercakap tentang dasar-dasar perumahan. Akhirnya dibuat pengumuman pada 26 Ogos 2014 tentang dasar perumahan mampu milik. nisbah pemajuan *density* pengumuman dibuat pada 20 Oktober 2014. Dasar pengurusan setinggan dibuat pengumuman dan atas tanah Kerajaan, dibuat pengumuman pada 13 Oktober 2014. Memang perumahan ini merupakan perkara yang amat mencabar di Pulau Pinang dan Ahli Datok Keramat selain dari Ahli Air Putih yang menduduki kerusi yang cukup panas.

Hakikatnya permintaan begitu tinggi untuk kategori-kategori rumah kos rendah dan sederhana di kawasan-kawasan yang tertentu di DTL, SPU. Persoalannya apakah penyelesaian? Satu perkara besar di dalam isu perumahan ini ialah kemampuan atau *affordability* ... (dengan izin), 40% ke bawah rakyat ini adalah berpendapatan rendah. Kos kehidupan yang tinggi menyebabkan kuasa beli pun rendah. Harga tanah tinggi menyebabkan harga rumah naik bila digabungkan dengan kos pembinaan yang tinggi tetapi satu (1) faktor besar yang sudah pun dibangkitkan sebelum ini ialah kos-kos pasti yang dikenakan kepada pemaju pemaju untuk berurus dengan Kerajaan Negeri. Antaranya kos tukar syarat, premium-premium untuk perlengkungan semula, kos berurus dengan pejabat tanah dan Pihak Berkuasa Tempatan, fee ataupun yuran-yuran dinaikkan, kos tambahan pula dengan masalah menyelesaikan setinggan. Jadi kos-kos ini adalah kos yang perlu diperhalusi dan dipertimbangkan oleh Kerajaan Negeri untuk membantu pemaju dan menggalakkan pemaju untuk membina lebih banyak rumah kos rendah dan sederhana rendah dan perlulah dipertimbangkan pengurangan dari segi kos-kos pasti ini untuk kategori-kategori ini dan tidak boleh dirangkumi di dalam semua pembangunan. Untuk pembangunan yang mewah tentulah boleh dikenakan tambahan apa salahnya mereka untung besar.

Didapati di keseluruhan di Malaysia pun, kos dan peningkatan harga rumah di Pulau Pinang adalah tinggi berbanding dengan Kuala Lumpur. Misalannya, untuk 2014, purata harga rumah RM607,674.00 kenaikan 183.2% dari sepuluh (10) tahun yang terdahulu. Di Selangor kenaikan purata harga rumah RM437,440.00 kenaikan 192% daripada 10 tahun sebelum ini. Di Pulau Pinang purata harga rumah adalah RM336,512 kenaikan 199.6% daripada sepuluh (10) tahun sebelum ini sebab faktor-faktor tadi. Sebaliknya Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua amat menakjubkan di sini penawaran rumah-rumah mewah melimpah ruah hari kita melihat promosi rumah-rumah dalam surat khabar itu dalam *The Star the people's paper* yang bekerjasama dengan pemaju-pemaju untuk memaparkan projek-projek pembangunan yang cukup indah. Kita boleh lihat ada rumah yang dibina sampai ke gigi air, sampai dalam laut. *The Light*, kita lalu Jambatan Pulau Pinang kita boleh lihat rumah betul-betul dalam laut. Mana dia *reserve* pantai, mana dia *reserve* sungai. Yang dahulunya disyaratkan oleh Majlis-majlis Perbandaran. Saya pun tidak faham, tolong jawablah. Kenapa ada keistimewaan diberi keistimewaan pembinaan pembangunan, sampai ke dalam laut.

**Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):**

Dengan izin Yang Berhormat. Di atas jasa baik memberi peluang saya menjawab. Memang saya setuju dengan Telok Ayer Tawar. Kerusi saya memang cukup panas. Dan saya hendak bantuan daripada Telok Ayer Tawar untuk saya menyejukkannya, boleh atau tidak, boleh. Saya beri beberapa cadangan. Memang di Negeri Pulau Pinang dan di negeri-negeri bandar yang lain. *Other urban states in Malaysia*. Yang merangkumi Johor Baru, Selangor, Wilayah Persekutuan dan Pulau Pinang telah melihat kenaikan harga rumah secara mendadak baru-baru ini.

Oleh yang demikian Kerajaan Negeri Pulau Pinang mempunyai beberapa langkah untuk menyedutkan harga pasaran harta tanah yang begitu panas yang telah diumumkan dalam bajet 2015 pada bulan Disember 2014 dan antara lainnya bila kita rujuk pada projek-projek mewah, kita faham projek-projek tersebut diluluskan sebelum 2008 dan ada yang merupakan projek-projek agensi Persekutuan. Seperti JKP dan PERDA di mana ada rumah yang dikatakan mampu milik yang berharga hampir RM2 juta. Apa itu yang dikatakan mampu milik. So saya minta bantuan Telok Ayer Tawar untuk kita kerjasama runding. Tahu atau tidak YB. Telok Ayer Tawar bahwasanya saya telah beberapa kali duduk bersama JKP, duduk bersama PERDA di pejabat saya, tanya mereka, pejabat saya macam pejabat mereka yang kedua. Tahu atau tidak dan jangan kata tak kerjasama, memang saja kata tak kerjasama memang kerjasama, saya kerjasama tapi saya pohon bantuan YB. Telok Ayer Tawar,minta Barisan Nasional, Kerajaan Pusat minta kerjasama juga.

Kredibiliti, kemampuan itu, hakikat *at the end of the day the bottom line* saya tidak boleh *afford*, saya tidak boleh mampu kebanyakkan kalinya bank tidak bagi *loan*. Bank itu siapa punya hal. Kerajaan Negeri bukan, Bank Negara boleh arahkan bank-bank komersial bagi pakej yang baik kepada mereka yang pohon rumah kos rendah dan rumah kos sederhana rendah dan mampu mili, Boleh atau tidak YB. Telok Ayer Tawar bantu saya minta Gabenor Bank Negara Tan Sri Zeti yang begitu sibuk sekarang, minta boleh tolong atau tidak, tahu atau tidak YB. Telok Ayer Tawar bank pun kerjasama dengan Bank Negara Malaysia telah jumpa saya dua (2) minggu lalu dan kita akan adakan bengkel-bengkel. Jangan kata tidak kerjasama, memang *my office is always open, I practice open door policy*. Jangan politikkan

perumahan. Kerana Isu nak rumahkan orang ini tidak boleh libat politik sama ada Barisan Nasional atau Pakatan Harapan Rakyat. Selagi saya ada di sini, saya akan pastikan sedaya upaya saya beri satu rumah kepada mereka yang mereka mampu.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Yang lebihnya semasa penggulungan.

**Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):**

Bila dikatakan tadi kita punya angka itu terbalik apa yang dikatakan tadi, jumlah apa yang dirujuk oleh Telok Ayer Tawar kalau *double check is* jumlah rumah kos rendah dan kos sederhana rendah mampu milik yang disediakan oleh Kerajaan Negeri, itu tidak merangkumi oleh pihak swasta juga dan biar saya jelaskan dengan jelas di sini, nyatakan dengan jelas di sini bahawa memang kita *track* pembangunan rumah jenis kos rendah, rumah kos sederhana rendah berbanding dengan permohonan yang kita ada *just refer to* Kerajaan Negeri angka adalah tidak tepat. Memang kalau kita lihat pada Kerajaan Negeri tidak ada lebih dari 22,00 unit rumah kos rendah dan mampu milik. Mungkin kos rendah daripada kita adalah dalam lingkungan 400, 500 dan kos sederhana rendah 7,000. Yang *balance* mampu milik. Tapi swasta telah pun membekalkan pada pasaran harta tanah kita kos rendah hampir 8,000 unit dan ini yang telah dibina dan akan dibina dalam lima ribu unit. Nanti dalam gulung saya akan beri angka-angka yang lebih tepat. Terima kasih.

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Haji Sr. Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

Penjelasan YB. Telok Ayer Tawar dan ini ada hubungan dengan YB. Datok Keramat. Saya banyak sebenarnya menulis surat minta bantuan Datok Keramat tentang isu perumahan bersetujukah Datok Keramat dan bersetujukah Telok Ayer Tawar disebabkan kekangan pembiayaan oleh bank-bank kerana mensyaratkan, meletakkan syarat sehingga tidak memungkinkan pemohon atau pembeli rumah kos rendah tidak boleh membeli kerana syaratnya ketat. Mungkin saya cadangkan kepada Yang Berhormat Datok Keramat supaya Kerajaan Negeri sebab mempunyai lebihan bajet yang banyak, supaya menubuhkan tabung khas oleh Kerajaan Negeri untuk memberi pembiayaan khusus kepada rumah-rumah, pembeli rumah-rumah kos rendah yang memang menghadapi masalah mendapat pembiayaan oleh bank-bank. Sebab ini adalah perkara yang serius sebab bakal-bakal pembeli berjumpa dengan saya menyatakan mereka ada *offer* tapi bila pembeli pergi bank tidak lulus dan sebagainya. Mungkin Kerajaan Negeri boleh menyediakan peruntukan khas untuk sebagai tabung untuk pembelian rumah kos rendah di Negeri Pulau Pinang ini.

**Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):**

YB. Dato' Speaker, *is just very short reply anyway*. Saya ingat tempoh hari saya telah jawab Pulau Betong *same question* apabila minta tabung diperuntukkan. *My response is very easy* Dato' Speaker, kita bayar cukai kepada Kerajaan Pusat hingga kita sampai satu (1) hari di mana cukai itu boleh kita bayar kepada Kerajaan Negeri mungkin itu boleh kita pertimbangkan. Kita bayar cukai kepada Kerajaan Pusat untuk apa. *No to make such a suggestion* YB. Pulau Betong, *please make some constructive suggestion*.

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Haji Sr. Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

*Can I.*

**Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):**

*No, wait. Saya minta bantuan sejukkan kerusi panas saya ini. Tadi beri beberapa cadangan. Cadangan mesti lebih constructive, one more cadangan saya beri kepada YB. Dato' Telok Ayer Tawar, sedarkah bahawa ekonomi kita sekarang disabotaj oleh Kerajaan Pusat. Tahu atau tidak. Kalau tidak tahu saya beritahu. Tak tahu. Di dalam Pulau Pinang, ada beberapa pemaju yang dari tahun dahulu telah memohon untuk advertising permit dan developer's license. Permit iklan dan lesen pemaju. Pulau Betong akan tahu semua ini. Daripada 81 masih ada 47 yang tertunggak. Nak dapat kelulusan APDL ini dua (2) minggu punya cerita. It is online punya application. What is required diperuntukkan di bawah undang-undang. Tapi 47 ini ada diatas kerusi Menteri kerana permohonan ini adalah daripada Pulau Pinang. Walau pun semua syarat yang perlu dipatuhi telah dipatuhi. Dan kalau saya beritahu CDV The Cross Development Value 47 projects yang merangkumi juga projek perumahan mampu milik, berbilion ringgit, berpuluhan bilion ringgit, Dato' Telok Ayer Tawar yang dapat menjana ekonomi Pulau Pinang dan kalau balik pada perumahan beri rumah kos rendah, kos sederhana rendah dan mampu milik kepada rakyat Pulau Pinang. Boleh kah Telok Ayer Tawar cuba sejukkan kerusi yang panas saya ini dan minta bantuan APDL ini lepas sidang DUN semua diluluskan.*

**Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):**

Terima kasih Datok Keramat. Datok Keramat ini sebenarnya minta kita belah sini selesaikan semua masalah yang ada di dalam Dewan. Isu perumahan ini sebenarnya ada banyak cangkir-cangkir air yang ada untuk sejukkan kerusi Datok Keramat. Antaranya ialah tabung MyHome. Tabung MyHome yang diwujudkan oleh Kerajaan Pusat adalah cangkir air itu nak bagi sejukkan mudah-mudahan dapat bantu rakyat. Pemaju, nak bantu pembinaan rumah dan rakyat membeli rumah di mana diberikan geran peruntukan kepada pembeli sebanyak 30% untuk membeli rumah dan pemaju-pemaju kena buat permohonan ini pada Kementerian Perumahan. Ahli Datok Keramat sedar tentang tabung MyHome. Saya dimaklumkan bahawa di Pulau Pinang tidak ada satu pun permohonan untuk Skim MyHome. Mungkin satu projek sedang diproseskan di Kepala Batas tapi memandangkan Tabung ini dana yang besar tetapi kita tak mengakseskannya. Saya tidak tahu mungkin Datok Keramat boleh menjelaskan apa yang menyebabkan pemaju-pemaju tidak mahu memohon Skim MyHome kerana ia dapat membantu mengurangkan kos kepada pembeli dan maknanya pembeli hanya membayar 70% daripada harga rumah.

**Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee):**

Penjelasan. YB. Dato' Speaker, izinkan saya nak tanya Telok Ayer Tawar sama ada Telok ayer Tawar fahamkah apa yang Datok Keramat bagi cerita bahawa memang ada banyak pemaju-pemaju yang mereka bina rumah-rumah kos rendah, rumah-rumah kos sederhana rendah dan mampu milik di mana mereka tengah mendapat kelulusan pelan merancang dan juga kelulusan pelan bangunan daripada MBPP dan MPSP. Terdapat sebanyak 12 projek di sini merujuk soalan saya dan jawapan di sini yang dijawab oleh Kerajaan Negeri terdapat 12 projek, tiga (3) projek

rumah kos rendah 339 unit, lima (5) projek rumah kos sederhana rendah terdapat sebanyak 1,937 unit dan empat (4) projek rumah mampu milik terdapat 3,005 unit. Kesemua ini 12 projek ini sudah memperolehi Kelulusan Kebenaran Merancang tetapi kerana tidak dapat kelulusan daripada APDL, siapa yang pegang APDL ini? Siapa tahu? Tidak tahukah? Siapa yang pegang APDL, mengapa menyusahkan dan tidak mahu beri kelulusan APDL ini? Dan banyak lagi rakyat yang miskin dan ingin memohon rumah-rumah tersebut. Kalau APDL tidak keluar pemaju tidak boleh membina walaupun senarai-senarai nama penduduk telah dihantar kepada Jabatan Perumahan.

**Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):**

Terima kasih Yang Berhormat.

**Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee):**

Saya belum habis, sikit lagi. Saya minta laluan.

**Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):**

Saya tidak bagi laluan...(gangguan).

**Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee):**

Sikit, sikit.

**Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):**

Cukuplah. Dia mengulangi apa yang telah disebut tadi.

**Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee):**

Ini adalah kerana keperluan daripada rakyat miskin. Kalau hendak membantu rakyat miskin, maka APTL perlu dikeluarkan dan diluluskan. Ini isu pokok yang penting.

**Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):**

YB. Dato' Speaker, tadi kata isu ini hangat, janganlah hangat di Jawi pula, Datok Keramat sudah hangat. Sebenarnya semua hendak membantu rakyat, banyak pihak hendak membantu dengan membina rumah, jadi Kerajaan Negeri kena membantu sebab kalau tadi kata beberapa projek tersangkut, Kerajaan Pusat pun banyak projek yang sangkut. Sama-sama kita duduk dan berunding bagaimana kita boleh bantu-membantu untuk rakyat.

**Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):**

Biarkan saya jelaskan satu perkara di sini Telok Ayer Tawar, saya perlu jelaskan di sini, apabila saya *when I correspond*. Saya berurusan dengan Kementerian KPKT, Dato' Rahman Dahlani, saya percaya dan beranggapan beliau mungkin tidak mempunyai fakta yang betul kerana dia telah secara berterus-terang, langsung menyatakan kita tidak mahu bagi APTL kerana Kerajaan Negeri tidak

mahu meluluskan JKP dan PERDA. Beliau kata begitu, walhal YB. Dato' Speaker, itu bukan kes dia, dalam kes JKP dan PERDA, ada sebab-sebab mengapa projek itu tidak boleh diluluskan. Yang pertama, ia dikatakan mampu milik rumah kos rendah dan sederhana tetapi apabila kita semak ianya tidak. *Let me explain, because you cannot just make that statement and get away with it*, Dato'. Please give me the opportunity untuk jelaskan, *it is not fair to say* kerana kita tidak luluskan. Saya hendak beritahu mengapa ia tidak diluluskan, ada sebab-sebabnya. *Let me finish, it wont be long, another two minutes.*

**Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):**

YB. Dato' Speaker, *it is my floor now.*

**Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal singh):**

*No, no I put the fact ringt...(gangguan).*

**Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):**

Dato' Speaker, *my floor.*

**Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal singh):**

Antara JKP projek itu saya yang bantu supaya ianya dapat diluluskan. YB. Telok Ayer Tawar tahu atau tidak daripada enam (6) projek JKP yang tertunggak itu, saya telah bantu mereka uruskan dan empat (4) telah diluluskan.

**Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):**

Bantulah untuk luluskan kesemua...(gangguan).

**Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal singh):**

Saya telah beritahu Dato' Rahman Dahalan fakta yang betul, sila luluskan APTL...(gangguan)

**Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):**

Kalau marah Dato' Rahman Dahalan, jangan marah saya. Seperti kata YB. Jawi, jangan *push* putar belitkan di sini.

**Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):**

Tidak putar belitkan YB. Dato' Speaker. Saya pun malas hendak cakap pasal perumahan ini.

YB. Dato' Speaker, saya hendak pergi ke isu Pembangunan Belia. Generasi muda di bawah umur 40 tahun merupakan bilangan rakyat yang besar. Jika pemuda harapan bangsa pemudi tiang negara, belia adalah pewaris nusa. Oleh itu perlu ada satu (1) perancangan dan bimbingan yang diberi kepada mereka. Pembangunan belia adalah penting dan harus dimasukkan di dalam agenda perancangan pembangunan Negeri. Tetapi saya melihat dalam bajet yang telah

dibentangkan pada 6 November yang lalu, tidak ada langsung yang disebutkan tentang pembangunan belia. Bahkan peruntukan besar RM800,000 diberi kepada MMK Wanita, RM1.5 juta kepada PWDC tetapi tidak ada langsung pengumuman peruntukan untuk Majlis Belia Negeri.

Pada tahun 2014, sejumlah RM300,000 telah diberi kepada Majlis Belia Negeri Pulau Pinang, bahkan Majlis Belia Negeri ini mendapat bantuan peruntukan daripada Kerajaan Negeri sejak tahun 80an lagi. Kita telah membantu semasa saya menjadi EXCO Belia dulu, untuk membina bangunan untuk mereka bertapak di Kompleks Masyarakat Penyayang. Bila ada pusat pembangunan ini perlu ada peruntukan untuk pengurusan, *maintenance* dan sebagainya. Peruntukan yang disediakan daripada Kementerian Belia selama ini tidak mencukupi kerana MBN perlu menanggung kos pengurusan kakitangan, menyelenggara bangunan dan membantu aktiviti-aktiviti 26 persatuan belia yang dinaunginya. Pulau Pinang dikatakan telah sepertimana dikatakan oleh Majlis Belia Negeri bahawa Pulau Pinang telah meminggirkan mereka atas sebab-sebab yang Ketua Menteri dan YB. Padang Lalang sahaja yang ketahui. Kita dapat bahawa apa pun sebabnya adalah tidak munasabah kerana kita perlu membantu Majlis Belia Negeri kerana Pakatan Harapan selalu melaung-laungkan hak kebebasan untuk semua, janganlah dipinggirkan Majlis Belia Negeri kerana ada hal-hal yang dipolitikkan.

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Minta laluan Yang Berhormat Telok Ayer Tawar.

**Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):**

Tiada laluan, terima kasih. Jangan mengamalkan dasar politik yang sempit yang tidak selari dengan apa yang diuar-uarkan oleh Kerajaan CAT.

**Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):**

Penjelasan.

**Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):**

Jawab semasa menggulung nanti.

**Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):**

Saya rasa sekiranya ada fakta yang tidak betul saya boleh jelaskan. Seperti YB. Telok Ayer Tawar pun tahu apabila kami menjadi Kerajaan di Pulau Pinang, sebenarnya wanita pun ada *department* di sini, di negeri, tetapi memang Hal-Ehwal Wanita Pulau Pinang pun kata bahawa *you* sekarang sudah jadi Kerajaan, *you* juga hal ehwal wanita. Jadi kita pun tubuhkan PWDC, Perbadanan Pembangunan Wanita dan kita bagi peruntukan. Sekarang kita sudah ada pembangunan-pembangunan seperti Penang Youth Corporation dan kita bagi peruntukan kepada Penang Youth Corporation untuk menjalankan semua aktiviti mengenai Belia. Saya rasa semua pertubuhan-pertubuhan belia atau mana-mana NGO mereka harus juga mencari dana sendiri dan bukan hanya bergantung kepada peruntukan-peruntukan dari Kerajaan Negeri. MBN juga adalah satu *federation for the youth* dan ia bukan dibawah Kerajaan Negeri. Kita akan terus menolong tetapi dengan cara yang

berlainan. Semua NGO, sama ada NGO sosial atau belia, wanita, mereka memohon dana sekiranya ada projek. Saya rasa Yang Berhormat pernah ada dalam EXCO sebelum ini dan seharusnya tahu bahawa ada caranya dan ini adalah caranya sekarang, semuanya perlu memohon dana untuk melaksanakan program. Sekiranya semua NGO di bawah MBN juga ingin mengadakan apa-apa program mereka boleh memohon, saya pun pernah meluluskan tanah untuk mereka. Terima kasih.

**Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):**

Terima kasih YB. Padang Lalang. Saya rasa ini semua boleh dirumuskan dalam penggulungan, sebab masa mencemburi kita. Saya hendak tanya satu (1) soalan di sini, Penang Youth Development, ini perkara baru yang tidak pernah diumumkan oleh Kerajaan Negeri, tidak tahu sama ada mungkin kita terlepas pandang. Tidak ada pengumuman bajet untuk Penang Youth Development, tetapi mereka dapat duit dari mana? Tak apalah, boleh jawab masa penggulungan nanti.

YB. Dato' Speaker, saya ingin teruskan kepada isu tebus guna . Tebus guna ini pun satu tajuk yang panas dan cukup besar sekarang. Ada beberapa perkara yang diumumkan oleh Y.A.B. Ketua Menteri di dalam ucapan bajet yang saya dapat mengelirukan . Saya mohon penjelasan, di muka surat 11 dan 12, di mana dinyatakan Kerajaan Barisan Nasional telah meluluskan tebus guna atau penambakan di Tanjong Tokong, Fasa 1, STP 1, 249.6 ekar, Tanjong Tokong Fasa 2, STP 2, Seri Tanjung Pinang 2,891 ekar menjadikan jumlah 1,140.6 ekar, ini yang diumumkan dalam ucapan bajet.

Setahu saya, dari pengumuman-pengumuman yang telah dibuat sebelum ini, Kerajaan Negeri Pulau Pinang pada masa dahulu telah meluluskan pada tahun 1992, jumlah keluasan sebanyak 980 ekar iaitu 240 ekar STP1, 740 ekar STP2. Ini bermakna terdapat perbezaan sebanyak 200.6 ekar. Dalam perjanjian asal pemaju memegang konsesi dikehendaki menyerahkan 10% daripada tanah yang ditebus guna iaitu menjadikan 98 ekar yang perlu diserahkan. Yang aneh di sini satu pengumuman yang dibuat oleh E&O Berhad, pemaju projek yang dibuat pada 11 April 2011 kepada Bursa Saham Malaysia yang disebarluaskan di dalam Star dan sebagainya menyatakan bahawa mereka telah mendapat Kelulusan Merancang Induk, *Master Development Plan* oleh Jabatan Perancang Bandar dan Desa Pulau Pinang dan mereka akan mengambil masa dua (2) tahun untuk memulakan kerja tambakan laut untuk 740 ekar tanah. Dari 980 ekar yang telah diluluskan pada tahun 1992 di mana 240 ekar telah pun ditambah dalam STP 1. Dalam perjanjian asal juga pemaju dikehendaki membina selain daripada menyerahkan 10% tanah yang telah ditambah, mereka kena membina 1,189 unit rumah kos sederhana berharga RM72,000 untuk dijual.

Seterusnya pengumuman kedua, 8 Disember 2014 E&O Berhad mengumumkan di Bursa Saham Malaysia mereka telah pun mendapat kelulusan DEIA dari Jabatan Alam Sekitar Malaysia untuk projek tambakan laut STP 2 dan menjemput penyertaan dari kontraktor yang berkelayakan untuk menjalankan kerja-kerja tambakan. Pada tarikh yang sama E&O Berhad juga memaklumkan bahawa mereka sudah menyerahkan 27 ekar kepada Kerajaan Negeri, 10 ekar untuk Jalan Lingkaran Luar Pulau Pinang dan ....(dengan izin), *over and above the contract obligation* melebihi obligasi di dalam kontrak asal. E&O Berhad akan menyerahkan 131 ekar yang akan ditambah sepanjang Gurney Drive menjadikan jumlah yang

akan diserahkan kepada Kerajaan Negeri 191 ekar. Ini bermakna keseluruhan jumlah yang akan ditambah oleh E&O Berhad adalah 240 ekar + 760 ekar + 20 ekar + 131 ekar menjadikan jumlah 1,131 ekar.

Pada 13 November selepas pembentangan bajet, Y.A.B. Ketua Menteri dalam sidang akhbarnya menyatakan, sekali lagi apa yang disebut bahawa Kerajaan Pakatan Harapan hanya meluluskan 60 ekar untuk tambakan laut dan hasil penjualannya sebanyak 500 juta akan digunakan untuk membiayai pembiayaan 22,515 unit rumah untuk rakyat. Selain daripada itu Y.A.B. Ketua Menteri juga menyatakan hasil daripada perundingan intensif dengan E&O berhad dan E&O bersetuju untuk menyerahkan tambahan 10% iaitu menjadikan 20% dari tanah tambakan yang akan dibuat. Jadi ini dan seterusnya E&O mengumumkan akan menyerahkan tadi 191 ekar tanah tebus guna kepada Kerajaan Negeri. Kalau dicampur 20% hasil daripada perundingan insentif tadi, jumlah yang ditebus guna hanya sebanyak jumlah tadi yang perlu diberi kepada Kerajaan Negeri ialah 226.2 ekar bukan 191 ekar. Amat menakjubkan lagi pada 18 Oktober 2015 dalam ucapan yang diberi oleh Y.A.B. Ketua Menteri di Eliot Lecture Theater di Marathon College, Oxford, England, Ketua Menteri menyatakan *among other things ....(dengan izin) we have set up public fund for up to one billion ringgit to build affordable housing in the state and we are able to pay for this affordable housing scheme because we have auctioned off a piece of land in Penang Island via open tender the highest bidder.*

YB. Dato' Yang di-Pertua yang mana satu (1) yang betul? Persoalannya kenapa umum di Oxford RM1 billion tapi umum di dalam Dewan ini RM500 juta? Kenapa jumlah tanah yang ditebus guna berbeza-beza dalam jumlah yang diumum di sini dengan jumlah yang diumum oleh E&O. Sebenarnya yang lulus ini 60 ekar ataupun 151 ekar saya nak tanya? Kalau ada kelulusan tambahan tebus guna bila ianya dibuat kelulusan itu? Kenapa tidak umum pada rakyat dan apa pula syarat-syarat atas tanah tambahan? Banyak mana diperuntukkan untuk infrastruktur, banyak mana pula untuk perumahan rakyat dan sebagainya. Jadi saya bukan orang yang arif tentang angka-angka bukan akauntan macam Air Putih, tetapi mewakili rakyat Pulau Pinang saya nak tahu banyak kekeliruan dari segi angka-angka ini yang diumum di sini, yang diumum di Oxford England dan yang diumumkan oleh E&O dan sebagainya yang mengelirukan kita. Ini fakta-fakta yang kita boleh perolehi dari banyak sumber mungkin ramai tidak sedari, saya perlu penjelasan daripada Ketua Menteri untuk membuktikan dan menjelaskan yang beliau betul dan beliau bukan memutarbelitkan angka-angka dan beliau tidak ingin mengelirukan rakyat.

Seterusnya YB. Dato' Speaker saya ingin pergi kepada isu yang didekat di hati kita iaitu isu wanita. Di Negara kita ada 44% wanita yang berumur 15 tahun atas yang menyertai tenaga kerja. Sasaran kita ialah 60% didapati bahawa di negara-negara Asian Kemboja dan Laos, 76% Padang Lalang, Myanmar 75%, Vietnam 73%, Thailand 64% Indonesia, Filipina, Brunei 50-54% termasuk Singapura, Malaysia 44% sahaja. Jadi di Pulau Pinang pula sektor pembuatan dan perkhidmatan amat bergantung kepada tenaga buruh dari luar negara sehingga kita pandang kiri kanan kita pergi stesen petrol, kita pergi restoran, kita pergi kilang, kita pergi mana-mana tempat, ramai warga asing yang berkerja di sini.

Di samping itu pula kita dapati di sini ramai wanita yang tidak memasuki pasaran buruh kerana isu besar iaitu bila mendapat anak atau berkahwin mereka terpaksa berhenti kerja untuk menjadi suri sepenuh masa oleh kerana penjagaan anak-anak. Kenapakah ini berlaku antaranya sebab ialah kos penjagaan anak-anak yang tinggi.Untuk keluarga yang mempunyai lebih seorang anak atau dua (2) atau tiga (3) anak kecil kos untuk menghantar anak-anak ke pusat jagaan melebihi kos untuk bayar perumahan atau kos saraan keluarga bulanan. Biasanya untuk menjaga bayi atau anak kecil yang belum bersekolah TADIKA dan sebagainya bawah empat (4) tahun sebanyak RM200.00 hingga RM300.00 untuk hantar ke nursery dan sebagainya.

Jadi untuk tiga orang anak jadi RM600.00 hingga RM900.00 jadi ini jumlah yang besar mungkin satu pertiga daripada pendapatan dan jika dua (2) orang suami dan isteri bekerja masalah kalau hantar anak ke TADIKA pun kena ambil waktu tengah hari dan menimbulkan masalah kepada mereka. Emansipasi wanita, perlulah merangkumi inisiatif untuk menggalakan wanita bekerja untuk menambah pendapatan keluarga, tetapi isu kos penjagaan anak-anak perlu diatasi terutama di kawasan bandar-bandar di sinilah. Kerajaan sebagai pihak yang boleh membuat perubahan melalui dasar-dasar maka kita nak lihat program konkret untuk menyediakan tempat jagaan anak di pejabat-pejabat. Mungkin kita di sini dah melepassi waktu umurnya mungkin jika di dalam Dewan kalau ada Ahli Dewan yang muda yang mempunyai anak kecil perlu disediakan tempat jagaan anak di Dewan, di KOMTAR, di PDC di MBPP MPSP.

**Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):**

Untuk beritahu, memang di KOMTAR sudah ada TASKA di KOMTAR.

**Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):**

Saya belum sampai ke situ, terima kasih Padang Lalang. Inisiatif TASKA itu bagus, saya ucap syabas, kalau boleh dibanyakkan lagi mungkin di dalam perancangan tetapi *crash*, tempat untuk jaga budak-budak ini anak-anak yang kecil menyusu dan sebagainya untuk memberi kemudahan kepada wanita yang mempunyai anak kecil untuk rasa selesa, tak payah hantar kepada jiran tinggal berjiran untuk jaga dan bimbang tentang keselamatan dan juga untuk menyusu bila waktu rehat tengah hari boleh pergi menyusu anak dan sebagainya dan kita harap Kerajaan Negeri dan agensi-agensi dapat mengambil langkah positif untuk menyediakan tempat-tempat ini sebagai galakkan, contoh kepada sektor swasta untuk membantu wanita-wanita yang ingin bekerja dan sekali gus dapat kita mengurangkan beban kebergantungan kepada buruh ataupun pekerja daripada negara-negara asing.

**Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):**

Untuk makluman YB. Telok Ayer Tawar semua yang disebut itu memang kami sudah berusaha dan memang ada usaha ada dua (2) pusat jagaan kanak-kanak dan TASKA di KOMTAR untuk kanak-kanak *four and below* memang sudah ada, ya memang tak cukup dan kita nak memperbanyakka, tapi ini adalah usaha bersama-sama, saya rasa ini ada juga tanggungjawab Kerajaan Pusat. Saya harap Kerajaan Pusat kalau ada menyediakan Pusat-pusat Permata atau datang ke Pulau Pinang juga dan saya juga nak maklumkan bahawa Penang memang mempunyai kadar

penyertaan kerja wanita yang lebih tinggi daripada *average* Malaysia. Malaysia untuk seluruh negara sekarang data yang dibagi ialah 50%. Untuk Pulau Pinang ialah 57% sasaran Kerajaan Pusat ialah 55% tapi di Pulau Pinang kita sasarkan 60% jadi saya rasa kita boleh sama-sama berusaha. Terima kasih.

**Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):**

Terima kasih Padang Lalang, sebenarnya kita pun mendesak Kerajaan Pusat untuk membantu dalam hal ini bahkan dulu dalam bajet ada disediakan geran kepada sektor industri untuk membina tempat *creche*, pusat jagaan anak-anak ini tetapi *take up break* ....(dengan izin) amat rendah, saya pun tak tahu kenapa mereka lebih seronok dapat pekerja asing daripada pekerja tempatan.

**Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):**

Mungkin kita boleh bincang di sini bahawa ini dasar untuk pengambilan pekerja asing patut dikaji semula dan bukan di bawah kawalan Kerajaan Negeri dan juga banyaknya ialah lelaki iaitu pekerja asing. Jadi di sini kita perlu melihat macam mana dia *is overall must be* dalam beberapa faktor dan bukan satu (1) sahaja jadi saya rasa kita boleh sama-sama bincang macam mana kita boleh berusaha bersama dalam faktor ini isu ini. *Thank you.*

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Yang lain jangan.

**Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):**

Sikit lagi YB. Dato' Speaker, saya rasa kita kena ....(dengan izin) *pull the breaks* kerana perlu berhenti dan menghadkan pengambilan pekerja asing ini kerana terlampau ramai sangat dah ada di Malaysia. Perlu diberi galakkan insentif kepada majikan-majikan untuk mengambil lebih usaha untuk menggunakan tenaga tempatan.

YB. Dato' Yang di-Pertua saya terkejut mendapat jawapan daripada EXCO Agama, Batu Maung, tentang soalan saya berapakah permohonan pernikahan di bawah umur dan pernikahan di luar negara yang dipohon untuk didaftarkan di Pulau Pinang. Jawapannya menyatakan, saya rumuskan di sini seramai 150 kes permohonan di bawah umur 18 tahun yang telah diluluskan. Sementara itu pula 159 kes pendaftaran pernikahan di luar yang telah dimohon untuk didaftarkan di Pulau Pinang.

Yang aneinya di sini bila saya ke Medan berjumpa dengan Persuruhjaya Malaysia di sana, beliau menyatakan bahawa jumlah pasangan dari Malaysia, Pulau Pinang khasnya ke Medan berkahwin di sana, di Medan, ramai dan melebihi jumlah yang berkahwin di sempadan Thailand. Angkanya saya tak perolehi tapi bila kata ramai, bila saya tengok jawapan ini hanya lima (5), dari Indonesia lima (5) orang, lima (5) pasangan. Dari Thailand satu (1) sahaja. Sebaliknya pula dari India 13, dari Pakistan 13. Banyak pula yang berkahwin di India, di Pakistan yang balik mendaftar di Pulau Pinang. Tapi yang berkahwin di Indonesia, Medan, Jakarta semua lima (5) pasangan sahaja, di Thailand satu (1) saja. Ini kata bidalan bahasa Inggeris *the thick of the ice berg*.

Isu perkahwinan di luar negara yang mendaftar di Malaysia ini, isu besar kerana kalau kahwin di luar tak mendaftar di sini banyak masalah yang akan dihadapi, banyak masalah iaitu antaranya bila nak daftar anak ke sekolah, tak ada mykad, tak dapat daftar. Anak-anak tak dapat taraf kerakyatan. Bila meninggal dunia, pasangan meninggal dunia, isteri tak dapat menuntut harta pesaka. Anak-anak tak dapat nafkah dan sebagainya. Jadi di sini, saya rasa pihak berwajib Majlis Agama Islam dan EXCO Agama perlulah melihat masalah ini. Ramai pasangan yang berkahwin di luar negara terutama di Indonesia dan Thailand tidak mendaftar.

Jadi saya rasa Ahli-ahli Dewan ini pun biasa didatangi dengan masalah-masalah ini, masalah yang tadi saya kata, anak-anak tak dapat taraf kerakyatan, isteri-isteri tak dapat menuntut cerai dan keluarga tak dapat tuntut pesaka. Apa jadi bila kahwin di luar tak daftar, lepas itu suami cerai pun tak boleh daftar cerai. Lepas itu dia nak kahwin lain, atau pun suami abaikan. Oleh sebab jika tak ada pendaftaran di Malaysia dia boleh kahwin lagi satu (1) kalau dia nak. YB. Yang di-Pertua, isu ini adalah isu rakyat dan kita terutama wanita tidak menyedari kepentingan untuk mendaftarkan pernikahan di negeri ini dan di Malaysia. Mereka akan hilang semua hak sebagai isteri apabila berlaku perceraian atau apabila mereka diabaikan, digantung tak bertali dan tidak diberi nafkah kerana pernikahan tidak ada rekod di sini....(gangguan).

#### **Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Dato' Haji Mohd. Salleh Bin Man):**

Minta laluan sekejap. Berkenaan dengan perkahwinan di luar negara tanpa adanya pendaftaran bila balik selesai daripada perkahwinan, kita juga ada menemui aduan yang sebegini, tapi yang menjadi masalah besarnya ialah kononnya takut isteri yang pertama tahu dan bila mengakibatkan berlaku macam ini, kita minta supaya buat pendaftaran, walaupun mana-mana negeri ada dalam berkenaan nampak pendaftaran kena dendalah, denda mana-mana negeri macam tulah. Tapi dia orang bimbang takut hak itulah. Jadi bila berlaku, kita kata bila dapat anak inilah mula timbul masalah dengan nak buat pendaftaran sekolah, dengan nak dapatkan harta dan sebagainya, kita kata tak apalah daftar tapi yang amat penting itu ialah kena maklum kepada isteri dia dulu yang pertama ataupun yang kedua atau dia kahwin nak masuk tiga (3), tutup. Jadi inilah problem dia sebab dia orang tak mahu, dia orang tak nak. Jadi masa nak berkahwin dia orang tak berfikir masalah bila kahwin lepas itu dapat anak, dah dapat anak dia orang tak fikir. Cuma dapat isteri dia orang nak. Jadi inilah masalah dia untuk makluman.

#### **Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):**

Terima kasih Ahli Permatang Pasir. Ya bila nak kahwin berani ya. Lepas tu bila jadi masalah, takut pula. Takut kepada isteri pertama. Isteri pertama ada hak, isteri kedua ada hak, anak-anak pun semua ada hak. Jadi saya rasa kita sebagai pihak berwajib perlu memberi perlindungan kepada mereka semua. Bila berlaku kematian lagi kecoh. Proses pendaftaran perlu dipermudahkan. Kempen kesedaran perlu dibuat. Saya nak syorkan *maybe PWDC, MAIP* boleh memberi penerangan kepada pasangan-pasangan, wanita supaya jangan kelam kabut bila ditangkap khawat. Kalau kena tangkap, baru kelam kabut nak cari, nak tunjuk surat nikah dari Naratiwat. Menyesal bila pasangan meninggal dunia kerana masalah nak tuntut harta. Anak-anak pula tidak ada pembelaan, tak ada taraf kerakyatan dan tak boleh masuk sekolah dan sebagainya. Kempen penerangan itu hendaklah disusuli proses

pemutihan. Perlu digalakkan yang datang untuk mendaftar beri potongan kadar denda. Kalau kena RM2,000 mungkin tinggal RM200.00. Galakkan mereka untuk datang mendaftar dan gemparlah kena bagi tahu kalau tak daftar ni kita bagi masa, gandakan denda itu. Jadi isu-isu ini haruslah diselesai...(gangguan).

**Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Dato' Haji Mohd. Salleh Bin Man):**

Untuk makluman, dia menimbulkan masalah ini bila sebab kita nak maklum kepada isteri yang pertama itu. Itu yang berlaku masalahnya. Pendaftaran boleh dibuat tapi memaklumkan sebab ini prosedurlah. Sebab dia berkahwin lebih seorang dia mesti ada makluman kepada isteri yang pertama, inilah masalah yang ada.

**Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):**

Saya pun tak faham nak sorok apa nanti keluar dua (2), tiga (3) orang anak. Tak maklum kenapa? Dunia tahu ini anak sipolan sipolan, ya. Bukti dah ada, ya. Okey, Dato' Speaker dah menjeling-jeling saya....(gangguan).

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Tahu sama tahu.

**Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):**

Akhir kata penutup bicara  
Di sini dicari cara dan hala  
Dewan ini bukan untuk berseluka  
Kalau kurang enak bukanlah disengaja.

Kepada semua pegawai yang ada  
Kalungan penghargaan di atas semua kerjasama  
Tak kira dari Persekutuan ataupun dari negeri kita  
Khidmat bakti sentiasa berharga  
Kepada Dato' Speaker yang bijaksana  
Kiri atau kanan layanlah sama rata.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Sama, satu setengah jam.

**Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):**

Diluar meneliti apa yang kita kata kemuliaan Dewan sama-sama kita jaga. YB. Yang di-Pertua Dewan, saya mohon menyokong. Terima kasih.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Terima kasih Ahli Telok Ayer Tawar. Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ditangguhkan dan kita sambung pada jam 2.30 petang nanti.

***Dewan ditangguhkan pada jam 12.40 tengah hari.***

**Dewan disambung semula pada jam 2.30 petang.**

**Setiausaha:**

Ahli-ahli Yang Berhormat, Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri.

**Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri**

Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan bersambung semula, Ahli-ahli Yang Berhormat kalau boleh dapat kita cepatkan selama 30 minit supaya kita dapat dengan selesai dengan lebih cepat *insya-Allah*. Silakan Yang Berhormat Penanti.

**Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):**

*Bismillahirahmannirrahim*, pertamanya saya ingin mengucapkan syukur *Alhamdulillah* kerana kali ini dan juga berterima kasih kepada Yang di-Pertua kerana kali ini saya dapat membawa suara rakyat Penanti khususnya untuk membahas Rang Undang-undang Perbekalan 2016 dan Usul Anggaran Pembangunan 2016. Saya amat mengharapkan keizinan daripada yang di-Pertua supaya diberikan sedikit masa kerana pada sidang lepas pada bulan Mei saya tidak dapat hadir langsung disebabkan oleh demam kencing tikus dan *Alhamdulillah* pada kali ini saya dapat hadir jadi saya hendak ambil usul-usul yang saya bawa hari itu ke perbahasan kali ini dan juga kali ini saya sangat bersyukur dan saya dapat menyertai perbahasan walaupun kali ini pun saya sakit, *slipped cervical Spine* tapi *Alhamdulillah* kalau rasa nak terpengsan ke ada Permatang Pasir di sini untuk membantu. *Insya-Allah....(gangguan) termasuk Air Itam.*

Dalam ucapan Bajet 2016 Y.A.B Ketua Menteri telah menyebut yang sektor perkhidmatan kini telah menyumbang lebih kepada keluaran negara kasar, KDNK pada 2014 dengan 48.3% berbanding dengan sektor pembuatan yang menyumbang kepada 46% kepada KDNK, salah satu (1) industri penting di Pulau Pinang adalah sektor perlancongan. Jadi saya ingin menyeru kerana Negeri untuk memberi tumpuan yang serius untuk membangun produk-produk perlancongan baharu di kawasan kampung-kampung tanpa menunggu pihak swasta yang besar untuk tampil mengkomersialkan industri perlancongan di kawasan kampung dan sungai.

Kerajaan Negeri boleh mengambil peranan aktif dan *tangible* untuk mengekalkan keadaan semula jadi yang cantik dan bersih di kawasan kampung dan mempertingkatkan kemudahan sejajar dengan *standard* kawasan perlancongan di kawasan di Pulau Pinang dengan menyediakan infrastruktur jalan, sistem perparitan dan pengangkutan awam yang baik dan juga jeti-jeti dan yang sesuai dan setaraf untuk membangunkan perlancongan sungai sebagai contohnya dalam keadaan ekonomi yang meruncing dan harga barang yang semakin naik disebabkan oleh GST.

Kenaikan tol harga minyak sebuah Kerajaan perlu fokus kepada kekangan bajet kita berada sekarang di dalam ekonomi yang berjimat cermat ataupun .... (dengan izin) *Frugal Economy* jadi Kerajaan perlu fokus kekangan bajet yang kita hadapi kepada kawasan yang tidak ada nilai komersial untuk menarik pihak swasta

untuk melabur seperti di kawasan kampung, seperti di kawasan *urban* yang mempunyai nilai tinggi di dalam keadaan sempit Kerajaan perlu bantu *section of the society*. ... (dengan izin) atau masyarakat yang paling memerlukan pembelaan dan sesebuah Kerajaan mesti bertanggungjawab untuk membela nasib mereka, maka Kerajaan Negeri perlu membantu mempertingkatkan ekonomi orang-orang kampung, nelayan dan pesawah secara *tangible* dan serius tanpa menunggu pihak-pihak swasta dan syarikat-syarikat untuk mengkomersialkan produk-produk pelancongan.

Sungai di kawasan kampung dan sungai ini satu peluang untuk membuka dan menambah produk perlancongan baharu di Pulau Pinang selain daripada tapak warisan George Town, Boutique Hotel dan Hotel lima (5) bintang dan juga Bukit Bendera dan Batu Ferringhi. Tetapi bajet RM31.93 juta di dalam Bajet 2016 ini diperuntukan untuk Kawasan George Town, Bukit Bendera dan kawasan kebanyakannya di Pulau dan *urban* dan tidak nampak peruntukan yang jelas untuk pembangunan perlancongan kampung homestay dan sungai walaupun kejatuhan nilai Ringgit telah menjadikan Pulau Pinang bukan lagi berstatus negeri berpendapatan tinggi iaitu RM50 ribu dia punya tahap seperti yang diperkatakan oleh Y.A.B. Ketua Menteri. Ini membuka peluang untuk menjadikan Negeri Pulau Pinang negeri perlancongan yang lebih *affordable*... (dengan izin) kepada pelancong asing. Maka wajar bagi Kerajaan Negeri secara serius membangun produk perlancongan baharu di kawasan di Penanti, sebagai contoh di situ ada 28 kampung sungai-sungai Kampung Terus dan sebagainya dalam ucapan Y.A.B. Ketua Menteri di dalam ucapan kemerdekaan ini Kerajaan Negeri mengiktiraf kepentingan industri perlancongan tetapi mengapakah tiada bajet diperuntukan untuk membangunkan industri *homestay*. Seiring dengan Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk membangunkan *homestay* dan mendaftarkan rumah-rumah kampung untuk menjadikan Kerajaan Negeri untuk menjadikan kesungguhan untuk membangunkan dan produk perlancongan desa dan *homestay* dan jangan jadi (NATO) "No Action Talk Only" tapi perlu memberi tumpuan secara *tangible* untuk menyediakan infrastruktur yang sewajar untuk tujuan perlancongan.

Dalam keadaan *frugal economy* ataupun ekonomi berjimat cermat sekarang Kerajaan perlu memberikan keutamaan kepada golongan yang *vulnerable* dan kawasan yang paling memerlukan sebab tidak akan ada pihak swasta yang akan ambil tanggungjawab ini dan ini perlu dicerminkan dalam belanjawan negeri. Jadi bagaimanakah belanjawan RM952,720 dan RM346 juta belanjawan untuk pembangunan di *priority* kan dan *priority* Kerajaan Negeri untuk memperuntukkan RM5 juta untuk membina sebuah kolam renang lagi di Seberang Jaya yang sudah pesat membangun dan banyak kawasan yang telah dibangunkan oleh pihak swasta.

Dalam belanjawan kali ini Y.A.B. Ketua Menteri ada menyebut kepada membangunkan dewan bankuet dan Ampang Jajar Butterworth bernilai RM60 juta pada muka surat 10 dan pada tahun lepas RM11 juta telah diperuntukkan untuk membina dewan serbaguna SPA Arena dan RM12 juta telah diperuntukkan untuk membina Pasar Tenggiri dan RM300 juta telah diperuntukkan untuk membina SPICE dan juga kalau kita tengok tebus talak, *sorry* tebus tanah mohon ampun, tebus tanah yang disebutkan dalam belanjawan kali ini ialah di kawasan TKM I iaitu Pantai Jerejak, *Velodrome* tiga (3) gelanggang bola keranjang ataupun *basketball*, kolam renang dan *diving pool* dan padang bola rasanya berjumlah RM40 juta.

Jadi semua pembangunan ini adakah telah di *prioritized* kepada kawasan-kawasan yang sangat memerlukan pembelaan dan juga selain daripada projek tebus tanah yang telah disebutkan tadi persoalan bolehkah sebahagian daripada projek-projek tebus tanah dan projek-projek CSR yang digunakan kepada kawasan-kawasan yang lebih memerlukan untuk membina kemudahan sukan, dewan orang ramai dan Pusat STEM, Science Technology Engineering and Mathematics ataupun ESTEM, English, Science, technology, Engineering dan Mathematics di kawasan kampung dan lain-lain kawasan yang kawasan penduduknya rata-rata berpendapatan rendah.

Buat masa ini Kerajaan Negeri telah membina enam (6) tempat pembelajaran STEM di Crystal Suite dengan perbelanjaan RM600,000 setahun, RM5 juta untuk STEM di George Town Heritage, RM3 juta CSR oleh Encik Ng Yan Puat di Bukit Mertajam tapi di kawasan bandar RM25 juta Tech Dorm di KOMTAR dan juga RM4 juta ESTEM Karpal Singh Learning Centre yang ini juga di kawasan Pulau dan bandar walaupun namanya kampung tapi sebenarnya bukan kampung dan juga yang terbaru adalah juga di Bagan yang dibangunkan oleh MPSP, STEM untuk penduduk di situ. Persoalannya kesemua prasarana ini ditubuhkan di kawasan *urban* dan tidak ada di kawasan kampung.

Di kawasan Kampung seperti di Penanti, Penanti ada 28 kampung kita tidak ada pengangkutan awam dan kita tidak ada bank pun hanya satu AgroBank tetapi itupun di kawasan Permatang Pasir, pasar pun di kawasan Permatang Pasir dan dewan serbaguna yang disebutkan di dalam bajet kali ini adalah juga dewan Permatang Pasir, tidak ada yang diberikan yang saya nampak untuk kawasan kampung yang seperti Penanti.

Kerajaan Pakatan Rakyat yang sebelum ini, *sorry* Kerajaan Pakatan Harapan yang sebelum ini Kerajaan Pakatan Rakyat berjanji untuk memperjuangkan nasib golongan yang tertindas dan yang paling memerlukan dan saudara Anwar Ibrahim yang sedang meringkuk di dalam penjara sebagai tahanan politik menggunakan hidupnya untuk memperjuangkan golongan orang kampung, nasib orang kampung, jadi adakah kita Kerajaan Pakatan Harapan betul-betul melaksanakan tanggungjawab ini. Jika ya Bajet 2016 perlu mencerminkan belanjawan yang mempertahankan nasib golongan yang paling memerlukan dan bajet yang dapat membantu kawasan yang tidak ada nilai komersial untuk menarik pihak swasta untuk melabur membina prasarana.

Maka saya ingin mencadangkan Kerajaan Negeri memulakan proses *participatory budget* iaitu dalam bajet penyediaan bajet Pulau Pinang Kerajaan Negeri perlu memulakan proses di mana input dan maklum balas diambil kira dari ADUN JKK, Bridget Wanita, Persatuan Penduduk, NGO dan lain-lain seperti satu pendengaran awam dibuat supaya apa yang perlu diutamakan di dalam penyediaan bajet sebelum bajet itu dibentang dalam sidang DUN untuk diluluskan. Saya juga mencadangkan satu proses *participatory budget* dilaksanakan sebagai sebahagian daripada bajet.

Cadangan yang kedua adalah saya ingin mengemukakan permohonan kepada Kerajaan Negeri untuk memberi peruntukan yang lebih kepada pembangunan kampung. Satu (1), untuk infrastruktur asas bagi pemimpin jalan dan parit-parit kampung pembersihan paya dan parit dan penyelenggaraan dewan orang ramai, dewan JKK dan Dewan Serbaguna yang ada kelas-kelas untuk

pembelajaran orang-orang dewasa anak muda dan murid-murid untuk pembelajaran STEM dan ESTEM dan juga para wanita boleh membuat projek-projek 21 yang mesra alam.

Saya memohon begini sebab dari jawapan bertulis yang saya terima daripada EXCO dan juga MPSP saya mendapat jawapan maklumat dari MPSP tidak memberi service kepada kawasan kampung walaupun ada rumah-rumah kampung yang bernombor dan membayar cukai pintu MPSP meletakan *Community Bin* dan potong pokok, membersihkan kawasan kampung itu semua tidak termasuk dalam tanggungjawab MPSP. Jadi saya mengharapkan Kerajaan Negeri mengambil tanggungjawab ini. Seiring itu saya ingin mengemukakan supaya JKKK dan AJK diberi hadiah sejajar dengan bonus RM5.22 juta yang diberi kepada Kabinet Kerajaan Awam pada Disember 2015. Sebab dalam belanjawan, tidak ada apa-apa yang diberi kepada JKKK sebagai hadiah atau pun AJK yang hanya mendapat RM40.00 sebulan. Tanggungjawab mereka adalah untuk membantu menjaga kawasan kampung, mengambil aduan daripada penduduk dan membawa kepada ADUN untuk ADUN cuba menjadi orang tengah untuk mencari peruntukan untuk menyelesaikan masalah banjir, parit, kebersihan dan lain-lain.

Juga saya memohon agar Briget Wanita yang sekarang ini diletakkan di bawah JKKK diberi elauan atau pun hadiah seperti BPS dalam belanjawan ini diberi RM1.2 juta atau RM30,000.00 setiap BPS. Tetapi, Briget Wanita yang kerjanya ialah membantu wanita untuk mendapatkan mikro kredit, membantu wanita untuk memogram dan program-program i-Sejahtera yang RM60 juta itu, Briget Wanita yang pergi ke tiap-tiap rumah untuk mencari, tapi mereka tidak mendapat apa-apa elauan atau pun hadiah dalam belanjawan 2016.

Untuk membangun pelancongan kampung atau desa seperti *homestay*, pelancongan *homestay* terapung dan *boat stay* atau pun *boat house* pelancongan sungai yang saya sedang mengusahakan untuk membangun ekonomi rakyat kampung dan menambah produk pelancongan di Pulau Pinang, saya memohon Kerajaan memberi peruntukan dari tabung levi, dari tabung Kerajaan Tempatan yang dikutip dari levi penginap hotel untuk diberi kepada rakyat kampung dan nelayan. Sebagai contohnya, untuk menukar enjin bot nelayan yang sedia ada kepada enjin yang senyap. Membuat *boat house* dari bahan buluh seperti di *back water boat house* di Kerala, India dan lain-lain bahan semula jadi dan bahan kitar semula dan mencantikkan rumah-rumah kampung untuk dijadikan *homestay*.

Saya juga memohon Kerajaan Negeri memberi peruntukan untuk membangun infrastruktur jeti yang ada tempat makan, tandas, elektrik, lampu dan lain-lain kemudahan untuk tujuan pelancongan. Perkara untuk membangunkan kampung sebagai kampung terus sebagai contohnya untuk menjadikan satu destinasi pelancongan baru sangat penting. Jawapan yang saya terima agak menyediakan mengatakan Kampung Terus hanya ada satu produk iaitu sungai, kampung dan bendang dengan sangat cantik. Walaupun dia ada satu produk, kalau kita pergi ke India yang saya pergi baru-baru ini dengan rakan-rakan dalam Kerajaan Negeri, Kerala hanya mempunyai satu produk iaitu *boat house* tetapi ia menjadi satu tumpuan di mana orang datang dari jauh untuk mendiami di *boat house* dan merasakan kehidupan di kampung.

Jadi, saya sangat berharap jika pihak Kerajaan mengharapkan pihak swasta untuk meng *commercialise* kan pelancongan *boat house* di Kampung Terus ini akan merosakkan kampung. Sebab hanya pihak swasta yang mempunyai bajet yang tinggi dapat membuat perkara ini. Ini akan tidak memberikan peluang terus kepada para nelayan dan juga orang-orang kampung dan pesawah. Aktiviti nelayan di Kampung Terus sangat terhad disebabkan nelayan tidak boleh pergi ke laut sebab tidak ada jambatan di pintu air Ampang Jajar. Jadi, bot-bot nelayan tak boleh keluar ke laut. Jika produk pelancongan sungai ini dan pelancongan *floating homestay* dan *boat house* boleh dibangunkan ini akan menambah pendapatan kepada orang-orang kampung dan nelayan separuh masa yang juga menjadi pesawah padi.

Di samping itu, Kampung Terus juga berdekatan dengan Taman Rimba Air Itam dan juga berdekatan dengan *escape park* yang cantik di Ampang Jajar, tetapi *escape park* itu tidak dikunjungi oleh orang. Jadi, jika ada satu pelancongan *boat house* di Kampung Terus, pelancong-pelancong dapat pergi ke Taman Rimba Air Itam dan juga menyusuri sungai ke Ampang Jajar *Escape Park*. Dan juga di situ, di Kampung Terus juga terdapat kelip-kelip di tepi-tepi sungai. Jadi, ini walaupun dia nampak macam satu produk, tetapi dia ada banyak perkara yang boleh dibangunkan. Untuk jalan-jalan kampung, RM2 juta telah diperuntukkan untuk lima (5) daerah dan untuk 2016 kalau digabungkan dengan duit MARRIS maknanya ada RM7 juta dan saya berterima kasih kepada Kerajaan Negeri yang telah menambah peruntukan untuk menaik taraf jalan-jalan kampung kepada jalan-jalan bertar sebagai contohnya. Mungkin ini tidak cukup bagi kawasan-kawasan yang memang dipenuhi oleh kampung seperti di kawasan saya.

Saya ingin tanya berkenaan dengan belanjawan yang diberi pada 2016, projek untuk menaik taraf jalan iaitu RM17.45 juta. Adakah jalan alternatif dari arah di Kubang Ulu ke Sekolah Convent dan arah di Kampung Tok Elong ke PERDA, adakah projek ini termasuk dalam enam (6) projek yang disebut dalam belanjawan 2016. Untuk membuatkan jalan-jalan kampung, saya juga mengesyorkan supaya teknologi baru penggunaan *GEO great* yang terdiri daripada kertas, plastik-plastik, gentian kaca dan hampas kelapa sawit diterokai oleh Kerajaan Negeri.

Seterusnya, saya juga ingin memohon kepada PBA. Baru-baru ini, pada tahun ini air PBA telah memasukkan *main* paip kepada Kampung Sungai Lembu dan kami amat berterima kasih. Tapi kami juga ingin memohon *main* paip disalurkan kepada 22 rumah Kampung Cina yang tiada air sebesar 17 ekar dekat Simpang Tiga Kubang Ulu di bawah JKKK Kuala Mengkuang. Tidak ada *main* paip di situ. Saya juga memohon agar Kerajaan Negeri membantu memohon pada Maybank dan BSN untuk buka cawangan ATM mesin pun tak apa di Penanti.

Saya ingin bercakap sekarang pasal perumahan. Dalam masalah perumahan, saya ada mengemukakan soalan bertulis, tapi ia telah dikeluarkan daripada senarai. Jadi, saya akan bacakan soalan saya iaitu apakah langkah-langkah untuk membantu pemohon mempercepatkan proses permohonan rumah kos rendah, sederhana rendah dan mampu milik yang makan masa bertahun. Soalannya, berdasarkan SOP, berapa lamakah jangka masa yang diambil untuk memproses satu borang. Kedua, apakah sebabnya ada pemohon yang terpaksa menunggu hampir empat (4) tahun untuk mendapat kelulusan. Saya juga harap Kerajaan Negeri dapat...(gangguan).

**Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):**

Actually, soalan ini ada jawapan dia. Saya tak faham mengapa dikatakan keluarkan daripada senarai.

**Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):**

Sebab, saya tengok dalam senarai buku yang diedarkan tak ada soalan saya. (gangguan). Saya juga ingin memohon pada Kerajaan Negeri untuk *negotiate* dengan pemaju Wah Lian yang mempunyai 60 ekar tanah di Kampung Mengkuang, Mukim 18. Sebab saya telah berjumpa dengan pihak syarikat untuk bagi Kerajaan Negeri untuk memudahkan permohonan mereka untuk membina projek perumahan kos rendah, sederhana rendah dan mampu milik sebab kawasan itu adalah agak luas, 60 ekar. Memandangkan projek PDC di Tanah Liat telah di KIV kan, saya memohon agar Kerajaan Negeri cuba berbincang dengan pihak Wah Lian sebab untuk membina projek rumah kos rendah di Kampung Mengkuang yang sebanyak 60 ekar.

Saya juga ingin mencadangkan kepada Kerajaan Negeri untuk menggunakan teknologi pasang siap dan menggunakan bahan yang lebih murah seperti simen *board* untuk membina perumahan kos rendah, sederhana rendah dan mampu milik. Seperti yang saya telah bincangkan dengan Pengarah JKR. Teknik dan teknologi ini boleh membina rumah dengan sangat cepat. Sebagai contohnya rumah-rumah banjir di Kelantan baru-baru ini dibuat sebanyak 60 rumah dan hanya makan tujuh (7) hari. Maknanya ini boleh dibuat, rumah-rumah banjir itu boleh dibuat dengan harga yang agak murah. Rumah-rumah banjir itu adalah menggunakan teknik pasang siap iaitu tiga (3) bilik, dua (2) bilik air.

Saya juga ingin mencadangkan pada Kerajaan Negeri supaya kaedah sewa beli untuk menyelesaikan masalah pemohon tak dapat pinjaman bank bagi pemohon yang berpendapatan rendah. Jika rumah kos rendah, sederhana rendah dibina pun tapi masalahnya ramai yang bekerja di kampung dan juga di kilang-kilang mendapat pendapatan yang rendah dan mereka selalunya ditolak oleh bank. Jadi, walaupun mereka mendapat rumah itu, tapi mereka tidak mampu untuk memiliki rumah. Jadi, saya harap Kerajaan Negeri mempertimbangkan satu kaedah baru sewa beli bagi penduduk atau pemohon yang bergaji rendah.

Seterusnya saya ingin membawa isu pembelaan wanita. Dalam soalan saya, saya menanyakan berkenaan adakah Kerajaan Negeri membuat apa-apa inisiatif untuk melahirkan golongan celik IT terutama dikalangan wanita khususnya Briget Wanita. Saya menanyakan soalan ini supaya wanita di zaman IT sekarang ini, mereka dapat membuat *business* dan berniaga secara *online*. Dan juga wanita juga adalah penentu utama di PRU-14. Jika semua berita yang diterima adalah Berita Perdana dan surat khabar, mereka tidak terdedah kepada sumber berita yang lebih besar. Jadi saya harap satu inisiatif yang besar dibuat untuk menjadikan wanita-wanita lebih celik IT, menggunakan *hand phone* dan macam-macam untuk memperkasakan wanita.

Soalan yang saya tanya berkenaan dengan keusahawanan untuk para wanita. Jawapan yang saya terima, saya harap Kerajaan Negeri akan membuat inisiatif yang lebih baik sebab fiesta wanita yang disebut dalam jawapan itu adalah satu forum yang di *organise* kan oleh saya dan mak saya, arwah mak saya sebagai

pengerusi koperasi ibu tunggal dan wanita sebelum saya di ADUN. Saya harap Kerajaan Negeri mempunyai inisiatif seterusnya untuk membantu keusahawanan-keusahawanan wanita. Sebagai contohnya, dalam kegawatan ekonomi dan harga barang naik. Pasar malam merupakan nadi penting untuk peniaga kecil terutamanya juga untuk peniaga wanita untuk mencari pendapatan, tetapi prasarana asas di pasar-pasar malam adalah sangat, *almost* tak adalah kiranya. Jadi saya harap Kerajaan Negeri dapat membantu menyediakan fasilitet seperti tandas, bilik persalinan terutama untuk wanita yang ada anak-anak kecil dan surau supaya peniaga Islam dapat sembahyang sekejap sewaktu mereka bermiaga dan juga mengikut garis panduan mesra *gender*. Saya harap Kerajaan Negeri akan membina prasarana ini memandangkan dalam keadaan kegawatan ekonomi. Pasar malam seperti yang saya kata adalah nadi penting di kawasan-kawasan kampung.

Seterusnya, pada sidang DUN yang lepas saya telah membuat beberapa usul yang telah di tolak. Berkennaan dengan penguatkuasaan garis panduan kawalan hakisanan dan kelodakkan 1996 Jabatan Alam Sekitar dan panduan pembangunan pertanian di tanah bercerun. Untuk aktiviti pertanian tanah di tanah cerun yang lebih 25 darjah bagi mengurangkan risiko banjir lumpur dan banjir kilat akibat aktiviti pertanian di kawasan berbukit. Pihak JPS telah menggunakan pakai *Erosion and Sedimentation Control Plan (ESCP)* dan mencadangkan beberapa garis panduan yang terkandung dalam *Urban Store Water Management Manual*.

Satu ialah supaya pemilik tanah yang mengusahakan pertanian aktiviti pertanian secara berkala besar menanam tanaman penutup bumi *Cover Crop* dan juga membina struktur pemuliharaan tanah seperti parit dan laluan air supaya air hujan yang berlebihan dapat turun dengan baik dan dinding parit hendaklah ditanam dengan rumput.

Kedua ialah menyediakan perangkap kelodak teres-teres bagi menyekat larian air dan membina empangan kecil ataupun *retention pond* bagi menampung had laju air parit dan pembetungan di bawah jalan. Ini sangat penting di Sungai Lembu, sebab itu adalah jalan besar yang digunakan untuk ke Kulim dan Sungai lembu. Tanah seluas 21 hektar di Sungai Lembu telah di telah digondolkan untuk menanam pokok perhiasan. Jadi *solution* nya atau penyelesaiannya bukannya susah iaitu hanya untuk menanam tanaman penutup bumi dan membuat *retention pond*, itu saja. Saya harap pihak MPSP dan pejabat daerah-daerah dan siapa-siapa pihak berwajib akan mengambil tindakan sebab jawapan yang saya terima jawapan bertulis amat menyedihkan iaitu tidak ada akta alam sekitar atau apa-apa akta yang dapat menahan tuan tanah yang mengerjakan aktiviti pertanian di cerun bukit lebih daripada 25 darjah.

Saya nak refer kepada Akta Jalan Parit Bangunan dan Bangunan 1974 supaya tindakan awal dan segera digunakan terhadap kilang-kilang haram. Apa yang berlaku ialah yang terjadi makcik yang di belakang kilang haram Vitrakukoh yang sangat besar itu baru ini telah meninggal dunia. Apabila banjir berlaku banjir kilat berlaku di kawasan tanah liat tidak ada banjir yang seteruk sangat kecuali di belakang kilang haram kilang Vitrakukoh. Saya telah selama tiga (3) tahun cuba mendapatkan tindakan daripada pihak berkuasa dan perkara ini telah pergi kepada mahkamah tapi mahkamah hanya memberi saman sebanyak RM7,000 dan MPSP hanya dapat beri saman RM250.00 sebab itu mengikut prosedur yang ada sekarang.

### **Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):**

Penjelasan Penanti. Saya amat simpatilah dengan Penanti. Saya ingat dah bertahun-tahun membawa cerita masalah peparitan, banjir kilat, kilang haram. Khususnya di kawasan Penanti kalau tak di kawasan-kawasan lain di Pulau Pinang. Seolah-olah macam tak didengari oleh. Tak apa sekarang dah pegang buat lah apa yang perlu. Saya dimaklumkan lebih 500 kilang haram. Ada ya, dan kalau perlu buat pemutihan. Maknanya sebelum membuat pemutihan, perlulah dikenakan syarat-syaratnya untuk mereka melaksanakan perparitan, penambakkan dan sebagainya supaya sekurang-kurangnya kawasan sekeliling tidak mendapat bencana oleh kerana kilang-kilang ini. Kalau tidak dibuat pemutihan, makna mereka akan jalan seperti biasa. *Business as usual*. Minta maaf, ada orang minta izin. Bukan saja Kerajaan Negeri Pulau Pinang hilang pendapatan daripada cukai pintu juga terpaksa menganggung beban memperbaiki parit dan sebagainya. Lepas itu memberi pampasan kepada para penduduk yang menimpa musibah. Saya harap dapatlah sekurang-kurangnya dari 500 dikurang-kurangkan masalah kilang haram itu dengan tindakan afirmatif dari pihak Kerajaan Negeri.

### **Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):**

Saya mendapat tahu yang sebagai contohnya kilang Vitrakukoh mendapat notis untuk tindakan meruntuh tapi sampai hari ini kilang itu masih dan ditambah pula dengan bangunan yang lebih cantik, kilang itu memberi tahu yang mereka akan membuat pam tapi semua pam tidak berfungsi apabila banjir berlaku. Lagi satu (1) kilang haram yang masih beroperasi ialah kilang haram sawdust di perkampungan Sungai Lembu. Sehingga hari ini kompaun telah dikenakan sebanyak RM250.00, notis binaan tanpa kebenaran pun telah dikeluarkan, notis mengosong dan kini MPSP sedang mengambil tindakan mahkamah. Saya harap ia tidak akan berlaku seperti apa yang yang berlaku di kilang Vitrakukoh. Saman di mahkamah tetapi samannya hanya RM7,000 sahaja.

Seterusnya saya ingin terus kepada usul membela wanita ibu tunggal dan ibu tinggal. *Alhamdulillah*, saya ingat saya nak mengucapkan berbanyak terima kasih kepada YB. Malik siapa? Kepada Batu Maung kerana walaupun dua usul saya telah di tolak oleh Dato' Speaker, mesyuarat MMK agama pada 5 November telah menerima dua (2) cadangan saya iaitu saya telah mengemukakan cadangan penambahbaikan dan penguatkuasaan undang-undang keluarga Islam Pulau Pinang agar mewajibkan waris-waris lelaki kepada ibu tunggal dan ibu tinggal untuk memberi nafkah dan menjaga kebajikan ibu tunggal, ibu tinggal dan anak-anak mereka. Sekarang ini ibu-ibu tinggal dan ibu-ibu tunggal dibiarkan untuk mencari nafkah sendirian tanpa bantuan tanggungjawab waris-waris lelaki dan pada masa yang sama perlu menajga anak-anak mereka. Pemberian wang hadiah RM100.00 dari Kerajaan Negeri dan Jabatan Kebajikan Masyarakat pula meletakkan syarat hanya bagi mereka yang mempunyai pendapatan dibawah RM750.00 sahaja diberikan bantuan. Bermaknanya apa yang ada sekarang ini tidak cukup oleh pihak Kerajaan. Jadi tiba masanya untuk waris-waris lelaki mengambil tanggungjawab. Hukum Faraid dalam undang-undang Islam Pulau Pinang memberi bahagian yang lebih banyak kepada waris-waris lelaki kerana tanggungjawab waris lelaki untuk menjaga kebajikan termasuk bagi nafkah kepada wanita dibawah tanggungjawab mereka. Maka waris-waris lelaki mesti diwajibkan melaksanakan tanggungjawab mereka terhadap wanita-wanita di bawah tanggungan mereka.

Pada Jun 2015 diperincikan oleh Menteri Pembangunan Wanita Keluarga dan Masyarakat bahawa terdapat 200,035 ibu tunggal di negara ini. Saya mendapat maklumat yang jawapan yang baik daripada *round table* ataupun mesyuarat meja bulat undang-undang Islam pada 6 November bersama dengan Mufti, Ketua Hakim dan yang di *organise* kan oleh MMK agama dan PWDC. Menurut Ketua Hakim, Seksyen 61 Nafkah ke atas ahli waris, mahkamah boleh mewajibkan waris ibu tunggal yang masih berkahwin untuk memberi nafkah iaitu bapa kepada bapa suami dan adik-beradik suami. Bagi mereka yang masih berkahwin tapi tidak dijaga oleh suami mereka. Mahkamah boleh saman suruh bayar nafkah kepada isteri dan anak-anak jika masih berkahwin.

Ketua Hakim Mahkamah Syariah juga menjawab yang Mahkamah Syariah juga menggunakan undang-undang *Civil Women and Children Maintenance Enakmen* ....(dengan izin) yang membuat potongan gaji waris-waris lelaki dan bagi mereka yang sudah bercerai, mahkamah boleh menyaman waris-waris lelaki iaitu bapa kepada bapa dan seterusnya masalah yang timbul di sini ialah ke banyak apa yang saya diberitahu oleh Ketua Hakim mahkamah dalam mesyuarat meja bulat kebanyakannya peguam-peguam dan peguam-peguam Syariah dan sebagainya dan pemohon-pemohon wanita-wanita biasa mengalami masalah yang ditinggalkan ataupun yang terjadi ibu tunggal tanpa pembelaan waris mereka dan mereka pun tidak tahu yang undang-undang ini wujud. Jadi saya mengharapkan Kerajaan Negeri untuk menguatkuasakan Seksyen 61 Nafkah dan juga undang-undang *Civil Women and Children Maintenance Enactment* yang buat potongan gaji waris-waris lelaki.

Kerajaan Negeri juga telah menubuhkan tabung untuk membantu ibu tunggal dan telah mengatakan akan memasukkan ibu tinggal yang suaminya di hantar ke pusat serenti dan lain-lain untuk menerima tabung ini. Untuk membantu orang-orang susah, saya telah mengemukakan agar fungsi zakat yang sebenar diperkemaskan perlaksanaannya di Pulau Pinang iaitu untuk mengagihkan amaun zakat yang cukup bagi Asnaf untuk mencari pendapatan atau berniaga yang membolehkan Asnaf itu keluar dari kategori Asnaf sehingga mereka ini dapat menjadi pembayar zakat pada tahun berikut nya. Apa yang diamalkan sekarang, wang zakat yang di agihkan hanya cukup untuk menampung kos makan dan minum serta sara hidup asas tapi tidak mengeluarkan mereka dari kategori Asnaf. Ini akan menyebabkan golongan Asnaf ini berterusan bergantung kepada *handout* kepada zakat dan JKM dan ADUN dan sebagainya untuk meneruskan hidup. Dan mereka dalam keadaan ini kadang-kadang, bertahun-tahun dan mereka tidak dapat menjadi pembayar zakat pada tahun seterusnya. Jika penambahbaikan sistem zakat dilakukan di Pulau Pinang ia akan membantu membasi masalah kemiskinan sekurang-kurangnya di kalangan orang Muslim di Pulau Pinang dan bila mereka dikeluarkan daripada Asnaf mereka juga akan membayar zakat dan ini akan menambah tabung untuk membantu Asnaf lain yang telah kehilangan pekerjaan atau ditimpa musibah.

#### **Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):**

Penjelasan. Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua memang rata-rata di Pulau Pinang memang kita menghadapi masalah dengan Pusat Urus Zakat saya terima kasih dengan Ahli Kawasan Penanti yang membawa isu ini bukan sahaja kawasan Penanti yang ada masalah memang banyak kawasan lain pengurusan pengagihan kepada Asnaf-Asnaf ini amatlah perlu dipertingkatkan, setiap kali bila pemohon minta diberi sedikit yang tidak akan mengeluarkan dia dari masalah itu

sama ada dari kemiskinan atau pun masalah yang diperolehi dan pemohon kena berulang-ulang kali pergi dan dari segi pengurusan agihan zakat ini ada Asnaf yang memang ada lebihan banyak Asnaf Mualaf misalan.

Saya ada soalan tahun lepas, tidak banyak dibelanjakan walhal ada setiap tahun akan ada lagi bayaran zakat akan ada lagi dana setiap Asnaf. Jadi saya mohon untuk kebaikan dan kebaikan orang Islam di Pulau Pinang supaya pengurusan, pentadbiran Pusat Urus Zakat ini dibaiki dipermudahkan permohonan dan proses-prosesnya. Ada seorang yang datang merungut bila dia mohon pergi *complaint* dua (2), tiga (3) kali borang itu hilang. Buat lagi saya pun *sign* lagi hilang buat lagi, borang dua (2), tiga (3) kali itu hilang lagi dan bila pergi ke Pusat Urus Zakat di bawa tunjuk ke pejabat yang mana borang permohonan yang tinggi tidak ada yang hendak proses ini. Jadi memanglah perlu diberi perhatian yang serius untuk kebaikan masyarakat Islam, terima kasih.

#### **Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Panjang lagi Yang Berhormat.

#### **Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):**

Sedikit lagi, dari segi Pusat Zakat seperti Pusat Wakaf Khairi saya juga amat berterima kasih bila ada kes-kes yang sakit kronik yang memerlukan bantuan peralatan *Alhamdulillah* mereka memberi respon yang sangat cepat dan sangat bagus, itu saya mengucapkan terima kasih kepada Pusat Urus Zakat.

Seterusnya berkenaan dengan jagaan *palliative* untuk orang-orang Islam. Kes pesakit *palliative* ini terdiri daripada pesakit yang tidak dapat rawatan *intervention* dan sebaliknya menerima rawatan sokongan untuk mengawal *symptom* sahaja dan pesakit yang tidak ada harapan untuk sembuh ataupun *dying patient*. Kebanyakan pesakit *palliative* ialah pesakit kanser di Pulau Pinang. Doktor Farah adalah satu-satunya doktor Muslim yang menjaga jagaan *palliative* dan sekarang hanya ada dua (2) orang *Medical Officer* dalam jagaan *palliative*. Sekarang ini Pulau Pinang ada satu-satunya *Ward Palliative* jagaan *palliative* yang mempunyai hanya empat (4) katil wanita dan empat (4) katil lelaki yang selalu menumpang di wad pembedahan. *Ward Palliative* ini juga membuka *clinic over the counter* dan klinik dibuka setiap dua (2) minggu pada hari Rabu di Hospital Bukit Mertajam untuk pesakit-pesakit di kawasan utara. Saya menyebut pasal penjagaan *palliative* ini bukan apa, baru ini mak saya meninggal dan tidak ada jagaan *palliative* Muslim yang dapat membantu saya.

*Ward Palliative* Hospital Bukit Mertajam bekerjasama dengan Hospis Malaysia di Pulau Pinang dan purata kes *referral* baru adalah 20 hingga 30 pesakit dan pesakit yang masuk *Ward Palliative* adalah 20 orang dengan purata umur 40 hingga 60 tahun. Jagaan *palliative* untuk pesakit muslim di Pulau Pinang adalah satu keperluan *palliative care* dipelopori oleh sukarelawan anak-anak muda yang kebanyakannya terdiri daripada kaum Cina yang mengabungkan paliatif unsur-unsur spiritual dan agama. Jadi dalam kes saya walaupun saya beragama Islam dan tiga (3) *nurse* yang membantu saya untuk menjaga emak saya memberi tunjuk ajar, walaupun mereka ialah anak-anak muda dan berbangsa cina dan bukan Islam dan mereka membantu saya bagaimana untuk mencari Imam Masjid dan sebagainya bila masa macam mana hendak betul-betul jaga.

Dalam Islam kita tahu macam mana roh nak keluar dan kita tidak faham macam mana. Saya rasa sampai masanya bagi kita mempunyai jagaan *palliative* pesakit muslim. Hospis Malaysia ini juga meminjam peralatan katil hospital oksigen serta merta kepada pesaki dan membantu memberi tunjuk ajar kepada keluarga terdekat cara-cara yang betul untuk menjaga pesakit supaya pesakit selesa dan memudahkan keluarga yang menjaga pesakit dan saya mencadangkan agar Kerajaan Negeri atau Jabatan Agama Islam Pulau Pinang atau Pejabat Agama dan Zakat dan memberi khidmat jagaan *palliative* kepada pesakit Muslim bersama NGO dan sukarelawan Islam dengan latihan Hospis Malaysia dan *Ward Palliative Hospital* Bukit Mertajam supaya dapat meminjam peralatan dan katil hospital dengan segera serta memberi tunjuk ajar latihan fizikal, social, psikologi pesakit dan psikologi mengikut Garis Panduan Islam. Dengan ini saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Seterusnya Ahli Kawasan Permatang Pasir 30 minit. Silakan.

**Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Dato' Haji Mohd. Salleh Bin Man):**

*Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera dan selamat petang. *Alhamdulillah wassalatu wassalamu ala Rasulillah wa'alai alihi wasahabihi ajma'in ba'ad*. Terima kasih diucapkan kepada Timbalan Yang di-Pertua kerana memberi peluang pada petang ini mengambil bahagian di dalam sesi perbahasan kali ini. Sebagai permulaan saya ingin ungkapkan bahawa kebahagiaan hidup berumah tangga dan bekeluarga yang menjadi impian oleh setiap individu sama ada senang ataupun susah sama ada dia itu raja atau rakyat biasa, mulia ataupun hina, pendek kata tidak seorang pun di dunia ini yang ingin kesengsaraan ataupun kesulitan ataupun kesusahan untuk dirinya ataupun menyusahkan orang lain.

Ada empat (4) perkara yang membawa kebahagiaan iaitu wanita yang baik termasuklah isteri, ibu dan sebagainya rumah tangga yang lapang atau rumah tangga yang selesa, jiran yang baik dan kenderaan yang selesa. Timbalan Yang di-Pertua, tadi rakan saya telah pun membangkitkan di dalam persoalan-persoalan pada pagi ini menyentuh berkaitan dengan rumah kediaman. Saya juga ingin dalam perbahasan ini ingin membangkitkan dan akan menyentuh sedikit sebanyak yang mana keperluan atau pun mendapat rumah kediaman ini ialah satu keperluan di kalangan masyarakat khususnya di Pulau Pinang.

Di dalam usaha memastikan semua lapisan masyarakat mendapat rumah kediaman mengikut kemampuan masing-masing. Sepertimana yang kita maklum Kerajaan Negeri merancang beberapa jenis beberapa kategori rumah iaitu rumah kos rendah, rumah kos sederhana rendah dan rumah kos mewah. Di dalam usaha penyediaan rumah-rumah tersebut pula itu juga Kerajaan Negeri juga melalui agensi dan pihak swasta telah mengambil beberapa inisiatif yang berterusan bagi memenuhi permintaan rumah yang sentiasa tidak mencukupi.

Setahu saya Kerajaan Negeri memproses penyediaan rumah kos rendah dan kos sederhana rendah sahaja. Manakala kos tinggi sepenuhnya diserahkan kepada pihak pemaju ataupun swasta dan pihak swasta tidak begitu berminat untuk membina rumah kos rendah kerana tidak menguntungkan. Itulah yang saya faham Timbalan Yang di-Pertua, masalah kekurangan kos rendah bertambah meruncing

apabila pihak swasta dan awam tidak berminat ataupun tidak mampu membina rumah jenis ini. Pemaju swasta melihat perumahan kos rendah mempunyai kadar keuntungan yang rendah dan yang tinggi dan risiko untuk mendapat kelulusan bagi pemajuan daripada pihak berwajib dan seterusnya risiko menjualnya kepada golongan berpendapatan rendah.

Seingat saya pada tahun 1970-an pemaju swasta hanya membina 1% rumah kos rendah daripada keseluruan *output* pembinaan mereka. Keadaan berbeza apabila dasar perumahan kos rendah disyaratkan kepada pihak swasta supaya membinanya sebanyak 30% rumah kos rendah di dalam setiap projek perumahan yang diluluskan. Di dalam RMK-10 iaitu 2011 - 2015 telah menetapkan bahawa pembangunan perumahan akan terus diberi penekanan untuk menyediakan perumahan yang mencukupi dengan persekitaran yang selamat dan sihat di samping kemudahan awam yang lengkap. Saya bersetuju melalui Dasar Perumahan Negara amat sesuai dan bertepatan dengan cabaran semasa yang dihadapi oleh industri perumahan yang mana Kerajaan Negeri berganding bahu dengan pihak swasta, bekerjasama untuk mewujudkan industri perumahan yang mampan dan berdaya saing kerjasama ini memberi manfaat kepada pemilik rumah dan pemaju perumahan.

Dato' Timbalan Yang di-Pertua apa yang menjadi persoalan dan masalah ini adalah ramai orang tidak berkemampuan untuk memiliki rumah sendiri daripada wang simpanan mereka terutamanya di kawasan bandar-bandar besar. Mereka tidak mempunyai cara lain selain daripada menyewa rumah sepanjang hayat atau jika bernasib baik pun dapat tinggal di rumah setinggan. Manakala mereka yang mampu beli pula tidak mampu membeli secara tunai, maka ramai penduduk terpaksa meminjam wang sama ada meminjam pinjaman Kerajaan ataupun bank komersial untuk membeli rumah.

Hasilnya mereka terpaksa membayarnya kembali faedah ataupun untung bagi bank pembayaran selalunya secara insuran dalam jangka masa yang lama. Pada masa sekarang kita harus bersyukur kerana pinjaman perumahan secara Islam boleh diperolehi melalui Insititusi Kewangan Islam seperti Bank Islam Muamalat, Bank Islam Malaysia Berhad, Bank Muamalat Malaysia Berhad ataupun melalui kaunter-kaunter Islam di hampir semua bank konvensional yang dikenali sebagai Sistem Perbankan Tanpa Faedah. Bagi menghadapi kos rumah yang meningkat saya mencadangkan pihak yang berkaitan dengan pembelian rumah yang terdiri daripada pihak pemaju, koperasi dan bank yang memberi pinjaman harus melakukan sesuatu mengikut keupayaan masing-masing. Satu cadangan yang boleh dilakukan oleh Kerajaan Negeri iaitu membina rumah asas yang hanya dilengkapi dapur dan bilik air bagi membolehkan rakyat memiliki rumah kediaman sendiri.

Selain daripada dapur dan bilik air, rumah asas itu akan dilengkapi dengan sistem air dan pendawaian elektrik dan bekalan air serta tidak berdinding untuk ruang tamu atau bilik tidur, saya agak rumah ini kosnya dijangka lebih rendah 30% daripada rumah sekarang. Pembeli juga boleh mengubah suai ruang di dalam rumah mengikut cita rasa dan keperluan masing-masing. Hal ini bermakna pemilik rumah boleh menumpukan saiz ruang tamu dan jumlah bilik yang perlu dibina mengikut jumlah anggota keluarga sekali gus memastikan kehidupan keluarga lebih selesa. Diharapkan pihak pemaju juga digalakkan mengemukakan cadangan rumah yang mampu dimiliki.

Apa yang saya lihat pada hari ini Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri, harga rumah ditentukan sepenuhnya ole penjual ataupun pemaju sekalipun demikian peamu terlebih dahulu mengambil kira tentang kesediaan pembeli di kawasan pembeli sebelum menentukan harga tersebut. Secara tidak langsung seolah-olah kuasa tawar-menawar pembeli telah diambil kira oleh penjual sehingga jika diletakkan dengan harga terlalu mahal kerana tiada pembeli yang akan membeli. Jika kita lihat pada tahun 1980-an apabila keadaan ekonomi meleset menyebabkan banyak rumah yang terjual pada masa tersebut kuasa pembeli agak terjejas disebabkan kemelesetan ekonomi negara. Keadaan ini menyebabkan mereka tidak berminat membeli rumah maka dengan sendirinya memaksa pemaju menurunkan harga rumah ke paras yang difikirkan mampu dan menarik minat pembeli untuk membelinya.

Walau bagaimanapun penentuan harga seperti ini menguntungkan penjual atau pemaju kerana pembeli sanggup menjual harga yang rendah terutama sekali dalam keadaan ekonomi yang baik dan wujudnya persaingan hebat untuk dapatkan rumah. Oleh itu harga rumah sentiasa meningkat daripada setahun ke setahun, oleh itu di....(gangguan).

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Haji. Sr. Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

Penjelasan. Terima kasih saya cuba nak *visualize* rumah yang ada bilik air, tak ada bilik lepas itu tuan rumah masuk, dia buat sendiri, macam tu? kalau rumah itu dibuat 500 kaki persegi dia akan masuk buat bilik sendiri. Dia rancanglah, saya faham maknanya kalau yang masuk itu yang berkeluarga macam mana? Masa bila nak buat rumah pula? Bilik dan sebagainya? Dan bila dia masuk dalam rumah dah bapa dengan anak dengan isteri, anak tiga orang masa bila nak buat bilik pula? ... (gangguan), okey tak apa kalau macam itu kita boleh fikirlah. Maksud saya bersetujukah Yang Berhormat permatang Pasir dengan *option* yang diberikan kepada pihak pemaju. Mereka boleh membayar, ataupun memberi *contribution* dan tidak perlu membina kos rendah, Yang Berhormat mereka buat rumah kos rendah, mereka boleh memberi macam *contribution*, ganti rugi, adakah bersetuju Yang Berhormat permatang Pasir *risky* yang semacam itu, bermakna pemaju tidak perlu membuat rumah lagi dah dia boleh buat rumah mahal-mahal, setuju tak?

**Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Dato' Haji Mohd Salleh Bin Man):**

Saya boleh bersetujulah dengan cara yang perlu kepada khususnya untuk yang paling penting yang saya bawa ini bagaimana untuk mendapatkan tepat kediaman yang lebih selesa...(gangguan).

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Haji. Sr. Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

Yang Berhormat kalau bersetuju bahwasanya mereka tidak perlu buat rumah, mereka buat *contribution* so yang itu, tapi Yang Berhormat kata tadi Yang Berhormat mahu yang kos rendah, yang mana satu Yang Berhormat nak sebenarnya ini?

**Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Dato' Haji Mohd Salleh Bin Man):**

Yang saya bawa ini untuk memberi satu maklumat kepada pihak yang menguruskan berkaitan dengan permohonan rumah tadi supaya, sebab kita dapat aduan dan maklumat daripada mereka yang tidak dapat berkemampuan untuk memiliki rumah sendiri, sebab itu saya bawa ini untuk dibentangkan sekurang-kurang ada pemerhatian khusus pihak-pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung. Dengan itu saya juga mengharapkan Kerajaan Negeri boleh terus membantu dan menyelesaikan masalah perumahan ini untuk membantu golongan yang tidak berkemampuan untuk mendapatkan rumah yang selesa. Dato' Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri saya teruskan lagi saya tertarik pula dengan istilah....(gangguan), memberi keusahawanan.

**Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria):**

Permatang Pasir penjelasan. Dato' Speaker, menarik ini.

**Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Dato' Haji Mohd Salleh Bin Man):**

Tak apa saya nak teruskan, nanti, nanti.

**Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria):**

Menarik ini.

**Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Dato' Haji Mohd Salleh Bin Man):**

Tak apa, nantilah, saya terus sebab...(gangguan), ambil masa yang lama .... (gangguan).

**Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria):**

Ada kaitan, adakaian dengan rumah, saya nak membantu Yang Berhormat Permatang Pasir, saya kasihan pasai Yang Berhormat Permatang Pasir keseorangan, saya perlu bantu.

**Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Dato' Haji Mohd Salleh Bin Man):**

Tak ada, saya seorang lebih selesa.

**Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria):**

Tak selamat... (ketawa) sikit saja Yang Berhormat... (gangguan).

**Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Dato' Haji Mohd Salleh Bin Man):**

Saya teruskan.

**Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria):**

Tak pasal rumah tu saya menarik...(gangguan).

**Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Nanti dulu Sungai Acheh.

**Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Dato' Haji Mohd Salleh Bin Man):**

Ha bagi, bagi.

**Ahli Kawasan Sungai Acheh (YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria):**

Terima kasih, saya masih samar Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri bila nak buat rumah itu, tak ada dinding. Betul?

**Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Dato' Haji Mohd Salleh Bin Man):**

Pihak rumah boleh memikirkan bagaimana yang itu yang saya bawa ni.....(gangguan), tapi kalau pihak Yang Berhormat Sungai Acheh pun nak dapatkan sebuah tempat kediaman boleh memikirkan bagaimana untuk juga boleh dapatkan rumah yang selesa melalui cara yang saya bawa tadi, jadi.....(gangguan). Jadi saya nak teruskan YB. Dato' Speaker....(gangguan).

**Ahli Kawasan Sungai Acheh (YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria):**

Ada tambahan saya baru mukadimah...(ketawa), bila sebut soal rumah tak ada dinding, maknanya dari segi kesejahteraan insan itu tidak terbelia, bayangkanlah suami isteri anak ada buat rumah tak ada dinding, untuk masa mencari nak buat dinding pun agak masa panjang, duit kalau main kutu pun tak dan nak himpun untuk buat dinding. Jadi saya nak mencadangkan setuju tak Yang Berhormat Permatang Pasir, saya nak panggil rumah ini rumah "otek." Tak apa rumah "otek-otek",..... (gangguan) pelan-pelan buat. Tadi ni pasai lambat sangat buat ni pelan buat. (gangguan) dak bukan saya nak cadangkan pada Kerajaan Negeri supaya dapatkan tanah lepas itu banyak tanah-tanah Kerajaan, buat rumah "otek" bermaksud rumah itu ada dinding, tapi kita buat ada dinding buat dengan saiz yang kecil, jadi esok ini bila ada pendapatan oleh anak dan keluarga depa perkemas di bawah ini, ada kita buat tak silap saya Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang dah buat Timbalan Yang di-Pertua di kawasan Timbalan Yang di-Pertua di Sungai Duri, Dato' ingat? jadi setuju tak Yang Berhormat Permatang Pasir, saya ubah nama "otek" tapi berdinding.

**Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Ada 15 minit lagi.

**Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Dato' Haji Mohd Salleh Bin Man):**

Jadi yang paling penting ialah dapatkan rumahlah untuk pihak yang tidak berkemampuan. Timbalan Yang di-Pertua, saya pun tak ambil masa yang lama sikit lagi. Saya tertarik dengan istilah keusahawan dengan Profesor Mariana Marzukato muka surat 3 no. 6, sebab berkaitan dengan kemudahan yang diberikan oleh Kerajaan Negeri banyak membantu rakyat untuk meningkatkan pendapatan mereka. Bantuan melalui mikro kredit pinjaman dengan lain perkataan dalam

masyarakat kita terdapat orang-orang yang tidak berani membuat perubahan terutamanya untuk mereka bidang-bidang baru yang mencabar contohnya orang yang makan gaji takut untuk bermula kerana takut kepada risiko, yang bermula secara kecil-kecilan pula takut membesarinya sebab takut rugi besar sepatutnya mereka mengamalkan keberanian seperti kata pepatah Melayu:

Alang-alang mandi, biarlah basah,  
Alang-alang menyeluk pekasam,  
Biar sampai ke pangkal lengan,  
Mengenggam bara api, biar menjadi abu,  
Alang-alang bermula biar sampai jadi jutawan.

Itulah yang sepatutnya yang menjadi matlamat ahli perniagaan sayangnya Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri oleh kerana ada sifat tak berani, maka ada yang suka mengamalkan sikap kais pagi makan pagi, kais petang makan petang, hidupnya tak ubah seperti ayam sentiasa di dalam ketakutan dan tidak memandang jauh, kerjanya hanya untuk cari makan bukan bekerja untuk mencari kejayaan.

Satu lagi contoh, contoh orang-orang yang takut ialah takut membuat keputusan sendiri. Sebenarnya untuk membuat keputusan memerlukan keberanian mengapa ada orang yang takut membuat keputusan, kerana mereka takut membuat kesilapan. Hakikatnya ialah jika selagi seseorang itu tidak berani membuat keputusan ia tidak akan mengambil apa-apa tindakan atau langkah pertama. Selagi tidak ada langkah pertama bermakna tidak ada langkah yang terakhir langkah pertama inilah langkah yang terpenting sebab itu ia tidak mengambil langkah pertama takut membuat kesilapan bererti ia takut pada kegagalan padahal kita manusia tidak akan belajar daripada perbuatan yang betul, manusia hanya berjaya setelah gagal, manusia hanya belajar daripada pengalaman pahit sebab itu seorang ahli fikir Amerika pernah berkata, lupa dah nama dia, dia kata Universiti terbaik di dunia ini adalah universiti pengalaman pahit kerana ia dianggap sebagai guru terbaik bagi kehidupan manusia itu. Sekiranya ada yang pernah mengalami pengalaman pahit saya ucapkan syabas kerana telah pergi ke universiti terbaik dan telah bertemu dengan guru terbaik. (gangguan)....

**Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Haji Mahmud bin Zakaria):**

Saya sedap dengar....(gangguan).

**Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Yang Berhormat kita sekarang ni sedang ... (gangguan) jimatkan masa.... (gangguan).

**Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria):**

Saya cuma nak tanya....(gangguan).

**Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Dia ambil masa Yang Berhormat kita kurangkan....(gangguan).

**Ahli Kawasan Sungai Acheh (YB. Dato' Haji Mahmud bin Zakaria):**

Saya nak tanya sama ada Yang Berhormat Permatang Pasir sudah buat keputusan dak lagi, di mana Yang Berhormat Permatang Pasir sekarang... (gangguan).

**Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Dato' Haji Mohd Salleh Bin Man):**

saya fokus berkaitan dengan perbahasan bajet...(gangguan).

**Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Teruskan.

**Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Dato' Haji Mohd Salleh Bin Man):**

Bagi tumpuan apa yang telah bahaskan, jauh sangat itu....(gangguan) dan syabas kepada Kerajaan Negeri kerana membentuk dasar ekonomi yang progresif yang dipimpin pelaburan, yang inklusif untuk mencipta kekayaan melalui perkongsian awam dan swasta kita lihat didalam banyak aspek Pulau Pinang adalah sebuah negeri yang menuju sebagai negeri keusahawanan. Kering mulut ini.... (gangguan).

**Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Sila buat kesimpulan....(gangguan).

**Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Dato' Haji Mohd Salleh Bin Man):**

Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri saya menarik perhatian sikit lah mengenai isu berkaitan dengan isu vaksin yang hangat diperkatakan sebelum ini apabila penyakit anjing gila, lembu gila ada? Yang melanda di negeri utara semenanjung dan berkaitan kesihatan turut mensyaratkan agar bayi atau kanak-kanak mengambil vaksinasi atau seperti yang dijadualkan, namun terdapat adanya kumpulan-kumpulan tertentu ini yang bergerak bagi menggambarkan keburukan vaksin seperti yang saya fahamkan kewujudan kumpulan anti vaksin di Pulau Pinang masih terkawal. Sekarang ini serangan penyakit *rabies* ini telah diisytiharkan bebas daripada jangkitan. Dan terdapat pula kumpulan anti vaksin sendiri daripada masyarakat umum yang tidak dapat dikenal pasti daripada golongan agamawan-agamawan ataupun tidak. Jadi saya nak minta supaya pihak bahagian kesihatan ini supaya bagi penjelasan, sebab itu kita amat berasa dukacita sekiranya yang berkaitan dengan pengambilan vaksin demi mencegah penyakit berjangkit seumpama campak, tibi, batuk kering, polio dan lain-lain.

Apa yang amat membimbangkan ibu bapa kepada lebih daripada 5,000 bayi yang dilahirkan yang tersebut dalam laporan media baru ini, lebih daripada 500,000 bayi yang dilahirkan pada tahun ini ekoran mereka gagal mendapatkan suntikan imunisasi untuk bayi masing-masing ekoran kononnya semua hospital swasta kehabisan bekalan vaksin sejak Jun lalu. Manakala stok vaksin itu di hospital Kerajaan pula, semakin menurun, semakin kurang, dia ada di kalangan pihak di bahagian, di jabatan kesihatan mengatakan tempoh tiga (3) bulan sahaja, cukup membimbangkanlah. Sepatutnya vaksin yang mencegah lima (5) jenis penyakit

yang saya sebutkan tadi, yang perlu diberikan pada bayi dalam usia dua (2), tiga (3), lima (5) dan 15 bulan sepatutnya mendapat suntikan vaksin ataupun berkaitan dengan imunisasi tadi tapi oleh kerana dalam keadaan kekurangan bahan suntikan tadi ini menimbulkan masalah kepada ibu bapa sebab setiap hari setiap ketika kanak-kanak atau bayi dilahirkan. Ini membimbangkan. Saya ingin tahu benarkah terdapat ibu bapa yang ingin mendapatkan vaksin imunisasi untuk bayi mereka terpaksa menunggu lama untuk tarikh temu janji di klinik Kerajaan? Lama ini menimbulkan keresahan. Ada juga yang tidak dapat suntik langsung pun ada. Mereka kata tidak payah suntik kalau pergi ke swasta hendak bayar hendak pergi ke hospital Kerajaan pula tunggu masa lama. Padahal suntikan-suntikan imunisasi ini boleh mencegah daripada pelbagai jenis penyakit. Adakah juga kumpulan tertentu bergerak bagi menggambarkan keburukan vaksin ini jika ada khususnya di Pulau Pinang ini adakah golongan argamawan atau sebaliknya? Saya hendak dapat maklumat sebab kadang-kadang orang kempen kata tidak payah buat suntikan dan sebagainya.

Dato' Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri, berkaitan dengan masalah kesesakan lalu lintas. Ini juga perlu diberi perhatian apatah lagi dalam keadaan sebulan kita ini hujan setiap petang yang mengakibatkan bila berlakunya kesesakan berlaku kadang-kadang terutama pada masa puncak, sekarang ini kalau hendak pergi kerja pun dia orang jarang naik kereta naik, tidak naik motor,naik kereta sebab hujan. Kita minta perancangan-perancangan yang berkaitan dengan lalu-lintas yang agak teruk di negeri kita supaya dapat sama-sama kita memikirkan cari jalan yang terbaik menghindarkan daripada kesesakan yang melibatkan kadang-kadang apabila ada berlaku kecemasan boleh tergendala dalam urusan yang perlu diselesaikan.

Sedikit juga berkaitan dengan bila berlaku hujan sudah sebulan lebih hujan hari-hari saya menerima aduan banyak daripada pekebun-pekebun sayur di kawasan saya sendiri yang mengakibatkan berlakunya kerosakan sayur. Pendapatan pun kurang dan mengakibatkan mereka perlu mengeluarkan perbelanjaan lebih dengan sebab perlu kepada hendak beli benih sayur dan baja lagi. Jadi ini suara-suara yang telah di bawa oleh pekebun-pekebun sayur ini dan saya minta supaya pihak Jabatan Pertanian membekalkan baja dan juga benih-benih sayur. *Insha-Allah*.

Sedikit lagi Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri, dengan kebanjiran pekerja asing juga di sebut tiap kali ada sidang saya setiap kali saya sentuh ini dengan kehadiran pekerja asing yang mana sektor perindustrian dan pembangunan memerlukan pekerja-pekerja tersebut ini hendak bawa pula lagi tambahan pekerja-pekerja asing lagi ini yang mana kita nampak boleh mendatangkan kerisauan kepada penduduk tempatan. Kita perlu tenaga mereka ini tenaga pekerja-pekerja tersebut tetapi pada waktu yang sama mereka ini boleh mendatangkan kerisauan kepada penduduk-penduduk tempatan.

#### **Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji A/L Autherapady):**

Penjelasan Yang Berhormat. Sedikit saja. Saya ingin pendapat Yang Berhormat berkenaan kenyataan menteri dalam negeri telah saya tanya pada hari pertama di mana kenyataan dikeluarkan kononnya rakyat Malaysia ini tidak boleh diambil untuk bekerja kerana mereka ini kurang dipercayai dan tidak begitu setia. Itu adalah kenyataan yang dikeluarkan oleh menteri dalam negeri ketika

mengklasifikasikan sebab mengapa perlu kemasukkan pekerja-pekerja daripada Bangladesh. Kononnya rakyat Malaysia ini tidak boleh diambil bekerja terutamanya di stesen-stesen minyak Petrol, Shell kerana mereka tidak boleh dipercayai terutamanya bila ia melibatkan pengendalian wang dan sebagainya. Saya minta pendapat Yang Berhormat.

**Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Dato' Haji Mohd. Salleh Bin Man):**

Kenyataan yang dibuat oleh seorang menteri yang seolah-olah menggambarkan penduduk tempatan warganegara sendiri seolah-olah menggambarkan mereka ini sebagai anak tiri tidak sepatutnya di buat kenyataan yang sedemikian.

Dato' Tlimbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri ini membolehkan mendatangkan ketakutan di mana mereka ini telah menguasai kawasan yang mendatangkan risiko tinggi terhadap keselamatan paenduduk. Walaupun mengikut kajian kehadiran pekerja-pekerja asing ini tidak menjadi satu bentuk ancaman keselamatan tetapi yang merunsingkan ialah akhir-akhir ini terdapat kehadiran mereka mungkin menyebabkan ketidakselesaan di kalangan penduduk tempatan dengan kehadiran warga asing ini. Sungai Aceh menyusahkan juga walaupun perlu mereka sebagai tenaga pekerja untuk membangun negara kita negeri kita ini tetapi boleh mendatang sebagai kita warga negara tempatan ini ada kerisauan sebab itu kita harap pihak penguasa ataupun pihak yang terlibat khususnya Polis akan sentiasa membuat rondaan bagi memastikan keselamatan rakyat Pulau Pinang ini terjamin daripada menghadapi situasi ketakutan ini. Jika melihat indeks jenayah yang berlaku kononnya disebabkan oleh pekerja warga asing kita tengok walaupun kadang-kadang berlaku kita memaparkan yang banyak berlaku kes-kes jenayah ini dilakukan oleh warga tempatan pun ada. Jadi hendak kena seimbangkan bagaimana untuk kita dapat kepastikan supaya apa pun sama ada warga tempatan atau warga asing apabila terlibat dengan kes-kes jenayah perlu kepada satu tindakan yang munasabah dan kita tidak menafikan juga warga tempatan melakukan jenayah seperti jenayah samun ada curi motor dan pecah rumah banyak berlaku. Di kampung-kampung sekarang pun banyak.

Saya tertarik sepertimana yang telah di sebut oleh Pantai Jerejak tadi berkaitan untuk mewujudkan satu lagi pasukan baru jadi sekurang-kurangnya boleh dapat membantu dan meringankan lagi dan boleh mengurangkan kerisauan di kalangan penduduk di Pulau Pinang ini. Saya juga tertarik sedikit tentang jadi satu isu mutakhir berkaitan dengan vape ataupun rokok elektronik yang berbagai-bagai pandangan menteri kata macam ini, kita di peringkat Jabatan Mufti kita pun ada sebut macam ini dan kita juga sebelum ini ada berkaitan dengan TEMBAR, MISBAR, MASBAR Pulau Pinang bebas rokok masjid bebas rokok bebas, bebas daripada asap rokok Kemudian sekarang wujud pula timbul pula berkaitan dengan rokok elektronik lagi asap lagi banyak berkepul-kepul lagi. Bukan sekadar orang yang menghisap tetapi orang yang berada di sekeliling yang tidak hisap juga boleh mendatangkan kesan dan boleh jadi juga ketagih dan saya juga terbaca sikit berkaitan dengan vape ini yang juga digunakan oleh sindikit dadah antarabangsa untuk mengedar dadah jenis sintetik saya pun tidak berapa sangat. Orang yang ini dia faham. Jadi rupa-rupanya teknologi vape ini boleh digunakan untuk dadah seperti ganja, ice dan pelbagai dadah sintetik yang jauh lebih ketagih dan merbahaya kepada pengguna.

Baru ini menteri kata tidak mengapa ini orang bermiaga boleh untung. Bagi kita yang tidak hisap bagi orang yang ada penyakit dan sebagainya cukup susah hati. Tambahan pula asap vape yang mengandungi dadah ini juga akan menyebabkan mereka yang berada di sekeliling juga dapat kesan dan lama-kelamaan akan menjadi sakit dan juga mungkin akan menjadi ketagih kepada dadah. Ini mungkin juga disembunyikan oleh penjual vape yang mengaut keuntungan yang mana yang saya juga terbaca di sebut sebotol dadah sintetik harganya RM400.00 tinggi sehingga RM1,500.00 bergantung kepada jenis dadah dan kekuatannya. Jadi *margin* keuntungan untuk pengedar adalah antara 50 hingga 70% yang cukup sangat lumayan.

**Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor):**

Penjelasan.

**Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Dato' Haji Mohd. Salleh Bin Man):**

Ya Sungai Dua.

**Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor):**

Terima kasih Permatang Pasir dan Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri. Apabila sebut tentang vape, jadi ini merupakan satu isu yang sedang hangat diperkatakan. Cuma kalau boleh dari segi vape kita cuba untuk melihat dari segi sudut bahaya memang bahaya rokok bahaya vape pun bahaya. Cuma dari sudut pengawalan dan penguatkuasaan agak lemah sebab vape ini saya nampak dia sampai peringkat budak kecil pun hisap. Dalam satu rumah itu kadang-kadang satu rumah itu hisap. Dia share. Mereka share satu rumah dan ini menimbulkan satu perkara yang berkaitan dengan sosial, moral dan sebagainya. Kalau perlu dipastikan kalau kita hendak haramkan, diharamkan ataupun kalau hendak dibenarkan perlu ada satu bentuk penguatkuasaan kawalan tidak boleh macam rokok tidak boleh di tempat terbuka dan perlu ada satu peringkat umur dia tidak boleh hisap seperti yang di bawah 21 tahun. Perlu ada penguatkuasaan yang begitu ketat supaya tidak timbul masalah dari segi moral dan sosial dan dari segi penguatkuasaan dan penempatan perisa-perisa dia boleh masuk macam-macam air ketum pun boleh buat jika tiada penguatkuasaan. Jadi ini juga menimbulkan bahaya. Saya hendak kata kalau kita buat keputusan pengharaman tapi kena tengok juga dari segi kaedah penguatkuasaan dan juga dari segi supaya tidak timbul masalah kerosakan akhlak/moral di kalangan masyarakat yang di lihat semua orang boleh hisap vape dia timbul perkara macam itu semua orang boleh hisap tidak ada kawalan dan penguatkuasaan yang ketat.

**Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Sila buat kesimpulan.

**Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Dato' Haji Mohd. Salleh Bin Man):**

Sedikit lagi bagi lima minit. Ada sikit lagi yang agak penting juga. Saya bawa kemukakan berkaitan dengan rokok sebab ada saya terbaca yang boleh disalahgunakan takut disalahguna mengakibatkan bahaya itu lebih besar lagi kepada masyarakat umum apatah lagi dari segi sosial tadi sebut macam syiaya yang

hisap berkongsi pula ramai-ramai, tidak tahu macam-macam dulu telah diharamkan ini timbul pula benda yang baru. Jadi kita mengharapkan supaya semua pihak khususnya bahagian di peringkat kesihatan juga memikirkan bagai mana cara untuk hendak menyelesaikan masalah ini.

Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri yang sehubung kait dengan apa yang saya bawa tadi berkaitan dengan vape tadi juga ada sikit berkaitan dengan keselamatan rakyat. Sememangnya menjadi fokus utama Kerajaan Negeri dan usaha bagi mengurangkan kadar jenayah akan dipertingkatkan. Menjadi masalah sekarang ini yang perlu juga di ambil perhatian oleh semua pihak iaitu penyalahgunaan dadah. Ini penting juga sudah senyap kini timbul pula sekarang ini termasuk tadi Sungai Dua kata air ketum juga yang boleh mendatangkan ketagihan ini. Penyalahgunaan dadah merupakan satu masalah dunia yang bahaya kesannya berjuta-juta telah mati sia-sia. Berjuta lagi telah hidup tidak tenteram diganggu penagih-penagih. Beribu-ribu juta ringgit telah dihabiskan untuk tujuan pemulihan penagih. Pendek kata kalau hendak disenaraikan satu persatu mungkin ada yang termuntah-muntah kerana ngeri sekali melihat buruk bahaya kesan penyalahgunaan dadah sebenarnya ia adalah merupakan satu tragedi yang sangat ngeri yang telah menimpa umat manusia dewasa ini.

Di dalam Dewan yang mulia ini bukan tujuan saya hendak membicarakan apa yang berlaku di dunia luar sana saya hanya ingin membawa untuk pengetahuan dan renungan di dalam sidang Dewan kali ini apa yang berlaku di hadapan batang hidung kita sendiri, jangan kita menjadi orang yang nampak kuman di seberang laut tetapi tidak nampak gajah di depan mata. Di negara kita termasuk Pulau Pinang ini terdapat lebih setengah juta juga penagih yang telah dikenal pasti telah di kenal belum pasti lagi berapa ramai? Yang tidak tahu yang duduk jadi doktor sendiri pun banyak jadi hak itu hak kita tidak tahu pun banyak lagi. Kalau tidak keterlaluan saya kata katakan setiap orang penagih yang telah di kesan mungkin ada satu atau dua lagi yang belum di kesan dengan lain perkataan angka penagih mungkin boleh menjadi dua (2) atau tiga (3) kali ganda angka yang telah dikenal pasti. Ini adalah satu pencapaian yang sangat mengagumkan.

Sekiranya terdapat hampir 1 juta atau lebih 1 juta bilangan ahli di dalam satu-satu pertubuhan ataupun organisasi untuk tujuan kebajikan masyarakat. Cukup baik punya, kalau jumlah banyak ni, manusia yang terlibat dengan persatuan kebajikan, cukup hebatlah. Tapi, seandainya untuk tujuan kemusnahan masyarakat, angka yang saya sebutkan tadi adalah merupakan sesuatu yang sangat mengerikan dan dahsyat sekali. Lebih dahsyat daripada peperangan senjata. Belum ada tercatit dalam sejarah negara kita, satu peperangan yang telah mengorbankan sejuta nyawa. Dadah ada, perang tak sampai macam tu kan? Persoalan terbesar sekarang ialah bukan sekadar mengenali mereka, bukan melemparkan kata-kata yang tak baik kepada mereka, bukan meletakkan kesalahan kepada mereka, bukan sekadar menguatkan undang-undang semata-mata tetapi bila jeritan batin telah memanggil dadah yang membawa padah, kalau tak percaya tanyalah mereka betul tak betul, yang depa tahu, sampai masa khayal, cari benda itu sahaja. Ini masalah. Pendek kata, kalau kita fikirkan dalam-dalam, saya ini jenis kesian kat orang. Hati lembut. Tapi tak selalunya baik lah. Pendek kata, kalau kita fikirkan dalam-dalam, kita dapatni lebih bernasib baik dari mereka yang terlibat.

Dari faktor pendidikan dan sebagainya, kita *alhamdulillah*. Kita sayang mereka. Apakah sumbangan yang sangat kecil untuk dikira sebagai sumbangan tetapi ingat, kalau yang kecil pun kita tak boleh lakukan, apalagi yang besar. Bukan sekadar menyediakan pusat pemulihan semata-mata, walaupun usaha itu adalah terpuji. Kadang-kadang cuba kita tengok, contoh, kita bagi contoh Dato' Timbalan, sikit lagi, contoh ini, ketika kita meletakkan kereta di mana-manalah di Pulau Pinang ini, tempat *parking* dan sebagainya, bukan semua saya nak sebut, bukan semua. Waktu malam atau waktu masa-masa tertentu akan muncul seorang pemuda berpakaian lusuh menawarkan perkhidmatan menjaga dan mengelapkan kereta. Sungai Aceh pernah macam itu, kita berhenti tiba-tiba ada orang macam itu? Kita tak teruk pun, tapi dia dok mai, lap kereta, dok cucikan? Apabila kita beredar, orang yang sama akan menghampiri kita. Bila dia mari, kita pun, kita fikir tentulah ada sebab dia mari itu. Tahukah kita apa yang dia mahu? Tentu ada pasal. Dia mahukan upah di atas kerja yang kita sendiri pun tak suruh. Yang ini ada masa tertentu tempat-tempat tertentu kita tak suruh pun dia mai tolong jaga. Apakah kita beri ataupun terus beredar? Ini persoalannya. Di sinilah keputusan yang sukar dibuat oleh ramai orang. Kalau kita bagi, kita tak minta dia buat pun, dan kalau tak bagi, ini masalah, kalau kita tak bagi, kereta kita dirosakkan. Bila kita datang lain kali pula, dia mark kereta ini lain kali datang dia pasang. Jadi kita bimbang. Kita tengok dalam banyak hal, kita akan bagi kerana tak mau tanggung risiko rosak kereta. Tahukah kita setiap sen atau seringgit yang kita berikan, apakah yang akan dibeli oleh pemuda tersebut? Kita tengoklah daripada awal itu dia macam ini, tahu dah dia dok melilau, ada masalah la kan. Saya yakinlah dan kita pun tahu, dia akan beli dadah. Jadi maknanya bukan semua orang macam tu tetapi kenapa kita bagi? Kerana sayang kereta kita itu. Kalau macam tu kita sayangkan kereta daripada sayangkan saudara kita sendiri.

Dato' Timbalan Yang di-Pertua, saya sarankan Kerajaan Negeri banyakkanlah aktiviti sihat khususnya kepada golongan belia kerana terdapat golongan ini yang terbanyak terlibat dengan penyalahgunaan dadah. Timbalan Yang di-Pertua, untuk akhirnya satu (1) lagilah nak rujuk pada muka surat 37, no. 84 di sebut di sini dalam ucapan bajet oleh Yang Amat Berhormat Ketua Menteri bagi kawasan Parlimen Permatang Pauh. Peruntukan berjumlah RM9.43 juta telah diluluskan untuk pembentangan antara lain, pengambilan balik tanah untuk tapak masjid, sekolah agama dan tapak perkuburan kariah masjid Tokun Atas serta tapak untuk dewan orang ramai KADUN Permatang Pasir. Jadi, ucapan bajet ini bercanggah sikit. Sebut pertama Permatang Pauh, kemudian bila sebut Masjid Tokun Atas, pengambilan balik tanah, lepas itu sebut pula KADUN Permatang Pasir. Yang ini KADUN Machang Bubuk, dia Parlimen Bukit Mertajam, bukan Permatang Pauh. Ini pembetulanlah. Jauh sangat lari ini. Saya juga ada buat permohonan untuk pembinaan masjid baru di Tokun Atas pada pembentangan 2009 tak silap atau 2010 dalam bajet juga disebut tapi belum menjadi kenyataan sehingga kini. Jadi bila ada diangkat bawa angat balik, saya rasa bersyukurlah. Mudah-mudahan apa yang tercatat di sini menjadi kenyataan. Masjid Tokun Atas dan juga berkaitan dengan pengambilan balik tanah untuk tapak masjid sekolah agama dan juga berkaitan dengan buat pengambilan dululah, yang di bawah itu betul. Pada 2016 untuk tujuan mitigasi banjir di Parlimen Permatang Pauh sebanyak RM22.47 juta diperuntukkan iaitu untuk pembinaan jambatan baru, rumah pam dan menaik taraf Sungai Rawa yang melibatkan kawasan Padang Lalang, Kampung Permatang Rawa dan kawasan Kampung Tanah Liat Mukim 20, Taman Guru, di samping keperluan pembentangan sebanyak RM9.9 juta. Ini betul...(gangguan).

**Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela binti Ariffin):**

Mohon laluan. Nak tanya *statement itu*. Saya nak tanya, sama ada ada *typo*, ada kesilapan *typo*, di situ RM22.4 juta diperuntukkan untuk pembinaan jambatan baru seterusnya di kawasan Padang Lalang, Kampung Permatang Rawa dan kawasan Kampung Tanah Liat Mukim 20, sebab saya rasa Mukim 9 dan Mukim 8 di Taman Guru. Nak tahu sama ada ia ada pembetulan. Soalan yang saya nak tanya sebab di dalam RM22.4 juta ini disebut pasal pembinaan jambatan baru tapi setahu saya yang bila saya baca *term of reference*, sebenarnya masa mula-mula Projek Tebatan Banjir ini saya dalam Mesyuarat MMK Tebatan Banjir memohon kepada Padang Kota, yang saya nak tanya *collector drain* untuk Sekolah Tanah Liat, rumah pam di Sungai Permatang Rawa di Tanah Liat Mukim 9. Adakah dia termasuk sebab tiba-tiba ada jambatan baru ini, di mana? Dan adakah permohonan asal untuk *collector drain* di Tanah Liat dan rumah pam dan juga kolam takungan air, adakah perkara ini telah dikeluarkan dan adakah ianya ia masih di Kampung Tanah Liat Mukim 9? Terima kasih.

**Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Dato' Haji Mohd. Salleh Bin Man):**

*Insya-Allah* akan dibuat pengulangan jawapan oleh pihak yang berkenaan. Dato' Timbalan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Seterusnya, Bagan Dalam.

**Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Tanasekharan A/L Autherapady):**

Terima kasih atas peluang yang diberi untuk berbahas Rang Undang-undang Perbekalan 2016 dalam usul anggaran pembangunan 2016. Tuan Speaker, sesiapa sahaja yang *committed* kepada pemikiran rasional dan kebenaran akan memperakui bahawa senario politik di Malaysia masa kini amat mencabar. Nilai murni dan etika berpolitik bukan lagi menjadi perhitungan lama. Yang jelas ialah usaha untuk mengekalkan kerusi mereka tanpa kira institusi-institusi demokrasi yang mereka telah musnahkan oleh segolongan ahli-ahli politik.

Tuan Speaker, negara kini sedang dilanda prestasi ekonomi yang kurang baik. Jika tidak ditangani dengan baik, ianya boleh membawa kepada mudarat yang implikasinya tidak dapat dibayangkan. Antara petunjuk prestasi ekonomi ialah nilai ringgit Malaysia yang telah merosot. Selalu kita dengar dari Kerajaan Persekutuan ialah menyalahkan keadaan ekonomi dunia kini tidak menentu. Analisa seperti ini amat baik dan langsung tidak menggambarkan realiti. Ia memanglah keadaan ekonomi global ada kaitannya dengan nilai ringgit Malaysia masa kini tetapi ia bukan segalanya. Faktor-faktor dalaman juga menyumbang kepada jatuhnya nilai ringgit Malaysia. Hanya menyalahkan situasi ekonomi global semata-mata bukanlah penjelasan yang objektif. Supaya bersikap adil kepada objektiviti fakta, kejatuhan ringgit Malaysia haruslah juga dikaitkan dengan urus tadbir negara yang kurang baik hingga menyebabkan ketidakcekapan, salah guna kuasa, pernyelewengan dan rasuah. Semua ini memberi sumbangan kepada merosotnya nilai ringgit malaysia dan seterusnya memberi impak negatif kepada semua sektor ekonomi. Siapa yang menjadi mangsa kalau bukan rakyat. Dari satu (1) segi ini boleh dianggap sebagai pengkhianatan kepada rakyat.

Tuan Speaker, ambil sahaja rasuah, dari mana SPRM mampu menjalankan tugasnya dengan efektif serta adil jika statusnya tidak benar-benar bebas. Sesungguhnya, SPRM hendaklah dijadikan badan bebas yang bertanggungjawab terus kepada Parlimen, bukannya kepada mana-mana kementerian, dengan cara ini rasuah di semua peringkat boleh disiasat tanpa tekanan dari Kerajaan Pusat yang baru berlaku apabila Pegawai SPRM dipindah ke jabatan lain.

Tuan Speaker, isu 1MDB sedang hangat diperkatakan. Apakah motif mewujudkan 1MDB sedangkan sudah ada Khazanah Nasional sebuah syarikat pelaburan Kerajaan. Tentu mereka telah merancang terlebih dahulu untuk sapu wang rakyat. Skandal 1MDB telah memberi impak yang sangat buruk kepada Malaysia dari segi ekonomi, sosial dan juga hubungan antarabangsa. Dari segi ekonomi beribu juta ringgit Malaysia terpaksa disalurkan kepada pembayaran balik hutang luar negara. Sepatutnya jumlah besar wang ini boleh digunakan untuk pembangunan negara. Skandal 1MDB sesungguhnya adalah satu tragedi yang pasti akan tercatat dalam sejarah Malaysia.

Tuan Speaker, Pulau Pinang sejak diperintah oleh Pakatan Rakyat dan kini telah bertukar kepada Pakatan Harapan telah banyak mengalami perubahan ke arah menjadi sebuah negeri Malaysia yang benar-benar membangun berdasarkan nilai-nilai murni. Terima kasih kepada semua rakyat Pulau Pinang yang telah memberi sokongan dalam pelbagai bentuk. Tanpa sokongan mereka, segala apa yang dirancang dan seterusnya dilaksanakan tidak dapat mencapai kejayaan. DAP bersama rakan seperjuangannya PKR akan terus komited menjadikan Pulau Pinang sebagai Mutiara Timur yang benar-benar berkilaunya dengan seribu cahaya harapan dan cahaya harapan ini semakin menyerlah. Satu hari nanti Pulau Pinang pasti menjadi gabungan ukhwah antara rakyat dan pemerintah dalam proses pembangunan yang holistik serta menjamin kesejahteraan untuk semua rakyat Pulau Pinang.

Perpaduan kaum di Malaysia masih lagi merupakan satu impian yang belum diterjemahkan kepada realiti. Walau pun telah banyak diperkatakan mengenai perpaduan, segalanya masih gagal melahirkan perpaduan nasional. Antara lain untuk memupuk perpaduan antara kaum yang sebenar, politik Malaysia mestilah tidak berunsur perkauman. Parti-parti politik mestilah tidak berunsurkan perkauman dan menggunakan sentimen kaum untuk meraih sokongan. Sesungguhnya politik perkauman tidak lagi sesuai dengan cabaran semasa. Lagi pun sentimen perkauman amat bertentangan dengan semangat Rukun Negara. Kerajaan Pulau Pinang sudah menolak politik perkauman. Salah satu yang amat kurang sihat. Lantaran itu, perhatian diberikan kepada kepentingan semua kaum. Tidak ada mana-mana kaum yang dipinggirkan oleh proses pembangunan. Semua dapat merasainya termasuk ahli-ahli UMNO. Perbezaan kaum tetap ada tetapi dalam konteks budaya masing-masing. Sehubungan dengan ini, tekanan diberikan kepada nilai-nilai teras dan bukannya nilai-nilai fikiran. Dengan cara ini semangat perkauman dapat dikukuhkan. Ianya akan berada di paras yang tidak akan menjelaskan Negara Malaysia dan hidup aman damai berteraskan perpaduan kaumnya.

Tuan Speaker, oleh sebab golongan miskin sedang derita dengan bayaran GST, saya cadang bahawa gaji minimum harus dinaikan. Apa yang dicadang oleh Kerajaan Persekutuan tidaklah cukup. Kerajaan Pusat cadang RM1,000.00 tetapi

dalam keadaan sekarang, bukan sahaja orang miskin harus bayar GST tetapi juga harga barang-barang keperluan pun naik. Saya cadang gaji minimum harus dinaikan kepada RM1,200.00 sebulan. Bayaran BR1M oleh Kerajaan Persekutuan hanya untuk beli undi sahaja. Pemberian ini tidak akan menolong rakyat dalam kehidupan harian. BR1M diberi pada waktu perayaan. Wang ini hanya dihabiskan masa perayaan dan yang untung ialah peniaga-peniaga.

Tuan Speaker, akhir sekali saya menyentuh tentang Tol Sungai Nyior. Baru-baru ini Tol Sungai Nyior telah dinaikkan harga dari RM0.50 kepada RM1.20. Tol Sungai Nyior adalah tanggungjawab Kerajaan Pusat. Apabila tol dinaikkan dari RM0.50 ke RM1.20, Kerajaan Negeri pula disalahkan oleh Pemuda-Pemuda dari Gerakan dan MCA. Gerakan dan MCA pandai buat bising di tepi jalan, ambil posterlah, ambil inilah. Di Dewan satu (1) ekor pun tidak. Apakah GERAKAN dan MCA takut menyoal UMNO mengapa tol dinaikkan? UMNO pula tidak ada bantahan tentang kenaikan tol kerana yang untung ialah kroni-kroni mereka. Saya nasihat kepada Gerakan dan MCA, berilah fakta-fakta yang betul. Jangan cuba tipu rakyat Malaysia. Akhir sekali, saya nak tanya Ahli-Ahli Pembangkang, adakah mereka mendapat pangku mereka dari RM2.6 bilion sumbangan yang diterima oleh Perdana Menteri? Kalau dapat bagus. Ini adalah satu *admission* dari Ahli-Ahli UMNO bahawa mereka telah mendapat pangku mereka daripada Perdana Menteri. Dengan ini, saya mohon menyokong.

#### **Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Seterusnya Pengkalan Kota.

#### **Ahli Kawasan Pengkalan Kota (YB. Lau Keng Ee):**

Terima kasih Tuan Speaker kerana memberi peluang untuk mengambil bahagian dalam sesi Perbahasan Bajet 2016. Dato' Timbalan Speaker, pelancongan di Negeri Pulau Pinang semakin bertambah dan telah boleh dikatakan telah membawa banyak keuntungan dan lebih banyak orang tahu Negeri Pulau Pinang. Saya dapat jawapan bertulis yang telah ditanya dalam satu (1) tahun ini melalui Julai 2014 sampai September 2015, selepas Kerajaan Negeri mula mengutip levi hotel, Kerajaan Negeri telah melalui PBT telah mengutip levi hotel dan dapat sejumlah RM10 juta dalam masa lebih kurang satu (1) tahun dan ini telah boleh memberikan kita selain daripada apa yang dikatakan dalam bajet untuk menaikkan, buat satu aktiviti atau program supaya terus memajukan pelancongan di negeri ini dan saya memang di sini adalah satu cadangan bahawa pada Dewan yang bersidang yang lepas.

Saya pernah mencadangkan bahawa sepatutnya di Negeri Pulau Pinang ini kena mewujudkan satu Apps kerana kita boleh dapat tahu pada masa sekarang semua orang pun ada *smartphone* dan jika kita pergi ke mana-mana, jika kita ada *Penang Apps* itu, memang banyak orang atau negeri punya orang sendiri akan mendapat banyak manfaat dan boleh juga pada masa yang sama kita sekarang tengok dalam seperti satu Apps yang bernama *WeChat*. *WeChat* ini diwujudkan di Negara China dan *WeChat* sekarang di Negara China, mereka bukan hanya guna *WeChat* tersebut untuk berkomunikasi sahaja. Dengan Apps *WeChat* tersebut mereka boleh buat bayaran sebarang bil termasuk *transfer duit from the bank, in and out*. Jadi banyak lagi yang boleh selain itu boleh dapat tengok berita-berita dan juga panggil teksi atau mana-mana tempat untuk melancong atau mana-mana

tempat untuk beritahu mana-mana lokasinya jabatan-jabatan Kerajaan. Jadi ini membuktikan bahawa teknologi sekarang pada dunia masa sekarang, teknologi tersebut semakin boleh meringankan beban hidup manusia.

Jadi oleh itu sekarang di sana semua orang juga mereka hanya keluar jika terlupa ambil dompet, mereka hanya kena ada *handphone* sahaja. Mereka boleh *log in* kepada *WeChat*, mereka boleh membuat bayaran bila membeli. Atau *scan PLU code* atau mereka akan membuat bayaran melalui *WeChat*. Jadi ini akan menurunkan kes-kes yang merompak atau samun ini berlaku. Oleh itu saya memanglah berharap kerana selepas cadangan yang dibuat Dewan yang lepas dan sampai hari ini lebih kurang enam (6) bulan, saya masih tidak ada terima sebarang maklum balas daripada Kerajaan Negeri bahawa adakan inisiatif untuk membuat satu *Penang Apps* supaya negeri kita dapat terus dikenali oleh lebih banyak orang dan kerana pelancong sekarang semakin banyak dan rakyat kita, Ketua Menteri pun pernah cakap *Penang* mahu menjadi sebuah *International City*. Jika hendak *International City* bertambah kita sekarang WiFi kan, *hot-spots WiFi* ialah semakin banyak, kita sudah bertambah *why not we spend this money to* buat bagi dia untuk, kerana ada WiFi, jika kita tidak ada itu sistem telekomunikasi yang bagus, macam mana kita hendak memperkenalkan Pulau Pinang.

Jika kita ada *Penang Apps* saya boleh katakan, *I think in Malaysia, it is the first one to have own Apps own by government* kerana memang kita boleh nampak dalam sistem Apps bila banyak jika *you* bubuh Penang, ada yang buat persendirian punya. Macam *Waze* dan banyak lagi *MyTeksi* semua persendirian punya. Kita buat satu untuk gabungkan semua jadi sesiapa yang datang ke Penang, orang Penang juga datang dari Penang semua dapat guna. Hanya download sahaja kerana kita sudah *free WiFi*. *They can download everywhere* tanpa sebarang bayaran dan mereka boleh menikmati dan boleh lagi mempromosi. Ini satu kali bagi punya duit, keluar punya duit boleh dapat lagi mempromosi lebih banyak orang tahu kerana masa sekarang pemuda-pemudi semua dengan *handphone* sahaja. Kita tengok mereka duduk diam-diam sahaja ambil *handphone*. Berdepan siapa sahaja mereka sudah tidak tahu kerana mereka hanya berdepan dengan *handphone* sahaja walau pun ini memang *it's not encouraging* tetapi pada masa sekarang memang berlaku. Jadi oleh itu saya memang berharap kerana selepas sahaja kutipan levi yang beri *result it's very good*, lebih kurang satu (1) tahun telah dapat lebih kurang RM10 juta jadi saya berharap kerana Kerajaan Negeri dapatlah menjalankan promosi yang lebih mengikut zaman dan janganlah hanya dengan biasanya mempromosi melalui keluar *wizard* itu, jika kita ada *apps* itu kita boleh kurangkan kos percetakan *wizard* juga. Kerana kita tak payah, kebanyakan orang pun tak mau ambil, pergi melancong ambil satu *stacks* nya nanti Taman Negara Bukit Bendera itu semua fotostat, dalam itu *apps* semua ada.

So, itu saya sekali lagi berharaplah Kerajaan Negeri dapat mengkaji dan mempertimbangkan membuat satu apps Penang untuk kegunaan orang ramai. Selepas kita pun boleh dapat tau sekarang semakin banyak kereta especially pada jika *Public Holiday* atau *weekends*, kebanyakan kita boleh nampak semua jalan tersesak kerana banyak orang, banyak kereta yang ada yang kereta yang berhenti di tepi jalan telah menyebabkan jalan semakin sempit. Walau pun kita boleh nampak Kerajaan Negeri berusaha mengeluarkan duit, mengeluarkan bajet untuk melebarkan jalan, tapi melebarkan jalan akhirnya pun menjadi tempat letak kereta sahaja. Kerana jika *you* tak lukis petak pun, orang letak di sana. Kereta yang masuk dan kereta di Pulau Pinang pun sudah semakin banyak.

Oleh itu, saya memang ada bercadang bahawa Kerajaan Negeri kena mendirikan lebih banyak mencari beberapa tempat mendirikan lebih banyak tempat letak kereta yang bertingkat especially di Tapak Warisan yang saya dan soalan bertulis dapat jawapan dengan izin saya baca "Bahawa Kerajaan Negeri telah berhasrat untuk menyediakan tempat letak kereta di dalam Tapak Warisan George Town bagi mengatasi masalah kesesakan dan gangguan halangan kenderaan di tepi jalan. Kajian masih dijalankan bagi mengenalpastikan tapak yang sesuai sama ada Tanah Kerajaan atau pengambilan balik tanah persendirian yang berpotensi dan tiada diskaun tempat-tempat letak kereta yang bertingkat yang sedia ada iaitu di Pasar Chowrasta, Lorong Hutton, Lebuh Pantai atau Victoria, Lebuh Victoria, dan juga Lebuh Union" Memanglah saya nak terima kasih bahawa Kerajaan Negeri mempunyai inisiatif untuk membuat, mendirikan tempat letak kereta yang bertingkat dan pada masa yang sama, ada juga jawapan yang dibawa syarikat persendirian Asia Global Business Sdn. Bhd. juga akan melaksanakan projek pembinaan tempat letak kereta bertingkat di kawasan Pengkalan Weld. Ini juga akan membolehkan *traffic flow* di sana berkurang selepas itu tempat letak kereta tersebut didirikan dan tempat letak kereta yang bertingkat ini bukan sahaja diperlukan di tempat pelancongan, malahan di kawasan perumahan yang pesat pun memang memerlukan seperti flat-flat yang lebih daripada 20 tahun, kawasan perumahan yang lebih daripada 20 tahun memang memerlukan kerana dulu punya masa kereta tak begitu banyak.

Oleh itu saya pun pernah membuat satu cadangan bahawa perlunya mendirikan tempat letak kereta yang bertingkat di kawasan Macallum dan juga di tempat letak kereta satu mendirikan satu tempat letak kereta bertingkat di Pasar Lebuh Cecil ialah lokasinya di Pasar Lebuh Cecil punya sedia ada punya tempat letak kereta kerana sekarang hanya tiada bertingkat punya. So, saya cadangkan supaya mendirikan menjadi tempat letak kereta. Jika tempat letak kereta kedua-dua tempat tersebut didirikan, ini akan memanfaatkan lebih daripada 30,000 orang sekurang-kurangnya. Dan pada masa yang sama, kita boleh mengurangkan orang meletakkan keretanya di tepi jalan dan akan mengelakkan Polis datang untuk saman di kawasan perumahan.

Tapi malangnya kami, memang saya berharaplah MBPP dan PDC dapat mengambil berat masalah ini kerana lebih kurang sudah cadangan tersebut sudah pernah berbincang pada bulan Mac tahun ini dan tapi selepas perbincangan di pejabat YB. Padang Kota sampai hari ini, masih belum mendapat sebarang maklum balas dan perkembangan terkini tentang cadangan tersebut dan saya difahamkan hanya ada satu lawatan tapak sekali sahaja. Selepas itu, sampai sekarang tak ada sebarang perkembangan. So, oleh itu saya memang berharap bahawa cadangan tersebut dapat dipertimbangkan dan mendapatkan satu jawapan yang tepat dalam tempoh yang singkat tentang cadangan tersebut. Tempat letak kereta jika kita mendirikan tempat letak kereta yang bertingkat, makna orang pengguna jalan raya mereka tak akan *complaint* sekarang memang kita boleh terima aduan daripada pengguna jalan bahawa bukan kami nak *park* kereta di tepi jalan kerana memangnya kekurangan tempat letak kereta.

Jika Kerajaan mempunyai inisiatif untuk mendirikan tempat letak kereta yang bertingkat, makna pengguna jalan raya tersebut tak adalah *reason to don't one to park inside* dan kita boleh *review* balik itu *charged-charged* tempat letak kereta seperti satu contoh jika *charged* di dalam tempat letak kereta yang bertingkat lebih

murah daripada *charged parking fees* yang di tepi jalan tersebut. Di tepi jalan itu, kita boleh naikkan *parking fees* jika *you park* di dalam tepi tempat letak kereta *parking lot* yang bertingkat, makna *you* boleh dapat *you* hanya membayar *charged* yang lebih kurang daripada kita boleh *review* itu. So, untuk ini cadangan ini ialah untuk *encouraged more people to park inside the multistorey car park*. So, kerana kita dengan ini kerana ini memang bagus kerana kita ambil sebagai satu contoh jiran Singapura, Singapura merata tempat mempunyai banyak tempat letak kereta dan di persimpangan kita boleh nampak *building* apa, ada berapa unit yang kosong. *Building* apa, *multistorey car park* ada berapa unit yang kosong, so di persimpangan kereta itu sudah ada satu idea mana saya nak pergi, mana tempat letak kereta yang bertingkat yang terdekat dan ini juga boleh menjadikan pengguna jalan raya dan lebih senang *especially* bagi kenderaan yang bukan di Negeri Pulau Pinang punya, mereka datang tak tahu mana nak letak tempat keretakan, so terus berhenti di tepi jalan. Bila keluar sahaja kereta sudah di *tow*. So, kita memang bukan nak *encouraged people to against the law, but when you one to enforce it, we have to provide the facility first*, so memang kita pada masa hadapan mungkin kita ada LRT dan *transportation* punya *system transportation* akan bertambah maju dan tak perlu begitu banyak kereta.

Tetapi pada masa sekarang, bilakah LRT ini boleh ada di Negeri Pulau Pinang? Bilakah akan mendirikan? Pada masa sekarang, masih kita tak ada sebarang jawapan tentang ini, so sebelum kita tak ada *system transportation* yang maju dan boleh menghilangkan setiap orang tak payah guna kereta pun boleh sampai ke mana-mana tempat, tempat *car park* yang *multistorey car park* ini memang memerlukan di Negeri Pulau Pinang dan saya memang berharap kerana jika setiap kawasan punya ADUN boleh mencadangkan *observed* dan mencadangkan *location-location* yang sesuai dan sambil itu Kerajaan Negeri bagi mereka mempertimbangkan ini akan juga meringankan kerja Kerajaan Negeri supaya mereka tidak akan seperti yang ini satu cadangan sudah enam (6) bulan tapi tak ada sebarang perkembangan. So, *if we do our own initiative to submit the proposal, I think is much more better than tunggu mereka sendiri pergi setiap kawasan untuk mencari location yang lebih... (gangguan)*.

**Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Yap Soo Huey):**

Yang Berhormat boleh laluan.

**Ahli Kawasan Pengkalan Kota (YB. Lau Keng Ee):**

Boleh?

**Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Yap Soo Huey):**

Terima kasih..

**Ahli Kawasan Pengkalan Kota (YB. Lau Keng Ee):**

Okey.

### **Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Yap Soo Huey):**

Bukan tak nak, tak nak ganggu. Sebenarnya saya nak menyokong saranan daripada Yang Berhormat Pengkalan Kota, tentang keperluan menyediakan lebih banyak *multistorey* tempat letak kereta bertingkat. Masalah kekurangan tempat letak kereta adalah juga sesuatu yang pernah saya bangkitkan, mungkin dah satu (1) tahun dan pernah dicadangkan kepada MMK Penguasaan Lalu Lintas dan Jawatankuasa-Jawatankuasa yang berkaitan. Bagi saya sebenarnya tidak haruslah jadi tugas Adun untuk mencari tempat letak kereta, kerana apa yang kami kurang di Pulau Pinang saya rasa adalah sistem pengurusan tempat letak kereta yang lebih *comprehensive* serta matang. Maksud saya, sepatutnya dalam mana-mana *township*, ataupun mana-mana bandar. Saya segan nak kata bandar, kerana saya rasa bandar Geoge Town yang kami fikirkan ini sepatutnya boleh dipisahkan kepada bandar-bandar kecil. Tapi, setiap tempat haruslah dibuat kajian untuk mengenal pasti keperluan tempat letak kereta berdasarkan kepadatan perniagaan, berdasarkan kepadatan tempat tinggal, berdasarkan keadaan sebenar di kawasan tersebut, maka dengan pengetahuan, keperluan, *demand* bagi tempat-tempat letak kereta, kos, yuran, bayaran bagi meletak kereta bolehlah diselaraskan mengikut keperluan. Di tempat di mana keperluan adalah lebih tinggi, kos meletak kereta haruslah lebih mahal untuk manggalakkan orang untuk rela meletak kereta jauh sikit kerana yuran adalah lebih murah, kalau jauh sikit dan mereka rela untuk berjalan kaki untuk pergi ke tempat yang padat dengan perniagaan.

Saya rasa sistem letak kereta kami di sini sudah pun terlalu ketinggalan zaman, ada juga keperluan untuk meletakkan had masa bagi tempat letak kereta. Maksud saya, jika ditempat-tempat tertentu ataupun petak-petak tertentu boleh dihadkan hanya boleh letak kereta satu (1) jam, dua (2) jam, tiga (3) jam, empat (4) jam maka, tidak akan ada situasi di mana misalnya di kawasan Persiaran Gurney. Pekerja Gurney Plaza akan meletak kereta di tepi jalan dari pagi hingga malam, maka kedai-kedai, gerai-gerai di luar Gurney Plaza mereka tidak boleh sampai kerana semua ke semua tempat letak kereta kebanyakan tempat letak kereta telah pun diambil oleh pekerja Gurney Plaza. Sama juga dengan kawasan bank, tak ada tempat letak kereta, jika kawasan bank di Jalan Cantonment ada tempat, petak-petak tertentu di mana hanya boleh meletak kereta 30 minit atau pun satu (1) jam untuk orang pergi ke ATM, untuk orang pergi ke bank, maka lebih banyaklah peluang orang untuk mencari tempat letak kereta kerana ada pengaliran ada *renewal of tempat letak kereta*.

Buat masa kini, apabila kami berbincang tentang pengurusan lalu lintas, terlalu kerap kami bincang tentang lebuh raya, terowong, ada juga cakap tentang LRT, tapi sebenarnya pengurusan lalu lintas ini adalah lebih kompleks daripada itu, kami perlulah tengok bagaimana orang boleh jalan daripada rumah ke perhentian bas. Bagaimana keperluan tempat letak kereta ini tidak akan hilang walaupun ada LRT di Pulau Pinang. Sistem tempat letak kereta yang lebih matang, lebih *comprehensive* memanglah perlu dan perbelanjaan perancangan perlulah bermula dengan seawal mungkin agar kajian-kajian yang diperlukan itu boleh disiapkan dengan sempat sebelum LRT boleh dibina.

### **Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Soalankah penjelasan ini?

**Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Yap Soo Huey):**

Jadi soalan saya, YB. Pengkalan Kota, pada pandangan anda kalau boleh tugas siapakah yang sepatutnya wajar bagi perancangan tempat letak kereta, penentuan tempat letak kereta, kadar tempat letak kereta, menghadkan masa tempat letak kereta? Adakah tugas ADUN ataupun tugas Majlis-Majlis? Terima kasih.

**Ahli Kawasan Pengkalan Kota (YB. Lau Keng Ee):**

Okey, Yang Berhormat Pulau Tikus. Tetapi memang / bukan EXCO HR kan. So, tugas mana bagi saya tugas siapa tak begitu penting yang pentingnya inisiatif. Memanglah setiap jabatan atau agensi ada tugas-tugas tertentu. Tapi pada masa sekarang, tugas ADUN, ADUN tersebut telah macam begitu tahu, kaunselor punya kerja pun buat. Betul, jabatan agensi punya kita pun buat. Memang agensi-agensi yang berkenaan kena mereka sendiri ada inisiatif, berbincang dalam *according to department and then* untuk buat lawatan tapak dan *submit to the state*. Tapi sekarang walaupun tiada buat macam ini kita boleh inisiatif, inisiatif untuk cadangan. Dan kajian tersebut pun...(gangguan).

**Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):**

Minta penjelasan Yang Berhormat. Sedarkah Yang Berhormat kita bercakap pasal *parking* yang tidak cukup ini, benda ini kena ada *collaboration* ataupun hubung kait dengan perumahan dan City Council atau Majlis Perbandaran. Saya nak tanya Yang Berhormat, tiap-tiap satu kawasan perumahan, berapa lot *parking ratio* dia, dan begitu juga *shopping mall*, *shopping complex*, berapa *ratio* dan *ratio* diberi ini justifikasi dia bagaimana. Saya minta Yang Berhormat EXCO Perumahan nanti dalam penggulungan boleh maklum supaya kita tidak *confuse* macam ini. Saya nampak macam kita *confuse* padahal benda ini masa nak lulus pelan itu, mesti ada perkara-perkara ini. Adakah cukup atau tidak cukup saya ingat Kerajaan Negeri boleh bagi penjelasan.

**Ahli Kawasan Dato' Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):**

Dengan izin YB. Dato' Speaker, Pengkalan Kota. Berkenaan perumahan Telok Bahang, memang untuk perumahan ada *ratio* dia, apabila kita lihat kepada *high rise*, sebelum tahun 2014 Januari, untuk perumahan kos rendah *the ratio car park* satu (1) unit kepada empat (4), *that means* kepada empat (4) unit satu *car park*. Untuk Kos Sederhana Rendah lima (5) kepada *three right*. *The justification then was* sebenarnya kalau kita kos rendah, kos sederhana rendah takkan kita ada dua (2) hingga tiga (3) biji keretakan, *because our had* pendapatan pun kalau layak untuk kos rendah pun RM2,500 *nothing more than that*, had siling pendapatan bersih seisi rumah untuk kos sederhana rendah RM3,500 takkan kita akan ada dua (2) hingga tiga (3) biji kereta, jadi kita hadkan tempat letak kereta untuk projek-projek Skim Kos Rendah dan Kos Sederhana Rendah.

Namun demikian, pada Januari 2014 setelah saya ingat ada kajian dibuat oleh Majlis dan juga mungkin perumahan ada bagi input memang realiti walaupun di Negeri Pulau Pinang kita hendak galakkan penggunaan pengangkutan awam dan kurangkan kereta terutamanya bahagian Pulau kita ihat betapa sesaknya lalu lintas

di sini. Namun realitinya di dapati dalam projek-projek skim perumahan kebiasaannya satu (1) unit mesti ada satu (1) kereta *goes without same impact* ada skim-skim di mana lebih daripada satu kereta kepada satu (1) unit. Jadi 2014 Januari diperkenalkan *ratio plot* kereta yang baru oleh MBPP di mana untuk kos rendah dan sederhana rendah mereka kehendakkan satu (1) *to* satu (1) *that mean one to one*. Kos Rendah dan Sederhana Rendah *is one to one*. Dan ini juga diperluaskan kepada kategori baru perumahan iaitu perumahan mampu milik yang diperkenalkan juga pada tahun 2014 *one to one also*. Tapi untuk rumah biasa *than means* kalau rumah mewah *many things above* rumah mampu milik RM400,000 di bahagian pulau dan RM250,000 di bahagian tanah besar. *It is one to two. This is top ratio* berkenaan tempat letak kenderaan dengan satu blok bangunan perumahan Dato' Speaker.

#### Ahli Kawasan Tanjung Bunga (YB. Teh Yee Cheu):

Saya nak kongsikan pendapat dengan YB. Pengkalan Kota bahawa adakah Yang Berhormat fikir kalau pelan struktur Pulau Pinang 2007 yang diwartakan dikaji semula dan juga kalau *local plan*, pelan tempatan terutamanya pulau yang sudah derafnya sudah selesaikan, adakah kalau pelan ini diwartakan dengan secepat mungkin semua syarat-syarat tentu akan diadakan dalam pelan-pelan tertentu dan keadaan ini mungkin dapat terkawal.

#### Ahli Kawasan Pengkalan Kota (YB. Lau Keng Ee): 2.22

Cadangan yang bagus untuk rakyat jelata. Memang bagus jika boleh untuk *review* atau macam mana, tapi ada pelan pun kena ada pelaksanaan. Jika ada pelan tiada pelaksanaan pun tak guna. So pada masa sekarang saya ingin menjelaskan YB. Telok Bahang memang kami bukan *confuse*, YB. Telok Bahang yang *confuse* sahaja. Kerana tadi saya cakap saya punya cadangan ialah yang Lebuh Macallum itu ialah itu flat-flat yang tertentu yang besar itu telah lebih daripada 25 tahun. Tadi saya ada kata. *I dont think we are confuse. But maybe will make you be confuse*. So tadi EXCO pun sudah jawab. So memang saya pun tak mahu panjang lebar terhadap kes masalah ini dan saya berharaplah pihak Kerajaan Negeri, agensi-agensi yang berkenaan boleh *look and read to review or membuat kajian* yang lebih tepat dan mengemukakan memberikan jawapan kepada ADUN-ADUN yang memberi sebarang cadangan di Dewan tersebut.

Dan isu yang seterusnya yang saya ingin sentuh ialah tentang kerja-kerja menaik taraf yang telah dicadang oleh Ketua Menteri bahawa pada tahun depan terdapat beberapa kerja-kerja menaik taraf yang kemudahan awam dan memang di kawasan Pengkalan Kota pun mendapat masalah seperti melibatkan *spacement-spacement* di Jalan Gudwara, Lebuh Tai Sin dan juga Lebuh Gat. Ini memang projek yang akan naik taraf itu memang bagus dan saya juga berharap bahawa setiap kali kita membuat kerja pelebaran jalan atau membuat *spacement* walau pun ada OKU *friendly*, rem OKU memastikan OKU kerusi roda OKU tersebut boleh *from the beginning until the end*. Jangan naik sahaja tak sampai tengah ada satu pokok di tengah atau tiang lampu. So *spacement* tersebut menjadi sempit so macam mana nak panggil orang yang guna kerusi roda tersebut naik atas sampai tengah, *is a trap. Starting is friendly rem*. Tapi *at the centre is the trap*. So nak undur pun susah. Oleh itu saya memang ada beberapa tempat yang saya sendiri nampak ada kes macam ini. Salah satu tempat ialah di Gurney sorry ya YB. Pulau Tikus tapi bukan masalah Yang Berhormat. Di Gurney memang Persiaran Gurney ada berlaku

masalah tersebut di depan kedai-kedai kan, sudah buat *spacement* memang cantik ada *friendly rem*, OKU *rem* juga tetapi di tengah sudah ada satu pokok atau tiang lampu di tengah-tengah pohon tersebut. So saya berharap jika kita nak buat sudah *spent* itu *money* kita buat boleh guna punya bukan untuk cantik sahaja. Jangan susahkan sebarang tambahan menambah baik kemudahan awam menjadi kesusahan untuk orang-orang OKU.

Di sini juga saya ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan ribuan terima kasih kerana pada tahun lepas dan tahun ini dan tahun yang akan datang juga Kerajaan Negeri sudah meluluskan banyak projek-projek menaik taraf especially di flat-flat Pelangi yang PDC telah meluluskan satu lebih kurang RM1.0 juta untuk menukar lif 10 unit yang baru untuk Pelangi punya flat dan juga RM500,000 untuk penggantian paip air daripada jenis GI kepada paip jenis HTBE dan projek ini sudah siap dan *next year* pun terdapat beberapa projek penambahbaik kemudahan yang akan dibuat di kawasan Pengkalan Kota seperti *friendly channel* dan juga lif-lif yang telah diluluskan oleh Kerajaan Negeri dan Padang Bola Sepak Macallum. Ini ialah kita boleh nampak Kerajaan Negeri memang mempunyai inisiatif untuk menaikkan taraf hidup rakyat jelata dan boleh *spent so much money to upgrade* dan juga di kawasan *heritage clan jetty* dan baru-baru ini projek akan siap pada akhir bulan Disember tahun ini ialah menukar struktur kayu baru dan papan baru di Clan Jetty dengan kosnya lebih daripada RM1.0 juta untuk keenam-enam Clan Jetty tersebut. So saya berharap jasa baik Kerajaan tersebut dapat terus dilangsungkan dan boleh meluluskan lebih banyak projek menaik taraf di Negeri Pulau Pinang supaya boleh sampai menjadi seperti yang diharapkan menjadi tahap *international city*.

Dan lagi satu isu ialah saya ingin bangkit bahas dalam Dewan yang mulia ini, saya ingin ucap tahniah kepada FAP kerana dalam musim yang hadapan kan, sudah *promote* Liga Super seperti yang harapan daripada Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri. Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri berharap FAP dapat *promote* Liga Super dan akhirnya sudah mencapai matlamat dan dalam soalan bertulis saya ada bertanya apakah, minta izin untuk baca. "Apakah rancangan yang telah diatur oleh FAP untuk membolehkan pemain Pulau Pinang yang telah lepas umur mengambil bahagian President Kelab terus bersama pasukan Pulau Pinang dan tidak terbiar ke pasukan negeri yang lain".

Saya bertanya soalan tersebut kerana saya nampak selepas kebanyakkan pemain-pemain anak Pulau Pinang yang mewakili FAP bermain Presiden Cup, lepas umur 21 dan mereka tak sampai tahap untuk mengambil bahagian dalam Liga Super ini, mereka *suddenly* tiada tempat untuk bermain. Tapi jawapan yang dapat daripada YB. Padang Lalang ialah Piala Presiden Cup merupakan pertandingan bola sepak yang diadakan sejak tahun 1985 untuk pemain di bawah umur 21 tahun. Pemain yang berbakat dalam Kelab Presiden akan dinilai oleh Ketua Jurulatih pasukan senior akan diserap ke dalam skuad senior. Selain daripada itu pemain-pemain Piala Presiden yang berpontensi tinggi juga akan diberi peluang untuk mewakili PBAPP FC dan Sungai Ara FC yang turut menganggotai Kejohanan Liga FAM. Memang PBA FC dan Sungai Ara FC baru tahun ini ada sahaja sampai sahaja di Liga FAM.

Di sini saya ingin menyeru dan berharap Kerajaan Negeri atau PBA boleh sponsor supaya dapat menjayakan projek MOU bersama FAP kerana sekarang fungsi PBAPP FC ialah mereka akan lihat President CUP. Dalam PBAPP FC kebanyakannya aman 90% - 95% *the players came from* Penang, anak-anak Pulau Pinang dan kebanyakannya mereka yang melepas umur 21 tahun dan tidak masuk ke dalam senior's squad mereka akan pergi ke PBAPP untuk *trial* dan bermain untuk Liga FAM. Ini adalah satu program yang bagus jika dalam negeri kita ada *from junior's squad* hingga *senior's squad* mempunyai banyak tempat untuk bermain dan bakat mereka tidak akan disia-siakan. Jika mereka tidak dapat mewakili Pulau Pinang mereka akan pergi ke negeri lain. Apabila pasukan Pulau Pinang memerlukan mereka dan panggil mereka balik bermain di Pulau Pinang, gaji mereka sudah menjadi berpuluhan-puluhan ribu sebulan. Memang kita boleh nampak dalam Bajet, Kerajaan Negeri telah menunaikan janji dengan memberi insentif sebanyak RM12.34 juta melalui PBAPP selaku penaja untuk skuad Harimau Kumbang. Memang bagus kerana PBA memberikan sumbangan insentif kepada FAP kerana kita tahu untuk menjayakan satu (1) skuad bola sepak memerlukan kos yang tinggi untuk membayar gaji, bayar sewa stadium dan kos *traveling* itu semua memerlukan kos yang tinggi.

Saya minta Kerajaan Negeri atau PBA sponsor PBA FC kerana PBA FC tersebut atas nama PBA FC memang mereka susah untuk mendapat sponsor dengan syarikat lain kerana PBA is a *listed company*. Bila mereka meminta sponsor syarikat-syarikat lain buat sama, saya punya *company* belum *listed* tetapi *their company is already listed* so macam mana hendak bagi sponsor. Oleh itu saya berharap supaya PBA dapat mempertimbangkan semula untuk terus sponsor PBA FC supaya dapat atas tujuan program MOU dengan FAP untuk membolehkan pemuda-pemuda kita boleh mengadakan aktiviti-aktiviti yang sihat. Bola sepak boleh menyatu-padukan kita semua dan mereka boleh fokus masa mereka untuk berlatih, lebih baik daripada pemuda yang tidak ada minat untuk bermain bola, berminat untuk bermain tetapi tidak ada tempat untuk mereka bermain, menjadi sebab untuk mereka merayau, menjadi mat rempit, ini semua tidak bagus dan saya percaya YB. Telok Bahang pun tidak suka mereka menjadi mat rempit.

Oleh itu saya berharap di Malaysia kena ada banyak padang untuk bermain bola. Saya berharap sponsor-sponsor tersebut dapat digunakan untuk mendirikan satu (1) akademi kerana bola sepak adalah satu (1) permainan yang perlu latihan dari kecil hingga dewasa kerana bila umur 30 tahun ke atas sudah tidak boleh bermain, mereka kena berlatih dari sekolah rendah. Cadangan saya bukan untuk setiap kali dapat dana *import players*, *at the end* kita boleh nampak skuad Malaysia bila keluar daripada negara, kita bermain dengan Palestine pun, Palestine negara yang selalu berperang, Malaysia boleh kalah 6-0, bermain dengan UAE pun kalah 10-0, tetapi gaji pemain-pemain di Malaysia berpuluhan-puluhan ribu sebulan bukan setahun, tetapi bila bermain dengan orang lain kita kalah teruk, bukan setakat kalah sahaja tetapi kalah teruk.

Oleh itu jika kita ada akademik untuk melahirkan lebih banyak pemain bola sepak, bagi saya jika kita boleh, *this small footballer to transfer out is better than we spend much more money to transfer in the player from other countries*. Saya berharap FAP juga boleh menggunakan dana insentif yang telah diberi oleh PBA untuk menjalankan akademik-akademik bola sepak supaya Negeri Pulau Pinang dapat melahirkan lebih banyak pemain bola sepak di masa hadapan dan bukan tahun ini masuk liga super kerana sponsor tidak cukup, *next year* jatuh juga. Oleh

itu saya berharap supaya FAP can look on it and maybe sebagai sponsor utama PBA pun juga akan tengok bagaimana untuk memberi cadangan-cadangan yang sesuai dan mendirikan akademi bola sepak di Negeri Pulau Pinang supaya negeri kita akan menjadi lebih baik dan melahirkan lebih banyak pemain bola sepak yang terkenal. Kita tidak mahu import dia dari Brazil dan kita ingat dia cukup bagus, mungkin dia main di tepi jalan sahaja. Saya berharap pada masa hadapan kita dengar pemain Penang semua berebut nak transfer out, ini lebih sihat dan lebih baik. Kita boleh dengar Bajet tahun ini memang terus memanfaatkan rakyat jelata terutama di kawasan-kawasan yang terdapat banyak penghuni *low medium cost* kerana Ketua Menteri telah mengumumkan bahawa Kerajaan Negeri akan memberi pengecualian cukai pintu untuk tahun 2016 kepada penghuni-penghuni rumah kos rendah dan kos sederhana rendah di mana jumlah manfaatnya adalah lebih RM11 juta. Saya mengalu-alukan pengumuman tersebut dan berharap Kerajaan Negeri Pulau Pinang sentiasa di sokong rakyat jelata. Dengan ini saya mohon menyokong. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Silakan YB. Tanjung Bunga.

**Ahli Kawasan Tanjung Bunga (YB. Teh Yee Cheu):**

Terima kasih kepada Timbalan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk berbahas Ucapan Bajet 2016 Negeri Pulau Pinang yang dibentangkan oleh Y.A.B. Ketua Menteri pada 6 November 2015. Sebelum itu saya hendak ucapkan Selamat Hari Deepavali walaupun sudah lepas kepada mereka yang meraikan Deepavali, salam sejahtera dan juga salam polomi. Saya hendak ucap tahniah juga kepada Kerajaan Pakatan Harapan Negeri Pulau Pinang kerana membentang Bajet 2016 yang bertujuan Negara Usahawan yang bervisi ke arah sebuah bandaraya international, membangun dengan inklusif dan mampan. Timbalan Yang di-Pertua, kita semua tahu cili itu memang pedas rasanya, jadi peribahasa siapa makan cili dia akan rasa pedasnya dan panas kadang-kadang. Saya fikir kita kenal dengan Lord Athen, seorang British Historian, ....(dengan izin), pada tahun 1832 dan motonya yang terkenal, saya hendak ulang sekali lagi bahawa *power tends to corrupt and absolute power corrupts absolutely. Liberty is not a means to a higher political and it is itself the highest political end*, ....(dengan izin). Jadi di mana RM2.6 bilion itu. Saya fikir isu ini saya tidak mahu terus berbahas nanti ada banyak Yang Berhormat akan mempersoalkan isu 1MDB. Bajet 2016 adalah satu bajet berdikari pada pandangan saya dengan dana kutipan hasil yang terhad oleh Negeri untuk menjana satu (1) bajet bertujuan pertumbuhan inklusif dan pembangunan mampan.

Walau pun Negeri Pulau Pinang juga sebagai sebahagian Malaysia yang ada dalam ucapan, juga membayar cukai sekurang-kurangnya RM6.3 bilion setahun ataupun pada tahun hadapan kena juga tambah dengan GST yang dianggarkan RM40.62 juta kepada Kerajaan Pusat. Adakah ini adil kalau kita tidak dapat bantuan yang harus diberi oleh Pusat? Timbalan Yang di-Pertua, saya fikir ada satu lagi jenis bajet yang kononnya iaitu *hidden budget* atau bajet tersembunyi di mana rasuah boleh jadi definasi *donation*. Ini adalah satu keadaan di mana negara kita sedang menghadapi satu urus tadbir yang tidak baik sedang berlaku. Sebelum saya lanjutkan perbahasan isu demi isu saya mahu juga memperingatkan Dewan ini kita kena adakan reformasi seperti yang saya sebutkan di dalam Dewan ini dari segi

demokrasi agar urus tadbir baik dan prinsip CAT dapat dipertingkatkan sepertimana disentuh dalam ucapan bajet ini. Tetapi dalam bajet ini didapati ianya lebih cenderung kepada pembangunan daripada kemampunan terutamanya isu polisi Negeri iaitu hijau telah dikurangkan, cuma jumlah RM2.07 juta diperuntukkan untuk tujuan pengurusan pemulihan dan pembekalan sumber *biodiversity*, khasnya sumber hutan. Jadi bagaimana isu-isu lain seperti pemeliharaan, pemulihan dan pengurusan alam sekitar seperti bukit-bukit yang tidak dipantau dan digondolkan, eko sistem laut yang dibotakkan tanpa tebus guna tanah, sungai yang dicemari, gangguan jerebu dari negara jiran dan hutan bakau yang masih belum diwartakan. Banyak lagi perkara dan isu kita boleh bincang sekejap lagi.

Dato' Timbalan Yang di-Pertua, saya masih menimbulkan bahawa dalam keadaan prasarana dan eko sistem politik negara kita sekarang Negeri mahupun Pusat bahawa Perdana Menteri atau Menteri Besar atau Ketua Menteri patut dihadkan pada dua (2) penggal saja. Dan satu (1) tarikh ditetapkan untuk pilihan raya umum dengan tujuan mengadakan satu (1) proses reformasi yang progresif dan liberal oleh Dewan ini dan memberikan peluang kepada pemimpin lain mentadbir dan menerajui tumpuk pemerintahan termasuk wanita. Juga agar Dewan ini meluluskan pindaan perlombagaan Negeri Pulau Pinang dan satu (1) sebabnya ialah pindaan yang terakhir sekali dikuatkuaskan Dewan ini adalah pada 16 Ogos 2007 dan juga adalah kewajipan dan tugas seorang Ahli Dewan Undangan membuat penggubalan dan pindaan sesuatu perlombagaan demi demokrasi dan kepentingan awam dan pindaan ini saya fikir tidak bercanggah dengan artikel 7(iv) dan yang penting adalah kembalikan kuasa politik kepada rakyat untuk mempengaruhi pemimpin *suffocate new talents and stiffer democracy* ....(dengan izin) dan juga *more power to people and stake holders of minority* ....(dengan izin) maksud suara minoriti akan dihormati dan penilai untuk parti yang berkenaan untuk perubahan yang hebat dengan adanya pindaan tersebut perlombagaan negeri Pulau Pinang akan lebih progresif dan liberal. Dengan adanya tarikh tetap pilihan raya umum akan lebih jelas kepada rakyat untuk memperkasakan keupayaan penglibatan rakyat dalam hidup demokratik dan untuk para pengundi lebih senang mengikut jadual pilihan raya umum.

Yang di-Pertua, saya bangkitkan, bahaskan isu ini beberapa penggal saya terdapat satu bukti baru baharu *administer* dalam *monarchy* Parlimen ini boleh diubah, boleh ada reformasi untuk menghadkan Perdana Menteri kepada dua (2) penggal dan menetapkan satu (1) tarikh untuk pilihan raya umum, ini termasuk UK pada tahun 2011 ada luluskan satu (1) akta iaitu *Fix Term Parliament Act 2011* ....(dengan izin) untuk maksud seperti yang dimaksudkan. Jadi Yang di-Pertua saya juga terdapat dalam kajian negara-negara yang mengadakan penghadkan itu adalah seperti Thailand, Jamaica, Trinidad, Tobago dan Bahamas dan dalam 2014 Prime Minister Kamla Persad Bissessar dari Trinidad and Tobago telah berjaya membuat reformasi ini dan dalam satu *bill* yang bernama *the constitutional amendment bill 2014* ... (dengan izin). Dan di Bahamas juga Dr. Hubert Hermes *time limit is forever is favor human being otherwise human being tends to be suffer from drain and stagnant and new ideas new views and the country cannot be moving forward* ....(dengan izin).

Jadi Yang di-Pertua Westminster, Prime Minister juga often clean the power to the very end and often force out of office in dignity and disgrace ....(dengan izin). Jadi ada beberapa kes kita boleh rujuk seperti Ketua Menteri Sarawak Datuk Taib menjadi jawatan itu 33 tahun dan sudah ada *personalise power* dan *hinder*

*accountability ....(dengan izin).* Contoh-contoh lain seperti Prime Minister Antonio de Oliveira Salazar of Portugal dalam jawatan 36 tahun. Lee Kuan Yew, Singapore 31 tahun, Pham Van Dong, Vietnam 31 tahun, Hun Sen Cambodia 29 tahun, Tun Dr. Mahathir Malaysia 22 tahun, Sir Robert Paul UK 20 tahun, William Pet UK 18 tahun. Semua ini menunjukkan keburukan yang saya bincangkan tadi dan juga ada fakt-fakta yang boleh dirujukkan.

Jadi Yang di-Pertua saya juga mendapati Thailand ...*(dengan izin) the post Prime Minister existed since the revolution of 1932 bila constitution monarchy diadakan* dan kebelakangan sepuluh tahun ini *term limits maximum of two terms* juga diluluskan oleh Parlimen mereka ....*(dengan izin)* dan Yang di-Pertua saya terlupa Jamaica juga dalam Tahun 2011, 63% penduduknya bersetuju dengan Prime Minister dihadkan kepada dua (2) *terms*. Jadi sistem *Westminster* memang ada dua (2) ciri iaitu *vote of local evidence* tapi *vote of non confidence* tidak akan berjaya mengikut laporan dari 200 tahun hingga hari ini, kita rujuk kepada kes Prime Minister Najib yang terkini ini walaupun usulnya diluluskan, tapi dia tidak akan berjaya menjatuhkan seorang Prime Minister yang *what you call* berkuasa yang kuat dan ada satu ciri sistem *Westminster* iaitu *vote of non supply* iaitu pembangkang boleh guna *vote* ini untuk tidak menyokong bajet supaya *no supply* dengan ini mungkin dapat dijayakan dalam sejarah atau sistem *Westminster* ini di banyak negara.

Jadi Yang di-Pertua saya juga dapat tahu bahawa pemimpin tempatan lain di sini juga menyokong *two terms limit* ...*(dengan izin)* iaitu Saudara Na Khor Ming pada tahun 2011 bercadang juga menghadkan Menteri Besar tidak melebihi tiga (3) penggal untuk maksud tersebut dan Dato' Seri Anwar Ibrahim kalau tidak salah juga pernah bersetuju *Prime Minister* dihadkan pada dua (2) penggal sahaja. Saya sarankan perkara ini bahawa boleh dibawa ke Jawatankuasa Lembaga untuk mengkaji sedalam dan lebar pemindaan perlembagaan sebagai reformasi Dewan ini demi demokrasi yang lebih progresif, liberal dan inovatif....*(gangguan)*.

**Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Soon):**

Soalan tambahan.

**Ahli Kawasan Tanjong Bunga (YB. Teh Yee Cheu):**

Saya tidak beri laluan kerana masa sudah suntuk....*(gangguan)*.

**Ahli Kawasan Air Itam (YB. Wong Hong Wai):**

Sikit.

**Ahli Kawasan Tanjong Bunga (YB. Teh Yee Cheu):**

Sikit tak payah, ini sudah sudah banyak dibahaskan dan saya rasa tidak perlu dipuji atau apa-apa saya mahu teruskan perbahasan.

**Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Sila teruskan.

**Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee):**

Saya ada soalan terhadap Tanjung Bunga. ...(gangguan).

**Ahli Kawasan Tanjong Bunga (YB. Teh Yee Cheu):**

Tak payah.

**Ahli Kawasan Air Itam (YB. Wong Hong Wai):**

Saya hendak puji oleh kerana.

**Ahli Kawasan Tanjong Bunga (YB. Teh Yee Cheu):**

Saya cakap tidak perlu pujian itu, kerana saya perlukan. ...(gangguan).

**Ahli Kawasan Air Itam (YB. Wong Hong Wai):**

Saya tak dengar YB. Tanjung Bunga cakap dengan *limit*.

**Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Tak bagi, dia tak bagi laluan. Air Itam tak bagi laluan.

**Ahli Kawasan Air Itam (YB. Wong Hong Wai):**

Minta laluan sikit.

**Ahli Kawasan Tanjong Bunga (YB. Teh Yee Cheu):**

Kali ini tak bagi. Kerana makan banyak masa...(gangguan).

**Ahli Kawasan Air Itam (YB. Wong Hong Wai):**

Saya bukan suka *your idea*.

**Ahli Kawasan Tanjong Bunga (YB. Teh Yee Cheu):**

Saya pun tak bagilah.

**Ahli Kawasan Air Itam (YB. Wong Hon Wai):**

*gentlemen, gentlemen.*

**Ahli Kawasan Tanjong Bunga (YB. Teh Yee Cheu):**

Itu bukan *gentlemen*, ini *floor* saya.

**Ahli Kawasan Air Itam (YB. Wong Hon Wai):**

Dewan tak bagi peluang orang cakap.

**Ahli Kawasan Tanjung Bunga (YB. Teh Yee Cheu):**

Saya nak teruskan.

**Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Silakan.

**Ahli Kawasan Air Itam (YB. Wong Hon Wai):**

Saya hormat Dewan, duduklah.

**Ahli Kawasan Tanjung Bunga (YB. Teh Yee Cheu):**

Itu nanti KPI akan diadakan oleh pihak yang tertentulah...(gangguan).

**Ahli Kawasan Air Itam (YB. Wong Hon Wai):**

Saya nak cakap sikit tentang reformasi.

**Ahli Kawasan Tanjung Bunga (YB. Teh Yee Cheu):**

Saya tak bagilah, Yang di-Pertua, Negara kita ... (gangguan).

**Ahli Kawasan Air Itam (YB. Wong Hon Wai):**

Saya nak bagi satu idea tentang kilang tobacco yang terbakar ..(gangguan).

**Ahli Kawasan Tanjung Bunga (YB. Teh Yee Cheu):**

Saya tak bagi laluan....(gangguan).

**Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Air Itam tolong duduk. Sila teruskan Yang Berhormat.

**Ahli Kawasan Air Itam (YB. Wong Hon Wai):**

Saya apabila seorang cakap reformasi dewan tidak memberikan rakan itu berucap dan ... (gangguan).

**Ahli Kawasan Tanjung Bunga (YB. Teh Yee Cheu):**

Reformasi boleh buat macam-macam.

**Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Sila duduk, ya teruskan. Teruskan.

**Ahli Kawasan Tanjung Bunga (YB. Teh Yee Cheu):**

Yang di-Pertua, saya nak sentuh isu yang kedua. Negara kita juga setuju jadi ahli dalam TPPA jadi diharapkan Kerajaan Negeri memainkan peranan yang proaktif agar tidak menjadi mangsa TPPA atau merugikan diri kita dari segi hak asasi manusia dan perlembagaan. Saya juga ingin memperingatkan Kerajaan Negeri bahawa inisiatif bahawa *One Belt One Road* oleh Republic Rakyat China merangkumi laluan Sutera Maritim dan operasi pasaran ASEAN dengan jumlah USD443.08 billion telah menjadi persaingan antara negeri-negeri lain, terutamanya Selangor dan Johor di mana kedua-dua negeri ini berkedudukan geografi yang baik. Maka lebih banyak peruntukan harus disalurkan untuk meneroka potensinya dari segi pekerjaan SMI, SME. Saya harap Kerajaan Negeri juga harus menyalurkan peruntukan memperkenalkan potensi industri halal dan pasaran halal yang mencecah USD2.3 trilion setahun kepada pelaburan tempatan supaya pelaburan tempatan mendapat pasaran yang besar juga termasuk pemasaran di *Middle East* ....(dengan izin).

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Haji Sr. Muhamad Farid bin Haji Saad):**

Penjelasan. Terima kasih. Penjelasan. Kalau Yang Berhormat Tanjung Bunga meneliti laporan audit tentang PIHH, Penang Industrial Halal Hub adakah YB. Tanjung Bunga bersetuju bahawa *performance* PIHH ini memang tidak memberangsangkan langsung dan tidak menunjukkan kesungguhan Kerajaan Negeri untuk meletakkan yang industrial halal ini. Mereka *under performance* sebenarnya.

**Ahli Kawasan Tanjung Bunga (YB. Teh Yee Cheu):**

Saya fikir pemasaran Halal Hub ini adalah satu konsep baru di negeri kita terutama untuk Kerajaan Negeri memang makan masa untuk menu buhkan, meningkatkan pasaran ini. Saya fikir memang ada ruang untuk negeri tingkatkan lagi dan permasalahan ini. Dengan adanya permasalahan yang akan ada oleh Asian ini memang besar dan juga pelaburan dari China juga cuba *adapt resources* ini melalui *one belt one road* dan kita juga boleh dapat tahu Kerajaan Negeri Selangor dan juga Johor juga *aim* masalah ini ....(dengan izin).

Yang di-Pertua, saya juga nak bangkitkan di sini bahawa saya memang tidak puas hati dan rasa dipinggirkan, kalau boleh Dewan dan tidak adil sebabnya bahawa soalan lisan pertama saya adalah disenaraikan nombor 11 dan mengikut giliran soalan lisan kedua saya harus digiliran nombor 37 tetapi telah diletakkan giliran nombor 68 kemudian solan lisan ketiga diletakkan digiliran akhir iaitu nombor 73 saya rasa kedua-dua soalan itu penting dijawab dan dibahas dalam jadual masa sebab dua-dua soalan ini itu melibatkan KPI jugalah setiap MMK dan juga huraikan reformasi sistem *Westminster* yang diperlakukan. Saya berpendapat bahawa Yang di-Pertua harus mainkan peranan dalam sistem *Minister* atau *separation of power* yang betul-betul membuat keputusan sebagai YB. Speaker Dewan mulia ini, saya berasa berat hatihal kalau saya nak bagi KPI kepada YB. Speaker juga. Jadi Yang di-Pertua jelasnya daripada ucapan serta perkhidmatan masih jadi...(gangguan).

### **Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

Yang Berhormat, sikit penjelasan saya menyokong YB. Tanjong Bunga kalau boleh kita mahu supaya pihak Dato' Speaker memberikan penjelasan kenapa soalan tidak dijawab mengikut susunan seperti yang disebut Tanjong Bunga, saya nak tahu adakah ini benar-benar berlaku atau ada sebab-sebab lain. Terima kasih.

### **Ahli Kawasan Tanjung Bunga (YB. Teh Yee Cheu):**

Kita harap ada jawapan terima kasih. Yang di-Pertua jelasnya sektor sekretariat dalam ucapan ini perkhidmatan masih jadi kuat sumbangan 48.3% kepada KDNK dan sektor pembuatan 46% pada tahun 2014 dan manakala sektor pembinaan cuma 2.2% dalam 2015 dan sektor yang lain iaitu kuari dan pertanian sorry, sektor pertanian dan lain-lain 3.5% jadi sektor pembuatan yang meningkatkan penyertaan tenaga buruh kepada 7.6% dan dalam ucapan ini dan ada kekurangan pekerja sebanyak 20,000 saya minta penjelasan bahawa 20,000 orang pekerja kekurangan pekerjaan ini adakah dalam kategori mana satu (1), misalnya pekerja biasa, *engineer, manager* dan lain-lain dan adakah terlibat juga pekerja asing adakah satu (1) lagi saya fikir nak tahu adakah minimum *weight* diubah lagi saya juga sokong pendirian dari Bagan Dalam menunjuk, memohon bahawa minimum *weight* harus ditingkatkan dari RM1,000 ke RM1,200 memandangkan kenaikan kos kehidupan sehari-hari. Dimaklumkan pelbagai aktiviti ekonomi ke sektor perkhidmatan dijangka menjana lebih 30 peluang pekerjaan. Saya juga nak tahu kalau boleh sila huraikan kategori dan jenis pekerjaan itu.

Pelaburan dalam modal insan oleh Kerajaan Negeri adalah satu langkah panjang yang baik yang bijak walaupun program latihan berkembar vokasional German ada amat bermanfaat kepada pekerja sektor tempatan tapi program yang serupa harus dilaksanakan dalam sektor perkhidmatan termasuk pelancongan misalnya yang melibatkan pelabur tempatan dalam *guest house, rest house, boutique hotel* dan perusahaan termasuk makanan dan minuman satu sistem saya fikir sistem pensijilan *chef* atau pensijilan tukang masak Pulau Pinang harus ditubuhkan untuk melatih lebih ramai tukang masak yang ber *standard international* sebab terdapat banyak tukang masak antarabangsa berasal dari Pulau Pinang dan ini menunjukkan Pulau Pinang memang ada mengeksportkan tukang masak kepada negeri lain dan dicadangkan Kerajaan Negeri kalau boleh bekerjasam dengan atau dengan *Penang Chef Association (PCA)* ada jemput PCA untuk tubuhkan satu jawatankuasa untuk melaksanakan program ini.

Yang di-Pertua, dalam ucapan bajet baik *tourism* semakin popular dalam negeri kita terutamanya di kawasan Georgetown, walaupun sejumlah RM3.06 juta diperuntukkan bagi 2016 untuk *bring road sharing concept* di bahagian Pulau, saya fikir ini tak cukup dan cadangkan mungkin untuk keselamatan semua pihak atau pengguna jalan raya bahawa peruntukan yang lebih banyak harus disediakan untuk membina haluan basikal *dedicated* atau *dedicated bicycling elevated* terutama di kawasan Warisan George Town, laluan basikal *elevated* sudah menjadi rekaan baru di bandaran antarabangsa seperti London agar penunggang basikal diutamakan baik *tourism* juga dapat mempertingkatkan ekonomi tempatan.

Yang di-Pertua Kerajaan Negeri patut berkeyakinan dan berkelebihan menangani wabaknya penyakit baru misalnya *bird flu* ebola, denggi dan isu *rabies*, *issue rabies* baru-baru ini menunjukkan Kerajaan Negeri berada dalam keadaan huru-hara sikit pandangan bahawa dari NGO, masyarakat dan pihak bahawa kita harus berkonsistant dan tentang menghadapi isu *epidermic* dengan kekurangan sumber untuk mengatasinya tidak, peruntukan yang cukup jadi harus disalurkan untuk pertingkatkan perkhidmatan dan penyediaan penyelesaian *epidermic* penyakit baru agar kesihatan awam terjamin bahawa MBPP ada satu (1) hasrat bahawa nak jadikan anjing liar itu sifar anjing liar pada tahun lalu, tapi dengan adanya kes isu *rabies* tindakan-tindakan dan projek atau program-program seperti itu harus diteruskan dan bukannya anjing-anjing yang tidak dipastikan sama ada dia berjangkit *rabies* dibunuhkan dan itu ada satu penting perkara yang penting di mana kita boleh mengumpul satu masyarakat yang penyayang.

Mengikut MBPP ada beberapa aktiviti yang boleh dijalankan iaitu program pemanduan dengan kerjasama JPV dan NGO. Program pendekatan bersepada *pad passport* pendidikan kepada orang awam, meningkatkan pematuhan syarat-syarat perlaksanaan wujudkan *element century, standard opportunity procedure* penguatkuasaan operasi penangkap anjing liar dan terbiar. MBPP jawatankuasa baru di bawah frasa MBPP dan sebagainya. Jadi Yang di-Pertua, isu sifar anjing liar dan terbiar ini amatlah penting di mana kita boleh mengumpul satu (1) masyarakat yang penyayang yang ada kasih sayang bukan kepada manusia juga kepada haiwan terutamanya anjing.

Yang di-Pertua penubuhan PPS telah membuktikan keberkesanan untuk memberi bantuan tambahan keselamatan komuniti dan pengurangan jenayah setempat maka penubuhan BPS untuk menggantikan PPS adalah satu langkah yang wajar dan perlu disegerakan di bawah JKK yang berperanan kemajuan dan keselamatan komuniti. Keahliannya adalah berdasarkan kesukarelaan maka memakan masa dan tenaga dicadangkan lebih banyak peruntukan disediakan untuk pertingkatkan kualiti dan jaminan ahli semasa menjalankan tugas perondaan seperti misalnya insurans *courage*, latihan berseragam, latihan *emergency, rescue*, peruntukan dan insetif atas sumbangan mereka. Selain daripada BPS, untuk komuniti, saya juga cadangkan Kerajaan Negeri mempergunakan bekas pengakap-pengakap untuk menubuhkan satu (1) Pasukan Ranger Sukarela untuk memantau bukit-bukit hutan-hutan atau sungai-sungai dan alam sekitar kita. Sebabnya pengakap telah dilatih dari awalnya untuk mencintai alam sekitar dan pengakap yang tamat persekolahan menengah sudah berhenti aktiviti mereka. Ini adalah satu *waste stage* untuk Kerajaan ....(dengan izin), sumber manusia dan *skills* pengakap patut diterokai demi keselamatan Negeri terutamanya alam sekitar kita.

Itu adalah satu sebabnya adalah Jabatan Perhutanan cuma setahu saya dimaklumkan ada seorang *ranger* saja di satu kawasan. Misalnya di kawasan hutan di kawasan di Daerah Timur Laut besarnya kawasan hutan di Bukit Bendera kalau nak pantau atau nak tangkap pesalah itu dia seorang pun tak cukup dan juga sumber peralatannya pun tak cukup. Jadi dengan adanya sukarela pasukan *ranger* ini memang akan bertambah lagi kekuatan memantau bukit, rimba, sungai dan alam sekitar kita.

Yang di-Pertua, walaupun KDNK perkapita Pulau Pinang berjumlah RM42,251 pada tahun 2014 berdasarkan penduduk 1.7 juta tetapi terdapat *medium class*... (dengan izin) masih tidak mampu membeli rumah terutamanya Rumah Mampu Milik (RMM) yang berharga RM250,000 seunit atau keatas. Pada masa yang dahulu kalau RMM yang berharga seperti ini atau yang ke atas dia ada ke atas kategori *apartment* atau pangsapuri mewah tetapi sekarang mungkin kos sudah berubah tetapi gaji *medium class* masih tidak diperingkatkan lagi, jadi ini tidak seimbang. Menurut laporan KWSP kebanyakannya keahliannya di peringkat *medium class* atau ke bawah, jadi mungkin yang berpendapatan RM6,000 mungkin atau kurang atau kurang daripada RM10,000 seisi keluarga. Jadi dicadangkan Kerajaan Negeri mencadangkan memperkenalkan jenis perumahan RMM berharga maksimum RM2,500.00. Oleh pemaju swasta dalam negeri tidak mengira dalam bahagian Pulau atau Seberang Perai diwajibkan supaya betul-betul menjalankan polisi satu (1) orang satu (1) rumah. Sementara itu LMC juga perlu... (gangguan).

**Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):**

Ahli kawasan Tanjong Bunga boleh sebut semula dicadangkan harga itu RM2,500 atau RM250,000.00. Okay, thank you.

**Ahli Kawasan Tanjong Bunga (YB. Teh Yee Cheu):**

RM250,000.00. Terima kasih sementara itu LMC juga perlu dikekalkan pembinaan digantikan dengan sumbangan-sumbangan oleh pemaju seperti satu (1) kes di kawasan saya iaitu kes Kampung Mutiara dia menghadapi pindah berperintah di mana ada keluarga yang memerlukan penempatan tetapi di kawasan sana tidak ada projek LMC, seharusnya ada satu (1) permohonan yang ikonik dia seharusnya membina LMC lebih kurang 300 unit tetapi permohonan ikonik meminda LMC ke RMM dan mungkin beri sumbangan ini amat menyesalkan sebab LMC ialah diperlukan di kawasan saya iaitu memang penting untuk penduduk setempat dan harus diutamakan dan RMM yang harganya melebihi RM350,000 di kawasan situ tidak dapat ditanggungkan oleh penduduk tersebut dan mungkin dia tidak ada pemasarannya kerana dia jauh daripada bandar di mana juga jalan sana terlalu dekat kecuali penyiapan *the pair road* pada taun 2019 walaupun ada *pair road* itu saya fikir *road congestion* pasti akan berlaku... (dengan izin).

Yang di-Pertua satu isu lagi saya ingin bangkit di sini adalah COB di mana COB yang berperanan pengantarannya kononnya antara pemaju tuan rumah GMB atau MC pada masa ini adalah tidak proaktif sebelum atau selepas pindaan Akta Strata 2012 memang wujudnya banyak isu-isu rumit seperti kutipan fi penyelenggaraan satu yang penting adalah penjualan *common area* seperti tempat letak kereta. Saya ada satu kes di Tanjong Bunga di Permai Ria di mana semua tempat letak kereta dijual kepada seseorang dijadikan satu *commercial activity* ini adalah satu projek LMC mana boleh *common area* ini dijual. Jadi isu penjualan *common area* mungkin ada satu *great area*... (dengan izin) dalam *strata title* saya harap isu ini harus disiasatkan dan diperbetulkan.

**Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):**

Penjelasan. Terima kasih YB. Tanjong Bunga, saya terkejutlah dengan isu yang dibangkitkan oleh YB. Tanjong Bunga berkeraan dengan penjualan *common area*, saya rasa kita perlu mengetahui apabila perjanjian jual beli dibuat untuk

membeli unit-unit sudah ada disenaraikan kawasan kegunaan bersama, jadi *common area* mana yang telah dijualkan itu. Adakah unit perumahan atau kawasan lapang atau apa yang dijualkan dan saya rasa telah melanggar perjanjian jual beli dan juga syarat kebenaran atau kelulusan perancangan yang telah diberi oleh majlis Kerajaan Tempatan kerana ianya telah menetapkan secara spesifik apa yang harus diserahkan dan apa yang boleh dijual. Jadi saya minta penjelasan, terima kasih.

**Ahli Kawasan Tanjong Bunga (Y.B Teh Yee Cheu):**

Okay terima kasih, pandangan dan penjelasan harus diberi oleh yang berkenaan termasuk Kerajaan Pusat. Saya fikir penjualan *common area* ini sangat serius di masyarakat kita terutamanya tempat letak kereta dan juga isu *parcel accessory* di mana pemaju juga boleh menjadi *owner parcel accessory* itu adakah betul kerana *parcel accessory* yang diperuntukkan oleh pemaju, itu sudah makan tempat kereta yang seharusnya dipenuhi untuk semua unit tetapi kerana *parcel accessory* yang didapatkan, mengurangkan tempat letak kereta dan menyebabkan kekurangan di sana dan mengganggu ketenteraman penduduk. Jadi saya harap semua ini boleh disiasat dan diperbetulkan oleh Kerajaan Negeri kalau boleh dalam kawalan kuasa mereka.

Yang di-Pertua, saya juga ingin memperingatkan pihak Kerajaan Negeri kemudahan-kemudahan LMC-LMC atau RMM perlu diberi prihatin terutamanya lif yang tidak cukup ketumpatan dan kepadatan dia tinggi seperti kes RMM di kawasan saya seperti melibatkan 50 tingkat iaitu satu sejarah yang telah dicatatkan di kawasan saya di mana satu (1) kawasan *corridor* boleh diberikan dengan begitu tinggi. Jadi kalau saya biasa difahamkan satu (1) blok dia mungkin tidak ada lift yang banyak, katakan di sana ada 50 tingkat, 2 blok itu 50 tingkat termasuk 12 tingkat tempat letak kereta, tapi lif mungkin ada satu (1) blok mungkin ada dua (2), tiga (3) atau empat (4) dan satu (1) unit, dua (2) unit total lebih kurang 900 lebih unit. Jadi satu (1) unit lebih kurang 400, 500 unit satu (1) unit. Jadi enam (6) lif kalau dipakai oleh penduduk masa *high peak hour* makna tidak cukup, untuk pergi kerja dengan masa yang cukup atau bila dia nak pergi ke *car park* 12 tingkat ini satu (1) demi satu (1) tingkat ini akan henti jadi buang masa dan itu tidak betul. Jadi saya harap lif ini, nombor lif ini boleh diperbetulkan termasuk RMM Kerajaan di Times Square. Saya harap ini boleh disiasatkan semula....(gangguan).

**Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):**

Ahli Yang Berhormat Tanjong Bunga, Sorry, boleh beri tahu yang 50 tingkat di Tanjong Bunga dekat mana?

**Ahli Kawasan Tanjong Bunga (YB. Teh Yee Cheu):**

Saya fikir ini bukan projek baharu dan projek yang telah diluluskan oleh MBPP, saya harap MBPP boleh beri lokasi yang betul tetapi dia ditepi lereng bukit dekat TAR College, pintu masuk ke Tech Quarry RMM oleh BSG... (gangguan).

**Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):**

*Times Square* kita tidak ada RMM.

### Ahli Kawasan Tanjung Bunga (YB. Teh Yee Cheu):

SP Chelliah, Sorry saya dimaklumkan lif rekaan atau lif memang tidak cukup pandangan konsultan yang bersara dan satu (1) lagi saya hendak bangkit di sini penjualan RMM kalau boleh dikawal oleh MMK atau Yang Berhormat Datok Keramat bahawa satu (1) penjualan yang tidak adil telah diadakan bahawa RMM itu belum dibinakan tapi ada *request for registration* dan minta deposit RM10,000 *registration fee* kalau pembeli adalah *medium class* dan ke bawah RM10,000 itu dan *registration fee* itu tidak adil kerana dia belum dibinakan lagi dan saya ada *form* nya di sini dan saya harap dia juga ada seorang *what to call corporate lawyer*, saya harap *corporate lawyer* itu bukan daripada ADUN kita, Lawyer kita lah. Harap ini boleh diambil perhatian.

Yang di-Pertua saya berpendapat rancangan projek plan induk pengangkutan awam yang bernilai RM27 billion yang merangkumi sistem LRT itu dikaji semula sistem LRT. Menurut laporan dan pengalaman beberapa bandar raya antarabangsa sistem MRT adalah lebih berkesan untuk mengurangkan kesesakan trafik serta membawa aktiviti ekonomi yang lebih banyak. Saya harap Kerajaan Negeri pertimbangkan Sistem MRT agar tidak menyesal kemudian ambil LRT di Kuala Lumpur dan Bangkok sebagai contoh yang tidak begitu berkesan, walaupun rancangan untuk membina LRT di Pulau Pinang akan dijangkakan dilaksanakan untuk menampung permintaan pengangkutan awam. Saya fikir MRT pun harus menyusuk masuk dalam masa terdekat dan perancangan bandar masa hadapan memerlukan rancangan ini saya.

Masa depan Pulau Pinang bergantung kepada keupayaan kita mencari penyelesaian yang baik dan sesuai supaya trafik yang semakin meningkat boleh dikawal. Kini JPJ hanya mengambil masa di antara tiga (3) hingga empat (4) bulan untuk pendaftaran kenderaan bermaksud kira-kira 40,000 kenderaan baharu didaftarkan setahun. MBPP mendapati bahawa 20,000 buah menggunakan jalan raya pada setiap hari dan tetapi dimaklumkan MBPP di kawasan George Town mungkin ada dalam 2,000 hingga 4,000 tempat letak kereta, jadi mesti tidak cukup. Jadi menurut Kementerian Perlancongan ketibaan perlancang asing ke Pulau Pinang mencapai kira-kira 6.8 juta orang bagi tahun 2015 sebagai destinasi perlancongan mereka dan juga dilaporkan Pulau Pinang semakin masyhur dan terkenal orang ramai atau perlancang lebih banyak akan ke Pulau Pinang. Jadi saya fikir keretapi atau *train* boleh digunakan sebagai satu alternatif kepada perlancang kerana dia cukup orangnya untuk menjalankan projek ini di mana sesebuah bandar raya internasional yang menggunakan Sistem MRT yang memang cukup tiga (3) juta ke atas penduduk atau pengguna jalan raya sudah boleh *qualify*...(dengan izin) untuk membinakan Sistem MRT.

Saya juga mencadangkan bahawa tiba masa kita menerokai ruang di bawah tanah seperti MRT oleh kerana tanah lapang di Pulau Pinang agak kekurangan. MRT bawah tanah boleh di bawah tanah di kawasan George Town terutamanya habnya boleh dibuat dibina di bawah stadium. Stadium George Town di mana zon warisan yang masih boleh dikekalkan dan tidak menjelaskan memelihara warisan heritage di bandar yang sedia ada di bandar ini. Katakan, jika stesen MRT itu akan dibina di bawah tanah, kita boleh membayangkan semua ruang bawah tanah dengan pelbagai akses ataupun *multiple entry points*. Orang awam akan berkemudahan pengangkutan untuk pekerjaan atau pun membeli belah.

Bandar bawah tanah yang terkenal terletak di Montreal, Kanada di mana kompleks yang dikaitkan dan memenuhi kawasan seluas 12 kilometer persegi. Tidak ketinggalan juga jiran kita seperti Singapura, Hong Kong dan China *especially* Shanghai juga mempunyai MRT di bawah tanah, juga di Singapore sekitar Orchard Road. Bandar-bandar bawah tanah sememangnya mempunyai pencahayaan dan pengudaraan yang baik dan ini sesuai dan berguna sebagai kubur, kubu *sorry*, kubu kecemasan. Memang dia jadi kubur kalau *atomic bomb*. Malahan pembinaan bawah tanah yang telah dilengkap dengan infrastruktur dan ruang penyimpanan untuk keperluan asas seperti makanan dan air yang mencukupi mungkin akan ada kegunaannya di masa hadapan. Memang diakui kajian perlu dijalankan untuk menilaikan kesesuaian membina MRT Pulau Pinang. Jadi saya harap kalau kita semua sedar bahawa kos akan melongjak jika kita melambatkan perancangan ini. Oleh itu adalah baik untuk memulakan MRT secepat mungkin dan digantikan LRT.

Satu (1) lagi Yang di-Pertua, isu Klinik Kesihatan di beberapa tempat atau di DTL memang tapaknya tidak cukup, terutamanya di Tanjung Bunga di mana Klinik Kesihatan perlu diperluaskan tapaknya dan saya harap Kerajaan Negeri dapat mensyaratkan pemaju memberikan tapak yang bersesuaian untuk mempertingkatkan Klinik Kesihatan di Tanjung Tokong atau di Tanjung Bunga. Satu (1) isu adalah *homestay* di mana undang-undang yang tidak terkawal untuk *homestay* atau di *guest house* di kawasan perumahan dan rumah pangsa kediaman warga tempatan. Ini memang berlaku di kawasan saya juga isu ini dilaporkan kepada MBPP supaya disiasat dan diselesaikan, tapi saya fikir walaupun penguatkuasaan diadakan tapi tiada polisi yang betul atau syarat-syarat yang betul mungkin ini akan berkeliaran dan tak terkawal. Misalnya di Jalan Cheah Seng Kim, Jalan Warburton Sungai Kelian di mana adanya aktiviti rumah sebagai *homestay* serta mengganggu ketenteraman penduduk dan walau pun di laporkan MBPP mungkin kompaun dikeluarkan sahaja, tapi tuan rumah masih degil menjalankan aktiviti tersebut. Jikalau satu *by law* diadakan mungkin ia terkawal untuk ketenteraman penduduk dan juga untuk satu aktiviti pelancongan iaitu *win win situation*....(gangguan).

#### **Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Yap Soo Huey):**

Yang Berhormat, saya berminat dalam isu ini kerana saya juga, saya rasa antara kami menghadapi masalah *homestay*. Sebenarnya jika *homestay* itu diadakan di jalan sepatut di kawasan perumahan memang patut dan jelas bahawa tindakan boleh diambil, tapi masalahnya yang saya hadapi di Pulau Pinang. Walaupun pegawai pergi, susah nak mengesahkan bahawa orang yang di dalam rumah tersebut adalah penduduk jangka masa panjang atau pun jangka masa pendek dan sering kali, jika ada yang turun padang akan pula wujud pergaduhan dengan pegawai. Memandangkan bahawa Yang Berhormat membangkitkan isu ini sama ada Yang Berhormat ada apa-apa idea untuk menjalankan penguatkuasaan ke atas perniagaan-perniagaan ini. Terima kasih.

#### **Ahli Kawasan Tanjung Bunga (YB. Teh Yee Cheu):**

Saya memang ada idea kalau saya jadi Datuk Bandar pada masa depan tapi saya tidak dialu-alukan....(gangguan).

**Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon):**

Minta penjelasan. YB. Tanjung Bunga, sedarkan anda bahawa *homestay* ini merupakan salah satu tempat yang penting untuk kita sediakan kepada pelancong-pelancong dan dalam satu *website* atau *apps* yang sangat popular iaitu *airbnb*. yang menegaskan *sharing economy* itu telah begitu popular untuk banyakkan *backer* dan orang-orang yang datang untuk mencari tempat untuk penginapan di Pulau Pinang. Tempat-tempat itu adakah YB. Tanjung Bunga rasa itu pun merupakan salah satu kacau ganggu kepada penduduk tempatan atau menimbulkan kesulitan kepada pihak tuan rumah yang memang mempunyai hak untuk menyewakan tempat mereka untuk digunakan oleh kawan-kawan yang menempahnya melalui *airbnb* itu.

**Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Sudah satu (1) jam.

**Ahli Kawasan Tanjung Bunga (YB. Teh Yee Cheu):**

Dipohon kerana ada banyak perkara yang penting. Saya teruskan, terima kasih. Jadi saya bersetuju tapi mesti ada *win win situation* di mana penduduk ada berhak, suasana yang tenteram dan juga diberi *protection*...(dengan izin) mungkin atau Kerajaan Tempatan di mana gangguan tidak boleh diadakan ke jiran. Terima kasih, Seterusnya Yang di-Pertua saya mengucapkan terima kasih sebab YB. Padang Lalang telah beberapa kali mengiktirafkan tubuhnya satu (1) jawatankuasa dipengerusikan oleh saya sendiri untuk menguruskan isu dilema golongan *transgender* sebagai satu spectrum gender melalui Dewan ini. Dalam jawapan bertulis juga saya sudah pun berjumpa dengan beberapa Yang Berhormat yang menyokong jawatankuasa ini dan kongsikan *term of reference* yang telah saya kemukakan. Saya harap isu ini akan dikira berjaya di mana Yang Berhormat-Yang Berhormat yang kita jumpa dan bincang itu akan adakan mesyuarat seterusnya selepas mesyuarat ini dan kita akan teruskan fungsi-fungsi dan kerja-kerja kita yang setuju dalam *term of reference* dari tiga (3) aspek iaitu dari aspek tandas di tempat awam, kemasukan wad hospital dan penangkapan dan penahanan.

Jadi saya tak mahu panjangkan lagi saya mengucapkan terima kasih kepada semua yang telah bertungkus lumus dan bersefahaman dan sangat tabah dalam isu ini untuk menjalankan tugas. Walaupun jawatankuasa ini tidak diterima oleh mananya MMK atau Setiausaha SUK di mana saya diberi, dimaklumkan supaya mempengerusikan dan saya harap ini diteruskan untuk memberi khidmat kepada golongan ini....(gangguan).

**Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):**

Penjelasan. Terima kasih YB. Tanjung Bunga. Saya nampak Tanjung Bunga begitu kesorangan dari segi memperjuangkan isu ini. Sebenarnya saya rasa satu penjelasan perlu diberi tentang apakah sebenarnya maksud dan tujuan untuk diadakan jawatankuasa ini dan *term of reference* untuk disasarkan oleh jawatankuasa. Banyak prasangka, salah faham dan prejudis terhadap kumpulan *transgender* yang perlu difahami oleh semua pihak sebelum satu rumusan dapat dibuat, satu tindakan dapat dibuat, supaya masyarakat perlu memahami

sebenarnya apa yang perlu kita ketahui dan apa yang perlu kita memahami dan perlu kita bantu kumpulan ini. Jadi saya harap Tanjong Bunga jangan putus asa teruskan saya rasa ini satu permulaan dan cukup mencabar.

**Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Yap Soo Huey):**

YB. Timbalan Speaker, saya tersinggung dan sakit hati kerana kata saudara saya ini seorang diri kerana memang tidak. Sebagai salah satu ahli jawatankuasa banyak antara kami juga menyokong saudara kami kerana kami menghormati usaha dia memperjuangkan kebajikan dan hak asasi golongan-golongan yang tertindas dan juga mungkin Yang Berhormat tidak tahu, tapi saya rasa minggu lepas atau dua minggu lalu baru sahaja YB. Padang Lalang mengadakan sidang akhbar untuk menyeru agar kebajikan golongan-golongan mak nyah terpelihara apabila mereka masuk hospital ataupun penjara. So memang kami sentiasa berhubung dengan YB. Tanjong Bunga untuk meneliti bagaimana kami boleh membantu golongan ini dengan lebih wajar. Terima kasih.

**Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Cheah Kah Peng):**

Saya tidak pasti sama ada saya di dalam Jawatankuasa ini atau tidak, tetapi saya memang sokong. Terima kasih, tapi saya memang, saya nak menceritakan bahawa...(gangguan).

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Teruskan Yang Berhormat.

**Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Cheah Kah Peng):**

Ya, saya sokong.

**Ahli Kawasan Tanjong Bunga (YB. Teh Yee Cheu):**

Terima kasih kepada Yang Dipertua dan kepada Yang Berhormat-Yang Berhormat yang memberi sokongan setakat ini untuk menjayakan perkhidmatan kita yang berperikemanusiaan kepada golongan ini yang merupakan sebagai *gender spectrum*, terutamanya kepada Ketua Pembangkang memahami suasana keadaan ini dan juga rakan-rakan saya dari Pulau Tikus, memang kita telah pun bermesyuarat berkali-kali. Di sini saya juga ada sebut, Yang Berhormat-Yang Berhormat yang telah sertai menangani isu ini adalah seperti YB. Telok Ayer Tawar, YB. Pulau Tikus, YB. Machang Bubuk, YB. Permatang Pasir, YB. Penanti, YB. Sungai Dua, YB. Bertam, YB. Seri Delima. Kita juga mengalru-alukan YB. Kebun Bunga, jikalau kita berjaya menjalankan mesyuarat pertama secara rasmi. Jadi justeru saya mohon jasa baik Kerajaan Negeri memperuntukkan jawatankuasa ini sejumlah RM200,000 untuk tahun 2016 untuk maksud tersebut, kalau boleh, kalau tidak boleh, juga harap sedikit sebanyak diperuntukkanlah, separuh pun dialru-alukan.

Yang Di-Pertua, satu perkara lagi yang penting saya ingin mencadangkan. Satu (1) peruntukan disediakan kepada unit pengurusan sistem pepejal untuk menjayakan sistem pengasingan sampah dan hujan agar Kerajaan Tempatan dapat menjalankan sistem ini pada Jun 2016. Kejayaan sistem pengasingan ini dari segi

*tristrim* akan menjadikan Kerajaan Negeri Pakatan Harapan Pulau Pinang satu negeri yang hijau yang menggunakan sampah ke *landfill* dan sebaliknya mempertingkatkan kadar kitar semula melebihi 60% dan selanjutnya menjadi satu (1) contoh dan juga merendahkan pengeluaran karbon.

Jadi Yang Di-Pertua saya juga ingin membangkitkan satu isu tapak sekolah menengah di Kadun Tanjung Bunga, menurut laporan atau statistik, MBPP, Kebenaran Merancang (KM) unit untuk syarat untuk tapak sekolah menengah telah melebihi 2,500 unit di kawasan saya memandangkan ada banyak kondominium dibina. Saya di sini mencadangkan Kerajaan Negeri mensyaratkan pemaju untuk menyediakan satu (1) tapak untuk sekolah menengah terutamanya kepada Sekolah Menengah Cina di mana sangat kekurangan Sekolah Menengah Cina dan satu (1) sekolah Cina di mana sudah dengan prinsipnya bersetuju mengadakan cawangan di sana. Terpulang kepada Kerajaan Negeri boleh menyediakan tapak tujuh (7) ekar itu dalam syarat yang ditentukan dan saya harap ini janganlah ditukar dengan sumbangan supaya tapak yang benih ini hilang.

**Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Sila buat kesimpulan.

**Ahli Kawasan Tanjung Bunga (YB. Teh Yee Cheu):**

Ya, saya akan. Isu tebus guna tanah saya fikir ada usul untuk dibahaskan, saya akan bahaskan di sini tetapi saya fikir RFP atas Projek Tebusguna Tanah Plot B di Sore Thumb Tanjung Bunga oleh PDC yang dicadang beberapa syarikat itu diumumkan tidak sah dari segi Akta Perancangan Bandar dan Desa dalam Pelan Struktur Pulau Pinang 2007 di mana tiada aktiviti tebus guna boleh dilaksana di kawasan *second corridor* itu. Satu lagi isu saya nak mohon jasa baik Kerajaan Negeri memberi tahu di manakah kita yang membahaskan tapak baru untuk DUN, 6 bulan yang lalu, sudahkah tapak itu dipastikan

Yang di-Pertua diharap peruntukan melebihi RM50 juta tahun 2016 bukan sahaja untuk memperkasakan agama Islam, juga diharap persefahaman antara agama Islam dan agama lain dapat dibina isu-isu semasa antarabangsa agama Islam dikemaskinikan kepada rakyat supaya tiada salah faham. Isu satu lagi adalah saya harap satu jawapan daripada Kerajaan bahawa isu kasino, saya di sini dengan secara rasminya mengalu-alukan Kerajaan Negeri menolak sebarang permohonan kasino di negeri kita ini di mana-mana tempat termasuk di Pulau Jerejak atau di Bukit Bendera. Saya harap *business casino* ini jangan dijadikan satu sumber untuk meningkatkan kutipan hasil. Saya ingin bercakap di sini kerana ada soalan dijawab. Yang Di-Pertua, isu satu lagi untuk belia, bahawa saya fikir....(gangguan).

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Minta laluan, sikit sahaja.

**Ahli Kawasan Tanjung Bunga (YB. Teh Yee Cheu):**

Tidak, minta maaf, sudah cukup. Jadi Yang Dipertua satu (1) isu untuk moral, pendidikan moral dan sivik untuk belia di Pulau Pinang. Jangan api-apikan di sini.....(ketawa), ini Dewan. Jadi saya fikir pendidikan moral dan sivik harus

diutamakan oleh Yang Berhormat Padang Lalang di mana selain daripada sistem pendidikan tradisional, kita faham moral dan sivik masyarakat kita sedang banyak turun dan ramai orang pentingkan sijil dan diabaikan moral dan sivik yang kita nikmati pada masa dahulu dan sekarang moral dan sivik sudah nampaknya sangat kurang. Harap ini boleh dipertingkatkan.

Yang di-Pertua untuk isu yang terakhir, saya ingat isu kuari, di mana saya diberikan jawapan bahawa kuari Pulau Pinang bahagian Pulau dan Seberang Perai ada yang sudah lebih, di mana kuarinya sudah mengorek batu bata ke bawah tanah. Tanah yang sudah melebihi 10 kaki atau beberapa tingkat rumah, ini saya juga ada bukti kerana saya juga pernah melawat tapak di kawasan saya. Kalau Pejabat Tanah dan Galian diperuntukkan RM9.5 juta. Saya harap peruntukan sejumlah RM9.5 juta ini diperuntukkan dengan maksud yang betul dan dengan prestasi yang berkesan di mana kuari yang melanggar ini harus disiasat, kalau tidak eco-sistem bukit akan terjejas.

Saya juga merujuk kepada satu PM, MBPP, OSC PM (283) (08) LB, di mana ada satu (1) pembangunan, tetapi kalau di tapak pembangunan masih belum diadakan tetapi kerja tanah dijalankan dan tanah-tanah dan batu-batu telah dikeluarkan dan tapak bukit itu digondolkan sudah menjadi satu *crater* dan saya pun tidak tahu tanah dan batu bata dieksport ke mana dan Pejabat Daerah dan Tanah Timur Laut (PDTL) pun tidak ada maklumat berkaitan di mana batu, bata dan tanah itu dieksport. Jadi ini adalah satu aktiviti yang dasyat dan memang tidak sah dan haram yang tidak mempunyai kebenaran. Jadi saya nak tanya apakah tindakan yang akan dijalankan oleh Kerajaan Negeri selain daripada mendakwa ke mahkamah yang cuma mendenda RM30,000.00 sahaja, untuk pemaju itu sedikit sahaja. Kalau boleh satu (1) peruntukan digubalkan atau denda lebih atau ambil balik tanah itu sebagai tanah Kerajaan untuk masa tertentu mungkin jadi tapak DUN di atas bukit yang boleh lihat seluruh kawasan. Jadi, Yang di-Pertua terima kasih kerana sabar mendengar semua ini, walau pun, ya memang mustahak semua yang dibahas di dalam Dewan ini. Dengan itu saya mohon menyokong.

#### **Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Terima kasih. Yang Berhormat Tanjung Bunga bercakap selama 1 jam 18 minit. Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan ditangguhkan dan akan disambung semula pada jam 7.45 malam.

***Dewan ditangguhkan pada jam 6.30 petang.***

***Dewan disambung semula pada jam 7.45 malam.***

#### **Setiausaha:**

Ahli-ahli Yang Berhormat, Yang Berhormat Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri.

#### **Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan disambungkan. Dipersilakan Paya Terubong.

### **Ahli Kawasan Paya Terubong (YB. Yeoh Soon Hin):**

Yang Berhormat Dato' Speaker, terima kasih Dato' Yang di-Pertua Dewan kerana memberikan pelunag kepada saya untuk mengambil bahagian di dalam perbahasan terhadap Bajet Tahun 2016 Negeri Pulau Pinang pada malam ini. Di sini saya ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan syabas dan tahniah kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang di atas daya usaha yang gigih dan bersungguh-sungguh untuk mengekalkan Negeri Pulau Pinang sebagai sebuah Negeri yang bersih, hijau, sihat dan selamat. Saya juga ingin memberi kepujian kepada Kerajaan Negeri walaupun dengan kutipan hasil yang terhad sahaja dan tiada sumbangan atau derma RM2.6 bilion daripada *Middle East*, tetapi Negeri Pulau Pinang masih berupaya untuk memberi pengecualian cukai pintu untuk tahun 2016 kepada penghuni-penghuni kos rendah dan kos sederhana rendah. Ini merupakan satu lagi rancangan yang memanfaatkan rakyat Negeri Pulau Pinang dan sekali lagi menunjukkan Kerajaan Negeri Pulau Pinang sebagai Kerajaan berjiwa rakyat. Saya ingin menyeru Kerajaan Pusat patut mencontohi Kerajaan Pulau Pinang untuk mengurangkan beban rakyat seperti memansuhkan GST atau mengurangkan cukai-cukai lain memandangkan Kerajaan Pusat memang sangat pandai dalam mencari sumbangan atau *donation*.

Yang Berhormat Dato' Speaker, di sini saya ingin daripada Bajet Tahun 2016 ini, saya ingin menyentuh satu hal yang selama ini tidak diberi perhatian oleh Ahli-ahli Dewan di sini, saya ingin menyeru supaya memperuntukan bajet yang bebas, yang cukup untuk Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang sendiri supaya Dewan Undangan Negeri boleh menguruskan kewangan sendiri dan menjalankan kerja dengan lebih licin dan bebas. Mengikut doktrin atau konsep pengasingan kuasa (*separation of power*), kuasa pemerintahan sebenarnya dibahagikan kepada tiga (3) buah badan iaitu Badan Perundangan, Badan Eksekutif dan Badan Kehakiman. Ketiga-tiga bidang tersebut mempunyai bidang kuasa yang tersendiri. Tujuan doktrin pengasingan kuasa ini adalah untuk mengelakkan pertindihan bidang kuasa, mengelakkan penyalahgunaan kuasa akibat pemusatan kuasa pada sesbuah badan tertentu, dan juga mengelakkan gangguan daripada mana-mana badan yang lain. Memang kita tidak dapat menafikan bahawa pengalaman *doctrine* pengasingan kuasa di Malaysia berbeza daripada bentuk asalnya atau idea asalnya. Pengasingan kuasa di Malaysia secara relatif antara ketiga-tiga badan. Ini adalah kerana Malaysia mengamalkan sistem demokrasi berparlimen bercorak *Westminster*.

Secara umumnya peranan Dewan Undangan Negeri (DUN) adalah untuk menggubal perundangan dan dasar negeri. Undang-undang yang diluluskan oleh DUN dipanggil Enakmen. Berdasarkan peruntukan dalam Perlembagaan Persekutuan, DUN mempunyai kuasa untuk menggubal undang-undang yang disenaraikan dalam Senarai Negeri dan Senarai Bersama. Peranan DUN yang seterusnya adalah memantau institusi pemerintah iaitu Jabatan dan Agensi Kerajaan Negeri. Ahli-ahli DUN bertanggungjawab untuk mengkritik atau menegur tindakan institusi, iaitu badan eksekutif bagi memastikan Jabatan atau Agensi Kerajaan Negeri melaksanakan fungsinya berdasarkan dasar yang telah ditetapkan.

Seterusnya, DUN juga berperanan sebagai pengantara dalam menyampaikan suara rakyat kepada Kerajaan. Jabatan-jabatan atau Agensi Kerajaan adalah mesti jawab kepada DUN dan juga Ahli-ahli Dewan DUN dan Ahli-ahli DUN adalah pengawas terhadap badan eksekutif. Saya di sini ingin

mencadangkan satu jumlah peruntukan dapat dibekalkan kepada badan perundangan, iaitu DUN. Ini bermaksud penurunan kuasa kewangan kepada DUN sendiri bagi menjalani pengurusan kewangan di peringkat DUN sendiri. Segala kuasa kewangan yang melibatkan DUN patut diberikan kepada DUN sendiri dan tidak tertakluk kepada Badan Eksekutif atau Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri. Bagi memantapkan cadangan ini, suatu Jawatankuasa Khas boleh ditubuhkan dan dianggotai oleh Ahli-ahli Dewan ini termasuk Yang di-Pertua Dewan sendiri, Ketua *Backbencher* dan juga Ketua Pembangkang dan termasuk Ahli-ahli DUN daripada kedua-dua pihak, bagi mengkaji satu badan pentadbiran kewangan yang bebas bagi DUN sendiri dilaksanakan seperti Parlimen. Sejumlah peruntukan dibekalkan kepada DUN dan penurunan kuasa kewangan daripada DUN sendiri supaya DUN mempunyai autonomi dalam menguruskan kewangan sendiri dengan lebih cekap dan berkesan. Dalam pandangan saya, Badan Perundangan juga perlu dibekalkan sejumlah peruntukan seperti jabatan-jabatan atau agensi-agensi yang lain seperti yang termaktub di dalam Rang Undang-undang ini. Ini supaya DUN dapat menjalankan aktiviti latihan atau sebarang program sendiri dengan *prerogative* sendiri. Adalah tidak rasional dalam pandangan saya bahawa kewangan DUN sebagai badan perundangan ditadbir oleh Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang yang merupakan badan Eksekutif. Saya difahamkan bahawa di peringkat Parlimen, wujudnya suatu bahagian pengurusan yang akan mentadbir segala urusan kewangan bagi parlimen sendiri. DUN juga boleh dipertanggungjawabkan untuk merancang, melaksanakan urusan kewangan sendiri termasuk mengupah pegawai untuk DUN sendiri, pengurusan pembayaran gaji elau kepada pegawai-pegawai DUN dan sebagainya.

Dengan adanya peruntukan kewangan sendiri, DUN juga boleh menguruskan latihan atau khusus untuk Ahli-ahli Dewan ini bagi meningkat kualiti berbahas Ahli-ahli Dewan dan kesemua ini memerlukan perbelanjaan kewangan dengan bebas. Seperti Parlimen, sekiranya mempunyai peruntukan sendiri, DUN juga boleh menganjurkan lawatan atau menyertai kursus yang dianjurkan oleh *Commonwealth Parliamentary Association* atau Parlimen-Parlimen luar negara atau Dewan Undangan Negeri yang lain. Demi menambah baik lagi konsep pengasingan kuasa dan mempertahankan kedudukan DUN sebagai Badan Perundangan yang setaraf dengan Badan Eksekutif. Saya berpandangan bahawa kita semua ahli di sini yang selalu mendokong konsep demokrasi berparlimen haruslah mengkaji cadangan saya ini supaya DUN diperuntukkan sejumlah peruntukan wang untuk kegunaan sendiri dan ditadbir oleh DUN sendiri dengan bebas.

Di sini, Yang di-Pertua Dewan, saya juga seperti rakan saya Tanjong Bunga ingin menanya apakah langkah-langkah selanjut telah diambil oleh Kerajaan Negeri dalam mengkaji cadangan Tuan Yang Terutama dalam persidangan lepas untuk membina sebuah Bangunan Dewan Undangan Negeri (DUN) yang baru. Tuan Yang Terutama dalam ucapannya di Mesyuarat Pertama Penggal Ketiga Dewan Undangan Negeri Yang Ketiga Belas telah mencadangkan Kerajaan Negeri mempertimbangkan cadangan untuk membina sebuah Bangunan DUN yang baru di bekas tapak pelupusan sampah dekat Parlimen Jelutong demi memenuhi keperluan masa depan. Jadi selaku ahli di dalam Dewan ini, saya ingin tahu apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri untuk mengkaji cadangan Tuan Yang Terutama terhadap kesesuaian lokasi, keperluan fisibiliti, anggaran kos dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua Dewan, baru-baru ini kita sering melihat perkataan *One Belt, One Road* dalam surat khabar dan ini juga dibangkitkan oleh rakan Tanjong Bunga tadi, apakah ini *One Belt, One Road* dan bagaimana ianya dapat memanfaatkan Negeri Pulau Pinang. Sebenarnya *One Belt, One Road* adalah konsep ekonomi kerjasama yang disarankan oleh Presiden Xi Jinping dari Negara China pada tahun 2013. Ia menjadi strategi ekonomi *silk road* yang moden, yang merangkumi 60 buah negara dan melibatkan 4.4 bilion populasi. Strategi ekonomi *One Belt, One Road* ini bermula dari Asia Timur ke Eropah, dari Asia Tenggara ke Asia Selatan dan Afrika, meliputi pembinaan infrastruktur, perluasan perdagangan dan pelaburan. Pulau Pinang mempunyai lokasi penting dan strategik di sepanjang *One Belt One Road* ini. Pulau Pinang patut mengambil pertemuan dan peluang ini secara aktif dalam *response* kepada *One Belt, One Road* ini. Ini akan membawa manfaat kepada Pulau Pinang dalam pembangunan ekonomi dan perdagangan. Negara China adalah *partner* atau rakan yang terbesar bagi Negara ASEAN. ASEAN juga merupakan rakan ketiga bagi Negara China iaitu bagi selepas European Union dan Amerika Syarikat. Pada dasarnya, *One Belt, One Road* merupakan polisi atau inisiatif kerjasama yang diperintis oleh China untuk bekerjasama dengan negara-negara di rantau sekelilingnya.

Dalam rangka mengembangkan ekonominya dalam jangka panjang, Negara China mengagas untuk mendirikan AIIB (*Asian Infrastructure Investment Bank*) yang merupakan kelanjutan dari usaha integrasi ekonomi di Wilayah Aisa dan sekelilingnya. *One Belt, One Road* merupakan konsep yang mencuba membangunkan Zon Intengrasi Ekonomi Euro Asia yang dialami masa lampau jalur ekonomi sutera (*silk road*). Projek ini akan membangunkan jalur ekonomi kerjasama China ke Euro melalui Asia Tenggara dan juga Negara ASEAN. Untuk mewujudkan rencana projek ini, maka ditubuhkan AIIB dan juga satu lagi Dana Silk Road. Negara-negara yang telah mendaftar sebagai penyumbang dan pendukung AIIB ini meliputi negara di Asia termasuk Malaysia bahkan Negara Barat seperti UK, Jerman dan Perancis. Inisiatif AIIB dan Dana Silk Road ini telah membuat AS khuatir akan menjadi pesaing dominasinya di ekonomi global melalui IMF dan World Bank. Menurut dana dari Asia Development Bank, jumlah dana untuk membangunkan infrastruktur di Asia memerlukan 8 trillion USD.

Infrastruktur yang akan dibangunkan pada jalur ini meliputi jalur kereta api, jalan raya, jambatan, pelabuhan, energy, pembangunan kawasan industri dan jaringan internet. Dengan adanya inisiatif *One Belt, One Road* ini, Negara China dapat memasarkan produk industri yang sudah *supply* di dalam negeri sendirinya ke negara-negara di sekelilingnya. Walaupun Negara China juga mengalami penurunan pertumbuhan ekonomi dibandingkan pertumbuhan ekonomi sekitar 10% tahun 2011, ekonomi Negara China masih merupakan penyumbang yang signifikan dalam pertumbuhan ekonomi global setelah Amerika Syarikat. Pertanyaan di sini bagaimana kita hendak menjadikan Pulau Pinang dapat manfaat daripada inisiatif daripada *One Belt, One Road* ini.

Pada bulan September tahun ini, satu forum telah dianjurkan oleh Kerajaan Negeri yang juga menyentuh kerjasama ASEAN dengan *One Belt, One Road* ini di Pulau Pinang salah seorang Speaker forum iaitu Presiden Malaysian International Chamber of Commerce and Industry, Dato' Wira Jalilah Baba dan juga merupakan bekas Ketua Pengarah MIDA pun telah menyatakan bahawa Pulau Pinang memang perlu mengambil peluang dan Pulau Pinang mempunyai banyak kelebihan berbanding dengan negeri-negeri lain dalam usaha untuk menarik pelaburan

daripada Negara China. Memang tidak boleh dinafikan implikasi dari kegawatan ekonomi global, beberapa kilang yang asal daripada negara barat telah menutup operasinya di Pulau Pinang. Untuk menandatangani masalah ini, langkah proaktif boleh diambil oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk menarik pelabur-pelabur dari Negara China selaras dengan inisiatif *One Belt, One Road* Negara China.

Pulau Pinang tidak boleh mengenepikan peluang dagang yang boleh dibawa melalui inisiatif ini. Penduduk pun dulu kita memang menitikberat untuk menarik pelabur-pelabur dari Amerika Syarikat, UK, Jerman, Jepun, Taiwan dan negara-negara *Europe*. Dengan pembangunan ekonomi Negara China yang pesat dan juga promosi inisiatif *One Belt, One Road* oleh negara China sendiri, Negeri Pulau Pinang mestilah mengambil inisiatif untuk menarik pelaburan daripada Negara China ke Pulau Pinang untuk menggantikan pelabur-pelabur yang telah menutup operasinya di Pulau Pinang. Jiran-jiran kita seperti negeri Kedah, Perak, Johor, Selangor dan Melaka juga tidak ketinggalan untuk merebut pelaburan daripada Negara China. Sebenarnya sekarang di Negara China pun banyak koperasi yang besar telah disenaraikan dalam *listing fortune global 500*. Mengikut *fortune global 500* negara yang paling mempunyai banyak syarikat disenaraikan dalam *fortune global 500* adalah Amerika Syarikat sebanyak 128 syarikat. Yang kedua adalah Negara China yang mempunyai 98 buah syarikat telah disenaraikan dalam *fortune global 500* pada tahun 2015. *Penang* boleh menjadikan kedudukannya dan kelebihannya untuk bersaing dengan negeri-negeri lain dan juga negara jiran seperti Thailand untuk menarik syarikat-syarikat besar China ini untuk membuka kilang di Pulau Pinang ini. Dengan adanya Pejabat Konsul Negara China di Pulau Pinang yang baru-baru ini dibuka, ini telah memberi satu lagi faktor positif kepada Pulau Pinang untuk membuat *marketing* yang lebih ketara. Kerajaan Negeri Pulau Pinang boleh melalui Pejabat Konsul Negara China di Pulau Pinang ini untuk memperkenalkan kelebihan Pulau Pinang kepada pelabur-pelabur atau syarikat China dengan lebih ketara.

YB. Dato' Speaker, isu yang seterusnya adalah mengenai pengasingan sampah di sumber. Di Malaysia, sebanyak 33,130 tan sampah dikumpul sehari dan Kerajaan memerlukan dana sebanyak RM1.4 billion setahun untuk tujuan pengurusan sisa pepejal. Melalui pelaksanaan pengasingan sampah di sumber, ia dijangka mampu mengurangkan 40% jumlah sampah yang dihantar di tapak pelupusan sampah, sekali gus dapat menambah jangka usia tapak pelupusan sedia ada. Justeru, pengurusan sisa pepejal dari punca ini adalah sangat penting bagi memastikan sampah dapat diuruskan secara lebih efektif. Bermula 1 September tahun ini, isi rumah di Kuala Lumpur, Pahang, Johor, Melaka, Negeri Sembilan, Perlis dan Kedah telah menerima pakai Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (Akta 672) perlu mengasingkan sisa pepejal mengikut kategori seperti plastik, kertas, kad bod, kaca, besi dan sisa makanan. Tetapi tidak semua orang tahu yang Kerajaan merancang untuk mewajibkan pengasingan sampah ini, ditambah pula dengan tahap kesedaran rakyat mengenai program tersebut sangat rendah. Kita memang dikenali dengan kepincangan kesedaran sivil dan alam sekitar, walaupun program kitar semula telah bertahun berjalan. Maka, mewajibkan dasar pengasingan sampah mungkin mencetuskan kemarahan dalam kalangan penduduk tempatan. Program ini memerlukan pemilik kediaman untuk mengasingkan sampah mereka kepada tiga kategori. Walaupun idea mempunyai tiga (3) tong sampah berbeza nampak baik, kita juga perlu mempertimbangkan fakta yang harga barang ini telah naik, dan rakyat terpaksa mengeluarkan belanja lebih hanya untuk membelinya.

Mereka yang tinggal di kawasan bandar terutamanya sangat berang kerana terpaksa menanggung beban belanja tambahan apatah lagi dalam keadaan kos sara hidup yang semakin meninggi, yang menjadi bertambah buruk disebabkan oleh kejatuhan nilai ringgit. Kemampuan adalah kebimbangan utama mereka. Kajian awam mendapati yang majoriti rakyat tidak menyedari apakah maksud sebenar program pengasingan sampah di sumber atau bagaimana pelaksanaan akan dilakukan. Notis jangka masa pendek yang diberikan sebelum pelaksanaan juga tidak membantu mempromosi program ini. Dalam masyarakat moden atau di negara dunia pertama, pengasingan sampah adalah sebahagian daripada kehidupan seharian. Bagaimanapun, situasi di sini agak berbeza berbanding di Malaysia. Kita mesti mendapat sokongan daripada masyarakat untuk menyokong sepenuhnya usaha untuk mempromosikan pengasingan sampah. Rakyat Malaysia mempunyai budaya pembaziran, dan sudah sampai masanya kita bertindak. Pelaksanaan program pengasingan sampah di sumber akan membantu Kerajaan untuk mensasarkan lokasi yang mengeluarkan sisa buangan yang besar. Dengan berbuat demikian, Kerajaan boleh menyediakan program pengurusan khusus untuk mengatasi masalah pengurusan sisa pepejal setempat.

Adalah fakta sebenar bahawa rakyat Malaysia jauh ketinggalan dalam pendidikan melindungi alam sekitar dan kesedaran mereka tentang kepentingan pengurusan sisa pepejal juga masih kurang. Tidak seperti Amerika Syarikat, Jepun, Taiwan, Singapura atau Australia, anak-anak kita tidak diajar mengenai isu alam sekitar. Jadi apabila Kerajaan melancarkan program sebegini, ramai antara kita enggan terlibat. Hakikatnya mudah. Kita tidak bersedia kerana kita kurang pendidikan, dan kita enggan menyokong program sebegitu kerana ia tidak menjadi sebahagian budaya harian kita. Bagaimanapun, rakyat Malaysia perlu mengalaukan usaha ini kerana ia akan memberikan manfaat kepada golongan akan datang. Kita mungkin tidak akan merasai kesan buruk pengurusan sisa pepejal yang lemah, tetapi anak-anak kita di masa hadapan pasti akan merasai kesan buruknya. Maka, kerana ini sangat mustahak untuk mendidik rakyat, terutama sekali anak-anak kita supaya perlindungan alam sekitar dan pengurusan sisa pepejal menjadi sebahagian daripada kehidupan kita. Pendidikan perlu bermula sekarang dari rumah. Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah memilih untuk tidak mengikuti masa pelaksanaan program yang dicadangkan oleh Kerajaan Persekutuan.

Saya sangat percaya pengurusan sisa pepejal ini tidak sepatutnya diuruskan oleh Kerajaan Persekutuan. Sebaliknya, Pihak Berkuasa Tempatan sepatutnya diberikan autonomi untuk membuat keputusan dalam isu ini. Kerajaan Negeri Pulau Pinang ada lebih memenuhi keperluan rakyat dan semua kempen kesedaran digerakkan oleh keperluan masyarakat. Kesedaran program pengurusan dan pengasingan sisa disebarluaskan dalam skala kecil dan melalui aktiviti kejiranan supaya semua ahli komuniti memahami apakah dasar ini. Cubaan untuk menyelesaikan masalah melalui *method* atas bawah tidak akan berjaya kerana pengasingan sisa adalah isu tempatan, dan keputusan perlu dibuat oleh penduduk sendiri. Rakyat juga perlu diberikan motivasi untuk melakukan pengasingan sisa untuk manfaat masyarakat, kegagalan berbuat demikian akan menyebabkan semua usaha sia-sia sahaja.

Pengurusan sisa adalah industri bernilai jutaan ringgit. Rakyat Malaysia mengeluarkan ribuan tan sisa pepejal setiap hari, dan pelaksanaan program pengasingan sisa akan melibatkan jutaan ringgit. Tong sampah boleh bernilai sehingga RM90 atau RM100 satu unit. Bolehkah anda bayangkan beban kewangan yang akan terpaksa ditanggung oleh Kerajaan dan juga rakyat. Begitu juga dengan proses pelantikan pengutip sampah. Program pengasingan sampah memerlukan pengutip sampah yang berdedikasi dan sedar tentang proses dan kaedah pengasingan. Pelantikan kontraktor di kawasan bandar utama dan pinggir dan kerana kekurangan kesedaran dan amalan, pengutip sampah tidak akan melakukan kerja dengan baik. Saya mesti mengakui terhadap kepentingan pendidikan dalam hal ini. Kejayaan dalam kempen pengurusan sisa memerlukan dedikasi sepenuhnya selain perubahan dalam sistem yang lebih besar.

Saya mencadangkan bahawa inisiatif awal ke arah pelaksanaan tersebut boleh dimulakan dengan membekalkan 200,000 tong sampah secara percuma kepada kedua-dua Pihak Berkuasa Tempatan untuk diberikan kepada kawasan perumahan perintis yang dipilih dahulu. Dari masa sekarang, Kerajaan Negeri sudah boleh bermula dengan menggunakan pendekatan mendidik masyarakat mengenai pengasingan sisa pepejal di punca sebelum pelaksanaannya pada tahun depan. Negeri Pulau Pinang semestinya mahukan pengasingan sampah ini dilaksanakan kerana ia merupakan satu proses kesedaran dan pendidikan kepada rakyat yang penting. Kerajaan Negeri juga mesti memastikan fasiliti pengurusan sisa pepejal ditambah baik dan pengoperasian pusat-pusat 3R, menggunakan semula dan mengitar semula peringkat komuniti digerakkan. Aktiviti 3R dan pengasingan sisa di punca dikenal pasti sebagai satu (1) daripada langkah paling berkesan bagi mengurangkan jumlah penjanaan dan penghantaran sisa pepejal ke tapak pelupusan.

Saya sendiri telah mengambil inisiatif untuk berbincang dengan pihak-pihak JMB atau pihak MC di kawasan perumahan di KADUN sendiri untuk menganjurkan aktiviti-aktiviti seminar, pertandingan menggambar atau melukis untuk menarik perhatian rakyat tempatan terhadap dan juga mewujudkan kesedaran terhadap pelaksanaan pengasingan sampah di sumber ini. Untuk mencapai sasaran ini kita perlu menukar corak pemikiran rakyat. Oleh itu, pendidikan adalah kunci penting dan kita mesti menggerakkan pendidikan ini. Selain itu, Kerajaan Negeri dan sekarang juga mesti menjalankan pelbagai kempen kesedaran termasuk pengedaran risalah, iklan menerusi media cetak, *billboard* dan juga media elektronik dan juga melalui rangkaian media sosial seperti membuka satu *page* di *facebook* dan akaun di *twitter* untuk mempromosikan kesedaran ini. Kerajaan Negeri juga turut menjalin kerjasama rapat dengan Badan Bukan Kerajaan (NGO) yang memberi tumpuan perlindungan alam sekitar.

Kita berharap dengan pendidikan yang dimulakan sekarang, bila tiba masanya di tahun depan untuk menjalankan pengasingan sampah ini, kerja ini akan menjadi lebih lancar dan licin. Selain pengasingan sampah di sumber saya juga ingin memberi kepercayaan kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang yang telah mengambil perhatian berat dalam sisa pepejal yang lain seperti pengurusan sisa pepejal, pembinaan sisa perindustrian, sisa peralatan elektrik dan seperti televisyen lama, *washing machine* lama yang tidak di pakai lagi. Kesemua pengusaha sisasisa pepejal ini merupakan langkah proaktif yang telah dan juga harus di beri galakkan untuk diteruskan. Saya di fahamkan bahawa pakar-pakar daripada Jepun

dan juga NEP pun telah banyak kali di bawa masuk untuk membantu Kerajaan Negeri Pulau Pinang dalam merancangkan pengurusan sisa-sisa pepejal seperti sisa pembinaan, sisa perindustrian dan sisa elektrik. Saya di sini ingin menyarankan sesuatu bahawa satu *Eco-industry park* yang mengumpulkan pemain-pemain industri yang menghalau *industry Eco* juga boleh dipertimbangkan untuk di tubuhkan di Negeri Pulau Pinang, khususnya di Seberang Perai. Di Negeri Pulau Pinang kita ada ITBPO park di Bayan Lepas, kita ada *science park*, *industrial park* dan kita juga boleh mempertimbangkan untuk mewujudkan satu eco industri park yang akan mengumpul pemain-pemain industri yang melibatkan *recycle* atau *reuse* sisa pembinaan, sisa elektrik untuk sisa plastik yang demi mengurangkan kos pentadbiran sisa.

Dato' Speaker. Isu yang seterusnya, mengenai isu sasaran satu (1) keluarga satu rumah, rumah mampu milik berharga maksimum RM150,000. Saya memang mengalu-alukan pengenalan rumah mampu milik yang baharu iaitu mampu milik yang berharga maksimum RM150,000. Sebenarnya harga rumah yang tinggi ini bukan masalah yang berlaku di Pulau Pinang sahaja, malah juga berlaku di Kuala Lumpur, Johor, Melaka dan negeri-negeri lain. Tetapi baru-baru ini, pengumuman Kerajaan Pusat megenai pemajuan 13 projek Perumahan Rakyat 1Malaysia (PR1MA) untuk di mohon rakyat Malaysia tidak menyatakan rancangan pembinaan rumah mampu milik di bawah skim tersebut di Pulau Pinang.

ADUN Datuk Keramat yang menjaga protfolio perumahan pun telah melahirkan rasa terkejut dan rasa tidak puas hati dengan layanan dingin Kerajaan Pusat yang berpuncanya oleh sentimen politik serta perbezaan ideologi kepartian. Pada tahun 1985, Perhimpunan Agung Bangsa-bangsa Bersatu mengisyiharkan bahawa hari Isnin yang pertama tiap bulan Oktober ditetapkan sebagai hari Habitat Sedunia untuk mengingatkan diri kita bahawa memiliki tempat tinggal yang selesa dan selamat adalah hak asasi setiap manusia. Apabila dilihat balik harga perumahan di Malaysia, harga perumahan telah meningkatkan secara mendadak sama ada dibandar-bandar besar atau bandar-bandar kecil dan ini bergantung pada lokasi-lokasi tertentu. Lebih dari sepuluh (10) tahun yang lalu, pasaran harta tanah di Malaysia telah mengalami perkembangan harga yang ketara di seluruh Malaysia. Pertumbuhan bilangan penduduk, kadar faedah, peningkatan kos bahan mentah, tenaga kerja, kesemua ini merupakan faktor kenaikan harga rumah.

Untuk mengatasi masalah ini dengan berkesan, Kerajaan harus tegas dalam menguatkuaskan dasar atau apa-apa perkara yang berkaitan dengan pembangunan perumahan. Sebagai contoh, perlu ada pemantauan yang betul untuk harga rumah. Kerajaan-kerajaan Persekutuan dan Negeri jarang memantau harga rumah, hal inilah yang membolehkan pemaju untuk menetapkan harga yang terlalu tinggi. Walaupun harga rumah ditetapkan mengikut nilai harta tanah, alam sekitar dan kemudahan yang disediakan, pemaju masih mengenakan harga yang tinggi, dengan mengatakan bahawa terdapat peningkatan dalam kos bahan mentah, tetapi kenaikan harga bahan-bahan ini tidak senada dengan harga rumah yang tinggi. Kontraktor sewenang-wenangnya boleh melaraskan harga kos pembinaan walaupun bahan yang digunakan tidak selaras dengan kualiti yang ditetapkan dalam kontrak kerana tidak ada sistem pemantauan yang berkesan.

Selain itu, untuk menyelesaikan masalah perumahan mampu milik ini bukan sesuatu perkara yang mudah tetapi gabungan beberapa langkah-langkah yang melibatkan semua pihak yang berkaitan dapat menjadikan ia perkara yang tidak

mustahil untuk dilakukan. Kita juga memerlukan politik yang kukuh untuk melaksanakan langkah-langkah seperti kelulusan *fast track* projek perumahan yang mampu dimiliki dan undang-undang terhadap penjualan hartanah. Di pihak pemaju, kita memerlukan mereka dengan melakukan perkara yang betul dalam melaksanakan sistem jualan reka dengan cara yang telus dan adil juga memberi keutamaan kepada pembeli rumah tulen bukan kepada kelab pelabur atau spekulator. Di pihak pengurusan kewangan, bank-bank dan institusi kewangan boleh menyumbang dengan memperkenalkan pakej pinjaman bagi pembeli rumah kali pertama dan mengutamakan permohonan untuk pembeli rumah kali pertama. Bank Negara juga perlu merujuk kepada garis panduan yang diperkenalkan untuk mengutamakan pembeli rumah kali pertama. Untuk pelabur dan spekulator, sudah tiba masa untuk kumpulan ini dikekalkan dikenakan cukai yang tinggi atau levi seperti yang dikenakan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk menghalang mereka daripada terus membeli hartanah secara pukal dan membuatkan harga semakin meningkat. Harga perumahan sekarang adalah terlalu tinggi terutama bagi golongan berpendapatan rendah. Ia menjadi beban yang berat untuk mereka dari segi kewangan.

Oleh itu, dalam usaha menyelesaikan masalah ini pihak Kerajaan Persekutuan dan Negeri, pemaju, Bank Negara dan semua pihak perlu berganding bahu untuk melaksanakan langkah penambahbaikan kerana terdapat banyak cara untuk mengurangkan harga perumahan yang tinggi untuk membantu rakyat kemampuan untuk membeli rumah dan meningkatkan taraf hidup masyarakat Malaysia. Dato' Speaker, saya ingin menyentuh suatu projek perumahan di kawasan bukit Paya Terubong iaitu nombor rujukan, MPPP/OSC/PM2782)/12(LB). Saya difahamkan bahawa permohonan ini melibatkan permohonan pemaju untuk meminda pelan asal dari rumah *townhouse* enam tingkat kepada rumah pangaspuri 47 tingkat di lereng bukit. Permohonan Kebenaran Merancang daripada pemaju bagi maksud membina empat (4) blok bangunan tinggi pangaspuri tinggi bertingkat 47 tingkat di Jalan Bukit Kukus, Mukim 13, Mukim 13, daerah Timur Laut, Pulau Pinang.

Oleh kerana kebimbangan terhadap kesan negatif kepada trafik, alam sekitar, ekologi, sosial, dan sebagainya, penduduk di sekitar telah mengutarakan bantahan mereka. Pada asalnya, kelulusan *townhouse* enam (6) tingkat telah diluluskan oleh pihak MBPP. Pemaju baru-baru ini telah membuat permohonan supaya meminda permohonan kepada empat (4) blok bertingkat 47 tingkat. Ini menjadi suatu isu yang membangkitkan kekhawatiran penduduk tempatan. Saya difahamkan bahawa salah satu (1) blok daripada empat blok ini termasuk satu blok rumah mampu milik. Tetapi saya ingin menjelaskan pendirian saya bahawa saya bukan membantah sebarang pembinaan rumah mampu milik, tetapi saya berpandangan Kerajaan Negeri dan Kerajaan Tempatan mesti berhati-hati semasa mengkaji faksibiliti sama ada *density* yang tinggi boleh diluluskan di sesuatu lokasi khususnya kawasan bukit. Kita harus berhati-hati supaya bukan semua permohonan rumah mampu milik di semua lokasi adalah boleh diluluskan atau sesuai diluluskan. Kerajaan Negeri harus mengkaji dengan teliti terhadap sebarang kesan negatif yang mungkin didatangkan oleh sesuatu projek pembangunan.

Kita harus berhati-hati supaya sebarang pembangunan mungkin diluluskan dengan sesuatu penyamaran ....(dengan izin) *camouflage* rumah mampu milik yang mungkin membawa impak negatif. Maksudnya, untuk menambahkan *density* nya Kerajaan pihak pemaju mungkin untuk mencadang mereka hendak membina ini rumah mampu milik untuk menarik sokongan Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk

meluluskan permohonan mereka. Kita Dewan Undangan Negeri adalah wakil rakyat dan kita tidak kita mempunyai tanggungjawab dan tugas untuk mengutarakan suara dan kebimbangan rakyat tempatan. Jadi saya memohon supaya kekhawatiran kebimbangan rakyat tempatan dalam projek perumahan adalah patut diberi keutamaan dan akhir sekali saya mohon menyokong.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Ahli YB. KOMTAR.

**Ahli Kawasan KOMTAR (YB. Teh Lai Heng):**

YB. Dato' Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Terlebih dahulu saya ingin mengambil kesempatan untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Dewan yang mulia ini kerana memberi peluang kepada saya menyertai dalam perbahasan ke atas ucapan Bajet Negeri Pulau Pinang 2016 oleh Y.A.B. Ketua Menteri. Secara keseluruhan, Bajet 2016 merupakan bajet yang berbentuk dasar ekonomi yang prograsif. Walaupun kedudukan ekonomi negara kita yang tidak kukuh oleh kerana jatuhnya nilai ringgit disebabkan oleh faktor-faktor seperti skandal RM42 Billion, 1MDB di pasaran mata wang dunia. Namun ini tidak menjelaskan Pulau Pinang sebagai sebuah Kerajaan Pakatan Harapan terus melaksanakan dasar ekonomi yang memanfaatkan rakyat.

Perlaksanaan Agenda Ekonomi Saksama (AES) dan program i-sejahtera yang meliputi pelbagai program-program emas yang diperuntukkan berjumlah RM61 juta menunjukkan keprihatinan kepada Pakatan Kerajaan, Pakatan Harapan sentiasa peka dengan kekangan yang dihadapi oleh rakyat jelata. Memperkuatkannya modal insan melalui pendidikan, Kerajaan Negeri meneruskan pemberian peruntukan sebanyak RM12 juta kepada sekolah pelbagai aliran yang dimulakan dari tahun 2008. Tambahan lagi, Kerajaan Negeri juga menubuhkan *Penang Future Foundation* untuk menyediakan biasiswa penuh untuk membantu semua pelajar Malaysia dan mengekalkan modal insan. Pengecualian cukai pintu untuk tahun 2016 kepada penghuni-penghuni rumah kos rendah dan kos sederhana rendah yang berjumlah sebanyak RM11.5 juta merupakan khabar gembira buat pemilik rumah kos rendah dan sederhana rendah. Juga haraplah pengecualian tersebut boleh diperluaskan kepada rumah-rumah kampung. Sudah tentu bajet Kerajaan Negeri tidak dapat dibandingkan dengan bajet Kerajaan Persekutuan jumlah wang yang diperuntukkan oleh Kerajaan Negeri cuma puluhan juta berbanding peruntukkan Kerajaan Persekutuan dalam lingkungan ratusan juta.

Sejak tahun 2008, selama tujuh (7) tahun berturut-turut Kerajaan Negeri telah mencadangkan bajet berdefisit namun mengambil kira permantapan pengurusan kewangan yang telah diterapkan. Peningkatan kutipan dan pengurangan tunggakan hasil amalan perbelanjaan berhemah serta perlaksanaan pengurusan nilai dalam pengurusan projek pembangunan di samping amalan tender terbuka, maka Kerajaan Negeri telah dapat mengakhiri setiap tahun kewangan dengan lebihan atau surplus. Lebihan yang terkumpul selama tujuh (7) tahun ini telah dapat meningkatkan jumlah rizab Kerajaan Negeri dari RM373.59 juta kepada RM880.75 juta pada akhir tahun 2014 iaitu peningkatan sebanyak 135.75%. Percayalah, penambahan rizab tersebut akan dapat membantu membawa kegemilangan kepada Kerajaan Negeri demi manfaat rakyat kini dan pada masa yang akan datang.

Yang Berhormat Dato' Speaker, bagi membantu pengusaha rumah tumpangan atau hotel untuk mendapatkan lesen yang sah di sisi undang-undang, Kerajaan Negeri telah melanjutkan lagi satu tahun Program Pemutihan Hotel Tanpa Lesen sehingga 31 Oktober 2016. Untuk memudahkan lagi proses permohonan, Kerajaan Negeri juga telah memberikan kelonggaran seperti pengemukakan Pelan Kebenaran Merancang dikecualikan dengan hanya mengemukakan pelan bangunan jika tidak melibatkan kerja-kerja penambahan ruang dan piawaian keselamatan yang ditetapkan oleh pihak Bomba juga diberi kelonggaran.

Walau bagaimanapun masih terdapat pengusaha-pengusaha hotel yang tidak dapat memutihkan operasi adalah disebabkan mereka tidak mematuhi Garis Panduan Tempat Letak Kereta yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan. Mengikut garis panduan tersebut satu (1) petak letak kereta perlu disediakan bagi setiap 125 meter persegi keluasan lantai dan satu tempat letak motorsikal perlu disediakan untuk setiap petak letak kereta. Jika pemohon tidak dapat menyediakan tempat letak kenderaan, maka sumbangan tempat letak kenderaan perlu dibayar dengan kadar RM25,000.00 setiap tempat letak kereta dan RM2,500.00 setiap tempat letak motorsikal. Sebagai contoh sebuah bangunan yang seluasnya 1,250 meter persegi, pengusaha perlu menyediakan 10 petak tempat letak kereta dan 10 petak tempat letak motorsikal. Jika gagal menyediakan tempat letak kenderaan jumlah bayaran sumbangan yang perlu dibayar oleh pengusaha tersebut adalah sebanyak RM275,000.00. Bayaran ini bukan angka yang kecil, susah untuk pengusaha dibayar sekali gus dan ia akan membebankan pengusaha dan juga perlu menanggung kos pengubahsuaian, kos modal dan lain-lain. Lagi susah jika mereka bukan adalah *owner* yang sah mereka cuma sewa.

Walau bagaimanapun saya berpendapat bahawa sumbangan tersebut tidak boleh dikecualikan. Jadi saya mencadangkan cara pembayaran yang lebih baik iaitu bayaran secara ansuran. Sumbangan tersebut boleh dibayar setiap bulan dalam tempoh tiga (3) tahun. Dalam tempoh pembayaran ansuran ini pengusaha diberi permit sementara sehingga habis pembayaran barulah diberi permit yang sah. Sebenarnya masalah ini bukan sahaja berlaku di antara pengusaha-pengusaha hotel atau rumah tumpangan, malahan pengusaha-pengusaha dalam bidang lain juga menghadapi masalah yang sama. Jika cara pembayaran ini berkesan, maka ia boleh diimplementasikan kepada pengusaha perniagaan lain untuk memutihkan operasi semua bidang. Jadi saya berharap Pihak Berkuasa Tempatan dapat mempertimbangkan cadangan saya. Saya percaya, semua pengusaha sanggup bersedia untuk menerima cara pembayaran baru yang saya cadangkan. Dengan ini bukan sahaja dapat mengurangkan beban pengusaha, ditambah pula pengusaha tiada alasan bagi daripada elakkan diri untuk menjalankan pemutihan serta ini menjaminkan keselamatan pelancong dan keselesaan pengunjung yang datang.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua ada banyak suara yang mencadangkan bahawa sistem tempat letak kereta Majlis Bandaraya Pulau Pinang harus dimansuhkan akan tetapi saya tidak berpendapat sebegini sebab implikasi sistem tempat letak kereta adalah diperlukan. Cuma fikirkan jika semua tempat letak kenderaan adalah percuma, orang ramai akan bertindak dengan meletak kenderaan tersebut sepanjang hari tanpa mempedulikan pemandu yang lain. Lagi, masalah halangan di petak letak kereta, tempat letak kereta tanpa kelulusan Majlis. Atendan kutipan haram akan berlaku keadaan akan menjadi huru hara, jadi sistem tempat letak kenderaan akan menjadi satu keperluan bukan untuk mengautkan keuntungan tetapi ia merupakan satu cara bagi mengawal pengaliran trafik. Walau

bagaimanapun kita memerlukan satu sistem letak kenderaan yang lebih efektif dan efisien. Di sini saya mencadangkan kedua-dua Pihak Berkuasa Tempatan MBPP dan MPSP selaraskan sistem letak kenderaan dan jadual masanya. Cadangan penyelesaian itu harus dibuat mengelakkan sebarang kekeliruan mengenai kupon letak kereta yang sebelum ini menggunakan logo MPSP dan MPPP menyebabkan pengguna disaman oleh Pihak Berkuasa. Kaedah ini turut dapat mengelakkan timbulnya kekeliruan rungutan daripada pengguna apabila mereka menghadapi masalah terpaksa membeli dua (2) kupon berlogo MPSP dan MBPP jika ingin meletak kenderaan di dua tempat tersebut. Saya turut cadangkan kegunaan alat pembayaran elektronik boleh digunakan oleh kedua-dua PBT.

Seperti yang saya ketahui di Melaka. Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah dan Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya menggunakan kupon letak kereta yang tertera mulai Januari 2011. Bagi pemandu mereka boleh menggunakan kupon yang sama di kedua-dua kawasan MBMB atau MBHTJ. Tambahan atas penyelarasannya ini cara pembayaran saman harus diselaras dan dikaitkan bagi kedua-dua PBT. Sekarang segala urusan pembayaran MBPP tidak boleh dibuat di MPSP dan sebaliknya. Oleh kerana masalah ini kebanyakkan kawan-kawan jika di Seberang Perai kena saman di Pulau Pinang mereka akan minta kita tolong dia bayarlah, nanti dia akan bayar kita balik. Walaupun kedua-dua PBT ini berada di dalam negeri yang sama hal ini menyusahkan orang ramai jadi haraplah PBT dapat mempertimbangkan cadangan saya atau sekurang-kurangnya dapat bayar secara *online*. Selain itu saya turut mencadangkan kedua-dua PBT seragamkan jadual masa tempat letak kenderaan. Jadual saya yang ingin saya cadangkan ialah pukul 9.00 pagi hingga 5.00 petang pada hari bekerja, separuh hari bagi hari Sabtu dan percuma bagi hari Ahad dan hari cuti umum. Saya ingin menyebutkan beberapa contoh di mana Majlis Bandaraya Alor Setar dan Majlis Bandaraya Ipoh turut menyelaras jadual kutipan tempat letak keretaan di mana dua-dua majlis ini percuma pada hari Ahad dan hari cuti umum. Dengan ikhlasnya saya berharap cadangan-cadangan ini dapat diambil kira dengan kajian terperinci. Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua....(gangguan).

#### **Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Penjelasan Yang Berhormat. Sikit sahaja atas isu berkenaan dengan isu tempat letak kereta. Saya juga ingin mendapatkan pandangan Yang Berhormat di mana seringkali di George Town kita lihat terdapat peniaga-peniaga yang menghalang menggunakan kerusi plastik ataupun benda-benda lain untuk menghalang tempat letak kereta itu secara haram dan ini menyebabkan banyak masalah kepada penduduk di Pulau Pinang dan pelancong-pelancong yang datang dari luar negeri apakah pandangan Yang Berhormat tentang perkara ini dan apakah tindakan-tindakan yang dicadangkan dan boleh diambil oleh Pihak Berkuasa Tempatan untuk memastikan perkara ini tidak berlaku lagi. Dan satu lagi perkara kita lihat semasa Deepavali, perayaan Deepavali tempat yang menjadi tumpuan membeli belah adalah di Little India tetapi peniaga-peniaga di situ rupa-rupanya ingin bermiaga di tempat letak kereta dan ini juga menimbulkan banyak masalah kerana pelancong yang datang atau orang-orang yang datang dari luar Pulau Pinang seperti Kedah dan Perlis yang ingin membeli belah di sini tiada tempat untuk meletakkan kenderaan. Dan ini menjadi rungutan dan memberi persepsi yang tidak baik kepada Pulau Pinang dan kebanyakan peniaga yang bermiaga di situ juga bermiaga secara haram tanpa membuat bayaran-bayaran yang diperlukan kepada Pihak Berkuasa Tempatan. Apakah pandangan Yang Berhormat tentang perkara-perkara ini. Terima kasih.

### **Ahli Kawasan KOMTAR (YB. Teh Lai Heng):**

Terima kasih Yang Berhormat Kawasan Seri Delima. Masalah-masalah Yang Berhormat bangkitkan memang benar berlaku di kawasan-kawasan bandar terutamanya mereka meletakkan halangan untuk tempat itulah. So, saya ingat Unit Penguatkuasa setiap kali mereka ada buat rondaan untuk mengambil barang-barang halangan itu dan mereka susah kenal pasti siapa yang letak kerana pada masa itu hanya halangan barang halangan ada di sana, so pihak penguatkuasa cuma ambil sahajalah. Kita pun banyak kali buat buat kesedaran bagi semua orang supaya jangan letak halangan untuk *reserve* tempat tersebutlah. Tentang Little India saya ingat masalah ini bukan masalah yang hari pertama, Majlis pun menggunakan *car park* punya dana untuk *build* kan *multi level car park* dekat *Beach Street* itu juga dapat membantu selesaikan masalah tempat letak kereta dan *detail-detail* saya ingat Yang Berhormat Padang Kota boleh bagi *detail* lebih terperinci.

### **Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee):**

Yang Berhormat KOMTAR, saya memang berminat tentang isu di mana pemilik kedai selalu mengambil benda-benda mungkin mereka sendiri untuk *reserve* tempat letak kereta dan mereka ingat tempat letak kereta di depan kedai mereka adalah hak milik mereka sendiri. Saya pernah dihalau dan dimarah oleh pemilik kedai di mana saya pergi ke Chai Leng Park ada satu tong papan yang diletak / *want to share the experience* saya turun pergi tanya sama ada ini saya punya kamu mahu parking pergi jauh sana. Saya pernah buat aduan kepada MPSP tetapi tindakan-tindakan yang tegas maksudnya merampaskan juga memberi saman. Saya tak tahu sama ada MPSP ada lakukan atau tidak ada. Di sini saya nak tanya sama ada kerja-kerja penguatkuasaan terhadap pemilik kedai yang suka *reserve* .... (dengan izin) Tuan Yang di-Pertua untuk tempat letak kereta tersebut kerana tempat letak kereta yang sedia ada memang tak cukup di kawasan-kawasan seperti jalan-jalan utama, bank, maka mereka sentiasa letak dan mereka letak tanpa sebab. Ini telah menjadikan satu salah laku, *customer* atau pelanggan letak kereta sekejap tetapi dia kena saman. Saya di sini nak tanya sama ada MPSP mahupun MBPP ambil tindakan secara merampas benda-benda tersebut ataupun mengeluarkan saman ataupun keluar rondaan seperti tempat-tempat yang sibuk yang sudah faham setiap hari ada kes tersebut berlaku, saya minta MPSP atau MBPP boleh jawab.

### **Ahli Kawasan KOMTAR (YB. Teh Lai Heng):**

Terima kasih yang berhormat Ahli Kawasan Jawi saya ingin penjelasan telah diberi bukan senang dapat orang itu semasa pergi tidak orang akan mengakui dia yang buat halangan tersebut. Saya ingat Penguatkuasa penting program kesedaran juga penting.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua pada tahun 2009 sebanyak RM50 juta diperuntukkan oleh Kerajaan Persekutuan untuk membantu memelihara dan memulihara dua (2) tapak warisan iaitu Melaka dan George Town Pulau Pinang. Daripada jumlah tersebut sebanyak RM30 juta telah diserahkan secara terus kepada Kerajaan Negeri Melaka, manakala baki RM20 juta untuk Negeri Pulau Pinang diserahkan kepada anak syarikat Khazanah Nasional Berhad iaitu Think City bagi tujuan pemuliharaan dan pemeliharaan. Walau bagaimanapun enam (6) tahun

sudah lepas geran tersebut yang diberikan kepada Think City telah dibelanjakan sewajarnya bagi pemuliharaan tapak warisan sedia ada di George Town. Justeru berharaplah Kerajaan Persekutuan dapat menambah peruntukan lagi kepada Think City seperti yang dikatakan oleh Ketua Menteri bahawa Kerajaan Negeri menulis surat kepada Kerajaan Persekutuan bagi memohon geran lagi untuk pemuliharaan Tapak Warisan Dunia, akan tetapi agak kecewanya belum ada khabar baik daripada Kerajaan Persekutuan lagi.

Kerja pemeliharaan dan pemuliharaan tapak warisan dunia George Town tak boleh berhenti dan menunggu jadi saya ingin mencadangkan Kerajaan Negeri bahawa menubuhkan satu tabung tapak warisan dunia yang berjumlah RM10 juta buat pertama kali khas kepada kerja pemeliharaan dan pemuliharaan tapak warisan George Town. Saya berpendapat begini sebab kerja pengubahsuaian bangunan warisan memerlukan kos yang lebih tiga (3) kali ganda tinggi daripada mengubahsuai atau memulihara bangunan biasa, jadi banyak pemilik tidak berkemampuan terutamanya mereka yang bukan berasaskan keuntungan. Peruntukan dana tersebut boleh datang dari sama ada Kerajaan Tempatan atau Kerajaan Negeri ataupun gabungan kedua-dua Kerajaan. Saya turut cadangkan gunakan sebahagian hasil fi Kerajaan Tempatan yang dikumpul bagi setiap bilik penginapan hotel dan tabung ini diuruskan oleh GTWHI. Sudah pasti kriteria-kriteria tertentu perlu ditetapkan bagi dana tersebut seperti hanya kerja pemeliharaan dan pemuliharaan yang melibatkan bumbung dan bangunan, buat semula pertukaran permukaan lantai kayu dan hanya premis milikan persatuan-persatuan, pertubuhan-pertubuhan atau NGO berdaftar, individual diberi keutamaan, premis komersial dipertimbangkan kemudian manakala premis yang dimiliki oleh bukan warga negara Malaysia tidak dibenarkan. Anugerah tapak warisan dunia meningkatkan reputasi George Town sebagai sebuah bandaraya yang terkenal di seluruh dunia. Baru-baru ini sahaja laman sesawang pelancongan terbesar di dunia. *Lonely planet* menyenaraikan George Town sebagai bandar raya yang keempat berkarisma di dunia. Jadi Kerajaan Negeri harus terus melakukan yang terbaik bagi memelihara keindahan bangunan bersejarah dalam negeri walaupun menerima pembayaran terhad daripada Kerajaan Persekutuan.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, saya ingin mengingatkan semua dalam Dewan yang mulia ini bahawa usaha tebatan banjir bukan perkara sekilip mata sebaliknya kejayaan dibina dalam tempoh masa panjang melalui usaha keras dan rancangan, walau bagaimanapun saya ingin mengambil kesempatan ini menyampaikan penghargaan terhadap komitmen dan jasa bekas Kerajaan Barisan Nasional yang fokus juga bertungkus lumus menyelesaikan masalah banjir selama ini seperti pembinaan kolam takungan S10 dan S12 untuk menyelesaikan masalah banjir dalam bandar. Selepas Kerajaan Pakatan Harapan mengambil pemerintahan pada tahun 2008, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada segala usaha yang dilakukan oleh Kerajaan Negeri terutamanya bekas EXCO, kini Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri dan Yang Berhormat ADUN Padang Kota, EXCO Tebatan Banjir dalam aspek rancangan tebatan banjir dalam negeri adalah teratur jelas dan efektif, Yang Berhormat Penanti nampak saya, sama-sama kita dalam tebatan banjir. Banyak projek Yang Berhormat Penanti dapatlah, akan....(ketawa).

Akan tetapi bukan semua masalah banjir dapat diselesaikan maka tebatan banjir perlu sentiasa meninjau dan menambah baik. Kebelakangan ini daripada tinjauan JKKA mendapati beberapa kawasan KOMTAR yang sering dilanda banjir kilat setiap kali hujan lebat adalah Jalan Pintal Tali, Lebuh Citra, Lebuh Kimberly,

Lebuh Carnavon dan Lorong Prangin dan lain-lain tempat lagi. Sehubungan itu saya ingin menyeru sokongan pihak pembangkang yang prihatin atas rakyat Pulau Pinang untuk berganding bahu dengan Kerajaan Negeri dengan permohonan peruntukan RM805 juta di bawah Rancangan Malaysia Ke-11 bagi mengatasi masalah perparitan dan banjir di Pulau Pinang. Projek Rancangan Tebatan Banjir dan rancangan *living river* di bawah Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia.

Dengan ikhlasnya, Kerajaan Negeri sangat prihatin dengan masalah rakyat. Kita semua pun tahu setiap kali berlaku banjir, mangsa yang terlibat akan mengalami kerugian disebabkan harta benda mereka rosak. Justeru bagi tempoh tahun 2012 sehingga 2014 jumlah perbelanjaan yang dikeluarkan untuk projek berkaitan banjir adalah berjumlah lebih kurang RM21.6 juta menggunakan sumbangan wang caruman perparitan dan pada tahun 2014 sahaja Kerajaan Negeri telah meluluskan peruntukan sebanyak RM9.7 juta bagi projek menaik taraf sistem perparitan dan tebatan banjir. Bekas ADUN KOMTAR Yang Berhormat Ng Wei Aik telah berjaya mencadangkan MBPP untuk menaik taraf sistem perparitan dan pembinaan kolam takungan di jalan Lim Eow Thoo, Taman Trafik dengan memperuntukkan sebanyak RM400 ribu. Usaha ini telah berjaya menyelesaikan masalah banjir kilat yang lama menghantui rakyat di sekitarnya. Selepas saya dipilih sebagai ADUN KOMTAR, tindakan mengatasi masalah banjir sentiasa menjadi agenda terutama di kawasan saya. Saya telah memperjuangkan untuk mengkaji semula keberkesanan Projek Tebatan Banjir S10 yang telah beroperasi melebihi 10 tahun dalam mesyuarat MMK tebatan banjir. Baru-baru ini saya telah terima berita baik daripada Kerajaan Negeri bahawa MBPP mendapat kelulusan untuk mendapatkan peruntukan kira-kira RM620 ribu bagi melantik perunding untuk tujuan kajian ini.

Menurut maklumat dari MBPP Terusan Prangin atau lebih dikenali Prangin Carnal yang bernilai warisan telah wujud seawal tahun 1881 dan memainkan peranan penting untuk mengalirkan air hujan ke laut semasa hujan dengan bergantung kepada sistem pam ke kolam takungan S10. Sistem saliran bandar S10 yang mempunyai keluasan sebanyak 278.7 ekar dan duduk di atas lembangan yang rendah serta mengalami kesan air pasang. Projek tebatan banjir saliran bandar S10 telah dilaksanakan sejak tahun 1994 oleh JPS untuk mengatasi masalah banjir di kawasan KADUN Komtar sehingga kini. Punca utama banjir yang dikenal pasti apabila hujan lebat paras air dalam parit utama tinggi dan menjejas saliran di lokasi terbabit menyebabkan berlakunya banjir kilat. Selain itu masa yang panjang diperlukan untuk *draw down* paras air diparit utama akibat jarak yang panjang dari hulu tadahan ke hilir tadahan. Tambahan pula saiz parit di tepi jalan yang tidak menampung curahan air hujan yang banyak masa singkat. Tahap banjir biasanya tidak melebih 200mm di mana air melimpah tebing parit menenggelamkan jalan, halaman rumah dan menjejas lalu lintas. Berdasarkan jawapan bertulis saya telah dimaklumkan bahawa projek-projek tebatan banjir Kerajaan Negeri adalah bertujuan untuk menguruskan masalah banjir supaya impak banjir dapat dikurangkan kepada tahap yang minimum. Antara aktiviti yang dilaksanakan bagi menyelesaikan buat jangka masa pendek adalah melalui operasi pembersihan parit utama dan bermasalah mekanikal serta mengwujudkan skuad pemantauan dan tindakan operasi bencana untuk menyelaraskan mekanisme dan mengenal pasti punca kejadian banjir.

Dalam usaha untuk mengurangkan kesan banjir kilat di S10 saya juga dimaklumkan kerja membina simpang besar di persimpangan Lebuh Carnavon ke Jalan Dr Lim Chwee Leong sedang dilaksanakan oleh MBPP untuk mempermudahkan kerja pembersihan sampah dan mendapan. Dalam Komtar *best buy Phase 5* dekat Prangin Market yang lama PDC turut menjalankan kerja melenceng dan memperbesarkan kapisiti Terusan Prangin. Walau bagaimanapun Kerajaan Negeri memandang serius maklum balas awam berhubung kejadian banjir kilat di pusat bandar George Town dan menjadi keperluan kepada pihak terbabit mencari jalan penyelesaian pada kadar segera tetapi jangan kita lupa ke atas projek perparitan yang kecil seperti di Jalan Anson, Jalan Merican yang sering dibincang tetapi masih belum dapat dijalankan dan memberi peluang kepada pihak pembangkang menjadikan ini sebagai isu-isu semasa.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua demi mengekalkan keistimewaan makanan penjaja Pulau Pinang yang enak dan unik. Kerajaan Negeri telah memutuskan untuk melarang pekerja asing daripada menjadi tukang masak utama dalam perniagaan makanan. Keputusan kajian maklum balas daripada orang ramai menunjukkan 85% yang sokong cadangan ini. Satu tempoh peralihan selama setahun telah diberikan sehingga 1 Januari 2016, tahun ini sudah masuk suku terakhir, tempoh peralihan hampir habis dan penguatkuasaan akan diambil pada tahun hadapan. Sehubungan itu, saya ingin mengambil tahu apakah yang telah dirancang oleh pihak dalam tempoh peralihan ini dan bagaimana penguatkuasaan akan diambil pada tahun hadapan demi memelihara serta memulihara keaslian makanan warisan Pulau Pinang. Adakah pihak MBPP berhasrat mengimplementasikan polisi ini kepada kedai kopi swasta dan kompleks makanan swasta.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua seperti yang sedia maklum aktiviti pelancongan semakin berkembang di Pulau Pinang terutamanya dikawasan George Town, bas persiaran dan teksi sebagai kenderaan keperluan pelancong juga akan bertambah secara langsung. Akan tetapi masalah kekurangan tempat letak dan tiada petak khas untuk bas persiaran dan teksi merupakan masalah yang lama menganggu kita. Beberapa tahun yang lepas dua (2) bidang tanah di hadapan Prangin Mall telah dicadangkan oleh JMB Prangin Mall untuk dijadikan tapak perhentian bas persiaran dan teksi, tapak perhentian tersebut adalah sangat penting bagi pengaturan sistem trafik di sekitar kawasan Komtar. Dengan adanya tapak perhentian tersebut masalah tempat letak bas persiaran dan teksi-teksi dapat diselesaikan di samping tertumpu di satu tempat.

Walau bagaimanapun permohonan tersebut sudah lama dibuat Kerajaan Negeri telah bersetuju pada asasnya akan tetapi mengapa rancangan tersebut masih belum diluluskan. Saya berharap rancangan ini dapat diluluskan dengan secepat mungkin. Selain itu tapak meletak bas persiaran dan teksi ini boleh bergabung dengan jajaran transit aliran ringan LRT seperti yang telah dirancang dalam projek pelan induk pengangkutan awam yang akan dibina pada masa akan datang. Penggabungan sistem lalu lintas sebegini dapat membawa kemudahan kepada orang ramai dan pelancong dan seterusnya akan menarik perhatian kedatangan mereka dan kemudiannya memeriahkan kawasan sekitar Komtar. Seperti yang saya sedia maklum dalam jawapan soalan bertulis projek pelan induk pengangkutan awam akan memberi keutamaan kepada jajaran transit aliran ringan dari George Town ke Lapangan Terbang Pulau Pinang. Saya berharap pelan

tersebut juga tidak mengabaikan jajaran transit dalam kawasan tapak warisan dan turut mencadangkan kawasan tersebut kepada laluan *free shuttle* CAT bas serta bergabung dengan perhentian tapak bas persiaran dan teksi tersebut.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua sebagai langkah pertama untuk melindungi rakyat Pulau Pinang Kerajaan Negeri telah mengehadkan harga pembelian harta tanah warga asing kepada *property* yang bernilai RM1 juta ke atas dan RM2 juta bagi rumah bukan bertingkat mulai Julai 2012. Walau bagaimanapun usaha tersebut tidak cukup lagi untuk menghadkan dan mengawal pemilikan harta tanah warga asing terutamanya warisan George Town dalam tahun-tahun kebelakangan ini banyak premis warisan telah dibeli oleh warga asing akibatnya penduduk asal terpaksa pindah keluar. Jika premis di tapak warisan ditukar guna kepada tempat tarikan seperti muzium, galeri dan lain-lain ataupun menjadi tempat penginapan serta lain-lain komersial ia akan menarik perhatian pelancong tetapi pada masa yang sama mengacau kehidupan penduduk pula, masalah seperti yang berikut akan berlaku kekurangan tempat letak kereta, kesesakan lalu lintas isu-isu kebersihan, kebisingan dan sebagainya jadi bagaimanakah Kerajaan Negeri berusaha mencapai satu tahap keseimbangan antara pelancong dan penduduk tempatan adalah sangat penting. Setakat yang saya satu rancangan kawasan khas RKK atau kata lain *special Area Plan* disediakan oleh tapak warisan dunia George Town untuk tujuan mengawal pembangunan dalam kawasan tersebut.

Dalam rancangan ini tapak warisan dibahagikan kepada beberapa zon aktiviti guna tanah dan bangunan seperti zon perniagaan, zon pelancongan, zon khusus dan sebagainya. Pembahagian tersebut akan memperincikan aktiviti yang dibenarkan dan tidak dibenarkan bagi sesbuah bangunan atau plot tanah. Kita memerlukan perancangan yang lebih terperinci seperti RKK ini sebagai panduan terperinci dalam kawalan dan perancangan bagi aktiviti kawasan tapak warisan George Town. Walau bagaimanapun rancangan tersebut masih belum diluluskan. Bilakah rancangan tersebut akan diluluskan dan apakah faktor-faktor atau pertimbangan yang masih di ambil kira?

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, sejak saya dilantik sebagai ADUN KOMTAR saya tidak berhenti berusaha untuk mengembalikan kemeriahinan bangunan KOMTAR. Salah salah satu usaha adalah mencadang PDC untuk membeli balik premis swasta dalam bangunan KOMTAR dan kemudiannya memulihara semula KOMTAR untuk pembangunan baru. Kini saya rasa amat gembira bahawa PDC telah menawarkan rancangan tersebut dengan mengemukakan surat kepada kesemua pemilik 543 unit komersial swasta terbabit. Seperti yang dinyatakan dalam jawapan soalan bertulis yang saya terima setakat 28 Oktober 2015 sebanyak 125 unit telah bersetuju untuk menjual unit hanya harga tawaran dan syarat ketetapan PDC akan dibincangkan lagi kemudian. Jadi saya berharap rancangan ini boleh dijalankan dengan lancar dan secepat mungkin. Saya juga berharap pihak PDC terus berusaha menghubungi pemilik unit yang masih belum memberi sebarang maklum balas mengenai cadangan pembelian balik tersebut.

Selain daripada rancangan pemberian balik ini seperti yang anda semua sedia maklum, kumpulan Only World Group (OWG) sedang menjalankan kerja-kerja pemuliharaan bangunan KOMTAR dengan melaksanakan beberapa projek antaranya pembangunan semula kompleks makanan di aras lima blok podium sebagai Dewan banquet telah disiapkan, *escalator* dari Komtar walk ke ruang terbuka aras lima

telah dipasang, pengubahsuaian premis restoran di aras 59 dan 60 blok menara sebagai restoran 59 *Sixty* telah disiapkan dan mula beroperasi pada 1 Jun 2015. Pembinaan *observation lif* di luar blok menara yang menghubungkan aras lima ke aras 59 dan 60 dan seterusnya ke aras 64 dan 65. Pembangunan restoran *extreme sky dining* di aras 64 dan 65 serta cadangan aras 66 blok menara dan juga aktiviti komersial di ruang terbuka di aras 5 blok *podium* sedang giat dijalankan. Keseluruhan pembangunan yang saya sebut tadi disasarkan untuk disiapkan oleh OWG pada penghujung tahun 2015 atau awal tahun 2016.

Di samping itu, OWG juga mempunyai rancangan untuk membangunkan kawasan di luar Dewan Tunku Dome di aras lima (5) sebagai taman tema. Lagi bangunan tempat letak kereta bertingkat KOMTAR juga telah diambil alih oleh OWG berkuatkuasa 1 Oktober 2015. Kerja-kerja pengubahsuaian dan menaik taraf ke atas premis tersebut sedang dijalankan keseluruhan pembangunan oleh OWG untuk projek KOMTAR *revitalization* ini dianggarkan menelan kos pelaburan sebanyak RM180 juta. Selain daripada itu, Dewan Tunku, Pusat Squash dan kawasan awam sekitarnya di aras lima (5) juga sedang dibangunkan semula oleh Penang *Tech Center* sebagai *Tag Tech-Dome* Penang yang berfungsi sebagai pusat kecemerlangan sains dan teknologi yang mengetengahkan inovasi teknologi tinggi. Kerja pembangunan di tapak telah dimulakan pada tahun ini dan dijangka siap sepenuhnya pada tahun 2016 di jangka melibatkan kos sebanyak RM23 juta.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, Pulau Pinang telah membayar cukai sekurang-kurangnya RM6.3 bilion setahun kepada Kerajaan Persekutuan sebagai sebahagian dari Malaysia. Saya berasa amat kesal bahawa pihak Kerajaan Persekutuan telah menganaktirikan Pulau Pinang dalam Bajet 2016. Di mana tiada satu projek pun untuk Pulau Pinang. Soalan ini juga adalah soalan Dewan pada sesi DUN yang lepas juga tidak ada satu (1) projek diberi oleh Kerajaan Persekutuan. Oleh itu saya dengan ikhlasnya mengesyorkan.

**Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):**

Penjelasan.

**Ahli Kawasan KOMTAR (YB. Teh Lai Heng):**

Hendak habis.

**Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):**

Apa yang di sebut oleh Komtar tadi amat serius. Tidak ada satu (1) projek pun diberi untuk Pulau Pinang. Bagan Jermal senyum. Ini satu tuduhan yang berat. Kalau di kaji saya dalam ucapan saya pun cerita apa sebenarnya projek-projek yang sedang dijalankan itu baru mega projek. Projek kecil-kecil sebenarnya macam-macam ini kalau tanya JKR apa dia peruntukan yang telah diberi, akan diberi dan sedang diberi, sedang dilaksanakan. Begitu juga dengan pelbagai projek-projek infrastruktur yang sedang dijalankan. Projek-projek mega itu dan banyak lagi jadi sebenarnya kalau menyatakan secara umum bahawa tidak ada sebarang projek yang diberikan kepada Pulau Pinang adalah amat tidak betul. Kalau boleh kaji sebelum membuat satu kenyataan yang begitu amat dikesali. Terima kasih.

**Ahli Kawasan KOMTAR (YB. Teh Lai Heng):**

Terima kasih Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar memang dalam bacaan ucapan bajet Perdana Menteri memang Pulau Pinang tidak di sebut satu kali pun, so memandangkan ini juga satu (1) fakta orang Pulau Pinang boleh tanya akar-akar umbi bukan perasaan daripada kita saja, ini adalah perasaan akar umbi. Oleh itu, saya dengan ikhlasnya mengesyorkan satu (1) sistem pengagihan hasil cukai yang baru bahawa cukai yang dikutip oleh Kerajaan Persekutuan melalui Lembaga Hasil Dalam Negeri sama ada cukai individu cukai syarikat dan lain-lain cukai dibahagikan 40% daripada jumlahnya kepada Kerajaan Negeri sebagai dana pembangunan dalam negeri. Berdasarkan cukai RM6.3 bilion yang dibayar kepada Kerajaan Persekutuan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang pada tahun lepas jika 40% daripadanya disumbang balik kepada Kerajaan Negeri jumlahnya adalah sebanyak RM2.6 bilion. Kerajaan Negeri boleh menggunakan untuk pelbagai pembangunan dalam negeri walaupun tiada peruntukan projek oleh Kerajaan Persekutuan. Dengan ini saya juga memohon sokongan pihak pembangkang atas cadangan saya. Saya ingin mengambil contoh sistem cukai Negara China yang juga melaksanakan sistem perkongsian hasil cukai di mana cukai tertentu dibahagi secara peratusan antara Kerajaan Pusat dan Kerajaan Province.

Selain itu walaupun hal ehwal perumahan tertakluk dalam bidang Kerajaan Persekutuan tetapi Kerajaan Negeri tidak elakkan diri dari bidang tersebut sebaliknya terus berusaha sedaya-upaya mencari jalan dengan melancarkan rumah mampu milik. Tambahan pula bajet tahun depan Kerajaan Negeri telah memperkenalkan lagi jenis perumahan mampu milik yang baru dengan harga maksimum RM150,000.00 seperti yang disebut oleh Ketua Pembangkang tadi dalam debat dalam Dewan yang mulia ini skim PR1MA telah meluluskan pembangunan lebih daripada 20,000 unit di Pulau Pinang. Saya ingin tanya di sini bilakah janji ini akan ditepati. Dengan ini saya memohon menyokong. Sekian. Terima kasih.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Sila Ahli-ahli Yang Berhormat siapa ingin berbahas. Saya tanya sekali lagi kalau tidak ada saya hendak umum. Sila Machang Bubuk.

**Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon):**

Terima kasih kepada Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri kerana memberi peluang kepada saya untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Enakmen Bagi Perbekalan Anggaran Pembangunan Bagi Tahun 2016 yang telah berjaya dibentangkan oleh Y.A.B. Ketua Menteri.

Saya ingin mengucapkan tahniah dan syabas kepada Kerajaan Negeri kerana sekali lagi mencatat pengurusan kewangan yang berhemah dan cekap serta mempertingkatkan jumlah *result* Kerajaan Negeri daripada RM373.59 juta kepada akhir tahun 2007 kepada RM880.75 juta pada akhir tahun 2014. Peningkatan yang begitu tinggi sekali iaitu sebanyak 5%, iaitu RM7.16 juta atau 135.75%. Pencapaian urus tadbir yang baik dan tender terbuka sekali lagi menunjukkan Kerajaan yang bersih adalah penting untuk memastikan hasil negeri tidak di sapu atau disia-siakan melalui ketirisan dan pembaziran atau rasuah. Dalam keadaan ekonomi dunia yang

lembap kejatuhan nilai mata wang ringgit serta krisis kepimpinan di peringkat Kerajaan Persekutuan telah menjadi prospek pembangunan ekonomi untuk Pulau Pinang menjadi lebih mencabar. Tambahan pula dengan pelaksanaan cukai yang menyalim rakyat iaitu GST kos sara hidup rakyat biasa sudah bertambah berat dan ramai yang akan menjadi golongan *working poor* ....(dengan izin). Oleh itu saya mengambil kesempatan ini mengalu-alukan pengecualian cukai pintu oleh MBPP dan MPSP pada tahun 2016 kepada penghuni-penghuni rumah kos rendah dan kos sederhana rendah.

Langkah ini bukan sahaja menunjukkan Kerajaan Negeri berjiwa rakyat tetapi juga menyalurkan bantuan kepada golongan yang berpendapatan rendah khasnya mereka yang kais pagi makan pagi, kais petang makan petang. Walaupun keadaan ekonomi yang amat mencabar, Kerajaan Negeri sekali lagi tidak mengurangkan atau memotong sebarang sumbangan dan bantuan kepada penerima-penerima program i-sejahtera. Malahan perlaksanaan seperti Agenda Ekonomi Saksama (AES) yang juga ditambah baikkan dengan memberi perhatian ke atas faktor kesihatan keluarga serta pendidikan anak-anak. Dato' Yang di-Pertua, ruang penyertaan bagi rakyat dalam pembentukan bajet negeri, saya juga difahamkan tadi Penanti ada menyebut tentang....(gangguan).

#### **Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Minta laluan Yang Berhormat, minta laluan. Saya tertarik dengan 2,3 perkara yang disentuh oleh Yang Berhormat tadi. Berkenaan dengan kos sara hidup yang meningkat, kita juga lihat bahawa sejak kebelakangan ini, dalam seminggu dua (2) ini telah diumumkan kenaikan pada harga tol, nombor satu (1). Kenaikan pada tambang-tambang yang dikenakan LRT, Penang tidak adalah buat masa sekarang.....(gangguan) di samping itu, saya ingin tanya adakah pemberian BR1M sekali, dapat menyelesaikan masalah-masalah yang dihadapi oleh rakyat jelata tiap-tiap hari. Maklumlah kalau kita nak pergi bekerja, kita bayar tol tiap-tiap hari, bayar petrol tiap-tiap hari, kena GST tiap-tiap hari, warga kota yang tinggal kena juga bayar tambang LRT yang semakin hari semakin naik. Adakah pemberian BR1M ini yang diuar-uarkan boleh menyelesaikan masalah-masalah yang dihadapi oleh rakyat jelata? Dan untuk makluman Yang Berhormat juga, saya difahamkan kadar kenaikan tol dan kenaikan petrol ini akan memberi kesan secara tidak langsung kepada tambang bas sekolah. Maklumlah, kalau kita ada lima (5) atau enam (6) orang anak yang pergi ke sekolah, kenaikan tol dan kenaikan petrol ini akan memberi kesan kepada kenaikan tambang sekolah. Bolehkah pemberian BRIM sekali sekala ini menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh rakyat..... (gangguan).

#### **Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon):**

Terima kasih Seri Delima. Saya rasa jawapan itu sudah diberikan oleh Seri Delima di mana BR1M memang tidak mencukupi. Tambahan pula, kos sara hidup seperti subsidi-subsidi yang diberikan kepada barang-barangan keperluan harian seperti minyak masak, beras, tepung, pada tahun 2016 kesemua subsidi itu akan dihapuskan. So kita sekali lagi tengok Kerajaan Persekutuan yang bukan sekadar tidak prihatin terhadap golongan rakyat yang tengah bersusah payah tetapi mereka, masih boleh mendapat *donations*, sumbangan RM2.6 billion memang tak jadi masalah untuk dia. Tapi untuk rakyat biasa yang hanya bergantung kepada BR1M, saya rasa itu tidak dapat menampung kos sara hidup itu. Oleh itu, saya rasa... (gangguan).

### **Ahli Kawasan Tanjung Bunga (YB. Teh Yee Cheu):**

Penjelasan, terima kasih. Terima kasih Yang Berhormat Machang Bubuk, saya ingin balik kepada *statement* di atas urus tadbir, terutamanya dalam prinsip CAT. Adakah kalau lebih baik Jawatankuasa Integriti dan Tadbir Urus, Jawatankuasa Pengurusan Kewangan dan Akaun, Jawatankuasa Pengurusan Aset, Jawatan Audit, Jawatankuasa Perlaksanaan dan Pemantau Projek-Projek Majlis, Jawatankuasa Penyiasatan Tata Kelakuan Anggota Majlis, dicantumkan dalam satu *ombudsman* supaya dia bersendirian dan memberi pantau yang lebih baik ke atas prestasi PBT negeri kita, supaya kita dapat mencapai satu tahap *international standard city*. Terima kasih.

### **Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon):**

Terima kasih kepada Tanjung Bunga, dan memang cadangan *ombudsman* ini pernah diwar-warkan atau dicadangkan oleh badan-badan bukan Kerajaan sejak Pakatan Rakyat ambil alih pada 2008 kemudian sampai sekarang mereka NGO-NGO masih mencadangkan supaya *ombudsman* ini dapat ditubuhkan yang *independent* dan boleh memantau urus tadbir Kerajaan Negeri dan ini pun, nanti saya akan sambung macam mana dari segi pembentukan proses, proses pembentukan bajet yang boleh melibatkan rakyat supaya lebih banyak orang dapat menyertakan diri dalam proses tersebut.

Oleh itu, saya teruskan Dato' Yang di-Pertua, di KADUN Machang Bubuk, kita pernah mengadakan satu dialog bajet yang pelbagai lapisan masyarakat yang telah dijemput termasuk pemimpin masyarakat setempat, rumah ibadat, wakil-wakil persatuan NGO profesional dan peniaga telah dijemput untuk memberi pandangan dan cadangan supaya sebagai seorang wakil rakyat kita boleh membawa suara-suara atau cadangan tersebut masuk ke dalam sidang DUN ini supaya keperluan rakyat itu diketahui oleh pihak Eksekutif atau Kerajaan Negeri. Saya tahu memang dialog bajet ini juga diadakan di peringkat Kerajaan Tempatan di mana MPSP dan MBPP juga mengadakan dialog bajet di peringkat Kerajaan tempatan. Perlaksanaan bajet dialog itu bukan sekadar *window dressing* atau *PR exercise* ....(dengan izin) tetapi yang lebih dengan menyediakan maklumat-maklumat yang mencukupi kepada peserta untuk lebih memahami macam mana urus tadbir yang telah dijalankan oleh Kerajaan Tempatan. Untuk mempertingkatkan keberkesanan dialog bajet tersebut, maka perlu adanya juga maklumat-maklumat seperti perlu adanya *mid-term review* ....(dengan izin) di pertengahan tahun bajet supaya rakyat boleh memantau pelaksanaan projek tersebut ataupun pelaksanaan perancangan-perancangan yang telah ditetapkan oleh Kerajaan pada akhir tahun.

Oleh itu, tuan-tuan dan puan-puan, ahli-ahli mesyuarat yang saya hormati sekalian, Yang Berhormat-Yang Berhormat, beberapa isu penting yang telah dibangkitkan dalam dialog bajet telah saya kemukau dalam perbahasan saya. Antaranya yang berikut, dasar tanah Kerajaan Negeri. Kerajaan Negeri memang prihatin terhadap hak peneroka bandar khasnya penduduk Kampung Permatang Tok Subuh yang saya seringkali bawa dalam sidang DUN ini, yang mereka tengah berdepan dengan nasib pengusiran di mana pihak tuan tanah telah berjaya memperolehi perintah mahkamah untuk hak milikan kosong dan saya amat-amat tertarik kepada ucapan Yang Amat Berhormat Ketua Menteri di Perkarangan Bangunan Parlimen pada 7 Julai 2015 berkenaan dengan skandal 1MDB yang

membabitkan Perdana Menteri. Pada masa itu Ketua Menteri telah menegaskan bahawa Kerajaan Negeri Pulau Pinang sedia bertindak untuk menghentikan segala urus niaga tanah berkaitan dengan Syarikat 1MDB di Pulau Pinang ini. Langkah tersebut amat berani dan menunjukkan iltizam politik Kerajaan Negeri dalam mempertahankan hak tanah penduduk di Pulau Pinang serta ingin membanteras sebarang penyelewengan dalam urusniaga tanah yang di bawah kuasa Kerajaan Negeri.

Dato' Yang di-Pertua, memandangkan tuan punya tanah *Distinct Class Sdn. Bhd.* yang telah menuntut milikan kosong di mahkamah serta enggan bekerjasama dengan Kerajaan Negeri untuk menyelesaikan masalah penempatan penduduk di Permatang Tok Subuh, maka saya menyeru Kerajaan Negeri untuk menggunakan kuasa untuk membeku segala urus niaga ke atas tanah Lot 1258 Mukim 14, Seberang Perai Tengah yang dimiliki oleh *Distinct Class Sdn. Bhd.* ini kerana ia mungkin berlakunya salah laku dalam proses perolehan tanah tersebut dan kemungkinan besar pihak tuan tanah hanya ingin mengaut keuntungan dan juga membuat spekulasi tanah dengan memperolehi nilai yang lebih tinggi daripada urusniaga ke atas tanah tersebut selepas mendapat hak milikan kosong daripada mahkamah.

Oleh itu, saya pohon pihak Kerajaan Negeri mengkaji dan membuat siasatan dengan lebih terperinci tentang segala transaksi yang telah dilakukan ke atas tanah Lot 1258 ini dan dibekukan sehingga masalah isu penempatan penduduk Permatang Tok Subuh itu diselesaikan dengan baik. Kedua, mitigasi banjir. Perubahan iklim pembangunan yang tidak mampan serta kekurangan tадahan air semula jadi telah menyebabkan banjir dan tanah runtuh kian kerap berlaku. Masalah banjir kilat masih berlaku di KADUN Machang Bubuk yang baru-baru ini, dalam sejak 16 September yang lepas dalam masa yang kurang satu (1) bulan, yang berlakunya empat (4) kali banjir kilat di kawasan perumahan dan kawasan perindustrian sederhana dan ringan. Salah satu permintaan daripada peserta di dalam dialog bajet yang telah diadakan, dia juga merupakan mangsa banjir kilat di Taman Impian Ria, memohon kepada Kerajaan Negeri supaya dapat mengecualikan bayaran cukai taksiran dan cukai tanah bagi mangsa-mangsa banjir kilat yang telah dikenal pasti.

Masalah banjir kilat ini bukan sahaja merosakkan harta benda, malahan ada pemilik rumah atau keluarga mereka perlu meminta cuti daripada majikan untuk membersihkan rumah dan juga untuk mengembalikan keadaan sebenar rumah mereka. Oleh itu, usaha pencegahan seperti penyelenggaraan parit dan longkang secara berkala, pemantauan kerja-kerja tanah dengan lebih ketat serta menguatkuasakan ke atas tuan tanah yang tidak bertanggungjawab agar banjir lumpur tidak berulang adalah sangat penting. Sementara kita menunggu projek-projek tebatan banjir siap, semua usaha dan langkah sementara untuk memastikan kapasiti pam serta kolam tадahan banjir itu berfungsi dengan baik. *Fire fighting....* (dengan izin) atau kaerah yang pasif amat mendukacitakan kerana kebanyakan masalah yang timbul sebenarnya boleh dielakkan atau dicegah sekiranya pihak yang berkenaan mengambil tindakan yang pro-aktif serta mendengar pandangan daripada penduduk setempat.

Saya ingin mengalu-alukan usaha Kerajaan Negeri yang bersungguh-sungguh walaupun dipinggirkan dan diskriminasi oleh Kerajaan Pusat dalam peruntukan bajet serta Rancangan Malaysia ke-11. Antara permohonan peruntukan

untuk baki Rancangan Tebatan Banjir (RTB) Sungai Junjung yang sepatutnya dalam Rancangan Malaysia Ke-9 tetapi ditangguhkan ke Rancangan Malaysia Ke-10 dan Rancangan Malaysia Ke-11. RTB Sungai Junjung Fasa 1A dengan kos RM11 juta dimulakan pada 13 Ogos 2007 dan siap pada 11 November 2008. Manakala RTB Sungai Junjung Fasa 1B dengan kos RM3.65 juta dimulakan pada 9 Mac 2010 dan siap pada 17 Disember 2010. Baki RTB Sungai Junjung sampai hari ini tidak diberikan apa-apa peruntukan dalam RMK-11 dan inilah yang saya rasa satu contoh yang Ketua Pembangkang tidak ada di sini, di mana Kerajaan Negeri yang di bawah Y.A.B. Ketua Menteri pernah menulis surat permohonan kepada Perdana Menteri menyenaraikan peruntukan untuk mempertingkatkan projek-projek tebatan banjir tetapi malangnya sekali langsung tidak ada satu jawapan yang positif daripada Perdana Menteri. Anggaran kos oleh JPS Pulau Pinang di mana projek untuk memulihkan Koridor Lembangan Sungai Jawi adalah RM80 juta.

Projek ini sangat penting untuk KADUN Machang Bubuk kerana banyak kawasan banjir-banjir ini termasuk Jalan Gajah Mati, Bukit Teh, Kuala Tasik, Tasik Junjung, Kampung Manggis serta Taman Usaha dan kawasan perindustrian ringan di Permatang Tinggi, Usaha Jaya dan sebagainya sebenarnya salah satu faktor adalah tidak ada penyelenggaraan ke atas Lembangan Sungai Junjung. Mengikut apa yang dimaklumkan oleh JPS, Sungai Junjung adalah di bawah Lembangan Sungai Jawi. Itu yang kita mengikut JPS perlu RM80 juta dan projek ini tidak diluluskan oleh Perdana Menteri. Oleh itu kita...(gangguan), ramai ini kampung-kampung khasnya dan juga perumahan memang banyak terjejas dengan...(gangguan).

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Saya minta penjelasan Yang Berhormat, Bilakah permohonan itu dibuat kepada Perdana Menteri sebelum beliau menerima sumbangan RM2.6 billion atau selepas? Kalau dibuat sebelum beliau menerima RM2.6 billion mungkin beliau ada sebab beliau menolak. Kalau boleh cadangkan buat permohonan semula sekarang mencukupi wang RM2.6 billion, mungkin akan diluluskan. Mungkin boleh beri penjelasan Yang Berhormat.

**Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon):**

Terima kasih Seri Delima. Permohonan ini adalah dibuat oleh Y.A.B. Ketua Menteri dan saya rasa yang RM2.6 billion itu adalah sebelum Pilihanraya Umum yang Ke-13. Memang dia tidak tahu duit itu di mana sekarang, memang Mantan Perdana Menteri pun tertanya-tanya di mana duit itu. Rakyat pun saya rasa tengah tertanya-tanya duit itu, *we don't know where is that*, RM2.6 billion ....(dengan izin). Oleh itu, Dato' Yang di-Pertua, sejak penubuhan Badan Bertindak Penebatan Banjir KADUN Machang Bubuk pelbagai usaha dan *engagement*, ....(dengan izin) dengan Pihak Berkusa telah dijalankan. Penyertaan rakyat dalam menyelesaikan masalah bencana adalah sangat penting.

Saya ingin mengambil satu contoh dari Denmark pada tahun 2011, Bandar Roskilde yang pada satu ketika dahulu adalah ibu kota kepada Denmark yang juga telah mengalami banjir yang serius sehingga di mana ketinggian air setinggi dua (2) meter. Ramai yang terkejut dan berusaha mencari jalan macam mana menangani masalah iklim yang ekstrem di Roskilde ini. Pada masa itu, pakar-pakar dan penduduk-penduduk di Roskilde ini telah bersepakat di mana, mengubahkan

bencana menjadi sesuatu sumber. Kaedah di mana dulunya membaiki saliran bawah tanah atau membina kolam tадahan air yang konvensional telah ditukar menjadi kaedah mitigasi dan penyimpanan sumber air itu. Pada bulan Ogos 2012, Taman Rabalder yang telah berfungsi sebagai kolam takungan air yang kapasitinya mencapai 40 ribu meter padu telah siap dibina atau kira-kira 20 buah kolam renang telah dibuat sebagai kolam tадahan air. Kolam tersebut juga, yang menariknya adalah kolam tersebut juga direka bentuk untuk menjadi gelanggang *roller skating* yang diminati ramai pemuda-pemudi. Denmark sebagai negara yang *most connected* di dunia, ....(dengan izin), juga pernah memenangi Anugerah World Smart Cities telah memilih langkah yang kreatif dan mampan untuk mengatasi masalah bencana banjir yang berlaku di Denmark. Saya rasa Pulau Pinang juga boleh mengambil langkah yang sama khasnya pembinaan kolam tадahan yang dirancangkan di kawasan Alma itu boleh direka bentuk sebagai satu kawasan rekreasi kepada penduduk-penduduk setempat.

Dato' Yang di-Pertua, keselamatan komuniti. Mengikut jawapan oleh Y.A.B. Ketua Menteri dalam Mesyuarat Pertama Penggal Ketiga DUN Pulau Pinang, nisbah Polis dengan penduduk Pulau Pinang adalah 1:263. Namun demikian bilangan penduduk di KADUN Machang Bubuk telah bertambah dengan pesat berikutan dengan penambahan taman-taman perumahan yang baru. Selain daripada penambahan bilangan penduduk kawasan Alma juga menjadi kawasan komersil serta jumlah kejadian jenayah indeks juga bertambah. Namun begitu semua kawasan tersebut hanya di bawah sebuah Balai Polis Machang Bubuk yang hanya mempunyai 43 anggota untuk menjaga penduduk yang berjumlah lebih kurang 65,000 atau nisbahnya 1:1012 orang yang telah lebih daripada nisbah yang telah ditetapkan oleh pihak Polis iaitu 1:263. Tambahan pula kawasan Machang Bubuk adalah luas dari segi *geographical* nya dan kepadatan penduduknya maka penduduk tempatan telah banyak kali, khasnya di kawasan sekitar Alma telah banyak kali memohon agar satu balai polis dapat dibina di kawasan Alma untuk mempertingkatkan keselamatan komuniti. Selain itu, saya juga memohon agar pihak MPSP...(gangguan).

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Saya minta laluan Yang Berhormat.

**Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon):**

Seri Delima aktif.

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Saya ingin menarik perhatian Yang Berhormat kepada masalah yang berlaku di sempadan di mana kita telah pun dikejutkan dengan berita bahawa terjumpanya banyak tempat di mana tertanamnya mayat-mayat. Saya menarik perhatian kepada kekurangan anggota-anggota di balai kepada isu ini, di mana berita itu mendapat perhatian bahawa pada masa itu berita ini hangat diberi liputan, bukan sahaja dalam televisyen tetapi juga dalam surat khabar dan salah satu sebab yang mungkin menjadi punca kepada masalah ini di mana dikesan kemasukan banyak warga asing secara haram ke dalam negara kita iaitu di sempadan Thailand dan Malaysia adalah kemungkinan kekurangan anggota untuk meronda di kawasan-kawasan tersebut.

Perkara ini adalah perkara serius dan tadi saya ingin menarik perhatian apabila Yang Berhormat daripada KOMTAR membuat ulasan perbahasan berkenaan dengan kekurangan-kekurangan di merata tempat. Kekurangan anggota di balai Polis, bukan sahaja itu kekurangan-kekurangan seperti umpamanya kalau Yang Berhormat pergi ke Hospital Besar Pulau Pinang, kekurangan kerusi roda untuk membawa pesakit-pesakit daripada satu (1) tempat ke satu (1) tempat yang lain, kekurangan meja dan kerusi di sekolah dan lain-lain kekurangan yang menjadi semakin hari semakin serius. Jadi saya di sini ingin juga menyokong pendapat Yang Berhormat bahawa perkara-perkara ini adalah perkara yang wajib dan wajar diberi perhatian terutamanya keselamatan di mana Pulau Pinang sekarang ini kita lihat terdapat banyak sangat warga negara asing, di sekian tempat di merata tempat banyak sangat. Terima kasih Yang Berhormat di atas peluang yang diberikan.

**Timbalan Ketua Menteri I:**

Terima kasih Seri Delima. Saya mohon laluan sikit berkenaan dengan tentang warga asing, terima kasih. Sedikit sahaja.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Peringatan, kalau ingin minta penjelasan, jelaskan penjelasan anda, kalau cuma nak ucap saya mungkin tidak bagi.

**Timbalan Ketua Menteri I:**

Saya cuma ingin menambah. Saya baru melihat satu fakta *total*, jumlah pendatang asing ke Malaysia pada waktu yang sama pada tahun lepas 2014 adalah 6.7 juta dalam salah satu surat khabar melaporkan tetapi bukan The Star, surat khabar KOSMO! Jadi itu kalau seluruh Malaysia 6.7 million, ... (dengan izin), jadi ini untuk makluman Yang Berhormat. Terima kasih.

**Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon):**

Terima kasih Pantai Jerejak. Saya rasa saya tidak perlu respon tentang isu warga asing. Saya rasa warga asing ini atau pekerja-pekerja asing telah menjadi sebahagian dalam masyarakat kita dan masalahnya adalah pelbagai bentuk dan saya rasa termasuk diskriminasi, ketidakadilan tentang hak asasi ke atas warga asing itu semua ini telah memberi kesan-kesan yang buruk kepada kita semua dan saya rasa perkara ini perlu diperbincangkan dengan lebih halus lagi khasnya dalam macam mana menangani warga asing ini. Oleh itu selain itu saya memohon agar pihak MPSP akan lebih sensitif dan bertimbang rasa ke atas pemohonan skim *guarded neighborhood* ini di taman-taman perumahan. Disebabkan keselamatan kian merosot, ramai penduduk di kawasan perumahan terpaksa mengeluarkan duit sendiri untuk mengupah syarikat keselamatan untuk menjaga kawasan perumahan mereka. Tanggungjawab sosial ini sebenarnya adalah di bawah Kerajaan atau di bawah Polis tetapi disebabkan keselamatan kekurangan anggota Polis, maka penduduk sendiri perlu berfikir atau berusaha untuk menjaga keselamatan sendiri.

Dengan inisiatif itu, saya rasa MPSP perlu lebih sensitif supaya kurangkan birokrasi dan juga *red tape* untuk dalam proses mempertimbangkan kelulusan permohonan tersebut dan bukannya menimbulkan banyak sekatan dan juga

kesulitan kepada pihak penduduk yang telah berusaha membantu Kerajaan atau polis untuk menjaga keselamatan penduduk mereka. Oleh itu, saya juga mengalaukan Badan Peronda Sukarela, BPS ini yang ditubuhkan, memainkan peranan yang sangat penting dalam melibatkan penduduk-penduduk setempat untuk mempertingkatkan keselamatan di sesuatu kawasan tersebut dengan sukarela. Rakyat menaruh harapan yang tinggi kepada BPS untuk membanteras jenayah dengan bekerjasama dengan Polis. Saya berharap pihak Polis dapat memberi kerjasama dan sokongan kepada BPS yang jelas membantu polis untuk berkhidmat kepada rakyat.

Dato' Yang di-Pertua, keselamatan lalu lintas. Menurut laporan statistik JPJ tahun 2014, purata 1,330 kemalangan telah direkodkan setiap hari dan seramai 18 orang mati setiap hari dalam kemalangan jalan raya di seluruh negara. Kemalangan maut paling kerap berlaku di Jalan Persekutuan diikuti dengan Jalan Negeri manakala kemalangan maut di lebuh raya adalah rendah. Anggaran yang membimbangkan ini menunjukkan keperluan mendesak untuk mengadakan dasar keselamatan jalan raya yang lebih berkesan. Di antara beberapa kawasan kemalangan yang berisiko tinggi di KADUN Machang Bubuk, adalah di Jalan Kulim didepan Masjid Cherok Tok Kun bawah, persimpangan Jalan Sejahtera 1, persimpangan jalan di Taman Jasa Indah, persimpangan jalan keluar dari Taman Markisah dan Taman Sukun ke Jalan Persekutuan. Kawasan tersebut sering kali berlaku kemalangan dan sehingga membabitkan maut.

Hasil siasatan didapati unsur-unsur yang menyebabkan kemalangan berlaku termasuk kawasan kemalangan tersebut tidak cukup terang pada waktu malam, reka bentuk jalan yang kurang baik dan jalan sempit tidak dapat menampung aliran trafik yang banyak dan sibuk. Cadangan seperti penambahbaikan lampu jalan, mendirikan papan tanda, menaikkan taraf jalanraya tersebut, mengadakan *yellow transverse bar*, bonggol atau *speed table* ....(dengan izin) atau memasang lampu isyarat untuk mengurangkan kelajuan kenderaan yang dikemukakan kepada pihak berkuasa. Namun begitu, kebanyakan cadangan-cadangan yang telah dibuat tersebut telah ditolak dengan alasan yang lemah tidak munasabah di mana tanpa mengemukakan cadangan-cadangan atau alternatif-alternatif yang lain yang boleh dikemukakan untuk mengatasi masalah kemalangan yang selalu berlaku itu.

#### **Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman):**

Penjelasan. Yang Berhormat Machang Bubuk, saya nak minta Machang Bubuk jelaskan jalan di mana dan kepada siapa permohonan atau cadangan tersebut dikemukakan dan pihak mana yang menolak. Terima kasih.

#### **Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon):**

Untuk jawapan kepada soalan Bertam, yang tadi saya sebutkan adalah banyak jalan di kawasan Machang Bubuk ini. Ada yang kepada JKR, ada yang kepada MPSP, tengoklah jalan itu di mana, ada yang di Jalan Persekutuan ya. So, yang saya nak bangkitkan di sini adalah saya amat kecewa kerana maklum balas daripada pihak berkenaan seolah-olah tidak mengambil serius tentang cadangan-cadangan yang bukan dibuat oleh saya, tetapi cadangan-cadangan yang dibuat oleh penduduk-penduduk setempat. Yang jelas adalah kadangkala bila ada berlakunya kemalangan maut, barulah pegawai atau jabatan-jabatan turun untuk tengok macam mana nak mengatasai masalah itu. Kadang kala kita berasa sangat

bimbang kerana perkara ini sekiranya ia tidak ditangani atau cadangan itu ditolak tanpa ada satu alasan yang munasabah, maka adalah sangat bahaya kerana kawasan tersebut memang menjadi risiko yang tinggi.

Oleh itu, saya berharap sekali lagi saya bukan kata cadangan semua itu perlu diterima oleh pihak berkenaan, tetapi dengan kepakaran pegawai-pegawai, jabatan-jabatan yang berkenaan tolonglah berilah cadangan alternatif yang macam mana nak menyelesaikan masalah tersebut. Saya mungkin bukan pakar dalam *engineering*, tetapi saya percaya dalam agensi Kerajaan kita memang ada kepakaran tersebut untuk menjalankan program-program tersebut.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Tahniah Machang Bubuk.

**Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman):**

Bagi Penanti dahulu.

**Ahli Kawasan Penanti (YB Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):**

Saya nak tahu, sebab beberapa kali di Penanti juga berlaku kemalangan disebabkan masalah lampu yang menyebabkan kemalangan maut di bawah ROB dan juga di kampung di mana lampu-lampu, permohonan lampu-lampu mengambil masa yang lama. Apa yang diberitahu oleh MPSP, adalah polisi MPSP, lampu-lampu jalan di kampung, di kawasan kampung, tidak di bawah seliaan MPSP dan perlu mendapatkan kebenaran daripada Jawatankuasa. Tapi, sebagai polisinya lampu-lampu jalan kampung itu tidak di bawah MPSP. Soalannya bagi KADUN macam saya, yang terdiri memang daripada kawasan-kawasan kampung, 28 kampung, kalau MPSP tidak meluluskan permohonan lampu-lampu jalan, sebab sebagai ADUN, saya bayarkan pasang tiang elektrik itu, tapi pembayaran bil elektrik lampu-lampu jalan, kalau MPSP tidak membayar, siapa yang nak bayar? Sebab ini jalan-jalan awam dan juga di bawah ROB dan sebagainya. Terima kasih.

**Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman):**

Sebenarnya saya nak menambah sikit kepada pandangan daripada Machang Bubuk. Sebagai ADUN, saya rasa pihak yang berkuasa MPSP, JKR dan pihak-pihak yang berkuasa yang berkenaan supaya mengambil serius sebarang cadangan, laporan daripada pihak-pihak ADUN sebab kita bukan sekadar suka-suka untuk membuat cadangan dan laporan. Semuanya berdasarkan kepada tuntutan rakyat. Dan hari ini kita difahamkan banyak permohonan cadangan yang dikemukakan, dipandang ringan, dipandang remeh, dan ini sebenarnya memberi impak yang cukup negatif kepada rakyat dan saya juga ingin menyatakan di sini bahawa statistik menunjukkan kemalangan yang berlaku selain daripada perkara-perkara yang dicadangkan oleh Machang Bubuk, itu hanya sebagai proses-proses mitigasi, tapi kebanyakannya *mostly* kes-kes kemalangan disebabkan kecuaian pemandu itu sendiri. Tapi walau bagaimanapun, sebagai Wakil Rakyat kita melaksanakan tugas di kawasan kita masing-masing, dan saya minta supaya ini direkodkan Majlis Perbandaran, mahupun JKR dan sebagainya mengambil serius setiap laporan yang dikemukakan oleh pihak ADUN. Terima kasih.

### **Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon):**

Okey, terima kasih Bertam dan Penanti. Saya teruskan, Dato' Yang di-Pertua untuk pembangunan yang mampan. Beberapa tempat awam seperti pasar awam, pusat penjaja atau dewan orang ramai mahupun kompleks perniagaan yang dibina oleh pemaju di kawasan perumahan telah menjadi terbiar atau terbengkalai akibat lokasi yang tidak sesuai, atau tidak ada sambutan daripada masyarakat, atau kegunaan dia tidak tepat kepada keperluan penduduk setempat. Di KADUN Machang Bubuk, tempat-tempat tersebut telah menjadi tempat pembiakan nyamuk, aktiviti jenayah seperti penagihan dadah, maksiat dan juga sebagainya. Maka saya mencadangkan supaya Kerajaan Negeri dapat membantu memulihkan atau *renewable* ... (dengan izin) tempat-tempat tersebut untuk kepentingan masyarakat setempat. Proses *consultation* atau rundingan yang diamalkan oleh Kerajaan Negeri dalam menaik taraf pasar awam atau tempat-tempat yang bersejarah boleh juga diguna pakai dalam melibatkan penduduk-penduduk setempat untuk memberi pandangan dan juga memberikan idea bagaimana proses pemulihan itu atau kegunaan itu boleh diguna, dipakai ada mustahak. Apa yang telah dibuat macam di market Chowrasta dan juga di pasar awam Seberang Jaya, proses *consultation* itu sangat penting untuk mendapatkan pandangan rakyat apa yang mereka rasa tempat itu sesuai untuk kegunaan dan juga keperluan penduduk setempat. Antara cadangan yang telah diberikan oleh peserta-peserta yang hadir ke Majlis Dialog Bajet, KADUN Machang Bubuk adalah menjadikan tempat-tempat terbiar tersebut dijadikan sebagai Pusat Komuniti atau *Common Work Place* atau Pusat Penjaja juga tempat Koperasi untuk bahan-bahan dan juga peniaga-peniaga makanan organik dan sebagainya. Saya menyeru kepada Kerajaan Tempatan agar mengambil tindakan yang proaktif dalam mengurus atau menanggani tempat-tempat yang terbiar ini.

Dato' Yang di-Pertua, untuk amalan pemberian peruntukan secara sistematik, Pusat Khidmat Masyarakat Machang Bubuk seringkali menerima surat permohonan untuk peruntukan dan untuk persatuan-persatuan beroperasi. Namun begitu, peruntukan bagi setiap ADUN adalah amat terhad dan sukar untuk menampung keperluan NGO-NGO tersebut. Saya rasa jika Berapit ada di sini, dia pun akan sependapat dengan saya di mana mereka NGO-NGO ini banyak menyumbang kepada masyarakat dan menjalankan pelbagai aktiviti amal. Sebagai sebuah Kerajaan yang cekap dan berjiwa rakyat. Saya ingin mencadangkan kepada Kerajaan agar menubuhkan satu Jawatankuasa Khas untuk meneliti permohonan peruntukan serta mengeluarkan satu garis panduan untuk menguruskan permohonan peruntukan daripada NGO-NGO di dalam Pulau Pinang setiap tahun seperti apa yang kita lakukan untuk Sekolah Agama, Sekolah Aliran Cina, Tamil atau Mubaliq, ada satu Jawatankuasa untuk menguruskan permohonan-permohonan daripada persatuan-persatuan NGO-NGO ini. Prestasi dan laporan daripada NGO akan menjadi kriteria dalam mempertimbangkan kelulusan serta jumlah peruntukan yang diberikan dengan menjalin hubungan rapat dengan NGO. Kerajaan juga dapat memastikan pembangunan masyarakat lebih menepati keperluan semua golongan masyarakat khasnya matlamat bagi kebanyakan NGO adalah untuk mencari jalan penyelesaian bagi isu-isu tempatan serta memberi perkhidmatan kepada golongan yang memerlukannya. Selain daripada itu, pemberian peruntukan secara sistematik juga dapat menjamin ketelusan dan keadilan dalam proses membuat keputusan dan seterusnya ia dapat memperkasakan fungsi-fungsi NGO dalam merealisasikan Visi dan Misi Kerajaan Negeri.

Dato' Yang di-Pertua, peluang ekonomi untuk golongan kurang berkemampuan dalam tahun 2015, bilangan pasar malam di KADUN Machang Bubuk telah bertambah tiga (3) buah di mana dari lima (5) buah kepada lapan (8) buah. Pasar malam adalah penting untuk menyediakan peluang perniagaan kepada peniaga-peniaga kecil supaya mereka boleh mendapat pendapatan sampingan malahan juga boleh membantu dalam pembangunan ekonomi komuniti. Baru-baru ini, ruang niaga pasar awam Taman Selamat juga diperluaskan untuk menampung permintaan penjaja yang tidak berlesen dengan penambahan 45 gerai melalui penutupan sekerat jalan dari pukul 6.00 pagi sampai 11.30 pagi setiap hari. Masalah penjaja yang tidak berlesen ini dapat diatasi dengan baik serta dengan pengurusan yang lebih rapi. Pengalaman kami di Machang Bubuk, adalah mengikut iaitu adalah sangat senang untuk pihak penguatkuasa mengeluarkan kompaun atau saman kepada penjaja tanpa lesen, tapi masalah pokok adalah keadaan ekonomi yang lembap sehingga golongan yang berpendapatan sederhana dan rendah yang menghadapi tekanan hidup, berat mereka terpaksa mencari jalan untuk menjana pendapatan sampingan. Sebagai sebuah Kerajaan yang perihatin terhadap rakyat serta kesejahteraan masyarakat maka kita perlu fikirkan bagaimana boleh membantu penjaja untuk bermula tanpa rasa ketakutan di bawah undang-undang yang sedia ada.

Tindakan penguatkuasaan dan perancangan ruang perniagaan yang terbiasa atau yang baru untuk menempatkan penjaja-penjaja tanpa lesen ini akan dapat memastikan semua penduduk mendapat peluang yang sama serta keperluan golongan kurang berkemampuan juga dapat dijaga. Kalau setiap sudut dalam kawasan boleh dipergiatkan dengan aktiviti ekonomi atau aktiviti budaya maka ia akan memberi makna kepada penduduk tempatan di mana masalah sosial juga dapat dikurangkan.

Dato' Yang di-Pertua, isu Pembangunan Keluarga, Wanita dan Kanak-kanak. Dengan tekanan hidup yang kian berat, bilangan kes sakit mental atau psikologi telah bertambah. Keganasan rumah tangga juga bertambah, perkhidmatan kaunseling amat penting dan pada keadaan kini perkhidmatan kaunseling adalah tidak mencukupi untuk menampung keperluan tersebut. Keadaan ini telah menjelaskan keharmonian komuniti dan kualiti hidup rakyat. Lebih banyak keluarga berisiko tinggi akan muncul. Masalah keluarga adalah punca utama masalah sosial. Kerajaan perlu memperuntukkan lebih banyak sumber kepada pembangunan keluarga, wanita dan kanak-kanak khasnya menyalurkan perkhidmatan kaunseling ke setiap komuniti dan mengadakan kempen kesedaran hak-hak wanita dan kanak-kanak dengan lebih kerap.

Pusat Perkhidmatan Wanita yang ditubuhkan oleh Kerajaan atau PPW di Seberang Perai perlu diperbanyak lagi di kawasan-kawasan lain supaya lebih mendekati dan senang di akses oleh golongan wanita dan juga kanak-kanak yang memerlukan khidmat kaunseling ini. Selain daripada itu, masalah kekurangan sekolah khas untuk kanak-kanak khas juga perlu diambil kira sebagai satu masalah yang dihadapi oleh segelintir keluarga. Buat sementara ini kadangkala kanak-kanak khas itu ditempatkan di sekolah biasa dan terpaksa bersaing dengan kanak-kanak biasa itu. Kerajaan perlu berkongsi tanggungjawab dengan memberi subsidi untuk mendirikan lebih banyak sekolah khas memandangkan usaha tersebut akan membantu mengurangkan beban bagi banyak keluarga berpendapatan rendah. Untuk penambahbaikan program Ibu Emas, maka perlu memasukkan juga golongan ibu tunggal di bawah 60 tahun atau golongan ibu tunggal di bawah umur 60 tahun

tetapi tidak beranak atau wanita yang berumur tetapi belum berkahwin. Kesemua golongan ini tidak dimasukkan di dalam Program i-Sejahtera. Saya minta supaya Kerajaan Negeri boleh mempertimbangkan golongan wanita yang di bawah 60 tahun tetapi tidak beranak dan juga yang belum berkahwin bagi orang yang sudah berumur. Kebajikan mereka juga perlu dijaga kerana mereka juga menyumbang tenaga yang banyak dalam pembangunan negeri kita.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

YB. Machang Bubuk, banyak lagikah?

**Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon):**

Dua (2) muka surat saja. Dato' Yang di-Pertua, isu mengenai penguatkuasaan untuk tangani masalah sosial. Pusat hiburan yang berunsur judi semakin berleluasa serta menimbulkan masalah sosial yang kian serius. Semua JKPK di KADUN Machang Bubuk telah keluarkan satu memorandum untuk dikemukakan kepada pihak Kerajaan Negeri agar mengambil tindakan yang serius ke atas pusat hiburan yang tumbuh seperti cendawan selepas hujan. Antaranya cadangan daripada JKPK KADUN Machang Bubuk adalah berikut. Menjalankan penguatkuasaan bersepada ke atas premis-premis pusat hiburan tersebut agar aktiviti perjudian itu dapat dibanteras. Selain itu, kami juga mencadangkan supaya semua lesen pusat hiburan tersebut dapat dibekukan agar bilangan tidak bertambah lagi. Sekiranya pengusaha pusat hiburan berunsur judi tersebut terus berdegil maka JKPK KADUN Machang Bubuk juga mencadangkan agar Kerajaan Negeri boleh menggunakan kuasa untuk rampas balik premis tersebut kerana telah menyalahguna tempat tersebut. Saya menyeru agar pihak MPSP dan pihak PDRM dapat bekerjasama dengan lebih rapat untuk menguatkuasakan undang-undang yang diperlukan.

Keadilan agihan sumber perubatan. Kebelakangan ini Kerajaan Negeri berusaha mempromosi *medical tourism*, ....(dengan izin) untuk menarik pelancong luar negara datang ke Pulau Pinang dan menikmati perkhidmatan perubatan tempatan. Namun demikian, adakah *medical tourism* dapat memanfaatkan sumber perubatan tempatan ataupun kebaikannya hanya dinikmati oleh hospital swasta sahaja. Saya berpendapat Kerajaan Negeri perlu berusaha untuk memperbaiki dan menyalurkan sumber pembangunan ke atas perkhidmatan perubatan awam yang lebih baik agar golongan pertengahan rendah akan dijamin akses kepada perkhidmatan perubatan yang berkualiti. Pada masa yang sama, semua hospital awam di Pulau Pinang telah mengalami kesesakan dan kekurangan katil. Keperluan untuk perubatan bertambah mengikut kadar pertumbuhan penduduk. Dalam usaha mempertingkatkan perkhidmatan perubatan adalah termasuk menambah bilangan katil, pesakit luar yang lengkap, mengurangkan masa untuk menunggu giliran untuk mengelakkan pesakit terpaksa menerima perubatan yang mahal di hospital swasta. Perubatan bukan sesuatu kelakuan pengguna atau komoditi perkhidmatan malah ia adalah sejenis perlindungan asas. Walau pun perubatan adalah di bawah bidang kuasa Kerajaan Persekutuan, tetapi saya mencadangkan Kerajaan Negeri untuk membangunkan sektor perubatan bersama pihak swasta. Kerajaan Negeri juga boleh mengkaji untuk menubuhkan hospital Kerajaan Negeri seperti yang kita sedang buat, Pusat Dialisis CAT.

Untuk menyediakan perkhidmatan perubatan yang berkualiti dan murah kepada golongan yang berpendapatan sederhana dan rendah untuk hospital yang ditubuhkan oleh Kerajaan Negeri. Maka selain daripada menaruh sumber ke perkhidmatan perubatan awam, pertingkatkan perkhidmatan perubatan di komuniti yang berasaskan pencegahan, menambah pemeriksaan kesihatan di kawasan desa serta klinik, membangunkan pencegahan di mana kosnya adalah rendah dan juga perkhidmatan kesihatan. Untuk jangka masa panjang, peningkatan kesedaran kesihatan serta pencegahan di kalangan rakyat adalah penting untuk mengurangkan perbelanjaan dalam kos perubatan.

Penutup - Projek Duit Kita Hak Kita. Sebelum pembentangan Bajet Negeri 2016, Kerajaan Persekutuan telah membentangkan Bajet Persekutuan yang telah dibantah dan ditolak oleh rakyat secara umumnya khasnya ketidakupayaan Kerajaan Persekutuan dalam meringankan beban rakyat yang kian hari kian berat. Malahan Kerajaan Pusat telah menghapuskan banyak subsidi barang keperluan yang menambah berat beban rakyat. Dalam proses ini, saya mendapat rakyat mempunyai satu *sense of powerlessness* ....(dengan izin), yang kuat. Ketiadaan kuasa tersebut bukan kerana mereka tidak mendapat sebarang manfaat daripada Bajet 2016, tetapi ia adalah kerana mereka tidak pernah ada peluang untuk menyertai atau mempengaruhi pembentukan bajet Kerajaan Persekutuan. Rakyat adalah sangat pasif dan semua diputuskan oleh Kerajaan Persekutuan. Dengan mengambil iktibar kekurangan ini, Kerajaan Negeri perlu memikirkan bagaimana boleh menambahkan elemen demokrasi untuk membolehkan perbincangan awam dapat dijalankan dalam proses pembentukan bajet serta dasar-dasar penting.

Dalam keadaan ini, walaupun kita sebagai wakil rakyat, masih tiada saluran yang berkesan untuk kita mengutarakan pendapat dan pertimbangan tempatan serta pendapat tentang pengurusan kewangan dapat di masukkan ke dalam Bajet Negeri. Kami telah dibentangkan dengan satu bajet yang telah disiapkan oleh Kerajaan Negeri dan saya berpendapat kita boleh memperbaiki proses ini. Isi kandungan dasar dan bajet amat penting, namun bagaimana ia diputuskan serta proses penentuan tersebut juga amat penting. Disentralisasikan *open data* adalah hala tuju urus tadbir banyak bandar raya yang demokrasi dan progresif di dunia. Saya percaya Pulau Pinang juga berkeupayaan untuk menuju ke arah tersebut. Dengan peningkatan tahap pendidikan di kalangan rakyat, keprihatinan tentang pentadbiran awam juga meningkat. Kita semua boleh memberi pandangan dan pendapat berdasarkan pengalaman kehidupan kita. Kesemua ini adalah sumber yang sangat bernilai dan tidak patut dipandang remeh-temeh.

Sekiranya kita yakin pada semangat penyertaan rakyat, maka kita perlu mengaplikasikan semangat ini ke dalam pelaksanaan pentadbiran kita dengan memasukkan penyertaan awam dalam struktur pembentukan dasar seperti dalam proses pembentukan bajet. Perlu diberi ruang dan masa kepada rakyat untuk mengambil bahagian dalam *public consultations* serta pengutipan suara rakyat. Saya berharap projek printis yang telah dijalankan di kawasan Machang Bubuk seperti Duit Kita Hak Kita boleh dilaksanakan di peringkat bukan sahaja di peringkat akar umbi tetapi juga di peringkat Negeri. Akhir sekali saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan saya kepada semua agensi Kerajaan seperti PDRM, Bomba, MPSP, JPS, JKM, jabatan-jabatan dan agensi Kerajaan, kakitangan Kerajaan yang telah sepanjang masa ini memberi kerjasama kepada saya dan penduduk di KADUN Machang Bubuk. Dengan ini saya mohon menyokong.

### **Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Terima kasih YB. Machang Bubuk. Silakan Yang Berhormat? Tidak ada yang menyertai. Silakan YB. Pulau Tikus.

### **Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Yap Soo Huey):**

Terima kasih Yang di-Pertua. Yang Berhormat-Yang Berhormat di dalam Dewan yang mulia ini. Seringkali saya ditanya sama ada saya suka kerja saya sebagai seorang Ahli Dewan. Saya menjawab bahawa "Ya," kerana ia merupakan satu penghormatan kerana diberi peluang untuk menyumbang kepada masyarakat dan peluang untuk menyumbang idea-idea serta inisiatif untuk mempertingkatkan kualiti hidup rakyat kita di Malaysia. Namun saya langsung tidak cemburu dengan tugas EXCO kerana sebenarnya kita sebagai *backbenchers* ada banyak peluang untuk menyumbang kerana banyak yang diabaikan, banyak lagi yang belum dibuat dan banyak lagi yang belum dirancangkan oleh Kerajaan dahulu. Maka ruang untuk meningkatkan kualiti hidup rakyat adalah amat besar. Sebagai EXCO pula, susah kerja mereka untuk mengenal pasti *priority-priority* serta menangani betapa banyaknya projek-projek yang boleh dan perlu dibuat untuk mempertingkatkan kualiti hidup rakyat. Dalam ucapan saya, saya bermula dengan yang senang dulu. Saya memerhati Laporan Ketua Audit Negeri, Penyata Kewangan Majlis Bandaraya Pulau Pinang Tahun 2014, hanya perkhidmatan menurunkan sepanduk, saya tahu ini satu perkara kecil tetapi ini adalah satu contoh yang baik saya rasa.

Perkhidmatan menurunkan sepanduk pada tahun 2014 telah menelan kos sebanyak RM572,000, lebih daripada separuh juta, lebih daripada separuh juta digunakan dalam satu (1) tahun untuk menurunkan sepanduk. Terkejut saya kerana apabila saya lihat ayat yang di atas, kenyataan di atas sahaja, bayaran perkhidmatan bas *shuttle* kosnya RM600,000. Jadi kos perkhidmatan bas *shuttle* adalah hampir sama dengan kos menurunkan sepanduk. Saya tertarik dengan ini kerana dalam kerja saya, pernah saya mendengar maklum balas daripada rakyat bahawa kadang kala melihat sepanduk di merata-rata. Apabila sesiapa nak meletak sepanduk sebenarnya terpulang kepada rakyat, terpulang kepada orang awam untuk mencari tempat yang sesuai untuk meletakkan sepanduk. Ini adalah perkara kecil tapi sebenarnya kalau kami meneliti negara-negara yang sudah pun maju mereka ada sistem yang lebih sistematik untuk menuar-uarkan atau mempromosikan aktiviti-aktiviti atau kegunaan lain sepanduk. Dan ini melibatkan pemasangan batang ke atas mungkin tiang lampu atau mungkin tiang-tiang lain di sepanjang jalan raya agar orang boleh meletak *streamer* mereka dengan lebih teratur. Maksudnya *streamer* hanya boleh di letakkan di tempat tertentu sahaja dan perkhidmatan itu disediakan oleh pihak Kerajaan Tempatan. Saya rasa pihak Kerajaan Tempatan yang sudah banyak pengalaman melawat negara-negara asing tahu tentang kesediaan untuk peletakan *banner* ini. Ini juga akan memajukan kami ke arah Negeri yang maju dan *international*.

### **Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee):**

Minta laluan daripada Pulau Tikus. Saya tertarik kepada soalan yang ditanya di mana perbelanjaan untuk menurunkan sepanduk pada tahun 2014 sebanyak RM572,384. Soalan pokok saya, sama ada yuran yang kita kutip berbaloi untuk membayar perbelanjaan seperti untuk menurunkan sepanduk tersebut. Dan adakah

selain daripada kos pebelanjaan untuk menurunkan sepaduk ini sama ada kos *administrator*, masa dan gaji yang dibayar kepada pekerja-pekerja *administrator* cukup? saya di sini nak tanya sama ada kos perbelanjaan di MBPP dan MPSP berbanding dengan kos perbelanjaan untuk menurunkan sepaduk adakah berbaloi?

**Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Yap Soo Huey):**

Sebenarnya saya tidak hanya tertumpu kepada MBPP, saya juga ada cari dalam penyata MPSP tapi tak dapat cari nombor tersebut. Mereka tidak masuk dalam kenyataan. Okey. Masuk kepada perkara kedua, berkenaan tempat letak kereta. Pada hari ini sahaja sudah ada dua (2) Ahli Yang Berhormat yang berucap tentang kesediaan tempat letak kereta. Saya rasa lebih ramai lagi di antara kami yang pernah dalam penggal ini membangkitkan tentang tempat letak kereta termasuk saya. Saya juga amatlah berterima kasih kepada MMK Pengurusan Lalu Lintas kerana saya pernah mempengerusikan mesyuarat untuk membincangkan tentang kesediaan tempat letak kereta dan pengurusan sistem tempat letak kereta.

Namun, maklumat awal yang telah saya terima adalah bahawa untuk mewujudkan apa-apa sistem yang baru adalah sukar pada masa ini kerana kami telah pun memberi kontrak untuk mengutip yuran letak kereta. Tapi saya rasa walaupun kontrak sudah pun diberi tetapi kami haruslah mengiktirafkan bahawa kekurangan tempat letak kereta dan keperluan perancangan tempat letak kereta yang lebih komprehensif adalah perlu maka kajian dan perancangan perlu bermula. Maksud saya, saya akan memberi contoh untuk lebih jelas keperluan ini. Contohnya di Jalan Cantonment di Pulau Tikus, ada beberapa bank yang besar ada Maybank dan Public Bank. Ada juga di jalan yang sama Post Office. Tapi adalah amat sukar untuk mencari tempat letak kereta di Jalan Cantonment. Mengapa. Dari pagi lagi kesemua tempat letak kereta telah pun diambil. Ini adalah kerana di kawasan berdekatan juga ada banyak *office blocks*. Saya rasa kawan saya Yang Berhormat Kebun Bunga juga tahu kerana dia juga bekerja di sana.

Jika kami tidak mewujudkan satu sistem letak kereta yang boleh menghadkan masa, maksud saya bukan kesemua tempat letak kereta perlu dihadkan masa tapi kami boleh melantik petak-petak tertentu untuk dihadkan masa. Jika ada petak-petak tertentu yang dihadkan masa satu (1) jam ataupun dua (2) jam ataupun empat jam, ini akan memberikan masa untuk orang yang kena pergi Pejabat Pos, untuk orang kena pergi ke ATM, untuk orang yang perlu membuat urusan di bank. Satu (1) jam dua (2) jam sudah pun cukup. Ini akan memastikan aliran tempat letak kereta ada orang masuk, ada orang keluar. Kena ada orang keluar dahulu sebelum orang baru diberi peluang untuk masuk. Mungkin masalahnya adalah masalah kesukaran penguatkuasaan tetapi sistem yang hadkan masa sudah pun wujud di Petaling Jaya, sebagai contoh. Dan juga saya rasa sama seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Machang Bubuk tadi berkenaan keselamatan jalan raya. Kadang kala kami hanya perlu mengiktirafkan bahawa, *recognise*, mengiktirafkan bahawa ada masalah. Jika ada masalah walaupun jalan penyelesaian bukan senang untuk dicari tapi kami masih perlu mencari jalan penyelesaian tersebut.

Selain daripada had masa untuk sistem perletakkan kereta, adalah juga perlu kadar letak kereta dikaji semula dan antara yang perlu dikaji adalah *demand* keperluan tempat letak kereta di jalan-jalan tertentu, di kawasan-kawasan tertentu.

Ini adalah kerana kami boleh menetapkan kadar yang berpatutan berdasarkan *demand*. Maksud saya okey mungkin jalan Cantonment susah nak cari *parking*, kami boleh membuatkan kadar tempat letak kereta di sana amat mahal jadi mereka yang sanggup membayar sahaja boleh meletak di sana. Di jalan bersebelahan sahaja kami boleh meletakkan kadar tempat letak kereta dengan harga yang kurang sedikit dan jalan yang jauh sikit lagi dengan harga yang lebih kurang lagi. Dalam pengalaman saya, apabila anda melalui Jalan Burma di mana terletaknya CIMB bank dan Baskin Robbin kerap anda boleh lihat orang meletak kereta *double parking* dua baris dan *illegal parking* secara haram. Tetapi dalam *next block* sahaja di mana Burmah House bertentangan dengan *Immaculate Conception Church* ada kekosongan. Kurang daripada 200 meter. Mereka perlu berjalan, kurang daripda 200 meter ada kekosongan.

Jadi kalau boleh kami boleh menetapkan kadar letak kereta di hadapan CIMB Bank dan hadapan Baskin Robbin lebih tinggi daripada hadapan Burma House. Mungkin akan menggalakkan orang berjalan 200 meter untuk ke destinasi mereka. Saya sebenarnya tujuan saya rasa adalah wajar saya membangkitkan kesusahan-kesusahan penduduk dan pengguna Pulau Tikus kerana Pulau Tikus telah dikenal pasti sebagai salah satu *primary development corridor* di dalam Rancangan Struktur Negeri. Sudah boleh kami lihat pembangunan yang dirancangkan di Pulau Tikus termasuk Moment Rise, Setia V Residences, pembangunan-pembangunan lain di kawasan tersebut. Maka bilangan orang yang masuk kawasan itu memanglah padat. Malangnya bagi penduduk yang tinggal di Taman Midlands yang berdekatan dengan Gurney Plaza, penduduk di Taman Berjaya yang juga berdekatan dengan Gurney Plaza dan Pasar Pulau Tikus. Mereka perlu menghadapi situasi di mana setiap hari ada orang yang *overcrowded* memang macam merempuh masuk taman perumahan mereka. Kawasan ini adalah penuh dengan kereta kerana pekerja-pekerja, pelanggan-pelanggan Gurney Plaza memilih untuk meletak kereta di Taman Midlands daripada meletak kereta di dalam Gurney Plaza. Tapi alasan ini mungkin bernas mungkin betul awal tahun ini, dalam separuh tahun ini kami boleh melihat permintaan tempat letak kereta di kawasan tersebut telah pun meningkat.

Dalam Gurney Plaza juga biasanya dalam waktu yang sebelum ini tidak banyak orang tempat letak kereta di Gurney Plaza sudah pun penuh. Sistem yang meletakkan kadar berdasarkan *demand*, sistem yang menghadkan masa tambah juga dengan *sticker* bagi penduduk tempatan bolehlah menangani situasi ini. Tadi saya bangkitkan kepada Yang Berhormat Pengkalan Kota saya rasa sebenarnya bukan tanggunjawab saya sebagai ADUN untuk mencadangkan perancangan-perancangan ini. Sebenarnya saya rasa bukan pakar ke atas sistem letak kereta. Tapi saya hanya berharap bahawa idea-idea ini boleh memberi inspirasi kepada pihak Kerajaan Tempatan untuk mencari jalan penyelesaian bagi masalah yang dihadapi oleh rakyat Pulau Pinang kerana jika kami tidak merancang dan belum merancang, apabila kontrak bagi Alam Indah yang mengutip yuran tempat letak kereta sudah tamat, kami akan kembali kepada situasi tahun lalu.

Kami akan melantik kontraktor baru dan terikat lagi situasi kami. Saya juga ingin menceritakan tentang kehidupan penduduk-penduduk di kawasan Mount Erskine, kawasan Fettes Park. Bermula dengan kawasan Lebuhraya Halia. Di Lebuhraya Halia, ada 220 unit The Latitude, 600 unit The Peak, 554 Taman Bukit Eskine, 82 unit Leisure Bay, kesemuanya adalah *high-rise condominium* dan juga unit kos sederhana rendah. Kesemuanya adalah 1,456 unit. Jika kami tambah rumah teres, tambah pembangunan-pembangunan baru yang sudah pun dikerjakan

sekarang, di sana ada dengan senangnya lebih daripada 2,000 unit di kawasan Lebuhraya Halia. Namun penduduk di sana perlu berjalan 1.5 kilometer untuk sampai ke perhentian bas yang terdekat. Lebih 2,000 rumah perlu berjalan lebih daripada 1.5 kilometer untuk pergi ke perhentian bas yang terdekat. Satu lagi certia, cerita kawasan Lengkok Erskine dan Gerbang Erskine. Di kawasan sana ada 900 unit Taman Kristal, 200 unit Taman Teguh bersama dengan rumah-rumah teres. Kesemuanya hampir 1,500 unit perumahan.

Di kawasan sini juga adalah kawasan yang memang tiada perhentian bas di kawasan tersebut. Tapi di jalan utama Jalan Mount Erskine adalah jalan yang hanya ada satu bas yang melalui kawasan tersebut dan daripada satu (1) hala sahaja. Penduduk-penduduk sini seringkali perlu berjalan kaki ke Jalan Burma atau pun Jalan Bagan Jermal untuk mengambil bas. Namun langsung tiada *siar* kaki di kawasan tersebut untuk pejalan kaki malah banyak yang di Lengkok Erskine dan Gerbang Erskine ini adalah rumah kos sederhana rendah jadi banyak mereka yang berjalan kaki di jalan raya untuk ke perhentian bas. Tujuan saya membangkitkan situasi-situasi ini adalah untuk memaklumkan bahawa sebenarnya pemahaman situasi tempatan dan perancangan yang menyeluruh masih tidak mencukupi. Ini adalah kerana untuk mencapai pemahaman tempatan situasi tempatan di seluruh Negeri Pulau Pinang adalah memang banyak sukar dan adalah di antara ruang yang tadi saya bangkitkan yang perlu masih perlu kami kerjakan. Oleh kerana itu *feeder bus* dan usaha untuk mengadalah lebih banyak dialog tempatan bersama dengan rakyat adalah penting.

#### **Ahli Kawasan Air Itam (YB. Wong Hon Wai):**

Penjelasan. Tumpang sikit sekejab. Pulau Tikus saya seronok dengar tentang perkhidmatan bus yang amat kurang di Pulau Tikus. Saya ingin memberitahu di Dewan ini bahawa di Lebuhraya Thean Teik di kawasan Air Itam juga melebihi 10,000 penduduk dan 20 blok bangunan tinggi, tiada perkhidmatan bas. Saya sudah tulis surat kepada Rapid Penang tetapi surat tidak dibalas tiada balasan. *Never reply my letter.* Dan tiada diberitahu apakah perancangan tentang perkhidmatan bas di kawasan itu. Saya rasa apa yang diungkap oleh Pulau Tikus itu bukan satu kejadian spesifik di Pulau Tikus. Saya boleh percaya bahawa Rapid Penang tidak memberikan satu perkhidmatan yang baik dia tidak memasuki kawasan-kawasan penting. Kawasan-kawasan kos rumah rendah dia hanya melalui jalan-jalan tradisional yang biasa dia lalui. Tapi jalan-jalan rumah kos rendah yang baru atau pun *high rise building* yang baru mungkin yang siap lima (5) tahun kebelakangan ini tidak masukkan perjalanan Rapid. Kerana Lebuhraya Thean Teik ada satu kawasan yang boleh kira bangunan yang baru melalui Lebuhraya Thean Teik sebelah dan tidak melalui the other side. Saya ingin menyambung menyahut seruan Pulau Tikus supaya Kerajaan Negeri melihat semula jalan-jalan bas ini, perjalanan bas ini dan mengadakan satu perbincangan yang lebih agresif dan sistematik.

#### **Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Yap Soo Huey):**

Tambahan lagi malangnya hanya tinggal tiga orang wakil sahaja daripada Barisan Nasional tapi saya rasa tiga orang cukup. Saya memohon agar RM2.6 bilion ini sedikit sahaja digunakan untuk membeli *feeder bus*. Terima kasih. Boleh....(gangguan).

**Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman):**

Seronok sangat ditimbulkan RM2.6 bilion. Sebenarnya berada di hati pihak yang di sana turut berminat dengan wang tersebut. Walau bagaimanapun saya tidak mahu panjangkan. Saya berbalik kepada YB. Air Itam tentang permohonan beliau kepada Rapid yang tidak dijawab. Boleh saya tahu bila tarikh surat dan berapa kali permohonan dibuat. Terima kasih.

**Ahli Kawasan Air Itam (YB. Wong Hon Wai):**

Beberapa bulan yang lalu surat dihantar tiada jawapan. So saya rekodkan di Dewan ini pegawai-pegawai *follow up* tidak boleh *on* hantar surat seperti Dewan ini adalah mulia dan tinggi. Keputusan dibuat di sini dan permintaan Wakil Rakyat dibuat di sini, pegawai perlu bantu untuk buat *follow up* dan memberi maklum balas dalam mesyuarat ke dan kemudian kembali memberitahu apakah progres, apakah perancangannya. Kalau tahun ini tidak boleh buat tahun depan kita beri *chance*.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Pulau Tikus.

**Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Yap Soo Huey):**

Terima kasih. Berkennaan dengan saya rasa gap antara apa yang berlaku di *on the ground* dengan mungkin apa yang diketahui di jabatan-jabatan masing-masing saya ingin membangkitkan soalan saya yang menanyakan. Berapakah bilangan kemalangan yang direkodkan di sepanjang Jalan Mount Erskine setiap tahun dari 2011 hingga kini dan jenis kemalangan dan perbandingan bagi keseluruhan Pulau? Yang penting mengikut rekod yang diberikan kepada saya beberapa tahun ini sejak tahun 2012 tiada kematian kemalangan di Jalan Mount Erskine. Dan tiada cedera parah. Maaf kerana sebelum saya jadi Ahli Dewan Undangan Negeri saya tidak tahu berapa bilangan orang yang mati di Jalan Mount Erskine.

Sejak saya jadi Ahli Dewan Undangan Negeri Pulau Tikus saya tahu bahawa sekurang-kurangnya ada satu (1) yang mati di tahun 2013 dan ada dua (2) yang mati tahun ini. Dan sekurang-kurangnya ada satu (1) yang cedera parah pada tahun ini. Ini dalam pengetahuan saya sahaja. Saya pasti ada lebih banyak lagi yang cedera parah dan ringan dalam beberapa tahun ini, tetapi ikut rekod tiada kematian, tiada cedera parah walaupun yang mati itu saya tahu kerana keluar dalam surat khabar. Jadi ada masalah dengan sistem kami. Saya menanyakan soalan ini kerana apabila saya pergi melawat Jalan Mount Erskine bersama dengan Jabatan Kerja Raya dan memohon kepada mereka untuk, sebenarnya saya telah memohon melebihi dua (2) tahun kepada mereka agar membuat sesuatu kepada Jalan Mount Erskine kerana kerap berlaku kemalangan.

Saya tahu bahawa di tempat yang saya bangkitkan tadi kawasan Taman Erskine, kawasan Lengkok Erskine, bukan sahaja banyak yang jalan kaki ke bas. Jalan kaki ke bas adalah amat berbahaya jadi ada lebih ramai lagi menggunakan motosikal. Motosikal ini kena berhenti di tengah-tengah jalan kerana mereka perlu memusing kanan, untuk masuk ke kawasan perumahan mereka, hanya satu (1)

jalan sahaja untuk masuk ke kawasan perumahan mereka. JKR kata di sini tiada rekod kemalangan, tiada kemalangan, jadi tidak begitu penting. Saya tidak sebenarnya kerana suara tinggi sangat, sebenarnya saya tidak menyalahkan JKR. Saya telah banyak kali menyarankan kepada orang awam agar membuat laporan polis apabila mereka telah mengalami kemalangan. Banyak kemalangan motosikal yang tidak dilapurkan kepada Polis dan tidak masuk dalam rekod. Tetapi sebagai Kerajaan saya berharap satu hari nanti kami boleh menyelesaikan gap-gap yang sekarang wujud di antara apa yang berlaku *on the ground* dan apa yang direkodkan dalam daftar-daftar kami.

**Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):**

Pohon penjelasan. Saya hanya nak menambah. Nak tanya kepada EXCO yang *in charge* JKR, di tempat saya juga di Sungai Lembu walaupun JKR memang membantu sebagai contoh di kawasan sekolah dan sebagainya, letak *transverse bar* untuk mengurangkan kelajuan lori dan motokar dan macam-macam yang lalu di jalan besar Sungai Lembu tetapi ia tidak mengurangkan ataupun menyelesaikan masalah kemalangan dan saya telah cuba meminta berkali-kali Mesyuarat Tindakan Daerah bolehkah cara lain difikirkan cara bagaimana untuk mengurangkan kemalangan, mungkin letak *traffic light* atau apakah, tapi polisi yang saya diberitahu, kalau jalan JKR tidak boleh letak *traffic light*. Tapi saya mesti faham Jalan Sungai Lembu itu, bukan lembu itu satu, satu saja jalan untuk masuk ke dalam Sungai Lembu. Sungai Lembu itu dia ada satu pintu gerbang besar, dan jalan itu ada selekoh jadi letak *transverse bar* macam manapun bila orang nak masuk ke kawasan Sungai Lembu dan ke sekolah di situ, dia memang tidak ada *choice*, dia kena pusing bila dia pusing dia akan dilanggar. Jadi maknanya polisi-polisi begini adakah Kerajaan Negeri boleh membantu menukar atau pun memikirkan atau Jawatankuasa Keselamatan Jalan Raya memikirkan, adakah cara untuk menyelesaikan keana saya tidak dapat berbuat apa-apa sebab itu adalah polisi. Terima kasih.

**Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Yap Soo Huey):**

Yang Berhormat pohon diberi *injury time* nanti. Berkenaan dengan soalan bertulis saya di mana saya tanya adakah *trams* akan dibina di Pulau Pinang. Maklum balas yang diberi adalah bahawa Konsortium SRS akan memberi cadangan berdasarkan keperluan semasa dan perancangan akan datang bagi Pulau Pinang. Sebenarnya sampai sini contoh-contoh yang telah saya bangkitkan tadi untuk meng *highlight* kan bahawa amat sukar kami untuk mendapat pemahaman teliti tentang apa berlaku *on the ground*. Sebagai contoh untuk perhatian mereka yang terlibat dalam perancangan konsortium SRS ini, sebagai contoh, Kompleks Masyarakat Penyayang adalah satu tempat yang menjadi pejabat dan pusat bagi banyak persatuan-persatuan NGO termasuk juga persatuan-persatuan orang cacat. Namun tiada bas langsung yang boleh sampai ke Kompleks Masyarakat Penyayang. Perpustakaan yang paling besar di sebelah pulau adalah perpustakaan di Jalan Scotland.

Perpustakaan adalah tempat di mana pelajar-pelajar boleh mendapatkan ilmu. Rakyat masa depan boleh dapatkan ilmu tapi tiada bas langsung boleh sampai ke Perpustakaan ini. Hospital Besar, Hospital Besar adalah perlu disampaikan oleh banyak orang. Namun walau pun kawasan saya nampak YB. Tanjung Bunga nak berucap. Di kawasan Tanjung Bunga yang begitu pesat pembangunannya sekarang,

di kawasan Pulau Tikus, di kawasan seluruh utara pulau tiada bas yang boleh sampai secara langsung. Dari Tanjung Bunga tiada bas yang boleh langsung ke Hospital Besar, hanya tiga bas, tiga laluan bas sahaja yang boleh sampai ke Jalan Residensi, Hospital Besar.

**Ahli Kawasan Tanjung Bunga (YB. Teh Yee Cheu):**

Kalau tak salah bukan saya nak pihak mana-mana, tapi ini fakta betul. Setahu saya 102 dia ada melalui General Hospital masuk Scotland kemudian airport turun balik melalui Jalan Masjid masuk ke Datok Keramat kemudian balik ke Tanjung Bunga sampai ke Teluk Bahang. Saya fikir kalau tidak salah itu ada satu (1) bas.

**Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Yap Soo Huey):**

Menggunakan 102 untuk ke Hospital Besar ke Tanjung Bunga. Amat jauh sekali. Hanya tiga (3) bas sahaja yang boleh sampai dengan lebih terus iaitu 10, 304 dan 306. Ada tiga (3) buah....(gangguan).

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Ada tiga (3) buah.

**Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Yap Soo Huey):**

Ya, ada tiga (3), tapi memang tidak mencukupi bagi kebanyakan orang kalau hendak ke Hospital Besar mereka perlu tukar bas. Mereka perlu tukar bas, bagi orang tua, bagi orang yang susah berjalan adalah amat sukar dan pernah saya melawat banyak penduduk yang orang tua yang mereka kata mereka tidak pergi *check up*, mereka tidak pergi *physiotherapy* seperti yang diarahkan oleh doktor kerana terlalu susah untuk sampai ke Hospital Besar. Dalam perbincangan tentang kesediaan rancangan tempatan Pulau Pinang, pernah di nyatakan bahawa banyak lagi perancangan-perancangan yang diperlukan sebelum Rancangan Tempatan Pulau Pinang boleh diadakan antaranya adalah rancangan khas George Town, Taman Botani dan Bukit Bendera dan ada juga dibangkitkan impak perancangan pengurusan lalu lintas ke atas rancangan tempatan. Saya faham bahawa proses dia adalah amat panjang dan rumit, tetapi bukankah pemahaman keperluan perancangan, di mana orang tinggal, di mana orang kerja, di mana tempat-tempat awam yang perlu disampai seperti hospital dan perpustakaan.

Pemahaman perancangan negeri kami, di mana tempat-tempat tinggal, tempat-tempat kerja, tempat-tempat keperluan adalah penting untuk memahami laluan pengangkutan awam. Jadi *is a balance* dan saya perlu menarik perhatian ke atas keperluan-keperluan agar rancangan tempatan dimuktamadkan ataupun diusahakan dengan secepat mungkin. Dan salah satu sebab perhatian pihak Eksekutif ke atas pemahaman tempatan, dialog bersama penduduk tempatan, contoh ini adalah penting adalah agar saya rasa situasi seperti apa yang diusahakan oleh Consortium Zenith BUCG boleh ditelitikan.

Saya ingin merujuk kepada laporan yang telah diberi kepada kami semua oleh PAC, Jawatankuasa Kira-kira di mana laporan ini menyatakan bahawa Consortium Zenith BUCG bahawa MMK telah meluluskan pada 11 Disember 2014

untuk membayar Consortium Zenith BUCG tanah bernilai RM135,080, maaf RM135,086,094 kepada Syarikat Ewein Zenith Sdn. Bhd. sebagai bayaran kepada usaha mereka menyelesaikan kajian kebolehlaksanaan ke atas projek-projek lebuh raya dan terowong, jalan utama dan terowong. Tetapi saya telah bertanya kepada Kerajaan adakah Consortium Zenith BUCG telah selesai kajian kebolehlaksanaan kerana sebagai Wakil Rakyat saya tidak dengar kajian-kajian ini dilaksanakan kerana kajian kebolehlaksanaan sepatutnya merangkumi pendapat orang tempatan dan penilaian impak sosial.

Jadi saya pun bertanya tentang di mana lokasi kajian-kajian untuk pendengaran awam dan impak sosial ini dijalankan dan siapakah yang telibat. Dengan saya tak masuk kepada kawasan Air Itam dan sebagainya dan saya masuk kepada kawasan yang melibatkan Pulau Tikus sahaja. Dalam senarai yang diberi hanya tiga *focus group discussion* boleh dikatakan melibatkan Pulau Tikus ataupun kawasan Utara, Pulau Pinang dan satu (1) merangkumi lapan orang daripada CAP, Sahabat Alam Malaysia, saya rasa orang daripada CAP dan Sahabat Alam Malaysia tak cukup untuk mewakili Pulau Tikus. 15 orang nelayan satu (1) lagi. Kedua adalah 15 orang nelayan, dan ketiga adalah *focus group discussion* di mana yang dihadiri oleh saya. Namun semasa *focus group discussion* ini pada 23 Februari 2014 apa yang berlaku adalah *consultant* yang telah mengadakan *focus group discussion* tidak mempunyai banyak maklumat tak dapat menjawab soalan dan banyak soalan telah ditujukan oleh orang-orang yang hadir dan akhirnya *consultant* ini telah pun dilucutkan. Mereka telah tukar *consultant* untuk membuat *feasibility study*.

Pada masa itu apabila saya mendengar bahawa *consultant* ini telah dilucutkan saya pun berasa gembira kerana saya fikir bahawa *feasibility study* yang lebih baik boleh dibuat tapi malangnya ini telah diambil kira dan *focus group focus group discussion* yang lain adalah hanya dengan lapan (8) Ahli CAP dan 15 orang nelayan sahaja. Saya masih ingin tahu bila *focus group discussion* ataupun dialog telah pun diadakan. Kajian impak sosial diadakan dengan penduduk-penduduk tempatan kerana *focus group discussion* yang telah pun saya hadir sebenarnya dipanggil tanpa memberi banyak masa persediaan dan pada masa itu hanya JKKK sahaja dan orang yang saya kenal dalam pejabat saya pada masa itu sahaja yang telah kami maklumkan dan pada masa itu *consultant* telah menjelaskan bahawa tak apa kerana mereka akan mengadakan perbincangan lagi. Sekali lagi dengan orang yang lebih umum lagi, jadi saya benar-benar risau tentang sama ada impak sosial ini merangkumi pandangan daripada penduduk-penduduk yang tinggal di kawasan yang terlibat dan *the reach*, sama ada benar-benar *reflect* ....(dengan izin) *reflect the actual people affected*.

### **Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Cheah Kah Peng):**

Minta laluan sikit. Dato' Speaker mungkin saya kurang tidur semalam atau kekeliruan sedikit mengenai apa yang saya dengar dari YB. Pulau Tikus mengenai perkara ini. Saya merujuk kepada keadaan pembiayaan kajian kebolehlaksanaan *feasibility test* yang tadi dibincangkan. Adakah betul soalan saya, terus kepada soalan. Adakah betul seperti yang saya tadi baru dengar oleh YB. Pulau Tikus yang tiga (3) kajian dengan NGO dan beberapa ahli orang ataupun kumpulan orang itu yang menjadi keterangan sahaja yang kita boleh dapat mengenai kajian *feasibility test* itu? Adakah YB. Pulau Tikus mengatakan kepada Dewan yang mulia ini bahawa tidak nampaknya selain daripada beberapa *discussion* itu, tidak nampak kajian *feasibility test* ini soalan satu?

Soalan kedua jikalau sampai sekarang kita tak dapat Dewan ini tak dapat satu jawapan mengenai *feasibility test* yang diberitahu kepada Dewan ini, bolehkah pihak yang tertentu yang bertanggungjawab kepada *feasibility test* ini menjawab kepada Dewan yang mulia ini pada sesi ini bagaimana dengan berapa lama apa *report* dia apa kajian yang telah dibuat kerana Dato' Speaker yang dihormati kerana sejak satu (1), dua (2) penggal lalu isu ini dibangkitkan tapi jawapan mungkin saya keliru ataupun saya tak dengar, tapi jawapan bagi saya tidak terang. Jadi soalan yang kedua tadi yang kata jikalau singkat adakah rakyat Pulau Pinang membayar RM135 juta atau lebih untuk satu (1) kajian yang tidak terang atau pun tidak nampak ini soalan saya. Terima kasih.

**Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Yap Soo Huey):**

Untuk saya takut Yang di-Pertua tak bagi saya masa.

**Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor):**

Ini melibatkan kajian apa yang dibuat oleh pihak Zenith yang berkaitan dengan terowong sekali. Jadi saya dah bangkitkan dulu supaya kajian tentang sesuaian pelaksanaan EIA dan sebagainya sosial *feasibility social study* dan sebagainya dibuat secara terperinci, tak boleh kita buat macam itu sahaja. Sekarang dah bayar RM135 juta dah bayar. Saya minta tolonglah penjelasan supaya dijelaskan dari segi perlaksanaan *feasibility study* ini supaya dia dibuat dalam satu kaedah yang terperinci merangkumi semua masyarakat yang terlibat. Dan saya harap dapat dilaksanakan.

**Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Yap Soo Huey):**

Terima kasih Yang Berhormat. Untuk memperjelaskan situasi mengikut laporan daripada Jawatankuasa Kira-kira kajian kebolehlaksanaan bagi terowong hanya selesai 50%, agak-agak 50% dan kajian kebolehlaksanaan bagi tiga (3) jalan utama adalah hampir habis. Dan untuk menjawab kepada YB. Kebun Bunga, agar jangan kata saya kelirukan situasi, saya baca. Jadi lokasi di mana kajian pendapat orang awam atau individu dilakukan adalah di tempat-tempat berikut:

Dewan Orang Ramai Kampung Melayu,  
Dewan JKKK Taman Tun Sardon,  
Dewan JKKK Telok Bahang,  
Dewan JKKK Kampung Melayu,  
Balai Raya Bagan Ajam,

Dewan ini adalah di mana saya tak bangkitkan tadi kerana saya tak fasih dengan siapa yang hadir di kawasan tempatan di sana, tapi di kawasan yang saya fasih iaitu yang diadakan di Restoran Khalil. Persiaran Gurney yang melibatkan nelayan di Bilik Mesyuarat Persatuan Pengguna Pulau Pinang, iaitu yang melibatkan Ahli CAT dan di George Town City Hotel yang melibatkan Ahli JKK dan orang-orang yang dijemput oleh saya. Yang ini adalah mesyuarat di mana mereka kata tak apa mereka akan adakan mesyuarat yang lebih umum lagi dan tidak perlu saya menjemput penduduk-penduduk lain. Jadi saya rasa sama ada saya rasa adalah patut dibangkitkan kerana apabila *Consortium SRS* ini merancangkan (gangguan) saya nak tukar topik, saya bangkitkan ini kerana apabila *Consortium*

SRS ini buat perancangan mereka yang melibatkan lebih besar lagi kawasan, lebih banyak lagi jalan lebih banyak lagi tempat tinggal, maka akan adalah lebih rumit lagi proses yang perlu dibuat oleh mereka. Kalau dalam perjanjian dengan Consortium Zenith ini yang sudah bertahun-tahun kami membincangkan sudah ada telah sudah timbul persoalan maka masa tiba Consortium SRS ini *gap* di antara situasi tempatan dan apa yang direkodkan apa yang dibuat adalah besar....(gangguan).

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Pulau Tikus ini bab ini habis berapa lama perlu?

**Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Yap Soo Huey):**

Setengah jam.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Isu ini?

**Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Yap Soo Huey):**

Isu ini habis.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Okey. Sila duduk. Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan ditangguhkan dan akan bersidang semula pada esok Selasa, jam 9.30 pagi.

***Dewan ditangguhkan pada jam 11.00 malam.***